




# **LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA**

## **PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR TAHUN 2006**



**JABATAN AUDIT NEGARA  
MALAYSIA**

## KANDUNGAN

## KANDUNGAN

| PERKARA                                                                                                                   | MUKA SURAT |
|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------|
| KANDUNGAN                                                                                                                 | i          |
| KATA PENDAHULUAN                                                                                                          | iv         |
| INTI SARI LAPORAN                                                                                                         | viii       |
| <br><b>BAHAGIAN I - PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN<br/>NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN BERAKHIR 31<br/>DISEMBER 2006</b> |            |
| Pendahuluan                                                                                                               | 1          |
| Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri                                                                               | 2          |
| <br><b>BAHAGIAN II - ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI</b>                                                                |            |
| Analisis Kewangan                                                                                                         | 3          |
| Rumusan Dan Syor Audit                                                                                                    | 32         |
| <br><b>BAHAGIAN III - RANCANGAN PEMBANGUNAN KERAJAAN NEGERI</b>                                                           |            |
| Kemajuan Pelaksanaan Projek Pembangunan Rancangan Malaysia<br>Ke Sembilan (RMKe-9)                                        | 33         |
| <br><b>BAHAGIAN IV - PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN NEGERI</b>                                                               |            |
| Pendahuluan                                                                                                               | 37         |
| Perbendaharaan Negeri                                                                                                     | 37         |
| Pejabat Daerah Dan Tanah                                                                                                  | 68         |
| Peringkat Jabatan                                                                                                         | 81         |
| Program Penampilan Audit                                                                                                  | 93         |
| Program Anak Angkat                                                                                                       | 99         |

**BAHAGIAN V - PENYERAHAN, PENGESAHAN DAN PEMBENTANGAN  
PENYATA KEWANGAN BADAN BERKANUN NEGERI,  
PIHAK BERKUASA TEMPATAN DAN MAJLIS AGAMA  
ISLAM**

|                                       |     |
|---------------------------------------|-----|
| Pendahuluan                           | 103 |
| Pengauditan Penyata Kewangan          | 103 |
| Kedudukan Penyerahan Penyata Kewangan | 103 |
| Pensijilan Penyata Kewangan           | 104 |
| Pembentangan Penyata Kewangan         | 106 |
| Prestasi Kewangan                     | 107 |

**BAHAGIAN VI - PENGURUSAN KEWANGAN BADAN BERKANUN  
NEGERI DAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN**

|                            |     |
|----------------------------|-----|
| Pendahuluan                | 110 |
| Lembaga Muzium Selangor    | 110 |
| Majlis Daerah Kuala Langat | 127 |

**BAHAGIAN VII - KEDUDUKAN MASA KINI LAPORAN KETUA AUDIT  
NEGARA TAHUN 2005 DAN PERKARA YANG BELUM  
SELESAI**

|                                                                                              |     |
|----------------------------------------------------------------------------------------------|-----|
| Kedudukan Masa Kini Perkara Yang Dibangkitkan Dalam<br>Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2005 | 142 |
| Perkara Yang Dibangkitkan Dalam Laporan Ketua Audit Negara<br>Yang Masih Belum Selesai       | 144 |

**BAHAGIAN VIII - PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT  
NEGARA DI DEWAN UNDANGAN NEGERI**

145

**PERKARA****MUKA SURAT**

|                                                   |            |
|---------------------------------------------------|------------|
| <b>BAHAGIAN IX - KEDUDUKAN KEMAJUAN MESYUARAT</b> | <b>146</b> |
| <b>JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI</b>    |            |

|                |            |
|----------------|------------|
| <b>PENUTUP</b> | <b>147</b> |
|----------------|------------|

**LAMPIRAN**

|            |                                             |            |
|------------|---------------------------------------------|------------|
| <b>I</b>   | Sijil Ketua Audit Negara                    | <b>148</b> |
| <b>II</b>  | Lembaran Imbangan                           | <b>149</b> |
| <b>III</b> | Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wangtunai | <b>150</b> |
| <b>IV</b>  | Penyata Akaun Memorandum                    | <b>151</b> |
| <b>V</b>   | Nota Kepada Penyata Kewangan                | <b>152</b> |

## **KATA PENDAHULUAN**

## KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan supaya Laporan itu dibentangkan di Parlimen manakala Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor menitahkan untuk dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Selangor. Bagi memenuhi tanggungjawab ini, Jabatan Audit Negara telah menjalankan 2 kaedah pengauditan seperti berikut:

**1.1 Pengauditan Penyata Kewangan** - untuk memberi pendapat sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun berkenaan menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Pengauditan ini juga dibuat terhadap penyata kewangan Badan Berkanun Negeri, Majlis Agama Islam dan Pihak Berkuasa Tempatan.

**1.2 Pengauditan Pengurusan Kewangan** - untuk menentukan sama ada pengurusan kewangan Jabatan dan Agensi Negeri dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan kewangan yang berkaitan.

2. Laporan saya mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2006 ini disediakan hasil daripada pengauditan yang telah dijalankan sepanjang tahun 2006 melalui 2 kaedah pengauditan yang telah dinyatakan. Bagi tujuan pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2006, pengauditan terhadap sistem perakaunan dan dokumen yang berkaitan dengan pembayaran dan terimaan telah dijalankan di Perbendaharaan Negeri dengan turut mengadakan pemeriksaan di pusat tanggungjawab. Pengauditan tersebut melibatkan pemeriksaan terhadap baucar bayaran, penyata pemungut dan baucar jurnal. Pada masa yang sama, pengauditan pengurusan kewangan telah dijalankan di Jabatan/Pejabat Negeri, Agensi Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan.

3. Jabatan Audit Negara terus mengambil beberapa pendekatan untuk membantu Jabatan/Agensi Negeri memperbaiki kelemahan dalam pengurusan kewangan. Antara pendekatan yang telah diambil adalah seperti berikut:

**3.1 Program Anak Angkat.** Mulai tahun 2003, Jabatan Audit Negara telah melaksanakan Program Anak Angkat. Asas pelaksanaan program ini adalah bagi mengatasi tanggapan bahawa Jabatan Audit Negara adalah sebuah Jabatan yang bersifat *fault finder* hanya mencari kesalahan daripada bersifat *developmental*. Melalui program ini, empat pejabat telah dipilih untuk diberikan bimbingan dan nasihat oleh Jabatan Audit Negara bagi memantapkan lagi tahap pengurusan kewangan. Laporan berhubung dengan pelaksanaan program ini juga dilaporkan dalam Laporan ini.

**3.2 Pengauditan Syarikat Kerajaan.** Memandangkan penglibatan Kerajaan atau Agensi Kerajaan dalam syarikat Kerajaan/swasta melalui pegangan ekuiti dan pemberian pinjaman/geran melibatkan jumlah kewangan yang besar dan meningkat dari tahun ke setahun, pengauditan terhadap syarikat berkenaan amatlah penting untuk menentukan wang awam yang terlibat digunakan dengan cara yang cekap, berhemat serta selaras dengan objektif yang ditetapkan. Jabatan Audit Negara telah mendapat perintah daripada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk menjalankan pengauditan terhadap Syarikat berkenaan selaras dengan peruntukan Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 pada 19 November 2003.

**3.3 Penglibatan Semasa Pembangunan Sistem Berkomputer.** Pegawai Jabatan Audit Negara telah menyertai perbincangan mengenai pembangunan sistem berkomputer khususnya di peringkat Perbendaharaan Negeri bagi memastikan kawalan dalaman yang mencukupi diwujudkan untuk menjamin keutuhan sistem dan integriti data. Penglibatan ini dirasai perlu memandangkan pembangunan sesuatu sistem berkomputer melibatkan perbelanjaan Kerajaan yang besar dan dengan itu sudah sewajarnya ia dilaksanakan dengan teratur dan memenuhi tujuan yang telah ditetapkan.

**4.** Laporan ini disediakan dalam 9 Bahagian seperti berikut :

- Bahagian I** : Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2006
- Bahagian II** : Analisis Kewangan Kerajaan Negeri
- Bahagian III** : Rancangan Pembangunan Kerajaan Negeri
- Bahagian IV** : Pengurusan Kewangan Jabatan Negeri
- Bahagian V** : Penyerahan, Pengesahan dan Pembentangan Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan Dan Majlis Agama Islam
- Bahagian VI** : Pengurusan Kewangan Badan Berkanun Negeri Dan Pihak Berkuasa Tempatan

- Bahagian VII** : Kedudukan Masa Kini Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2005 Dan Perkara Yang Belum Selesai
- Bahagian VIII** : Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Di Dewan Undangan Negeri
- Bahagian IX** : Kedudukan Kemajuan Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri Dan Pembentangan Laporan Di Dewan Undangan Negeri

5. Di samping memenuhi kehendak perundangan, saya berharap Laporan ini dapat dijadikan sebagai salah satu asas untuk memperbaiki segala kelemahan dan meningkatkan lagi tahap pengurusan wang awam. Ini penting bagi menjamin setiap Ringgit Malaysia yang dipungut dan dibelanjakan akan dapat menyumbang kepada pembangunan dan kesejahteraan hidup rakyat sesebuah negeri. Secara tidak langsung ianya akan menyumbang ke arah mewujudkan sebuah Negara Malaysia yang cemerlang, gemilang dan terbilang.

6. Pada pandangan saya, prestasi pengurusan kewangan Kerajaan Negeri dan agensinya boleh dipertingkatkan sekiranya semua pihak yang terlibat mempunyai 5 perkara utama yang diringkaskan sebagai **SIKAP** iaitu :

- a) **SKILL** - Setiap pegawai/kakitangan adalah merupakan modal insan, perlulah mempunyai kemahiran profesional berkaitan dengan tugas masing-masing dan mengekalkannya menerusi pembelajaran dan latihan yang berterusan.
- b) **INTEREST** - Setiap pegawai/kakitangan melaksanakan tugas mereka dengan penuh minat dan dedikasi supaya kualiti sistem penyampaian dapat dipertingkatkan.
- c) **KNOWLEDGE** - Setiap pegawai/kakitangan mempunyai pengetahuan yang cukup dalam bidang tugas masing-masing. Bagi tujuan ini, program latihan yang berterusan perlu dilaksanakan.
- d) **ATTITUDE** - Setiap pegawai/kakitangan perlu mempunyai pandangan holistik dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing dengan penuh komitmen. Tidak ada sikap sambil lewa.
- e) **PROCEDURE** - Setiap pegawai/kakitangan hendaklah mematuhi segala peraturan/undang-undang yang ditetapkan dengan jujur dan amanah

7. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi Negeri yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.



**(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)**  
**Ketua Audit Negara**  
**Malaysia.**

Putrajaya,  
27 Julai 2007

## INTI SARI LAPORAN

## **INTI SARI LAPORAN**

### **BAHAGIAN I - PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2006**

1. Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor bagi tahun 2006 telah dapat disahkan. Semua butiran dalam Lembaran Imbangan dan Penyata Akaun Memorandum telah disertakan dengan dokumen sokongan yang mencukupi. Pada keseluruhannya Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor menunjukkan gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Selangor bagi tahun berakhir 31 Disember 2006.

### **BAHAGIAN II - ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI**

2. Kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Selangor pada tahun 2006 adalah bertambah baik berbanding tahun 2005. Kumpulanwang Disatukan Kerajaan Negeri mengalami peningkatan sejumlah RM178.14 juta atau 21.9% kepada RM991.75 juta berbanding RM813.61 juta pada tahun 2005. Hasil Kerajaan Negeri yang berjumlah RM1.16 bilion meningkat sejumlah RM192.44 juta atau 19.9% berbanding tahun 2005 yang berjumlah RM967.76 juta. Manakala perbelanjaan yang dilakukan telah meningkat sejumlah RM53.19 juta menjadi RM1,087.69 juta berbanding RM1,034.50 juta pada tahun 2005. Kerajaan Negeri perlu berusaha menambah hasil dan mengekalkan dasar belanja secara berhemat supaya dapat menambah baik lagi kedudukan kewangan Kerajaan Negeri.

### **BAHAGIAN III - RANCANGAN PEMBANGUNAN KERAJAAN NEGERI**

3. Pada tahun 2006, sebanyak 735 projek telah dirancang untuk dilaksanakan. Setakat Disember 2006, sebanyak 326 projek telah selesai manakala 100 projek lagi sedang dalam pelaksanaan. Sejumlah RM446.72 juta atau 82.7% telah dibelanjakan dari peruntukan sebenar berjumlah RM540 juta.

## **BAHAGIAN IV - PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN NEGERI**

### **Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri**

4. Perbendaharaan Negeri telah mengambil beberapa langkah untuk meningkatkan tahap pematuhan pengurusan kewangan. Sungguhpun demikian, langkah tambahan hendaklah diambil termasuk pemantauan ke atas tunggakan hasil yang masih meningkat, tunggakan bayaran balik daripada agensi, kawalan terhadap pembayaran secara tunai, cek batal, kelewatan membayar bil, penyediaan penyata penyesuaian bank dan penyelenggaraan akaun deposit oleh pusat tanggungjawab.

### **Pengurusan Kewangan Di Peringkat Jabatan**

5. Pada tahun 2006, pengauditan pengurusan kewangan telah dijalankan di 4 Pejabat/Jabatan iaitu Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Selangor, Pejabat Daerah Dan Tanah Sepang, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor dan Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor. Pada keseluruhannya pengurusan kewangan di 2 Pejabat/Jabatan iaitu Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor dan Pejabat Daerah Dan Tanah Sepang adalah baik manakala 2 Pejabat/Jabatan yang lain adalah memuaskan. Tindakan penambahbaikan dan pemantauan perlu diambil bagi memantapkan lagi pengurusan kewangan Pejabat/Jabatan.

5.1 Pada tahun 2006, sebanyak 43 Jabatan/Pejabat telah dipilih bagi melaksanakan Program Penampilan Audit. Hasil pemeriksaan mendapati pada keseluruhannya, tahap pematuhan terhadap undang-undang serta peraturan kewangan yang ditetapkan oleh Jabatan/Pejabat yang dilawati adalah memuaskan terutamanya dari aspek kawalan hasil dan perbelanjaan. Bagaimanapun, tahap pematuhan dari aspek pengurusan aset masih perlu diperbaiki bagi memantapkan lagi pengurusan kewangan.

5.2 Pada tahun 2006, sebanyak 3 Pejabat/Agensi Negeri telah dipilih bagi melaksanakan Program Anak Angkat. Pada keseluruhannya, prestasi pengurusan kewangan di ketiga-tiga Pejabat/Agensi Negeri tersebut telah bertambah baik dengan bimbingan Jabatan Audit Negara.

## **BAHAGIAN V - PENYERAHAN, PENGESAHAN DAN PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN BADAN BERKANUN NEGERI, PIHAK BERKUASA TEMPATAN DAN MAJLIS AGAMA ISLAM**

6. Pada tahun 2006, penyerahan Penyata Kewangan Agensi Kerajaan Negeri Selangor adalah baik. Kesemua Badan Berkanun Negeri, Majlis Agama Islam dan Pihak Berkuasa Tempatan telah dapat menyerahkan Penyata Kewangan tahun 2005 masing-masing untuk diaudit. Sebanyak 28 penyata kewangan telah dikeluarkan Sijil Audit iaitu 19 penyata kewangan telah diberi Sijil Tanpa Teguran dan 9 penyata kewangan diberi Sijil Berteguran. Pada tahun 2006, Laporan Ketua Audit Negara mengenai 14 penyata kewangan Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan telah dibentang di Dewan Undangan Negeri. Manakala 13 penyata kewangan bagi tahun 2004 dan 14 penyata kewangan bagi tahun 2005 masih belum dibentangkan. Sehingga 20 Julai 2007, 5 penyata kewangan Badan Berkanun Negeri bagi tahun 2004 dan 2005 telah dibentangkan.

## **BAHAGIAN VI - PENGURUSAN KEWANGAN BADAN BERKANUN NEGERI DAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN**

### **7. Lembaga Muzium Negeri Selangor**

Secara keseluruhannya, pengurusan kewangan Lembaga adalah memuaskan kecuali pelaksanaan projek pembangunan yang kurang memuaskan. Pihak Lembaga sewajarnya menambahbaik dalam pelaksanaan projek pembangunan dengan memastikan peruntukan pembangunan dibelanjakan dengan sewajarnya dan peraturan yang ditetapkan dipatuhi.

### **8. Majlis Daerah Kuala Langat**

Pengurusan kewangan di Majlis Daerah Kuala Langat adalah memuaskan. Bagaimanapun, Majlis perlu mempertingkatkan usaha dari segi kawalan hasil terutamanya untuk mengutip tunggakan cukai taksiran dan sewa. Di samping itu, tindakan sewajarnya perlu dibuat bagi mengemas kini rekod perakaunan termasuk daftar sewa, buku log kenderaan, buku vot dan buku rekod perkhidmatan.

## **BAHAGIAN I**

**PENGESAHAN PENYATA  
KEWANGAN KERAJAAN NEGERI  
BAGI TAHUN BERAKHIR  
31 DISEMBER 2006**

**BAHAGIAN I**  
**PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2006**

**1. PENDAHULUAN**

**1.1** Seksyen 16(1) Akta Prosedur Kewangan 1957, menghendaki Pihak Berkuasa Kewangan Negeri menyediakan Penyata Kewangan secepat mungkin selepas penutupan akaun bagi tahun berkenaan. Penyata tersebut hendaklah dikemukakan kepada Ketua Audit Negara dalam tempoh 7 bulan selepas berakhirnya tahun kewangan berkenaan untuk diaudit seperti diperuntukkan di bawah Seksyen 9 Akta Audit 1957.

**1.2** Selaras dengan peruntukan undang-undang tersebut, Pegawai Kewangan Negeri telah mengemukakan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor bagi tahun berakhir 31 Disember 2006 kepada Jabatan Audit Negara pada 16 Mei 2007. Penyata tersebut melaporkan semua urusan kewangan asas tunai bagi tahun 2006 yang berkaitan dengan sumber dan kegunaan wang awam. Penyata ini mengandungi Lembaran Imbangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Akaun.

**1.2.1** Lembaran Imbangan menunjukkan jumlah wang tunai dan pelaburan yang dipegang bagi ketiga-tiga Akaun Kumpulanwang Disatukan iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan. Selaras dengan asas perakaunan tunai ubahsuai yang diguna pakai oleh Kerajaan Negeri hanya pelaburan yang dipegang bagi maksud amanah tertentu dilaporkan dalam Lembaran Imbangan. Manakala pelaburan yang dikenakan kepada perbelanjaan mengurus dilaporkan dalam Penyata Akaun Memorandum.

**1.2.2** Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai menunjukkan penerimaan dan bayaran bagi tahun 2006. Terimaan adalah terdiri daripada hasil, pinjaman, terimaan modal dan lain-lain terimaan amanah. Pembayaran pula adalah untuk membiayai perbelanjaan mengurus, pembangunan, modal, bayaran balik pinjaman dan lain-lain bayaran amanah.

**1.2.3** Penyata Akaun Memorandum adalah akaun yang menunjukkan aset dan liabiliti Kerajaan Negeri. Aset Kerajaan Negeri merangkumi Pinjaman Boleh Dituntut,

Pelaburan dan Tunggakan Hasil Negeri. Manakala liabiliti Kerajaan Negeri pula terdiri daripada Hutang Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan.

**1.3** Pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2006 adalah untuk memberi pendapat sama ada penyata itu menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

**1.4** Pengauditan terhadap sistem perakaunan dan dokumen dijalankan secara berterusan sepanjang tahun 2006. Pemerhatian Audit mengenainya telah dibangkitkan dengan pihak Perbendaharaan Negeri dan Jabatan Negeri melalui surat pengurusan sebaik sahaja sesuatu pengauditan selesai dijalankan.

## **2. PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2006**

Pengauditan Penyata Kewangan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpanduan Piawaian Pengauditan yang diluluskan. Akta dan Piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan bagi mendapat kepastian yang munasabah sama ada Penyata Kewangan adalah bebas daripada kesilapan dan ketinggalan yang ketara. Pengauditan itu termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan penzahiran yang mencukupi dalam penyampaian Penyata Kewangan. **Pada pendapat Audit, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri pada keseluruhannya menunjukkan gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2006 dan rekod perakaunannya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.** Sijil Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang disertakan bersama dengan Lembaran Imbangan, Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Akaun adalah di **Lampiran I** hingga **Lampiran V**.

**BAHAGIAN II**

**ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN**  
**NEGERI**

## **BAHAGIAN II**

### **ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI**

### **3. ANALISIS KEWANGAN**

Jabatan Audit Negara mengesahkan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2006 dan membuat analisis mengikut prinsip asas tunai terhadap data kewangan bagi menentukan tahap prestasi kewangan Kerajaan Negeri. Hasil analisis yang telah dijalankan adalah berdasarkan Lembaran Imbangan, Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Akaun Memorandum dan maklumat kewangan yang berkaitan.

#### **3.1 KEDUDUKAN KEWANGAN KERAJAAN NEGERI**

**3.1.1** Mengikut Lembaran Imbangan, jumlah Kumpulanwang Disatukan pada akhir tahun 2006 adalah RM991.75 juta. Jumlah tersebut terdiri daripada aset berbentuk wang tunai sejumlah RM570.54 juta dan pelaburan sejumlah RM421.21 juta. Kumpulanwang Disatukan terdiri daripada 3 akaun iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan. Pada tahun 2006, Kumpulanwang Disatukan mengalami peningkatan berjumlah RM178.14 juta atau 21.9% kepada RM991.75 juta berbanding RM813.61 juta pada tahun 2005. Kedudukan Kumpulanwang Disatukan bagi tahun 2006 berbanding tahun 2005 adalah seperti di **Jadual 1**.

**Jadual 1**  
**Kedudukan Kumpulanwang Disatukan Bagi Tahun 2006 Berbanding Tahun 2005**

| Bil.          | Butiran                                        | Tahun             |                   | Peningkatan/<br>(Penurunan) |             |
|---------------|------------------------------------------------|-------------------|-------------------|-----------------------------|-------------|
|               |                                                | 2005<br>(RM Juta) | 2006<br>(RM Juta) | (RM Juta)                   | (%)         |
| 1.            | Akaun Hasil Disatukan                          | 420.46            | 492.99            | 72.53                       | 17.3        |
| 2.            | Akaun Pinjaman Disatukan                       | 0.00              | 0.00              | 0.00                        | 0.00        |
| 3.            | Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada:       | 393.15            | 498.76            | 105.61                      | 26.9        |
|               | i) <i>Kumpulanwang Amanah Kerajaan</i>         | 49.03             | 155.21            | 106.18                      | 216.6       |
|               | • <i>Kumpulanwang Pembangunan</i>              | 33.77             | 167.79            | 134.02                      | 396.9       |
|               | • <i>Kumpulanwang Pinjaman Perumahan</i>       | 13.07             | 16.49             | 3.42                        | 26.2        |
|               | • <i>Pelbagai Kumpulanwang Amanah Kerajaan</i> | 3.71              | (28.11)           | (31.82)                     | (857.7)     |
|               | • <i>Kumpulanwang Pembangunan Hutan</i>        | (1.52)            | (0.96)            | 0.56                        | (36.8)      |
|               | ii) <i>Kumpulanwang Amanah Awam</i>            | 70.44             | 141.20            | 70.76                       | 100.5       |
|               | iii) <i>Deposit</i>                            | 82.42             | 87.99             | 5.57                        | 6.8         |
|               | iv) <i>Akaun Kena Bayar</i>                    | 191.26            | 114.36            | (76.90)                     | (40.2)      |
| <b>Jumlah</b> |                                                | <b>813.61</b>     | <b>991.75</b>     | <b>178.14</b>               | <b>21.9</b> |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor

**3.1.2** Kedudukan Kumpulanwang Disatukan bagi tempoh 2002 hingga 2006 adalah seperti di **Jadual 2**.

**Jadual 2**  
**Kedudukan Kumpulanwang Disatukan Bagi Tempoh 2002 Hingga 2006**

| Bil.          | Butiran                                  | 2002<br>(RM Juta) | 2003<br>(RM Juta) | 2004<br>(RM Juta) | 2005<br>(RM Juta) | 2006<br>(RM Juta) |
|---------------|------------------------------------------|-------------------|-------------------|-------------------|-------------------|-------------------|
| 1.            | Akaun Hasil Disatukan                    | 650.23            | 536.84            | 487.21            | 420.46            | 492.99            |
| 2.            | Akaun Pinjaman Disatukan                 | 0.00              | 0.00              | 0.00              | 0.00              | 0.00              |
| 3.            | Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada: | 179.66            | 172.48            | 328.15            | 393.15            | 498.76            |
|               | i) Kumpulanwang Amanah Kerajaan          | (214.56)          | (120.73)          | 1.66              | 49.03             | 155.21            |
|               | • Kumpulanwang Pembangunan               | (254.64)          | (169.17)          | (72.26)           | 33.77             | 167.79            |
|               | • Kumpulanwang Pinjaman Perumahan        | *                 | *                 | *                 | 13.07             | 16.49             |
|               | • Pelbagai Kumpulanwang Amanah Kerajaan  | 42.36             | 50.42             | 75.73             | 3.71              | (28.11)           |
|               | • Kumpulanwang Pembangunan Hutan         | (2.28)            | (1.98)            | (1.81)            | (1.52)            | (0.96)            |
|               | ii) Kumpulanwang Amanah Awam             | 86.71             | 93.58             | 69.97             | 70.44             | 141.20            |
|               | iii) Deposit                             | 176.76            | 87.43             | 93.31             | 82.42             | 87.99             |
|               | iv) Akaun Kena Bayar                     | 130.75            | 112.20            | 163.21            | 191.26            | 114.36            |
| <b>Jumlah</b> |                                          | <b>829.89</b>     | <b>709.32</b>     | <b>815.36</b>     | <b>813.61</b>     | <b>991.75</b>     |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor

Nota: \* Baki Akaun Kumpulanwang Pinjaman Perumahan bagi tempoh 2002 hingga 2004 diakaunkan di bawah Kumpulanwang Amanah Kerajaan

## 3.2 WANG TUNAI

**3.2.1** Wang tunai merupakan aset yang terdiri daripada wang tunai dalam bank, wang tunai dalam perjalanan dan wang tunai dalam tangan. Wang tunai dalam bank terdiri daripada baki Akaun Semasa dan baki Akaun Simpanan Tetap. Wang tunai dalam perjalanan ialah wang tunai yang belum dibankkan dan wang tunai dalam bank yang belum diambil kira dalam buku tunai pada 31 Disember 2006, manakala wang tunai dalam tangan terdiri daripada panjar wang runcit.

**3.2.2** Analisis perbandingan kedudukan wang tunai bagi tahun 2006 dan tahun 2005 menunjukkan peningkatan berjumlah RM154.91 juta atau 37.3% menjadi RM570.54 juta berbanding RM415.63 juta pada tahun 2005. Analisis perbandingan kedudukan wang tunai bagi tahun 2005 dan 2006 adalah seperti di **Jadual 3**.

**Jadual 3**  
**Baki Wang Tunai Bagi Tahun 2005 Dan 2006**

| Bil.          | Butiran                     | Tahun             |                   | Peningkatan/(Penurunan) |             |
|---------------|-----------------------------|-------------------|-------------------|-------------------------|-------------|
|               |                             | 2005<br>(RM Juta) | 2006<br>(RM Juta) | (RM Juta)               | (%)         |
| 1.            | Wang Tunai Dalam Bank       | 415.21            | 565.47            | 150.26                  | 36.2        |
| 2.            | Wang Tunai Dalam Perjalanan | 0.38              | 5.02              | 4.64                    | 1,221.1     |
| 3.            | Panjar Wang Runcit          | 0.04              | 0.05              | 0.01                    | 25.0        |
| <b>Jumlah</b> |                             | <b>415.63</b>     | <b>570.54</b>     | <b>154.91</b>           | <b>37.3</b> |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor


**3.2.3** Baki wang tunai bagi tempoh 2002 hingga 2006 adalah seperti di **Jadual 4** dan **Carta 1**.

**Jadual 4**  
**Baki Wang Tunai Bagi Tempoh 2002 Hingga 2006**

| Bil.          | Butiran                     | Tahun             |                   |                   |                   |                   |
|---------------|-----------------------------|-------------------|-------------------|-------------------|-------------------|-------------------|
|               |                             | 2002<br>(RM Juta) | 2003<br>(RM Juta) | 2004<br>(RM Juta) | 2005<br>(RM Juta) | 2006<br>(RM Juta) |
| 1.            | Wang Tunai Dalam Bank       | 436.40            | 325.38            | 427.64            | 415.21            | 565.47            |
| 2.            | Wang Tunai Dalam Perjalanan | 29.41             | 17.12             | 3.72              | 0.38              | 5.02              |
| 3.            | Panjar Wang Runcit          | 0.04              | 0.05              | 0.05              | 0.04              | 0.05              |
| <b>Jumlah</b> |                             | <b>465.85</b>     | <b>342.55</b>     | <b>431.41</b>     | <b>415.63</b>     | <b>570.54</b>     |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor

**Carta 1**  
**Kedudukan Wang Tunai Bagi Tempoh 2002 Hingga 2006**



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor

### **3.3 PELABURAN**

**3.3.1** Seksyen 8 Akta Prosedur Kewangan 1957 menyatakan Kerajaan Negeri boleh membuat pelaburan di bank, institusi kewangan dan syarikat sekiranya mempunyai lebihan wang. Pelaburan yang dibuat melalui wang lebihan Akaun Kumpulanwang Hasil Disatukan ditunjukkan di Lembaran Imbangan. Manakala pelaburan melalui peruntukan belanja mengurus ditunjukkan di Penyata Akaun Memorandum. Pada akhir tahun 2006, pelaburan Kerajaan Negeri dalam Lembaran Imbangan berjumlah RM421.21 juta berbanding RM397.98 juta pada tahun 2005, iaitu peningkatan berjumlah RM23.23 juta atau 5.8%. Pelaburan adalah secara Pelaburan Am dan Pelaburan Kumpulanwang Amanah. Pelaburan Am adalah dalam bentuk saham dan simpanan tetap yang masing-masing berjumlah RM111.02 juta dan RM15 juta. Pelaburan Kumpulanwang Amanah adalah dalam Kumpulanwang Amanah Tabung Warisan, Tabung Pinjaman Perumahan Ehsan dan Tabung Amanah Lain berjumlah RM295.19 juta.

**3.3.2** Pelaburan dalam Kumpulanwang Amanah Tabung Warisan terdiri daripada saham, simpanan tetap dan simpanan dalam Akaun Semasa. Manakala Tabung Pinjaman Perumahan Ehsan adalah dalam bentuk simpanan tetap yang mana dana diperoleh secara pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan. Simpanan ini digunakan sebagai jaminan untuk pinjaman perumahan kos rendah yang diberikan oleh AmBank Berhad kepada setinggan yang layak mendapat pinjaman tersebut. Ini bertujuan menjayakan program penempatan semula setinggan di Negeri Selangor. Selain itu, pelaburan berjumlah RM19.17 juta adalah dalam bentuk sijil pelaburan Al-Mudharabah. Sijil pelaburan ini digunakan sebagai cagaran untuk kemudahan pinjaman kepada mereka yang layak menyertai program Kerajaan Negeri dalam bidang industri kecil dan sederhana serta sektor pertanian.

**3.3.3** Kedudukan pelaburan Kerajaan Negeri bagi tahun 2005 dan 2006 adalah seperti di **Jadual 5**.

**Jadual 5**  
**Kedudukan Pelaburan Bagi Tahun 2005 Dan 2006**

| Bil.          | Kategori Pelaburan              | Tahun             |                   | Peningkatan/<br>(Penurunan) |            |
|---------------|---------------------------------|-------------------|-------------------|-----------------------------|------------|
|               |                                 | 2005<br>(RM Juta) | 2006<br>(RM Juta) | (RM Juta)                   | (%)        |
| 1.            | Tabung Warisan                  | 167.79            | 176.02            | 8.23                        | 4.9        |
| 2.            | Tabung Pinjaman Perumahan Ehsan | 100.00            | 100.00            | 0.00                        | 0.0        |
| 3.            | Jaminan Bank Pertanian Malaysia | 19.17             | 19.17             | 0.00                        | 0.0        |
| 4.            | Saham                           | 111.02            | 111.02            | 0.00                        | 0.0        |
| 5.            | Deposit Dalam Negeri            | 0.00              | 15.00             | 15.00                       | 100.0      |
| <b>Jumlah</b> |                                 | <b>397.98</b>     | <b>421.21</b>     | <b>23.23</b>                | <b>5.8</b> |

*Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor*


**3.3.4** Kedudukan pelaburan bagi tempoh 2002 hingga 2006 adalah seperti di **Jadual 6** dan **Carta 2**.

**Jadual 6**  
**Kedudukan Pelaburan Kerajaan Negeri Bagi Tempoh 2002 Hingga 2006**

| Bil.          | Kategori Pelaburan              | Tahun             |                   |                   |                   |                   |
|---------------|---------------------------------|-------------------|-------------------|-------------------|-------------------|-------------------|
|               |                                 | 2002<br>(RM Juta) | 2003<br>(RM Juta) | 2004<br>(RM Juta) | 2005<br>(RM Juta) | 2006<br>(RM Juta) |
| 1.            | Tabung Warisan                  | 152.72            | 155.45            | 172.63            | 167.79            | 176.02            |
| 2.            | Tabung Belia                    | 0.30              | 0.30              | 0.30              | 0.00              | 0.00              |
| 3.            | Tabung Pinjaman Perumahan Ehsan | 100.00            | 100.00            | 100.00            | 100.00            | 100.00            |
| 4.            | Tabung Amanah Lain              | 0.00              | 0.00              | 0.00              | 19.17             | 19.17             |
| 5.            | Saham                           | 111.02            | 111.02            | 111.02            | 111.02            | 111.02            |
| 6.            | Deposit Dalam Negeri            | 0.00              | 0.00              | 0.00              | 0.00              | 15.00             |
| <b>Jumlah</b> |                                 | <b>364.04</b>     | <b>366.77</b>     | <b>383.95</b>     | <b>397.98</b>     | <b>421.21</b>     |

*Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor*

**Carta 2**  
**Kedudukan Pelaburan Bagi Tempoh 2002 Hingga 2006**



*Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor*

### 3.4 AKAUN HASIL DISATUKAN

Akaun Hasil Disatukan mengakaunkan semua terimaan wang serta perbelanjaan mengurus kerajaan kecuali terimaan bagi pinjaman dan amanah. Kerajaan Negeri telah mengakhiri tahun kewangan 2006 dengan lebihan berjumlah RM72.52 juta. Lebihan ini berpunca daripada kutipan hasil Kerajaan Negeri yang berjumlah RM1.16 bilion berbanding perbelanjaan berjumlah RM1.09 bilion. Kedudukan Akaun Hasil Disatukan adalah seperti berikut:

#### 3.4.1 Hasil

Kerajaan Negeri Selangor memungut 3 jenis hasil yang terdiri daripada Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. Pada keseluruhannya hasil yang dikutip oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2006 berjumlah RM1.16 bilion iaitu meningkat sejumlah RM192.44 juta atau 19.9% berbanding tahun 2005 berjumlah RM967.76 juta. Jumlah hasil mengikut 3 kategori adalah seperti di **Jadual 7**.

**Jadual 7**  
**Pungutan Hasil Bagi Tahun 2005 Dan 2006**

| Bil.          | Kategori Hasil       | Tahun             |                   | Lebihan/ (Kurangan) |             |
|---------------|----------------------|-------------------|-------------------|---------------------|-------------|
|               |                      | 2005<br>(RM Juta) | 2006<br>(RM Juta) | (RM Juta)           | (%)         |
| 1.            | Hasil Cukai          | 360.77            | 452.16            | 91.39               | 25.3        |
| 2.            | Hasil Bukan Cukai    | 474.62            | 494.72            | 20.10               | 4.2         |
| 3.            | Terimaan Bukan Hasil | 132.37            | 213.32            | 80.95               | 61.2        |
| <b>Jumlah</b> |                      | <b>967.76</b>     | <b>1,160.20</b>   | <b>192.44</b>       | <b>19.9</b> |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor


Hasil Kerajaan Negeri merupakan sumber utama yang akan digunakan bagi tujuan perbelanjaan mengurus dan pembangunan. Bagi tempoh 2002 hingga 2006, penyumbang utama hasil Kerajaan Negeri terdiri daripada Cukai Tanah Semasa, Premium Geran Tanah, Pemberian Mengikut Ramai Penduduk, Tunggakan Cukai Tanah dan Bayaran Perkhidmatan Yang Lain adalah seperti di **Jadual 8**. Analisis terhadap *trend* 5 butiran penyumbang utama hasil Kerajaan Negeri bagi tempoh 2002 hingga 2006 adalah di **Carta 3**.

**Jadual 8**  
**Penyumbang Utama Hasil Kerajaan Negeri Bagi Tempoh 2002 Hingga 2006**

| Bil.          | Butiran Hasil                     | Tahun             |                   |                   |                   |                   |
|---------------|-----------------------------------|-------------------|-------------------|-------------------|-------------------|-------------------|
|               |                                   | 2002<br>(RM Juta) | 2003<br>(RM Juta) | 2004<br>(RM Juta) | 2005<br>(RM Juta) | 2006<br>(RM Juta) |
| 1.            | Cukai Tanah Semasa                | 252.97            | 253.53            | 254.46            | 267.75            | 320.08            |
| 2.            | Premium Geran Tanah               | 259.56            | 284.87            | 338.27            | 306.48            | 309.28            |
| 3.            | Pemberian Mengikut Ramai Penduduk | 56.81             | 58.88             | 61.02             | 31.47             | 65.25             |
| 4.            | Tunggakan Cukai Tanah             | 35.87             | 41.54             | 38.43             | 41.83             | 62.50             |
| 5.            | Bayaran Perkhidmatan Yang Lain    | 19.95             | 56.81             | 30.75             | 31.68             | 33.16             |
| <b>Jumlah</b> |                                   | <b>625.16</b>     | <b>695.63</b>     | <b>722.93</b>     | <b>679.21</b>     | <b>790.27</b>     |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor

**Carta 3**  
**Penyumbang Utama Hasil Kerajaan Negeri**  
**Bagi Tempoh 2002 Hingga 2006**



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor

Sebanyak 55 butiran hasil berjumlah RM1.07 bilion menunjukkan peningkatan berjumlah RM223.96 juta manakala sebanyak 34 butiran hasil berjumlah RM64.23 juta mengalami penurunan berjumlah RM31.51 juta. Selain itu, 3 butiran hasil berjumlah RM26.81 juta memperoleh jumlah kutipan hasil yang sama seperti tahun lalu. Berikut adalah analisis peningkatan dan penurunan hasil yang ketara bagi tahun 2006 berbanding tahun 2005.

- i) Analisis mengenai peningkatan yang ketara bagi 3 butiran hasil adalah seperti di **Jadual 9**.

**Jadual 9**  
**Peningkatan Hasil Ketara Tahun 2006 Berbanding Tahun 2005**

| Bil.          | Butiran Hasil                     | Pungutan Hasil    |                   | Peningkatan   |             | Punca Peningkatan                                                                                                                                             |
|---------------|-----------------------------------|-------------------|-------------------|---------------|-------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|               |                                   | 2005<br>(RM Juta) | 2006<br>(RM Juta) | (RM Juta)     | (%)         |                                                                                                                                                               |
| 1.            | Cukai Tanah Semasa                | 267.75            | 320.08            | 52.33         | 19.5        | Kenaikan kadar cukai tanah sebanyak 10% dan pertambahan pertukaran syarat tanah yang melibatkan kadar cukai yang lebih tinggi                                 |
| 2.            | Pemberian Mengikut Ramai Penduduk | 31.47             | 65.25             | 33.78         | 107.3       | Terimaan pada tahun 2005 adalah pemberian bagi peringkat I tahun 2005, manakala terimaan bagi tahun 2006 merupakan bayaran bagi peringkat I dan II tahun 2006 |
| 3.            | Pelbagai Jualan                   | 0.76              | 24.75             | 23.99         | 3,156.6     | Kerajaan Negeri menjual harta boleh alih bernilai RM24 juta kepada Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn. Bhd.                                                    |
| <b>Jumlah</b> |                                   | <b>299.98</b>     | <b>410.08</b>     | <b>110.10</b> | <b>36.7</b> |                                                                                                                                                               |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor

- ii) Sebanyak 3 butiran hasil yang lain menunjukkan penurunan yang ketara pada tahun 2006 berbanding tahun 2005. Penurunan yang ketara bagi 3 butiran hasil tersebut adalah seperti di Jadual 10.

**Jadual 10**  
**Penurunan Hasil Ketara Tahun 2006 Berbanding Tahun 2005**

| Bil.          | Butiran Hasil                                     | Pungutan Hasil    |                   | Penurunan    |             | Punca Penurunan                                                                                                                                                                                                                                                                       |
|---------------|---------------------------------------------------|-------------------|-------------------|--------------|-------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|               |                                                   | 2005<br>(RM Juta) | 2006<br>(RM Juta) | (RM Juta)    | (%)         |                                                                                                                                                                                                                                                                                       |
| 1.            | Pelbagai Terimaan D daripada Lain Agensi Kerajaan | 20.36             | 6.00              | 14.36        | 70.5        | Pada tahun 2006, Kerajaan Negeri menerima sumbangan daripada Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor berjumlah RM6 juta berbanding RM20.36 juta diterima pada tahun 2005 daripada Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor dan Jabatan Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan, Negeri |
| 2.            | Caruman Parit                                     | 15.53             | 11.41             | 4.12         | 26.5        | Pemaju yang mendapat kelulusan penukaran syarat tanah atau pemberimilikan tanah dikehendaki membuat caruman kepada Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri. Pada tahun 2006, penukaran syarat dan pemberimilikan tanah adalah berkurangan berbanding tahun 2005                          |
| 3.            | Faedah Atas Pinjaman Perumahan                    | 7.79              | 0.25              | 7.54         | 96.8        | Pada tahun 2005 jumlah yang diakaunkan termasuk faedah bagi tahun 2003 dan 2004, manakala pada tahun 2006 hanya sebahagian daripada faedah tahun semasa diakaunkan                                                                                                                    |
| <b>Jumlah</b> |                                                   | <b>43.68</b>      | <b>17.66</b>      | <b>26.02</b> | <b>59.6</b> |                                                                                                                                                                                                                                                                                       |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor

### 3.4.2 Perbelanjaan Mengurus

Perbelanjaan mengurus terdiri daripada bayaran Emolumen, Perkhidmatan dan Bekalan, Pemilikan Aset, Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap serta Perbelanjaan Lain. Peruntukan asal yang diluluskan bagi perbelanjaan mengurus tahun 2006 ialah RM1.12 bilion berbanding RM1.08 bilion pada tahun 2005. Daripada jumlah RM1.12 bilion, sejumlah RM1.09 bilion atau 97.3% telah dibelanjakan. Pada keseluruhannya perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri telah meningkat sejumlah RM53.19 juta atau 5.1% daripada RM1.03 bilion pada tahun 2005 menjadi RM1.09 bilion pada tahun 2006. Kedudukan perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri bagi tahun 2005 dan 2006 mengikut pecahan butiran perbelanjaan adalah seperti di **Jadual 11**.

**Jadual 11**  
**Perbelanjaan Mengurus Bagi Tahun 2005 Dan 2006**

| Bil.   | Maksud Perbelanjaan                | Tahun             |                   | Peningkatan/<br>(Pengurangan) |        |
|--------|------------------------------------|-------------------|-------------------|-------------------------------|--------|
|        |                                    | 2005<br>(RM Juta) | 2006<br>(RM Juta) | (RM Juta)                     | (%)    |
| 1.     | Emolumen                           | 160.72            | 171.86            | 11.14                         | 6.9    |
| 2.     | Perkhidmatan Dan Bekalan           | 212.16            | 253.70            | 41.54                         | 19.6   |
| 3.     | Aset                               | 16.47             | 13.74             | (2.73)                        | (16.6) |
| 4.     | Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap | 634.74            | 638.29            | 3.55                          | 0.6    |
| 5.     | Perbelanjaan Lain                  | 10.41             | 10.10             | (0.31)                        | (3.0)  |
| Jumlah |                                    | 1,034.50          | 1,087.69          | 53.19                         | 5.1    |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor

- i) Perbelanjaan bagi maksud Perkhidmatan Dan Bekalan serta Emolumen mencatat peningkatan tertinggi berjumlah RM52.68 juta atau 14.1% menjadi RM425.56 juta pada tahun 2006 berbanding RM372.88 juta pada tahun 2005.
- ii) Semakan Audit mendapati 3 butiran perbelanjaan menunjukkan peningkatan ketara antara 18.4% hingga 37.3%. Peningkatan ini disebabkan oleh peningkatan perbelanjaan Penyelenggaraan Dan Pembaikan Yang Kecil, Perkhidmatan Ikhtisas serta Elaun Tetap berjumlah RM226.79 juta pada tahun 2006 berbanding RM179.44 juta pada tahun 2005 adalah seperti di **Jadual 12**.

**Jadual 12**  
**Peningkatan Perbelanjaan Ketara Tahun 2006 Berbanding Tahun 2005**

| Bil.          | Butiran Perbelanjaan                                                    | Perbelanjaan      |                   | Peningkatan  |             | Punca Peningkatan                                                                   |
|---------------|-------------------------------------------------------------------------|-------------------|-------------------|--------------|-------------|-------------------------------------------------------------------------------------|
|               |                                                                         | 2005<br>(RM Juta) | 2006<br>(RM Juta) | (RM Juta)    | (%)         |                                                                                     |
| 1.            | Penyelenggaraan Dan Pembaikan Yang Kecil                                | 71.57             | 98.29             | 26.72        | 37.3        | Membaiki kerosakan di Bangunan Setiausaha Kerajaan Negeri, Masjid dan Sekolah Agama |
| 2.            | Perkhidmatan Iktisas Dan Perkhidmatan Lain Yang Di Beli Dan Hospitaliti | 77.34             | 91.55             | 14.21        | 18.4        | Peningkatan Elaun Guru Kelas Agama Fardhu Ain                                       |
| 3.            | Elaun Tetap                                                             | 30.53             | 36.95             | 6.42         | 21.0        | Pembayaran Elaun Sara Hidup                                                         |
| <b>Jumlah</b> |                                                                         | <b>179.44</b>     | <b>226.79</b>     | <b>47.35</b> | <b>26.4</b> |                                                                                     |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor


- iii) Analisis selanjutnya mendapati butiran perbelanjaan bagi Harta Modal Yang Lain menurun sejumlah RM5.92 juta atau 43.9% iaitu daripada RM13.48 juta pada tahun 2005 kepada RM7.56 juta pada tahun 2006. Penurunan ini adalah kerana Kerajaan Negeri telah mengurangkan pembelian kenderaan dan alat kelengkapan pada tahun 2006.
- iv) Analisis terhadap *trend* perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri bagi tempoh 2002 hingga 2006 adalah seperti di **Jadual 13** dan **Carta 4**.

**Jadual 13**  
**Perbelanjaan Mengurus Bagi Tempoh 2002 Hingga 2006**

| Bil.          | Kategori Perbelanjaan              | Tahun             |                   |                   |                   |                   |
|---------------|------------------------------------|-------------------|-------------------|-------------------|-------------------|-------------------|
|               |                                    | 2002<br>(RM Juta) | 2003<br>(RM Juta) | 2004<br>(RM Juta) | 2005<br>(RM Juta) | 2006<br>(RM Juta) |
| 1.            | Emolumen                           | 140.67            | 143.52            | 151.80            | 160.72            | 171.86            |
| 2.            | Perkhidmatan dan Bekalan           | 477.68            | 189.28            | 197.22            | 212.16            | 253.70            |
| 3.            | Aset                               | 8.99              | 8.47              | 5.25              | 16.47             | 13.74             |
| 4.            | Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap | 602.33            | 730.33            | 724.57            | 634.74            | 638.29            |
| 5.            | Perbelanjaan Lain                  | 16.92             | 1.79              | 5.67              | 10.41             | 10.10             |
| <b>Jumlah</b> |                                    | <b>1,246.59</b>   | <b>1,073.39</b>   | <b>1,084.51</b>   | <b>1,034.50</b>   | <b>1,087.69</b>   |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor

**Carta 4**  
**Perbelanjaan Mengurus Bagi Tempoh 2002 Hingga 2006**



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor

### 3.5 AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

Akaun Pinjaman Disatukan adalah satu akaun yang digunakan untuk mengakaunkan pinjaman yang diterima dan pindahan terimaan pinjaman ke Akaun Kumpulanwang Pembangunan. Mengikut Lembaran Imbangan, Akaun Pinjaman Disatukan tidak mempunyai baki pada akhir tahun 2006. Kedudukan ini adalah sama seperti pada akhir tahun 2005. Kerajaan Negeri tidak menerima pinjaman baru daripada Kerajaan Persekutuan untuk membiayai projek pembangunan pada tahun 2006.

### 3.6 AKAUN AMANAH DISATUKAN

Akaun Amanah Disatukan adalah satu daripada Akaun Kumpulanwang Disatukan. Semua penerimaan dan pembayaran wang amanah diakaunkan mengikut kehendak akta amanah, arahan amanah dan suratcara amanah di bawah Seksyen 9 dan Seksyen 10 Akta Prosedur Kewangan 1957, undang-undang dan perjanjian. Akaun ini ditubuhkan mengikut Perkara 99 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7 Akta Prosedur Kewangan 1957. Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada Kumpulanwang Amanah Kerajaan, Kumpulanwang Amanah Awam, Deposit dan Akaun Kena Bayar. Kedudukan Akaun Amanah Disatukan pada tahun 2006 berbanding tahun 2005 adalah seperti di **Jadual 14**.

**Jadual 14**  
**Baki Akaun Amanah Disatukan Bagi Tahun 2006 Berbanding Tahun 2005**

| Bil.          | Akaun Amanah Disatukan       | Tahun             |                   | Peningkatan/<br>(Penurunan) |             |
|---------------|------------------------------|-------------------|-------------------|-----------------------------|-------------|
|               |                              | 2005<br>(RM Juta) | 2006<br>(RM Juta) | (RM Juta)                   | (%)         |
| 1.            | Kumpulanwang Amanah Kerajaan | 49.03             | 155.21            | 106.18                      | 216.6       |
| 2.            | Kumpulanwang Amanah Awam     | 70.44             | 141.20            | 70.76                       | 100.5       |
| 3.            | Akaun Wang Deposit           | 82.42             | 87.99             | 5.57                        | 6.8         |
| 4.            | Akaun Kena Bayar             | 191.26            | 114.36            | (76.90)                     | (40.2)      |
| <b>Jumlah</b> |                              | <b>393.15</b>     | <b>498.76</b>     | <b>105.61</b>               | <b>26.9</b> |

*Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor*

### **3.6.1 Kumpulanwang Amanah Kerajaan**

Kumpulanwang Amanah Kerajaan mengakaunkan terimaan dari peruntukan kerajaan dan bayaran bagi maksud tertentu mengikut Seksyen 10 Akta Prosedur Kewangan 1957 (Disemak - 1972). Kumpulanwang Amanah Kerajaan disenaraikan dalam Jadual Kedua dan Ketiga Akta Prosedur Kewangan 1957. Kumpulanwang Amanah ini terdiri daripada Kumpulanwang Pembangunan, Kumpulanwang Pinjaman Perumahan, Pelbagai Kumpulanwang Amanah Kerajaan dan Kumpulanwang Pembangunan Hutan.

#### **a) Kumpulanwang Pembangunan**

Kumpulanwang Pembangunan Kerajaan Negeri mempunyai dana berjumlah RM593.75 juta pada tahun 2006. Jumlah dana tersebut adalah daripada pemberian Kerajaan Persekutuan berjumlah RM6.44 juta, caruman Akaun Hasil Disatukan berjumlah RM534.50 juta, pindahan daripada Kumpulanwang Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri berjumlah RM52.07 juta dan sejumlah RM0.74 juta daripada Pelbagai Pendapatan.

Perbelanjaan pembangunan bagi tahun 2006 berjumlah RM459.73 juta berbanding RM494.09 juta pada tahun 2005. Daripada 9 jabatan yang terlibat dengan perbelanjaan pembangunan ini, 4 pejabat telah membelanjakan jumlah yang tertinggi iaitu Pejabat Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan Negeri berjumlah RM165.67 juta, Jabatan Kerja Raya berjumlah RM98.03 juta, Jabatan Agama Islam berjumlah RM62.01 juta dan Pejabat Perbendaharaan Negeri berjumlah RM44.77 juta. Ini bermakna 4 pejabat telah membelanjakan sejumlah RM370.48 juta atau 80.6% daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan pembangunan.

Pada akhir tahun 2006, Kumpulanwang Pembangunan Kerajaan Negeri telah mencatat lebih berjumlah RM134.02 juta berbanding lebih sejumlah RM106.03 juta pada tahun 2005. Dengan lebih ini baki terkumpul Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 2006 berjumlah RM167.79 juta. Kumpulanwang ini juga termasuk sejumlah RM100 juta pinjaman di bawah Tabung Pinjaman Perumahan Ehsan. Analisis perbandingan baki Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 2005 dan 2006 adalah seperti di **Jadual 15**.

**Jadual 15**  
**Kedudukan Kumpulanwang Pembangunan Bagi Tahun 2005 Dan 2006**

| Bil.                         | Perkara             | Tahun             |                   | Peningkatan/<br>(Penurunan) |              |
|------------------------------|---------------------|-------------------|-------------------|-----------------------------|--------------|
|                              |                     | 2005<br>(RM Juta) | 2006<br>(RM Juta) | (RM Juta)                   | (%)          |
| 1.                           | Baki Pada 1 Januari | (72.26)           | 33.77             | 106.03                      | 146.7        |
| 2.                           | Terimaan            | 600.12            | 593.75            | (6.36)                      | (1.1)        |
| 3.                           | Perbelanjaan        | 494.09            | 459.73            | (34.35)                     | (7.0)        |
| 4.                           | Lebih/(Defisit)     | 106.03            | 134.02            | 27.99                       | 25.6         |
| <b>Baki Pada 31 Disember</b> |                     | <b>33.77</b>      | <b>167.79</b>     | <b>134.02</b>               | <b>396.9</b> |

*Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor*

Analisis terhadap peruntukan bagi tahun 2005 dan 2006 menunjukkan tiada perubahan dari segi jumlah besar keseluruhan peruntukan. Bagaimanapun, pada tahun 2006 berlaku perubahan pengagihan peruntukan antara vot. Analisis terhadap perbelanjaan sebenar berbanding dengan peruntukan pembangunan bagi tahun 2006 menunjukkan 3 daripada 11 vot perbelanjaan mencatat peningkatan dan sebanyak 8 mengalami penurunan perbelanjaan. Kedudukan perbelanjaan pembangunan berbanding dengan peruntukan bagi tahun 2005 dan 2006 adalah seperti di **Jadual 16**.

**Jadual 16**  
**Perbelanjaan Pembangunan Berbanding**  
**Peruntukan Tahun 2005 Dan 2006**

| Bil.          | Jabatan                                | Peruntukan        |                   | Perbelanjaan      |                   | Peningkatan/<br>(Penurunan)<br>Perbelanjaan |              |
|---------------|----------------------------------------|-------------------|-------------------|-------------------|-------------------|---------------------------------------------|--------------|
|               |                                        | 2005<br>(RM Juta) | 2006<br>(RM Juta) | 2005<br>(RM Juta) | 2006<br>(RM Juta) | (RM Juta)                                   | (%)          |
| 1.            | Pejabat Menteri Besar Dan SUK          | 124.00            | 170.50            | 118.46            | 165.67            | 47.21                                       | 39.9         |
| 2.            | Jabatan Kehakiman Syariah              | 5.00              | 10.00             | 2.53              | 3.33              | 0.80                                        | 31.6         |
| 3.            | Jabatan Perkhidmatan Haiwan Negeri     | 5.00              | 6.00              | 4.74              | 5.85              | 1.11                                        | 23.4         |
| 4.            | Jabatan Pertanian Negeri               | 16.00             | 15.00             | 15.71             | 14.85             | (0.85)                                      | (5.4)        |
| 5.            | Perbendaharaan Negeri                  | 58.20             | 45.00             | 48.66             | 44.77             | (3.89)                                      | (8.0)        |
| 6.            | Jabatan Kerja Raya                     | 125.00            | 100.00            | 116.02            | 98.03             | (17.99)                                     | (15.5)       |
| 7.            | Perbendaharaan Negeri (Pengkomputeran) | 1.00              | 1.00              | 0.93              | 0.77              | (0.16)                                      | (17.2)       |
| 8.            | Jabatan Pengairan Dan Saliran          | 57.50             | 45.00             | 55.28             | 44.04             | (11.24)                                     | (20.3)       |
| 9.            | Jabatan Perancang Bandar Dan Desa      | 2.80              | 2.00              | 2.61              | 1.96              | (0.65)                                      | (24.9)       |
| 10.           | Jabatan Agama Islam Selangor           | 90.00             | 90.00             | 85.36             | 62.01             | (23.36)                                     | (27.4)       |
| 11.           | Luar Jangka                            | 50.00             | 50.00             | 43.79             | 18.45             | (25.34)                                     | (57.9)       |
| <b>Jumlah</b> |                                        | <b>534.50</b>     | <b>534.50</b>     | <b>494.09</b>     | <b>459.73</b>     | <b>(34.36)</b>                              | <b>(7.0)</b> |

*Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor*

Analisis Audit menunjukkan 3 vot pembangunan yang melibatkan 3 jabatan mengalami peningkatan perbelanjaan ketara antara 23.4% hingga 39.9% pada tahun 2006 berbanding tahun 2005. Tiga jabatan berkenaan ialah Pejabat Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan Negeri, Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan Jabatan Kehakiman Syariah. Peningkatan ini adalah kerana pertambahan peruntukan yang diluluskan bagi ketiga-tiga jabatan tersebut disebabkan pertambahan projek.

Tiga vot pembangunan yang melibatkan Jabatan Agama Islam Selangor dan Jabatan Perancang Bandar Dan Desa dan peruntukan luar jangka yang diuruskan oleh Perbendaharaan Negeri telah mengalami penurunan perbelanjaan yang ketara iaitu antara 24.9% hingga 57.9% pada tahun 2006 berbanding tahun 2005. Ini adalah kerana projek yang dirancang tidak dilaksanakan dan kurangnya perbelanjaan luar jangka pada tahun 2006.

#### **b) Kumpulanwang Pinjaman Perumahan**

Kumpulanwang ini ditubuhkan bertujuan untuk memberi pinjaman kepada kakitangan awam Kerajaan Negeri Selangor membeli tanah dan rumah. Bahagian Pinjaman Perumahan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri bertanggungjawab meluluskan pinjaman manakala Perbendaharaan Negeri bertanggungjawab

terhadap penyelenggaraan rekod, terimaan dan bayaran pinjaman. Pada akhir tahun 2006, baki Kumpulanwang adalah berjumlah RM16.49 juta berbanding dengan baki pada akhir tahun 2005 berjumlah RM13.07 juta iaitu meningkat sejumlah RM3.42 juta.

**c) Pelbagai Kumpulanwang Amanah Kerajaan**

Penyata Pelbagai Kumpulanwang Amanah Kerajaan terdiri daripada Akaun Penyelesaian, Akaun Perniagaan, Akaun Pinjaman, Kumpulanwang Luar Jangka dan Pelbagai Kumpulanwang.

- i) Pada akhir tahun 2006, baki Kumpulanwang ini menunjukkan defisit sejumlah RM28.11 juta iaitu penurunan berjumlah RM31.82 juta atau 857.7% berbanding RM3.71 juta pada tahun 2005. Analisis Audit terhadap 79 akaun mendapati 22 akaun mengalami penurunan berjumlah RM46.68 juta, 16 akaun menyumbangkan peningkatan berjumlah RM14.86 juta dan 41 akaun tidak menunjukkan sebarang perbezaan. Baki Kumpulanwang Pinjaman Kepada Badan Berkanun Dan Badan Lain yang melibatkan Akaun Peruntukan sejumlah RM383.54 juta dan 18 akaun pinjaman telah menunjukkan penurunan ketara berjumlah RM36.81 juta. Penurunan ini antara lain adalah kerana pemberian pinjaman kepada Majlis Perbandaran Ampang Jaya, Majlis Perbandaran Selayang dan Majlis Perbandaran Kajang masing-masing berjumlah RM14.1 juta, RM10.02 juta dan RM10 juta. Sementara itu, peningkatan yang ketara adalah baki Akaun Urus Niaga Kumpulanwang Tabung Warisan Negeri yang bertambah sejumlah RM8.23 juta. Kedudukan Pelbagai Kumpulanwang Amanah Kerajaan bagi tahun 2005 dan 2006 adalah seperti di **Jadual 17**.

**Jadual 17**  
**Kedudukan Pelbagai Kumpulanwang Amanah Kerajaan**  
**Bagi Tahun 2005 Dan 2006**

| Bil.                         | Perihal                  | Tahun             |                   | Peningkatan/<br>(Penurunan) |                |
|------------------------------|--------------------------|-------------------|-------------------|-----------------------------|----------------|
|                              |                          | 2005<br>(RM Juta) | 2006<br>(RM Juta) | (RM Juta)                   | (%)            |
| 1.                           | Akaun Penyelesaian       | (203.66)          | (201.49)          | 2.17                        | 1.1            |
| 2.                           | Akaun Perniagaan         | 3.20              | 3.16              | (0.04)                      | (1.3)          |
| 3.                           | Akaun Pinjaman           | 28.09             | (13.53)           | (41.62)                     | (148.2)        |
| 4.                           | Kumpulanwang Luar Jangka | 8.10              | 8.10              | 0.00                        | 0.0            |
| 5.                           | Pelbagai Kumpulanwang    | 167.98            | 175.65            | 7.67                        | 4.6            |
| <b>Baki Pada 31 Disember</b> |                          | <b>3.71</b>       | <b>(28.11)</b>    | <b>(31.82)</b>              | <b>(857.7)</b> |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor

## **ii) Kumpulanwang Luar Jangka**

Kumpulanwang Luar Jangka ditubuhkan selaras dengan Perkara 103 Perlembagaan Persekutuan. Kumpulanwang ini ditubuhkan bagi maksud memenuhi keperluan perbelanjaan yang segera dan luar jangka, contohnya bencana alam. Pada tahun 2006, baki peruntukan Kumpulanwang tersebut berjumlah RM8.10 juta. Semakan Audit mendapati tiada perbelanjaan luar jangka daripada Kumpulanwang ini dibuat sepanjang tahun 2006.

## **d) Kumpulanwang Pembangunan Hutan**

Kumpulanwang Pembangunan Hutan diwujudkan mengikut Akta Perhutanan Negara 1984. Kumpulanwang ini ditubuhkan untuk menguruskan pelbagai projek seperti menyedia, melaksana dan mengkaji semula rancangan pengurusan hutan negeri. Sumber kewangan Kumpulanwang ini diperoleh daripada peruntukan Kerajaan Negeri, ses pembangunan hutan dan pinjaman Kerajaan Persekutuan. Pada tahun 2006, Kumpulanwang ini menerima caruman daripada Akaun Hasil Disatukan berjumlah RM5.50 juta dan hasil kutipan ses berjumlah RM0.51 juta. Perbelanjaan Kumpulanwang ini berjumlah RM5.46 juta pada tahun 2006 telah bertambah sejumlah RM0.12 juta berbanding RM5.35 juta pada tahun 2005. Kedudukan baki Kumpulanwang pada akhir tahun 2006 menunjukkan penambahbaikan yang mana Kumpulanwang berbaki defisit RM0.96 juta berbanding defisit RM1.52 juta pada akhir tahun 2005. Defisit ini telah dapat dikurangkan sebanyak 36.8% dengan kutipan ses kayu balak yang bertambah sebanyak 268.6% berbanding tahun 2005.

## **3.6.2 Kumpulanwang Amanah Awam**

Kumpulanwang Amanah Awam ditubuhkan di bawah Seksyen 9, Akta Prosedur Kewangan 1957 bagi mengakaunkan sumbangan wang daripada badan-badan dan orang perseorangan kepada kerajaan bagi tujuan tertentu. Pengurusan akaun ini perlu dibuat mengikut Arahan Amanah yang diluluskan oleh Perbendaharaan Negeri. Baki Kumpulanwang ini meningkat sejumlah RM70.76 juta atau 100.5% kepada RM141.20 juta pada tahun 2006 berbanding RM70.44 juta pada tahun 2005. Analisis Audit berdasarkan Penyata Kewangan tahun 2006 terhadap 41 akaun amanah menunjukkan sebanyak 18 akaun meningkat sebanyak RM83.31 juta manakala 9 akaun mengalami pengurangan berjumlah RM12.55 juta. Peningkatan yang ketara antara lain adalah baki Akaun Kumpulanwang Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri, Akaun Tabung Wang Cagaran Berkelompok dan Akaun Kumpulanwang Amanah Kelas Al-Quran Dan Fardu Ain yang meningkat sejumlah RM71.50 juta, RM3 juta dan RM2.36 juta. Manakala pengurangan yang ketara melibatkan baki Akaun Amanah Caruman Parit Dan Saliran,

Akaun Amanah Penswastan Projek Hartanah serta Akaun Amanah Pembinaan dan Baikpulih Sekolah Rendah Agama Selangor yang berkurangan sejumlah RM12.30 juta.

**a) Kumpulanwang Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri**

Kumpulanwang Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri ditubuhkan dengan tujuan untuk mengakaunkan pemberian daripada Kerajaan Persekutuan berdasarkan peruntukan Perkara 109(1)(b) Perlembagaan Persekutuan bagi membiayai kos penyelenggaraan semua jalan raya negeri dan lain-lain perbelanjaan pengurusan yang berkaitan. Baki Kumpulanwang ini berjumlah RM71.50 juta pada tahun 2006 berbanding baki sifar pada tahun 2005. Pada tahun 2006 sejumlah RM174.10 juta bagi maksud pemberian jalan raya negeri telah dikreditkan ke akaun ini berbanding RM134.79 juta bagi tahun 2005 iaitu meningkat sejumlah RM39.31 juta atau 29.2%. Selain itu, peningkatan itu juga disebabkan oleh penurunan perbelanjaan sejumlah RM33.04 juta kepada RM102.60 juta atau 24.4% berbanding perbelanjaan berjumlah RM135.64 juta pada tahun 2005. Kedudukan Akaun Kumpulanwang Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri bagi tahun 2005 dan 2006 adalah seperti di **Jadual 18**.

**Jadual 18**  
**Kedudukan Akaun Kumpulanwang Amanah Penyelenggaraan**  
**Jalan Negeri Bagi Tahun 2005 Dan 2006**

| Perihal                      | Tahun             |                   | Peningkatan/<br>(Penurunan) |            |
|------------------------------|-------------------|-------------------|-----------------------------|------------|
|                              | 2005<br>(RM Juta) | 2006<br>(RM Juta) | (RM Juta)                   | (%)        |
| Baki Pada 1 Januari          | 0.85              | 0.00              | (0.85)                      | (100)      |
| Terimaan                     | 134.79            | 174.10            | 39.31                       | 29.2       |
| Bayaran                      | 135.64            | 102.60            | (33.04)                     | (24.4)     |
| <b>Baki Pada 31 Disember</b> | <b>0.00</b>       | <b>71.50</b>      | <b>71.50</b>                | <b>100</b> |

*Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor*

**3.6.3 Akaun Amanah Lain**

**a) Akaun Amanah Universiti Industri Selangor**

Akaun Amanah ini ditubuhkan untuk membiayai perbelanjaan bagi projek pembangunan Universiti Industri Selangor (UNISEL). Pada tahun 2006, baki akaun ini berjumlah RM7,542 tidak berubah berbanding baki pada akhir tahun 2005. Pada tahun 2006, terimaan berjumlah RM41.80 juta telah dibelanjakan untuk membiayai kos pengurusan, operasi dan pembinaan kampus UNISEL.

**b) Akaun Amanah Perkuburan**

Akaun Amanah ini diwujudkan untuk membolehkan Kerajaan Negeri menguruskan caruman perkuburan yang dikutip daripada pemaju atau pemilik tanah yang membangunkan tanah kurang daripada 500 ekar. Caruman perkuburan dikutip oleh semua Pejabat Daerah dan Tanah. Pihak Urusetia akaun amanah ini ialah Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Selangor. Pada akhir tahun 2006, caruman perkuburan yang diterima berjumlah RM1.47 juta. Baki akaun ini pada akhir tahun 2006 berjumlah RM9.42 juta berbanding RM7.95 juta pada tahun 2005 iaitu meningkat sejumlah RM1.47 juta atau 18.5%.

**c) Akaun Amanah Bantuan Untuk Puan Tang Seok Gek**

Akaun Amanah ini ditubuhkan pada tahun 1987 untuk membiayai perbelanjaan sara hidup Puan Tang Seok Gek seorang balu dan empat orang anaknya akibat kematian mendiang suami beliau, Heng Kim Seah. Keluarga miskin ini merupakan penerima bantuan wang amanah yang diperoleh daripada kutipan derma melalui akhbar. Akaun Amanah ini adalah di bawah kawalan Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor dan disalurkan kepada penama melalui Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Sabak Bernam. Pada tahun 2006, baki akaun ini berjumlah RM20,009 berkurangan sejumlah RM14,840 daripada RM34,849 pada tahun 2005.

**d) Akaun Amanah Dana Usahawan**

Akaun Amanah ini diwujudkan untuk membiayai perbelanjaan Aktiviti dan Program Pembangunan Usahawan Negeri yang diuruskan oleh Seksyen Pembangunan Usahawan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor. Terimaan bagi akaun ini merupakan kutipan yuran kursus, seminar dan bengkel yang dianjurkan oleh Seksyen Pembangunan Usahawan. Baki akaun ini meningkat sejumlah RM853 kepada RM372,710 pada tahun 2006 berbanding RM371,857 pada tahun 2005. Pada tahun 2006 sejumlah RM17,700 telah dikreditkan ke akaun ini berbanding RM42,100 bagi tahun 2005 dan sejumlah RM16,847 telah dibelanjakan mengikut maksud yang ditetapkan pada tahun 2006 berbanding RM28,200 bagi tahun 2005.

**e) Akaun Amanah Perbelanjaan Pelaksanaan Projek SPEKS**

Akaun ini ditubuhkan dengan tujuan untuk mengakaunkan wang pemberian daripada Kerajaan Persekutuan bagi menjalankan aktiviti berkaitan Sistem Perakaunan Berkomputer Standard Kerajaan Negeri. Pada tahun 2006, baki akaun ini berjumlah RM1.09 juta iaitu meningkat sejumlah RM1 juta atau 108.7% berbanding RM0.92 juta pada tahun 2005. Pada tahun 2006, Kerajaan Negeri telah menerima

peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM2.17 juta dan perbelanjaan pula adalah berjumlah RM1.17 juta.

### 3.6.4 Akaun Wang Deposit

Akaun Wang Deposit mengakaunkan wang yang diterima khusus bagi sesuatu maksud di bawah mana-mana undang-undang atau mengikut perjanjian dan dibayar balik apabila maksud tersebut telah dicapai atau selesai. Pada akhir tahun 2006, baki deposit meningkat sejumlah RM5.57 juta atau 6.8% menjadi RM87.99 juta berbanding RM82.42 juta pada tahun 2005. Analisis Audit mendapati peningkatan deposit antaranya melibatkan Akaun Cagaran, Akaun Deposit Lelong dan Akaun Terimaan Yang Tidak Diperuntukkan berjumlah RM16.24 juta. Sementara itu, penurunan yang ketara ialah Akaun Deposit Wang Jaminan Pelaksanaan berjumlah RM10.94 juta disebabkan oleh bayaran balik deposit.


Kedudukan akaun deposit bagi tahun 2006 berbanding tahun 2005 adalah seperti di **Jadual 19**. *Trend* baki deposit bagi tempoh 2002 hingga 2006 adalah seperti di **Carta 5**.

**Jadual 19**  
**Kedudukan Baki Deposit Tahun 2006 Berbanding Tahun 2005**

| Bil.                         | Deposit           | Tahun             |                   | Peningkatan/ (Penurunan) |            |
|------------------------------|-------------------|-------------------|-------------------|--------------------------|------------|
|                              |                   | 2005<br>(RM Juta) | 2006<br>(RM Juta) | (RM Juta)                | (%)        |
| 1.                           | Deposit Am        | 79.11             | 84.25             | 5.14                     | 6.5        |
| 2.                           | Deposit Pelarasan | 3.31              | 3.74              | 0.43                     | 13.0       |
| <b>Baki Pada 31 Disember</b> |                   | <b>82.42</b>      | <b>87.99</b>      | <b>5.57</b>              | <b>6.8</b> |

*Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor*

**Carta 5**  
**Trend Baki Deposit Bagi Tempoh 2002 Hingga 2006**



*Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor*

### **3.6.5 Akaun Kena Bayar**

Akaun Kena Bayar diwujudkan bagi menyelesaikan tanggungan Kerajaan Negeri kepada pembekal terhadap pelbagai bekalan dan perkhidmatan yang diperoleh oleh Kerajaan sehingga 31 Disember sesuatu tahun dan bayaran perlu dijelaskan pada awal tahun berikutnya. Pada akhir tahun 2006, baki akaun ini berjumlah RM114.36 juta berbanding RM191.26 juta pada tahun 2005. Analisis Audit mendapati, 69.7% atau RM79.77 juta daripada jumlah Akaun Kena Bayar pada tahun 2006 adalah pembayaran bagi projek pembangunan.

Sebanyak 34 jabatan terlibat dalam pembayaran di bawah Akaun Kena Bayar di mana Jabatan Kerja Raya menunjukkan jumlah tertinggi iaitu RM34.77 juta atau 30.4% diikuti oleh Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri berjumlah RM33.04 juta atau 28.9% daripada jumlah keseluruhan Akaun Kena Bayar.

## **3.7 PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI**

**3.7.1** Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai disediakan selaras dengan Piawaian Perakaunan Kerajaan yang berkuatkuasa mulai tahun kewangan 2005. Penyata ini menunjukkan aliran masuk dan aliran keluar serta kesetaraan tunai. Aliran masuk terimaan terdiri daripada hasil, pinjaman, modal dan lain-lain terimaan amanah. Aliran keluar pula terdiri daripada perbelanjaan mengurus, pembangunan, modal, bayaran pinjaman dan lain-lain bayaran amanah. Kesetaraan tunai merupakan

pelaburan untuk tempoh tidak melebihi 3 bulan yang mudah ditukar kepada wang tunai. Analisis Audit menunjukkan sumber dana Kerajaan Negeri pada tahun 2006 berjumlah RM1.25 bilion terdiri daripada terimaan hasil, terimaan modal dan terimaan amanah. Sejumlah RM1.09 bilion telah digunakan untuk pembayaran bagi perbelanjaan mengurus, pembangunan dan modal. Pada akhir tahun 2006, baki wang tunai bertambah sejumlah RM154.91 juta atau 37.3% kepada RM570.54 juta berbanding RM415.63 juta pada tahun 2005.

**3.7.2** Pada tahun 2006 aliran masuk Kerajaan Negeri meningkat sejumlah RM249.76 juta atau 24.9% menjadi RM1.25 bilion berbanding RM1 bilion pada tahun 2005. Aliran masuk yang tertinggi adalah daripada terimaan hasil bukan cukai sejumlah RM494.72 juta disebabkan oleh penjualan harta Kerajaan Negeri kepada Syarikat Bekalan Air Selangor dan penerimaan bayaran premium geran tanah. Selain itu, jumlah lain-lain terimaan amanah yang bernilai RM79.39 juta telah ditunjukkan sebagai angka bersih selepas ditolak dengan butiran lain-lain bayaran amanah. Butiran aliran masuk tunai Kerajaan Negeri adalah seperti di **Jadual 20**.

**Jadual 20**  
**Terimaan Wang Tunai Kerajaan Negeri**  
**Tahun 2006 Berbanding Tahun 2005**

| Bil.          | Terimaan              | Tahun             |                   | Peningkatan/(Penurunan) |             |
|---------------|-----------------------|-------------------|-------------------|-------------------------|-------------|
|               |                       | 2005<br>(RM Juta) | 2006<br>(RM Juta) | (RM Juta)               | (%)         |
| 1.            | Hasil Cukai           | 360.77            | 452.16            | 91.39                   | 25.3        |
| 2.            | Hasil Bukan Cukai     | 474.62            | 494.72            | 20.10                   | 4.2         |
| 3.            | Terimaan Bukan Hasil  | 132.37            | 213.33            | 80.96                   | 61.2        |
| 4.            | Pinjaman Dalam Negeri | 0.00              | 0.00              | 0.00                    | 0.0         |
| 5.            | Modal                 | 6.62              | 7.19              | 0.57                    | 8.6         |
| 6.            | Lain-lain Terimaan    | 22.65             | 79.39             | 56.74                   | 250.5       |
| <b>Jumlah</b> |                       | <b>997.03</b>     | <b>1,246.79</b>   | <b>249.76</b>           | <b>25.1</b> |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor

**3.7.3** Aliran keluar tunai pada tahun 2006 juga meningkat sejumlah RM79.07 juta atau 7.8% menjadi RM1.09 bilion berbanding RM1.01 bilion pada tahun 2005. Aliran keluar tertinggi adalah perbelanjaan mengurus berjumlah RM547.69 juta atau 50.2% daripada keseluruhan aliran keluar tunai berjumlah RM1.09 bilion. Jumlah ini juga termasuk RM1.72 juta yang terdiri daripada bayaran pinjaman Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan. Butiran aliran keluar tunai Kerajaan Negeri adalah seperti di **Jadual 21**.

**Jadual 21**  
**Pembayaran Wang Tunai Kerajaan Negeri**  
**Tahun 2006 Berbanding Tahun 2005**

| Bil.          | Perbelanjaan             | Tahun             |                   | Peningkatan/(Penurunan) |            |
|---------------|--------------------------|-------------------|-------------------|-------------------------|------------|
|               |                          | 2005<br>(RM Juta) | 2006<br>(RM Juta) | (RM Juta)               | (%)        |
| 1.            | Perbelanjaan Mengurus    | 494.50            | 547.69            | 53.19                   | 10.8       |
| 2.            | Perbelanjaan Pembangunan | 499.43            | 465.19            | (34.24)                 | (6.9)      |
| 3.            | Perbelanjaan Modal       | 18.87             | 79.00             | 60.13                   | 318.7      |
| 4.            | Bayaran Pinjaman         | 0.00              | 0.00              | 0.00                    | 0.0        |
| 5.            | Lain-lain Bayaran        | 0.00              | 0.00              | 0.00                    | 0.0        |
| <b>Jumlah</b> |                          | <b>1,012.80</b>   | <b>1,091.88</b>   | <b>79.08</b>            | <b>7.8</b> |

*Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor*

### 3.8 PENYATA AKAUN MEMORANDUM

Penyata Akaun Memorandum ialah penyata yang menunjukkan aset dan liabiliti Kerajaan Negeri yang tidak dilaporkan dalam Lembaran Imbangan. Penyata ini terdiri daripada Penyata Akaun Memorandum Aset dan Penyata Akaun Memorandum Liabiliti. Penyata Akaun Memorandum Aset melaporkan Pinjaman Boleh Dituntut (Penyata F1), Pelaburan (Penyata F2) dan Penyata Tunggakan Hasil Negeri (Penyata F3). Penyata Akaun Memorandum Liabiliti melaporkan Penyata Hutang Awam (Penyata G1) iaitu hutang Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan.

#### 3.8.1 Pinjaman Boleh Dituntut

Penyata Pinjaman Boleh Dituntut menunjukkan baki hutang oleh Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Agensi kepada Kerajaan Negeri. Pada tahun 2006, baki Pinjaman Boleh Dituntut berjumlah RM447.03 juta, iaitu peningkatan sejumlah RM44.39 juta atau 11% berbanding RM402.64 juta pada tahun 2005. Peningkatan baki Pinjaman Boleh Dituntut adalah kerana pada tahun 2006 Kerajaan Negeri telah mengeluarkan 9 pinjaman baru berjumlah RM35.31 juta kepada 7 Agensi serta pembayaran ansuran pinjaman kepada Majlis Perbandaran Kajang berjumlah RM10 juta. Selain itu, peningkatan tersebut juga adalah disebabkan sejumlah RM2.58 juta faedah pinjaman telah dikenakan pada tahun 2006. Walaupun terdapat sejumlah RM3.50 juta bayaran balik dibuat pada tahun 2006, ia tidak memberikan pengurangan yang ketara kepada baki Pinjaman Boleh Dituntut. Kedudukan baki Pinjaman Boleh Dituntut bagi tempoh 5 tahun adalah seperti di **Jadual 22**.

**Jadual 22**  
**Baki Pinjaman Boleh Dituntut Bagi Tempoh 2002 Hingga 2006**

| Baki Hutang             |                                        |                   |                   |                   |                   |                   |
|-------------------------|----------------------------------------|-------------------|-------------------|-------------------|-------------------|-------------------|
| Bil.                    | Peminjam                               | Baki Hutang       |                   |                   |                   |                   |
|                         |                                        | 2002<br>(RM Juta) | 2003<br>(RM Juta) | 2004<br>(RM Juta) | 2005<br>(RM Juta) | 2006<br>(RM Juta) |
| Badan Berkanun Negeri   |                                        |                   |                   |                   |                   |                   |
| 1.                      | Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor    | 116.80            | 117.01            | 117.01            | 117.01            | 114.01            |
| 2.                      | Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor | 57.87             | 58.22             | 57.51             | 57.78             | 63.06             |
| Pihak Berkuasa Tempatan |                                        |                   |                   |                   |                   |                   |
| 1.                      | Majlis Perbandaran Ampang Jaya         | 3.63              | 3.13              | 2.50              | 2.00              | 15.60             |
| 2.                      | Majlis Daerah Hulu Selangor            | 0.01              | 0.01              | 0.01              | 0.00              | 0.00              |
| 3.                      | Majlis Perbandaran Kajang              | 0.00              | 0.00              | 0.00              | 5.00              | 15.00             |
| 4.                      | Majlis Perbandaran Selayang            | 0.00              | 0.00              | 0.00              | 0.00              | 10.02             |
| 5.                      | Majlis Daerah Sabak Bernam             | 0.00              | 0.00              | 0.00              | 0.00              | 3.02              |
| Badan-badan Lain        |                                        |                   |                   |                   |                   |                   |
| 1.                      | Kumpulan Darul Ehsan Berhad            | 100.00            | 102.50            | 92.75             | 117.64            | 118.44            |
| 2.                      | Amanah Saham Selangor                  | 25.00             | 20.00             | 20.00             | 20.00             | 20.00             |
| 3.                      | Yayasan Selangor                       | 28.88             | 30.45             | 29.81             | 30.21             | 30.51             |
| 4.                      | Syarikat Stadium Shah Alam Sdn. Bhd.   | 2.00              | 2.00              | 2.00              | 2.00              | 2.00              |
| 5.                      | Kolej Islam Darul Ehsan                | 0.00              | 4.00              | 4.00              | 4.00              | 4.00              |
| 6.                      | Institut Perindustrian Negeri Selangor | 0.00              | 0.00              | 17.00             | 17.00             | 17.00             |
| 7.                      | Universiti Industri Selangor           | 0.00              | 0.00              | 0.00              | 0.00              | 1.87              |
| 8.                      | Permodalan Negeri Selangor Berhad      | 0.00              | 0.00              | 0.00              | 30.00             | 31.20             |
| 9.                      | Selangor State Investment Centre       | 0.00              | 0.00              | 0.00              | 0.00              | 1.00              |
| 10.                     | PKPS Landskaping Sdn. Bhd.             | 0.00              | 0.00              | 0.00              | 0.00              | 0.30              |
| Jumlah                  |                                        | 334.19            | 337.32            | 342.59            | 402.64            | 447.03            |

*Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor*

Sehingga 31 Disember 2006, Kerajaan Negeri sepatutnya menerima sejumlah RM309.63 juta bayaran balik pinjaman. Bagaimanapun, pada tahun 2006 Kerajaan Negeri hanya menerima bayaran balik pinjaman berjumlah RM3.50 juta daripada Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor dan Majlis Perbandaran Ampang Jaya masing-masing berjumlah RM3 juta dan RM0.5 juta. Oleh itu, tunggakan berjumlah RM306.13 juta masih belum dijelaskan sehingga 31 Disember 2006, iaitu sejumlah RM255.78 juta tunggakan tahun sebelum dan RM50.35 juta tunggakan tahun semasa. Maklumat tunggakan dan bayaran balik adalah seperti di **Jadual 23**.

**Jadual 23**  
**Tunggakan Dan Bayaran Balik Pinjaman Bagi Tahun 2006**

| Bil.          | Peminjam                               | Tunggakan Sehingga Tahun 2005 (RM Juta) | Bayaran Balik Tahun 2006 |                      | Tunggakan Sehingga Tahun 2006 (RM Juta) |
|---------------|----------------------------------------|-----------------------------------------|--------------------------|----------------------|-----------------------------------------|
|               |                                        |                                         | Sepatutnya (RM Juta)     | Sebenarnya (RM Juta) |                                         |
| 1.            | Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor    | 72.01                                   | 15.00                    | 3.00                 | 84.01                                   |
| 2.            | Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor | 56.48                                   | 1.57                     | 0.00                 | 58.05                                   |
| 3.            | Majlis Perbandaran Ampang Jaya         | 0.00                                    | 0.50                     | 0.50                 | 0.00                                    |
| 4.            | Kumpulan Darul Ehsan Berhad            | 117.64                                  | 0.80                     | 0.00                 | 118.44                                  |
| 5.            | Yayasan Selangor                       | 9.65                                    | 4.38                     | 0.00                 | 14.03                                   |
| 6.            | Permodalan Negeri Selangor Berhad      | 0.00                                    | 31.20                    | 0.00                 | 31.20                                   |
| 7.            | Kolej Islam Darul Ehsan                | 0.00                                    | 0.40                     | 0.00                 | 0.40                                    |
| <b>Jumlah</b> |                                        | <b>255.78</b>                           | <b>53.85</b>             | <b>3.50</b>          | <b>306.13</b>                           |

*Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor*

### 3.8.2 Hutang Awam

Kerajaan Negeri dari semasa ke semasa menerima pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan bagi membiayai projek pembangunan. Pada akhir tahun 2006, baki hutang awam berjumlah RM1.04 bilion berkurangan sejumlah RM0.79 juta berbanding pada tahun 2005. Ini adalah kerana Kerajaan Negeri telah membuat bayaran balik hutang sejumlah RM0.79 juta bagi menjelaskan sebahagian daripada pinjaman Rumah Awam Kos Rendah dan Projek Ladang Hutan. Manakala tiada sebarang bayaran balik bagi pinjaman lain dibuat pada tahun 2006. Ini menyebabkan tunggakan bayaran balik pinjaman telah meningkat menjadi RM394.83 juta pada tahun 2006. Kedudukan hutang awam bagi tempoh 5 tahun adalah seperti di **Jadual 24**.

**Jadual 24**  
**Hutang Awam Bagi Tempoh 2002 Hingga 2006**

| Bil.          | Jenis Hutang                                             | Tahun           |                 |                 |                 |                 |
|---------------|----------------------------------------------------------|-----------------|-----------------|-----------------|-----------------|-----------------|
|               |                                                          | 2002 (RM Juta)  | 2003 (RM Juta)  | 2004 (RM Juta)  | 2005 (RM Juta)  | 2006 (RM Juta)  |
| 1.            | Bekalan Air                                              | 771.62          | 771.62          | 756.56          | 756.56          | 756.56          |
| 2.            | Rumah Awam Kos Rendah Dan Jaminan Tabung Perumahan Ehsan | 243.12          | 243.12          | 243.12          | 243.12          | 242.76          |
| 3.            | Projek Ladang Hutan                                      | 18.23           | 17.23           | 17.23           | 17.83           | 17.40           |
| 4.            | Pinjaman Pelbagai                                        | 23.79           | 23.79           | 23.79           | 23.79           | 23.79           |
| <b>Jumlah</b> |                                                          | <b>1,056.76</b> | <b>1,055.76</b> | <b>1,040.70</b> | <b>1,041.30</b> | <b>1,040.51</b> |

*Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor*

### 3.8.3 Tunggakan Hasil

Pada tahun 2006, tunggakan hasil Kerajaan Negeri daripada 123 pemungut berjumlah RM802.78 juta. Tunggakan telah meningkat sejumlah RM224.19 juta atau 38.7% berbanding sejumlah RM578.59 juta pada tahun 2005. Butiran tunggakan hasil tahun 2006 berbanding tahun 2005 adalah seperti di **Jadual 25**.

**Jadual 25**  
**Perbandingan Tunggakan Hasil Bagi Tahun 2005 Dan 2006**

| Bil.          | Jenis Hasil     | Tahun             |                   | Peningkatan/<br>(Pengurangan) |             |
|---------------|-----------------|-------------------|-------------------|-------------------------------|-------------|
|               |                 | 2005<br>(RM Juta) | 2006<br>(RM Juta) | (RM Juta)                     | (%)         |
| 1.            | Cukai Tanah     | 535.74            | 778.21            | 242.47                        | 45.3        |
| 2.            | Lain-lain Hasil | 42.85             | 24.57             | (18.28)                       | (42.7)      |
| <b>Jumlah</b> |                 | <b>578.59</b>     | <b>802.78</b>     | <b>224.19</b>                 | <b>38.7</b> |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor

Daripada jumlah tunggakan tersebut sejumlah RM778.21 juta atau 96.9% adalah tunggakan cukai tanah. Tunggakan bagi lain-lain hasil berjumlah RM24.57 juta termasuk jualan saham Selangor Oil Palm Industries Corporation pada tahun 1997 kepada Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor berjumlah RM22 juta. Butiran tunggakan cukai tanah semasa berbanding tahun lepas adalah seperti di **Jadual 26**.

**Jadual 26**  
**Tunggakan Cukai Tanah Mengikut Pejabat Daerah  
Dan Tanah Bagi Tahun 2005 Dan 2006**

| Bil.          | Pejabat Daerah Dan Tanah | Tahun             |                   | Peningkatan/<br>(Pengurangan) |             |
|---------------|--------------------------|-------------------|-------------------|-------------------------------|-------------|
|               |                          | 2005<br>(RM Juta) | 2006<br>(RM Juta) | (RM Juta)                     | (%)         |
| 1.            | Petaling                 | 152.00            | 334.80            | 182.80                        | 120.3       |
| 2.            | Klang                    | 148.90            | 174.06            | 25.16                         | 16.9        |
| 3.            | Gombak                   | 116.37            | 127.04            | 10.67                         | 9.2         |
| 4.            | Hulu Selangor            | 63.07             | 84.21             | 21.14                         | 33.5        |
| 5.            | Hulu Langat              | 30.74             | 37.70             | 6.96                          | 22.6        |
| 6.            | Kuala Langat             | 8.11              | 8.56              | 0.45                          | 5.5         |
| 7.            | Kuala Selangor           | 7.45              | 7.33              | (0.12)                        | (1.6)       |
| 8.            | Sabak Bernam             | 2.43              | 2.32              | (0.11)                        | (4.5)       |
| 9.            | Sepang                   | 6.67              | 2.19              | (4.48)                        | (67.2)      |
| <b>Jumlah</b> |                          | <b>535.74</b>     | <b>778.21</b>     | <b>242.47</b>                 | <b>45.3</b> |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor

Pejabat Daerah Dan Tanah Sepang menunjukkan penurunan tunggakan tertinggi sejumlah RM4.48 juta manakala Pejabat Daerah Dan Tanah Petaling merupakan pejabat pemungut yang mengalami peningkatan tunggakan tertinggi sejumlah RM182.80 juta. Pejabat Daerah Dan Tanah Petaling juga mempunyai tunggakan cukai tanah tertinggi sejumlah RM334.80 juta atau 43% daripada jumlah keseluruhan tunggakan cukai tanah.

Punca yang dikenal pasti oleh Perbendaharaan Negeri mengenai peningkatan tunggakan cukai tanah yang ketara adalah kerana cukai tanah telah dinaikkan pada kadar 10% pada tahun 2006. Tunggakan bagi tahun semasa melibatkan sebanyak 56.4% daripada keseluruhan jumlah tunggakan cukai tanah. Manakala 43.6% lagi adalah tunggakan cukai tanah bagi tahun 2005 dan sebelumnya. Masalah peningkatan tunggakan tersebut masih tidak dapat diatasi kerana perkara berikut:

- a) Jumlah tunggakan yang besar dimiliki oleh syarikat yang tidak dapat dikesan.
- b) Tindakan menghapus kira tunggakan yang mempunyai masalah ketara masih dalam penelitian dan pertimbangan.
- c) Proses pembersihan data masih belum selesai.
- d) Surat peringatan dan Notis 6A yang dikeluarkan kepada pemilik tanah masih tidak berkesan.

Kedudukan tunggakan hasil Negeri Selangor bagi tempoh 5 tahun adalah seperti di **Jadual 27**.

**Jadual 27**  
**Tunggakan Hasil Bagi Tempoh 2002 Hingga 2006**

| <b>Tahun</b> | <b>Cukai Tanah<br/>(RM Juta)</b> | <b>Lain-lain Hasil<br/>(RM Juta)</b> | <b>Hasil Hutan<br/>(RM Juta)</b> | <b>Jumlah<br/>(RM Juta)</b> |
|--------------|----------------------------------|--------------------------------------|----------------------------------|-----------------------------|
| 2002         | 107.44                           | 6.14                                 | 0.00                             | 113.58                      |
| 2003         | 349.72                           | 6.39                                 | 0.15                             | 356.26                      |
| 2004         | 465.49                           | 28.08                                | 0.00                             | 493.57                      |
| 2005         | 535.74                           | 42.85                                | 0.00                             | 578.59                      |
| 2006         | 778.21                           | 24.57                                | 0.00                             | 802.78                      |

*Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor*

### 3.8.4 Pelaburan

Pelaburan saham oleh Kerajaan Negeri melalui perbelanjaan mengurus ditunjukkan di Penyata Akaun Memorandum Pelaburan. Pada akhir tahun 2006, pelaburan saham berjumlah RM211.56 juta berbanding RM211.55 juta pada tahun 2005. Pelaburan ini terdiri daripada pelaburan melalui Perbadanan Menteri Besar sejumlah RM186.69 juta, Perbadanan Setiausaha Kerajaan berjumlah RM24 juta, saham PERNAS berjumlah RM0.50 juta dan pelaburan melalui pengurus portfolio Rashid Hussain Aset Management Sdn. Bhd. sejumlah RM0.37 juta. Kedudukan pelaburan Kerajaan Negeri bagi tempoh 2002 hingga 2006 adalah seperti di **Jadual 28**.

**Jadual 28**  
**Kedudukan Pelaburan Saham Bagi Tempoh 2002 Hingga 2006**

| Bil.                           | Perbadanan/Syarikat                      | Tahun             |                   |                   |                   |                   |
|--------------------------------|------------------------------------------|-------------------|-------------------|-------------------|-------------------|-------------------|
|                                |                                          | 2002<br>(RM Juta) | 2003<br>(RM Juta) | 2004<br>(RM Juta) | 2005<br>(RM Juta) | 2006<br>(RM Juta) |
| Perbadanan Menteri Besar       |                                          |                   |                   |                   |                   |                   |
| 1.                             | Permodalan Negeri Selangor Bhd.          | 9.00              | 9.00              | 9.00              | 9.00              | 9.00              |
| 2.                             | Tabung Amanah Saham Selangor Bhd.        | 2.00              | 2.00              | 2.00              | 2.00              | 2.00              |
| 3.                             | Brisdale Holding Berhad                  | 80.56             | 80.56             | 80.56             | 80.56             | 80.56             |
| 4.                             | Kumpulan Perangsang Selangor Bhd.        | 82.63             | 82.63             | 82.63             | 82.63             | 82.63             |
| 5.                             | Kumpulan Darul Ehsan Bhd.                | 12.50             | 12.50             | 12.50             | 12.50             | 12.50             |
| Jumlah                         |                                          | 186.69            | 186.69            | 186.69            | 186.69            | 186.69            |
| Perbadanan Setiausaha Kerajaan |                                          |                   |                   |                   |                   |                   |
| 1.                             | Permodalan Negeri Selangor Berhad        | 24.00             | 24.00             | 24.00             | 24.00             | 24.00             |
| Jumlah                         |                                          | 24.00             | 24.00             | 24.00             | 24.00             | 24.00             |
| Syarikat                       |                                          |                   |                   |                   |                   |                   |
| 1.                             | Rashid Hussain Aset Management Sdn. Bhd. | 0.32              | 0.33              | 0.34              | 0.36              | 0.37              |
| 2.                             | PERNAS (Atas Nama PKNS)                  | 0.50              | 0.50              | 0.50              | 0.50              | 0.50              |
| Jumlah                         |                                          | 0.82              | 0.83              | 0.84              | 0.86              | 0.87              |
| Jumlah Besar                   |                                          | 211.51            | 211.52            | 211.53            | 211.55            | 211.56            |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor

#### **4. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT**

Secara keseluruhannya, penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun 2006 adalah baik. Pada tahun 2006, aset Kerajaan Negeri dalam bentuk wang tunai dan pelaburan telah bertambah dari RM813.61 juta pada akhir tahun 2005 kepada RM991.75 juta pada akhir tahun 2006, iaitu peningkatan sebanyak 21.9%. Agensi Negeri pula masih belum membayar balik pinjaman yang telah matang berjumlah RM306.13 juta. Selain itu, Kerajaan Negeri belum dapat mengutip tunggakan hasil berjumlah RM802.78 juta pada akhir tahun 2006. Kedudukan kewangan Kerajaan Negeri akan bertambah baik sekiranya tunggakan hasil dan bayaran balik pinjaman daripada Agensi dapat dikutip. Kerajaan Negeri disyorkan terus berusaha mengutip tunggakan ini dan mengekalkan amalan perbelanjaan berhemat dan penyediaan bajet berimbang.

**BAHAGIAN III**  
**RANCANGAN PEMBANGUNAN**  
**KERAJAAN NEGERI**

### **BAHAGIAN III**

#### **RANCANGAN PEMBANGUNAN KERAJAAN NEGERI**

#### **5. KEMAJUAN PELAKSANAAN PROJEK PEMBANGUNAN RANCANGAN MALAYSIA KE SEMBILAN**

**5.1** Rancangan Malaysia Ke Sembilan (RMKe-9) Negeri Selangor untuk tempoh 5 tahun iaitu 2006 hingga 2010 telah digubal bagi menjelaskan strategi, program serta projek yang akan diperkenal dan dilaksanakan bagi mencapai objektif pembangunan Kerajaan Negeri. Selaras dengan status negeri maju pada tahun 2005, rancangan ini dijangka dapat merealisasikan pembangunan ekonomi negeri yang lebih kukuh dan stabil serta merupakan usaha berterusan untuk penambahbaikan sosioekonomi serta peningkatan kualiti hidup rakyat.

**5.2** Di bawah RMKe-9, Kerajaan Negeri telah meluluskan sejumlah RM2.70 bilion sebagai siling peruntukan yang akan diagih kepada 10 Jabatan/Agensi Negeri. Pengagihan peruntukan Negeri Selangor mengikut Jabatan adalah seperti di **Jadual 29**. Jabatan yang mendapat peruntukan terbesar ialah Pejabat Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan Negeri dengan peruntukan sejumlah RM852.50 juta, Jabatan Kerja Raya mendapat sejumlah RM500 juta dan Jabatan Agama Islam Selangor mendapat sejumlah RM450 juta, manakala bakinya diagihkan kepada lain-lain Jabatan.

**Jadual 29**  
**Pengagihan Peruntukan Negeri Selangor Mengikut Jabatan**

| <b>Bil.</b>   | <b>Jabatan</b>                                  | <b>Siling Peruntukan<br/>RMKe-9<br/>(RM Juta)</b> | <b>Peruntukan<br/>Tahun 2006<br/>(RM Juta)</b> |
|---------------|-------------------------------------------------|---------------------------------------------------|------------------------------------------------|
| 1.            | Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan Negeri    | 852.50                                            | 170.50                                         |
| 2.            | Perbendaharaan Negeri (Projek Am)               | 225.00                                            | 45.00                                          |
| 3.            | Perbendaharaan Negeri (Pengkomputeran)          | 5.00                                              | 1.00                                           |
| 4.            | Jabatan Pertanian Selangor                      | 75.00                                             | 15.00                                          |
| 5.            | Jabatan Perhutanan Selangor                     | 27.50                                             | 5.50                                           |
| 6.            | Jabatan Kerja Raya                              | 500.00                                            | 100.00                                         |
| 7.            | Jabatan Pengairan Dan Saliran                   | 225.00                                            | 45.00                                          |
| 8.            | Jabatan Agama Islam Selangor                    | 450.00                                            | 90.00                                          |
| 9.            | Jabatan Perancang Bandar Dan Desa               | 10.00                                             | 2.00                                           |
| 10.           | Jabatan Perkhidmatan Haiwan                     | 30.00                                             | 6.00                                           |
| 11.           | Jabatan Kehakiman Dan Mahkamah Syariah Selangor | 50.00                                             | 10.00                                          |
| 12.           | Luar Jangka                                     | 250.00                                            | 50.00                                          |
| <b>Jumlah</b> |                                                 | <b>2,700.00</b>                                   | <b>540.00</b>                                  |

*Sumber: Unit Perancangan Ekonomi Negeri*

**5.3** Pada tahun 2006 sejumlah RM540 juta diluluskan bagi tujuan projek pembangunan negeri. Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri memperoleh sejumlah RM170.50 juta atau 31.6%, Jabatan Kerja Raya memperoleh RM100 juta atau 18.5% dan Jabatan Agama Islam Selangor memperoleh RM90 juta atau 16.7% dari keseluruhan peruntukan. Sehingga 31 Disember 2006 sejumlah RM446.72 juta atau 82.7% telah dibelanjakan bagi membiayai sebanyak 735 projek yang telah dirancang bagi tempoh RMKe-9. Analisis prestasi pembangunan projek adalah seperti berikut:

- a) Bagi 163 projek lagi masih belum mula iaitu 95 projek di bawah peruntukan Jabatan Agama Islam, 59 projek di bawah seliaan Jabatan Kerja Raya dan 8 projek di bawah Jabatan Perhutanan dan satu projek di bawah Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri. Antara projek yang terlibat adalah pembinaan Sekolah Rendah Agama, masjid, menaik taraf jalan dan jambatan serta satu projek ditangguhkan iaitu pembinaan pintu gerbang antara KLIA dengan sempadan Negeri Selangor.
- b) Sebanyak 100 projek atau 13.6% masih lagi dalam perancangan/pelaksanaan. Antara projek yang terlibat ialah pembinaan jalan dan jambatan iaitu Jalan dari Ulu Chuchuh/KLIA bernilai RM30 juta, Projek Kuarters Kakitangan Daerah Hulu Selangor

bernilai RM8 juta, Sekolah Rendah Agama Tun Uda Seksyen 16, Shah Alam bernilai RM6 juta.

- c) Bagi projek lewat jadual, ianya terdiri daripada 3 projek di bawah Jabatan Kerja Raya iaitu pembinaan Jalan Revolusi Hijau Johan Setia dengan kos bernilai RM24.30 juta, menaik taraf Jalan Klang Lama, Daerah Petaling dengan kos bernilai RM19 juta dan kerja melebar serta memperkukuhkan Jalan Monterey ke TUDM bernilai RM11 juta. Manakala di bawah Jabatan Agama Islam, pembinaan Sekolah Rendah Agama Bagan Nira, Sabak Bernam yang telah diperuntukkan sejumlah RM0.50 juta dan perbelanjaan sebanyak RM0.25 juta bagi tahun 2006.
- d) Sejumlah 326 projek atau 44.4% telah siap dilaksanakan pada tahun 2006. Antara projek tersebut ialah pembinaan jalan dan jambatan baru, menaik taraf jalan dan jambatan, penyelenggaraan jalan dan membaik pulih bangunan di bawah seliaan Jabatan Kerja Raya. Selain itu, Pusat Pertumbuhan Desa Sg. Lang, Sabak Bernam dengan peruntukan sejumlah RM31 juta dan Sekolah Rendah Agama Seksyen 7, Pusat Bandar Sg. Buloh dengan peruntukan RM7 juta juga siap dibina. Prestasi pelaksanaan projek RMKe-9 adalah seperti di **Jadual 30**.

**Jadual 30**  
**Prestasi Pelaksanaan Projek RMKe-9 Setakat 31 Disember 2006**

| Bil.          | Jabatan                                      | Belum Mula | Sedang Dilaksanakan | Lewat Jadual | Ikut Jadual | Mendahului Jadual | Sudah Siap | Jumlah     |
|---------------|----------------------------------------------|------------|---------------------|--------------|-------------|-------------------|------------|------------|
| 1.            | Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri | 1          | 10                  | -            | 6           | 1                 | 4          | 22         |
| 2.            | Perbendaharaan Negeri                        | -          | -                   | -            | -           | -                 | -          | -          |
| 3.            | Perbendaharaan Negeri (Perkomputeran)        | -          | -                   | -            | -           | -                 | -          | -          |
| 4.            | Jabatan Pertanian Selangor                   | -          | -                   | -            | 48          | -                 | -          | 48         |
| 5.            | Jabatan Perhutanan Selangor                  | 8          | 1                   | -            | 5           | 4                 | 25         | 43         |
| 6.            | Jabatan Kerja Raya                           | 59         | 49                  | 3            | 6           | 2                 | 204        | 323        |
| 7.            | Jabatan Pengairan Dan Saliran                | -          | -                   | -            | 37          | -                 | -          | 37         |
| 8.            | Jabatan Agama Islam Selangor                 | 95         | 40                  | 1            | 19          | -                 | 81         | 236        |
| 9.            | Jabatan Perancang Bandar Dan Desa            | -          | -                   | -            | -           | -                 | -          | -          |
| 10.           | Jabatan Perkhidmatan Haiwan                  | -          | -                   | -            | 14          | -                 | -          | 14         |
| 11.           | Jabatan Kehakiman Dan Mahkamah Syariah       | -          | -                   | -            | -           | -                 | 12         | 12         |
| 12.           | Luar jangka                                  | -          | -                   | -            | -           | -                 | -          | -          |
| <b>Jumlah</b> |                                              | <b>163</b> | <b>100</b>          | <b>4</b>     | <b>135</b>  | <b>7</b>          | <b>326</b> | <b>735</b> |

Sumber: Unit Perancangan Ekonomi Negeri

**5.4** Secara keseluruhannya kebanyakan jabatan telah mencapai prestasi perbelanjaan 90% dan lebih. Tiga jabatan telah membelanjakan hampir keseluruhan peruntukan, dua jabatan telah mencapai 68.9% hingga 78% manakala Jabatan Kehakiman dan Mahkamah Syariah telah membelanjakan RM3.33 juta atau 33.3% daripada keseluruhan peruntukan berjumlah RM10 juta. Prestasi perbelanjaan keseluruhan pembangunan di bawah RMKe-9 adalah 82.7% adalah seperti di **Jadual 31**.

**Jadual 31**  
**Prestasi Perbelanjaan Pembangunan Di Bawah RMKe-9**

| <b>Bil.</b>   | <b>Jabatan</b>                               | <b>Peruntukan Diluluskan Tahun 2006 (RM Juta)</b> | <b>Perbelanjaan Sehingga 31.12.2006 (RM Juta)</b> | <b>Pencapaian (%)</b> |
|---------------|----------------------------------------------|---------------------------------------------------|---------------------------------------------------|-----------------------|
| 1.            | Perbendaharaan Negeri (Projek Am)            | 45.00                                             | 44.77                                             | 99.5                  |
| 2.            | Jabatan Perhutanan Selangor                  | 5.50                                              | 5.45                                              | 99.1                  |
| 3             | Jabatan Pertanian Selangor                   | 15.00                                             | 14.85                                             | 99.0                  |
| 4.            | Jabatan Kerja Raya                           | 100.00                                            | 98.03                                             | 98.0                  |
| 5.            | Jabatan Perancang Bandar Dan Desa            | 2.00                                              | 1.96                                              | 98.0                  |
| 6.            | Jabatan Pengairan Dan Saliran                | 45.00                                             | 44.04                                             | 97.9                  |
| 7.            | Jabatan Perkhidmatan Haiwan                  | 6.00                                              | 5.85                                              | 97.5                  |
| 8.            | Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan Negeri | 170.50                                            | 165.65                                            | 97.2                  |
| 9.            | Perbendaharaan Negeri (Pengkomputeran)       | 1.00                                              | 0.78                                              | 78.0                  |
| 10.           | Jabatan Agama Islam Selangor                 | 90.00                                             | 62.01                                             | 68.9                  |
| 11.           | Jabatan Kehakiman Dan Mahkamah Syariah       | 10.00                                             | 3.33                                              | 33.3                  |
| 12.           | Luar jangka                                  | 50.00                                             | 0.00                                              | 0.0                   |
| <b>Jumlah</b> |                                              | <b>540.00</b>                                     | <b>446.72</b>                                     | <b>82.7</b>           |

*Sumber: Unit Perancangan Ekonomi Negeri*

## **5.5 RUMUSAN**

Pada keseluruhannya, prestasi pencapaian pelaksanaan RMKe-9 adalah baik di mana 326 projek daripada 735 projek yang dirancang telah dapat dilaksanakan. Pelaksanaan yang lancar akan dapat mempertingkatkan lagi taraf hidup rakyat Negeri Selangor.

## **BAHAGIAN IV**

### **PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN NEGERI**

## **BAHAGIAN IV**

### **PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN NEGERI**

#### **6. PENDAHULUAN**

Selain mengesahkan Penyata Kewangan, Jabatan Audit Negara juga menjalankan pengauditan Pengurusan Kewangan, Program Anak Angkat dan Program Penampilan Audit bagi membantu mempertingkatkan tahap akauntabiliti pengurusan kewangan Jabatan. Pada tahun 2006, pengauditan pengurusan kewangan telah dijalankan di Pejabat Perbendaharaan Negeri serta 4 Jabatan Negeri. Jabatan Negeri yang terlibat terdiri daripada Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Selangor, Pejabat Daerah Dan Tanah Sepang, Jabatan Kehakiman Dan Mahkamah Syariah serta Jabatan Kebajikan Masyarakat. Selain itu, 2 Pejabat Daerah Dan Tanah telah diambil menjadi Anak Angkat dan 44 Jabatan/Pejabat telah dipilih untuk pemeriksaan Penampilan Audit. Hasil pemeriksaan dan lawatan Audit mendapati pengurusan kewangan Jabatan Negeri bertambah baik. Bagaimanapun, masih ada antaranya yang mempunyai berbagai masalah dan kelemahan kawalan hasil, perbelanjaan, akaun amanah/deposit dan pengurusan aset. Langkah telah diambil oleh Perbendaharaan Negeri bagi memantapkan prestasi pengurusan kewangan antaranya adalah mempertingkatkan lagi peranan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun serta meningkatkan komitmen dan kesedaran pihak atasan akan kepentingan pengurusan kewangan serta pemantauan yang berterusan.

### **PERBENDAHARAAN NEGERI**

#### **7. LATAR BELAKANG**

**7.1** Perbendaharaan Negeri adalah Jabatan yang bertanggungjawab untuk menetapkan dasar dan peraturan kewangan Kerajaan Negeri. Tanggungjawab ini juga termasuk mengawal selia Jabatan Negeri dengan memastikan wujudnya sistem pengurusan kewangan dan perakaunan yang teratur, kemas dan berkesan. Bagi memenuhi objektif ini, Perbendaharaan Negeri perlu memastikan Pegawai Pengawal sentiasa mematuhi peraturan dan undang-undang mengenai kutipan hasil, pengurusan perbelanjaan, pengendalian wang amanah, penjagaan aset dan penyelenggaraan rekod kewangan.

**7.2** Pejabat Perbendaharaan Negeri diketuai oleh Pegawai Kewangan Negeri dan dibahagikan kepada 3 bahagian iaitu Bahagian Khidmat Pengurusan, Bahagian

Pengurusan Kewangan dan Bahagian Pengurusan Perakaunan. Sejumlah 119 perjawatan telah diluluskan, 112 perjawatan diisi manakala 7 lagi perjawatan masih belum diisi. Daripada 112 perjawatan yang diisi, 1 jawatan adalah dari Kumpulan Pengurusan Tertinggi, 9 dari Kumpulan Pengurusan Dan Profesional dan 102 jawatan dari Kumpulan Sokongan. Selain itu, 48 orang pegawai telah dilantik secara kontrak dan sambilan.

## **8. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada peraturan kewangan dipatuhi dan rekod kewangan diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini serta wujudnya kawalan dalaman yang berkesan terhadap pengurusan kewangan.

## **9. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN**

Skop pengauditan meliputi rekod kewangan yang diselenggara di Pejabat Perbendaharaan Negeri bagi tempoh bulan Januari hingga Disember 2006. Antara rekod dan dokumen utama yang disemak adalah bajet, waran peruntukan, baucar bayaran, penyata pemungut, jurnal, penyata penyesuaian bank, buku tunai, lejar, rekod pinjaman, amanah dan pelaburan. Perbincangan dan temu bual dengan pegawai Perbendaharaan Negeri juga diadakan untuk mendapat ulasan dan penjelasan lanjut. Selain itu, Jabatan Audit Negara juga menilai tahap pencapaian, peranan dan tanggungjawab Perbendaharaan Negeri sebagai agensi pengawal kewangan.

## **10. PENEMUAN AUDIT**

### **10.1 KAWALAN BAJET**

Mengikut Undang-undang Tubuh Negeri Selangor 1959 dan Seksyen 15 Akta Prosedur Kewangan 1957, bajet hendaklah disediakan dan dibentangkan di Dewan Undangan Negeri untuk kelulusan. Kerajaan Negeri telah memperkenalkan Bajet Dwi Tahunan mulai bajet tahun 2003/2004. Garis panduan penyediaan bajet 2005/2006 telah dikeluarkan pada bulan April 2004 yang mengarahkan Jabatan menyediakan bajet tahun 2006 untuk belanja mengurus sahaja. Bajet bagi perbelanjaan pembangunan disediakan mengikut Pekeliling Perbendaharaan Negeri Bilangan 3 Tahun 2005.

#### **10.1.1 Kedudukan Bajet**

- a) Bajet 2006 adalah disediakan secara berimbang iaitu peruntukan belanja mengurus dan pembangunan tidak melebihi anggaran hasil yang dijangka akan diperoleh pada

tahun 2006. Ia berdasarkan perbelanjaan berhemat dan memberi keutamaan kepada peningkatan pertumbuhan dan hasil Kerajaan Negeri. Bagi tahun 2006, Kerajaan Negeri menganggarkan perolehan hasil berjumlah RM1.12 bilion iaitu meningkat sejumlah RM40 juta berbanding dengan anggaran hasil tahun 2005. Faktor utama peningkatan ini ialah kenaikan 10% kadar cukai tanah yang berkuatkuasa pada 1 Januari 2006 dan peningkatan usaha untuk memungut tunggakan cukai tanah. Anggaran hasil daripada Hasil Cukai berjumlah RM374 juta, Hasil Bukan Cukai berjumlah RM391.3 juta dan Pelbagai Hasil berjumlah RM354.7 juta.

- b) Anggaran belanja mengurus 2006 adalah bersamaan dengan anggaran hasil yang akan dikutip berjumlah RM1.12 bilion. Anggaran ini merangkumi perbelanjaan emolumen berjumlah RM175.22 juta dan perbelanjaan lain berjumlah RM944.78 juta termasuk caruman kepada Kumpulanwang Pembangunan berjumlah RM534.5 juta dan Kumpulanwang Pembangunan Hutan berjumlah RM5.50 juta.

#### **10.1.2 Pembentangan Bajet**

Anggaran Bajet yang disediakan itu telah dibentang dan diluluskan di Dewan Undangan Negeri pada awal bulan Disember 2005. Waran Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan telah ditandatangani oleh Menteri Besar pada pertengahan Disember 2005 bagi membolehkan pengeluaran wang daripada Kumpulanwang Disatukan.

**Pada pendapat Audit, penyediaan bajet Kerajaan Negeri telah dilaksanakan dengan sempurna dan mendapat kelulusan Dewan Undangan Negeri.**

### **10.2 KAWALAN HASIL**

Pada tahun 2006 Kerajaan Negeri telah mengutip hasil berjumlah RM1.16 bilion iaitu meningkat sejumlah RM192.45 juta atau 19.9% berbanding hasil tahun 2005 yang berjumlah RM967.76 juta. Hasil Bukan Cukai iaitu hasil yang diterima kerana perkhidmatan yang diberikan menjadi penyumbang utama bagi hasil tahun 2006 iaitu sebanyak 42.6% daripada keseluruhan hasil. Penyumbang kedua terbesar sebanyak 39% ialah Hasil Cukai iaitu hasil yang dikutip berdasarkan kehendak perundangan. Selain itu, kategori Terimaan Bukan Hasil yang diperolehi daripada pulanganbalik perbelanjaan turut menyumbang hasil sebanyak 18.4%. Pekeliling berkaitan peraturan kewangan dan Arahan Perbendaharaan menetapkan kawalan hasil yang perlu dipatuhi bagi memastikan kawalan dalaman yang sewajarnya diwujudkan oleh Pejabat Perbendaharaan. Semakan Audit terhadap kawalan hasil mendapati perkara berikut:

### **10.2.1 Penyerahan Akaun Tunai Bulanan**

Perbendaharaan Negeri bertanggungjawab memastikan semua kutipan diakaunkan dengan sempurna dan mematuhi peraturan. Arahan Perbendaharaan 145 menetapkan setiap Pemungut Hasil mengemukakan Akaun Tunai Bulanan kepada Perbendaharaan Negeri selewat-lewatnya dalam tempoh 10 hari selepas akhir setiap bulan berkenaan. Unit Audit Tunai Perbendaharaan Negeri bertanggungjawab untuk memastikan pematuhan arahan tersebut. Semakan Audit terhadap Buku Daftar Terimaan Akaun Tunai Bulanan bagi tahun 2006 mendapati perkara berikut:

- a) Sebanyak 32 Pemungut Hasil lewat menghantar 128 Akaun Tunai Bulanan antara satu hingga 11 bulan kepada Perbendaharaan Negeri berbanding 17 Pemungut Hasil lewat menghantar 78 Akaun Tunai Bulanan antara satu hingga 10 bulan pada tahun 2005.
- b) Ibu Pejabat Jabatan Agama Islam dan Pejabat Polis Petaling tidak mengemukakan Akaun Tunai Bulanan bagi tempoh September hingga Disember 2006 ke Pejabat Perbendaharaan. Manakala Pejabat Perikanan Pelabuhan Klang I tidak menghantar Akaun Tunai Bulanan bagi bulan April 2006 dan Pejabat Pendaftaran Petaling Jaya tidak menghantar Akaun Tunai Bulanan bagi tempoh Januari hingga Disember 2006 kerana tiada kutipan hasil.

Menurut Pejabat Pemungut, punca utama kelewatan penghantaran adalah kerana kekurangan kakitangan. Walaupun Unit Audit Tunai telah mengeluarkan surat peringatan dan mengadakan lawatan ke Pejabat Pemungut yang bermasalah namun kelewatan penghantaran Akaun Tunai Bulanan masih belum dapat diatasi.

### **10.2.2 Pemprosesan Penyata Pemungut Dan Pengeluaran Resit Perbendaharaan**

Arahan Perbendaharaan 79(c), menghendaki setiap pejabat yang memungut hasil mengemukakan penyata pemungut kepada Perbendaharaan Negeri dengan secepat mungkin. Pihak bank akan menyerahkan penyata pemungut kepada pihak Perbendaharaan Negeri pada setiap minggu. Semua butiran dalam penyata pemungut diakaunkan oleh Perbendaharaan Negeri ke Sistem Terimaan selepas disemak dengan penyata bank. Seterusnya resit rasmi Perbendaharaan Negeri akan dikeluarkan dan Buku Tunai Harian Terimaan serta Laporan Urusniaga Akaun Hasil akan dicetak. Pada tahun 2006 terdapat sebanyak 27,007 penyata pemungut yang berjumlah RM1.45 bilion. Semakan Audit terhadap 374 penyata pemungut berjumlah RM20.82 juta mendapati pejabat pemungut telah mematuhi peraturan yang ditetapkan.

### **10.2.3 Pengesahan Laporan Hasil Bulanan**

Menurut Arahan Perbendaharaan 143(b), semua Pegawai Pengawal perlu menyesuaikan dan mengesahkan Laporan Hasil Bulanan yang dihantar setiap bulan oleh Perbendaharaan Negeri dengan rekod hasil Jabatannya. Penyata Penyesuaian perlu disediakan jika terdapat perbezaan bagi memastikan pungutan hasil telah diakaun dengan betul dan sempurna. Semakan Audit terhadap Daftar Status Laporan Penghantaran Penyata Penyesuaian Hasil Tahun 2006 setakat bulan Mei 2007, menunjukkan sebanyak 46 Pejabat Pemungut mengambil masa antara 3 hingga 11 bulan untuk mengemukakan Penyata Penyesuaian Hasil ke Perbendaharaan Negeri. Ini menunjukkan Laporan Hasil Bulanan lewat disahkan. Pejabat yang terlibat adalah Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Selangor, Jabatan Agama Islam Hulu Langat dan Jabatan Kerja Raya Klang. Semakan lanjut mendapati 10 Pejabat Pemungut masih belum menghantar Penyata Penyesuaian Hasil untuk 2 hingga 12 bulan. Pejabat yang terlibat termasuk Pejabat Agama Islam Shah Alam, Pejabat Perikanan Klang I, Pejabat Polis Petaling dan Pejabat Pendaftaran Shah Alam. Oleh itu, Laporan Hasil Bulanan bagi pejabat tersebut tidak dapat dipastikan ketepatannya. Pihak Perbendaharaan Negeri telah mengambil langkah mengeluarkan surat peringatan kepada Jabatan dan Pejabat berkenaan bagi mengatasi masalah tersebut. Bagaimanapun, perkara ini masih berulang dan telah dilaporkan dalam Laporan Audit Tahun 2005.

### **10.2.4 Tunggakan Hasil**

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7 Tahun 1986 menghendaki Pemungut Hasil mengemukakan Penyata Tunggakan Hasil kepada Perbendaharaan Negeri sebelum akhir bulan Februari tahun berikutnya. Perbendaharaan Negeri bertanggungjawab memantau penghantaran Penyata Tunggakan Hasil setiap tahun. Semakan Audit mendapati semua Pemungut Hasil telah mengemukakan Penyata Tunggakan Hasil kepada Perbendaharaan Negeri dan rekod penyelenggaraan adalah sempurna. Pada tahun 2006, Pemungut Hasil melaporkan tunggakan hasil berjumlah RM802.78 juta iaitu meningkat sejumlah RM224.19 juta atau 38.7% berbanding RM578.59 juta pada tahun 2005. Tunggakan tersebut termasuk sejumlah RM778.21 juta atau 96.9% tunggakan cukai tanah. Pemantauan Perbendaharaan Negeri terhadap tunggakan cukai tanah mendapati tindakan berikut telah diambil oleh Pejabat Pemungut.

- a)** Menghantar surat peringatan dan pengeluaran Notis 6A.
- b)** Membuat siasatan mengenai maklumat pemilik tanah yang mempunyai tunggakan.
- c)** Membuat siasatan ke atas rekod tanah jika pemilik tidak dapat dikenal pasti.
- d)** Membenarkan bayaran cukai tanah dibuat secara ansuran.

- e) Mengadakan siri perbincangan dengan “Penunggak Tegar” bersama Pegawai Daerah secara berkala.
- f) Menghantar pasukan petugas dari Jabatan Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Selangor ke setiap daerah untuk memberi taklimat kepada Penghulu, Ketua Kampung dan pemilik tanah yang mempunyai tunggakan.
- g) Melancarkan kempen kesedaran membayar cukai tanah secara menyeluruh melalui akhbar utama, radio rasmi kerajaan, papan iklan, poster, risalah dan *bunting*.
- h) Menambah saluran pembayaran melalui CIMB Bank, Bank Islam Malaysia Berhad, AmBank Berhad, MBF Berhad, RHB Bank Berhad, Pos Malaysia Berhad dan semua kaunter Pihak Berkuasa Tempatan.
- i) Mengeluarkan Notis 8A iaitu Perampasan Tanah. Sehingga tahun 2006, sebanyak 55 Notis 8A telah dikeluarkan iaitu 8 notis di daerah Klang telah diwartakan pada bulan Oktober 2006 dan 47 notis di daerah Hulu Langat yang sedang dalam proses pewartaan.

#### **10.2.5 Penyata Penyesuaian Bank Terimaan**

##### **a) Penyerahan Penyata Penyesuaian Bank Terimaan**

Pihak Audit mendapati Perbendaharaan Negeri menyelenggara 7 Akaun Terimaan. Bagaimanapun, Perbendaharaan Negeri telah mengemukakan Penyata Penyesuaian Bank Akaun Terimaan Utama bagi bulan Januari dan Februari 2006 sahaja. Manakala Penyata Penyesuaian Bank untuk 6 akaun yang lain lewat dihantar kepada pihak Audit iaitu 2 minggu hingga melebihi 6 bulan. Arahan Perbendaharaan 146 yang menetapkan bahawa Penyata Penyesuaian Bank hendaklah disediakan dan dikemukakan kepada Jabatan Audit Negara selewat-lewatnya 2 minggu selepas akhir setiap bulan tidak dipatuhi. Pihak Perbendaharaan Negeri memaklumkan kelewatan tersebut berlaku kerana pihak bank lewat mengemukakan data mulai Januari 2006. Butiran kelewatan Penyerahan Penyata Penyesuaian Bank adalah seperti di **Jadual 32**.

**Jadual 32**  
**Kelewatan Penyerahan Penyata Penyesuaian Bank**

| Perkara                                   | Tempoh Kelewatan          |                        |                        |                  |
|-------------------------------------------|---------------------------|------------------------|------------------------|------------------|
|                                           | 2 Minggu Sehingga 1 Bulan | 1 Bulan Hingga 3 Bulan | 3 Bulan Hingga 6 Bulan | Melebihi 6 Bulan |
| Bilangan Penyata Penyesuaian Bank Bulanan | 8                         | 30                     | 17                     | 15               |

*Sumber: Penyata Penyesuaian Bank Terimaan 2006*

**b) Urus Niaga Belum Dilaraskan**

Penyata Penyesuaian Bank bagi 6 Akaun Terimaan yang diserahkan setakat bulan Disember 2006 mendapati beberapa urus niaga yang belum dilaraskan. Nilai urus niaga terlibat adalah seperti di **Jadual 33**. Perbendaharaan Negeri hendaklah mengambil tindakan mengemas kini Penyata Penyesuaian Bank dan menyelaraskan perbezaan antara baki di penyata bank dengan baki di buku tunai.

**Jadual 33**  
**Urus Niaga Yang Belum Dilaraskan Pada 31 Disember 2006**

| Bil.          | Perkara                                               | Tempoh            |                   |                   |                                  |
|---------------|-------------------------------------------------------|-------------------|-------------------|-------------------|----------------------------------|
|               |                                                       | 3 Tahun (RM Juta) | 2 Tahun (RM Juta) | 1 Tahun (RM Juta) | 6 Bulan Hingga 1 Tahun (RM Juta) |
| 1.            | Urus Niaga Debit Di Penyata Bank Tiada Di Buku Tunai  | 0.29              | 2.85              | 0.34              | 201.24                           |
| 2.            | Urus Niaga Kredit Di Penyata Bank Tiada Di Buku Tunai | 0.04              | 0.90              | 2.38              | 176.05                           |
| 3.            | Urus Niaga Debit Di Buku Tunai Tiada Di Penyata Bank  | 8.49              | 0.72              | 2.87              | 421.71                           |
| 4.            | Urus Niaga Kredit Di Buku Tunai Tiada Di Penyata Bank | 7.63              | 3.50              | 0.48              | 256.84                           |
| <b>Jumlah</b> |                                                       | <b>16.45</b>      | <b>7.97</b>       | <b>6.07</b>       | <b>1,055.84</b>                  |

*Sumber: Penyata Penyesuaian Bank Disember 2006*

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya kawalan hasil Perbendaharaan Negeri adalah memuaskan. Bagaimanapun, penyediaan Penyata Penyesuaian Hasil Bulanan dan Penyata Penyesuaian Bank hendaklah diberi keutamaan supaya ia disediakan dengan tepat dan dalam tempoh yang ditetapkan.

### **10.3 KAWALAN PERBELANJAAN**

Perbendaharaan Negeri bertanggungjawab mengawal perbelanjaan mengurus dan pembangunan yang dilakukan oleh semua Jabatan Negeri. Pada tahun 2006, sejumlah RM1.09 bilion telah dibelanjakan. Jumlah ini termasuk perbelanjaan mengurus berjumlah

RM547.69 juta, caruman kepada Kumpulanwang Pembangunan berjumlah RM534.50 juta dan Kumpulanwang Pembangunan Hutan berjumlah RM5.50 juta.

### 10.3.1 Kawalan Perbelanjaan Mengurus

Perbelanjaan mengurus terdiri daripada bayaran Emolumen, Perkhidmatan Bekalan, Pemilikan Aset, Pemberian Dan Bayaran Tetap serta Pelbagai Perbelanjaan. Sejumlah RM1.12 bilion telah diperuntukkan bagi perbelanjaan tahun 2006. Daripada jumlah tersebut sejumlah RM1.09 bilion atau 97.1% telah dibelanjakan. Perbandingan perbelanjaan mengurus dengan peruntukan yang diluluskan bagi tahun 2006 adalah seperti di **Jadual 34**.

**Jadual 34**  
**Perbelanjaan Mengurus Bagi Tahun 2006**

| Bil.          | Maksud Perbelanjaan         | Peruntukan<br>(RM Juta) | Perbelanjaan<br>(RM Juta) | Pencapaian<br>(%) |
|---------------|-----------------------------|-------------------------|---------------------------|-------------------|
| 1.            | Emolumen                    | 176.64                  | 171.86                    | 97.3              |
| 2.            | Perkhidmatan Bekalan        | 257.84                  | 253.70                    | 98.4              |
| 3.            | Pemilikan Aset              | 14.43                   | 13.74                     | 95.2              |
| 4.            | Pemberian Dan Bayaran Tetap | 660.52                  | 638.29                    | 96.6              |
| 5.            | Pelbagai Perbelanjaan       | 10.57                   | 10.10                     | 95.6              |
| <b>Jumlah</b> |                             | <b>1,120.00</b>         | <b>1,087.69</b>           | <b>97.1</b>       |

*Sumber: Rekod Perbendaharaan Negeri*

#### a) Perbelanjaan Kurang 50% Daripada Peruntukan Yang Dibenarkan

Perbelanjaan bagi 7 butiran berjumlah RM4.42 juta yang melibatkan 7 Jabatan merupakan perbelanjaan kurang 50% daripada peruntukan yang diluluskan iaitu berjumlah RM26.46 juta. Daripada 7 butiran tersebut, peratus perbelanjaan bagi butiran Tuntutan Insurans Dan Pampasan serta butiran Faedah, Dividen Dan Kenaan Bayaran Hutang Negara Yang Lain adalah yang paling kurang dibelanjakan. Perbelanjaan untuk 2 butiran ini adalah berjumlah RM3.77 juta atau 15.1% daripada peruntukan yang diluluskan berjumlah RM25 juta. Ini adalah kerana tuntutan insurans dan pampasan adalah kurang dalam tahun 2006. Selain itu, Kerajaan Negeri hanya menjelaskan bayaran hutang berjumlah RM1.72 juta kepada Kerajaan Persekutuan daripada sejumlah RM15 juta yang diperuntukkan.

#### b) Pindah Peruntukan

Perbendaharaan Negeri perlu memastikan Waran Pindah Peruntukan diluluskan sebelum berakhirnya tahun kewangan berkenaan. Mengikut Arahan Perbendaharaan 51 dan Seksyen 15(4) Akta Prosedur Kewangan 1957, pindah

peruntukan boleh dibuat di bawah pelbagai butiran perbelanjaan dengan syarat ia tidak melebihi jumlah yang diperuntukkan. Pada tahun 2006, sebanyak 694 Waran Pindah Peruntukan berjumlah RM66.28 juta telah diluluskan. Daripada jumlah tersebut, pindah peruntukan berjumlah RM18.23 juta bagi 16 butiran telah diluluskan untuk 22 Jabatan iaitu melebihi 100% daripada peruntukan asal yang berjumlah RM5.85 juta. Keadaan ini masih lagi berlaku walaupun Perbendaharaan Negeri telah mengarahkan Jabatan menyediakan bajet dengan lebih tepat untuk tahun 2006. Jabatan yang terlibat bagi tambahan pindah peruntukan terbesar adalah Jabatan Kerja Raya iaitu berjumlah RM13.68 juta.

**c) Perbelanjaan Luar Jangka**

Pada tahun 2006, Kerajaan Negeri telah meluluskan sejumlah RM29.94 juta untuk perbelanjaan luar jangka bagi membiayai perbelanjaan mengurus yang tidak diperuntukkan. Termasuk di bawah kelulusan tersebut ialah sejumlah RM10.82 juta yang merupakan perbelanjaan tambahan bagi belanja mengurus antaranya seperti bayaran lebih masa kakitangan, elaun sara hidup dan pembelian aset bagi 13 Jabatan dan Agensi Kerajaan.

**10.3.2 Kawalan Perbelanjaan Pembangunan**

Kumpulanwang ini ditubuhkan di bawah Akta Kumpulanwang Pembangunan Tahun 1966 dan diakaunkan dalam Penyata Kumpulanwang Pembangunan. Sumber kewangan Kumpulanwang ini terdiri daripada caruman Akaun Hasil Disatukan dan terimaan daripada Kerajaan Persekutuan. Wang dalam Kumpulanwang ini hanya boleh dibelanjakan untuk maksud seperti yang ditetapkan dalam akta tersebut.

**a) Kawalan Peruntukan**

Pada tahun 2006, Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan berjumlah RM534.50 juta untuk perbelanjaan pembangunan Negeri Selangor bagi projek di bawah RMKe-9. Daripada jumlah tersebut sejumlah RM459.73 juta atau 86% telah dibelanjakan. Semakan Audit mendapati kawalan peruntukan perbelanjaan pembangunan adalah memuaskan kerana kebanyakan Jabatan telah membelanjakan melebihi 50% daripada peruntukan yang diluluskan.

**b) Pindah Peruntukan**

Pindahan peruntukan boleh dilakukan di bawah pelbagai butiran perbelanjaan selaras dengan undang-undang dan peraturan kewangan dengan syarat ia tidak melebihi jumlah besar peruntukan. Sejumlah 29 Waran Pindah Peruntukan berjumlah RM114.08 juta telah diluluskan bagi 8 jabatan pada tahun 2006. Pihak

Audit mendapati satu waran telah diluluskan pada awal tahun 2007 berjumlah RM1.48 juta. Jabatan yang membuat pindah peruntukan tertinggi ialah Jabatan Kerja Raya berjumlah RM42.23 juta, Pejabat Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan Negeri berjumlah RM37.70 juta, Jabatan Agama Islam berjumlah RM22.99 juta dan Jabatan Pengairan Dan Saliran berjumlah RM7.73 juta.

### **10.3.3 Kawalan Pembayaran**

Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab terhadap segala pembayaran yang dilakukan oleh Jabatan. Beliau hendaklah memastikan setiap pembayaran mempunyai peruntukan, disokong dengan dokumen yang lengkap, disemak dan diluluskan oleh pegawai bertanggungjawab serta diperakakan dengan betul. Perbendaharaan Negeri sebagai pejabat pembayar bertanggungjawab menyemak dan meluluskan dokumen bayaran tertakluk kepada peraturan sedia ada.

#### **a) Prosedur Pemprosesan Bayaran**

- i) Kerajaan Negeri telah melaksanakan Sistem Perakaunan Berkomputer Standard Kerajaan Negeri yang mengandungi 10 modul secara berperingkat. Modul operasi pemprosesan bayaran di Pusat Tanggungjawab (PTJ) ialah Modul PTJ Kewangan (yang menggantikan Modul Buku Vot). Sebanyak 9 PTJ masih belum melaksanakan modul ini. PTJ terlibat adalah Institut Latihan Dakwah Negeri Selangor dan 8 Jabatan Persekutuan di Negeri Selangor. Pihak Audit mendapati kelewatan ini berpunca daripada masalah talian perhubungan.
- ii) Modul PTJ Kewangan dapat memproses semua jenis bayaran secara *on-line* tanpa menghantar baucar dan dokumen sokongan kepada Perbendaharaan Negeri untuk semakan dan kelulusan. Bagaimanapun sebagai langkah kawalan dalaman, PTJ diarahkan menghantar baucar pembangunan dan baucar di bawah bayaran Arahan Perbendaharaan 58(a) kepada Perbendaharaan Negeri untuk kelulusan.
- iii) Bagi memudahkan prosedur pembayaran, Perbendaharaan Negeri telah mengeluarkan bayaran melalui pindahan dana secara elektronik kepada akaun bank penerima. Bayaran untuk 5 PTJ telah ditukar kepada cara pembayaran ini pada tahun 2006.
- iv) Perbendaharaan Negeri memantau pelaksanaan SPEKS melalui Unit Naziran yang membuat semakan terhadap proses pembayaran dan dokumen kewangan SPEKS di 14 PTJ dalam tahun 2006. Semakan dibuat terhadap baucar bayaran, buku vot, dokumen gaji dan laporan urus niaga harian.

## **b) Penyata Penyesuaian Bank Bayaran**

### **i) Buku Tunai**

Perbendaharaan Negeri menyelenggara 2 buku tunai bayaran iaitu buku tunai Akaun Utama Bayaran dan buku tunai Akaun Pemindahan Dana Secara Elektronik. Buku tunai Akaun Utama Bayaran diselenggara untuk mengakaunkan semua urusan pembayaran biasa. Buku tunai Akaun Pemindahan Dana Secara Elektronik pula diselenggara bagi mengakaunkan pembayaran yang dilakukan melalui pemindahan dana secara elektronik.

### **ii) Penyerahan Penyata Penyesuaian Bank**

Mengikut Arahan Perbendaharaan 146, Perbendaharaan Negeri hendaklah menyediakan penyata penyesuaian bank bulanan dan mengemukakan kepada Jabatan Audit Negara selewat-lewatnya 2 minggu selepas akhir setiap bulan. Pada tahun 2006, Perbendaharaan Negeri hanya mengemukakan penyata penyesuaian bank bagi Akaun Utama Bayaran sahaja manakala bagi Akaun Pemindahan Dana Secara Elektronik tidak ada sebarang penyata penyesuaian bank dikemukakan. Semakan terhadap penyata penyesuaian bank Akaun Utama Bayaran yang dikemukakan untuk pengauditan mendapati berlaku kelewatan menyerahkan penyata tersebut antara 2 hingga 15 minggu. Kelewatan yang ketara iaitu bagi bulan September dan Oktober masing-masing 15 dan 13 minggu. Pihak Perbendaharaan Negeri memaklumkan bahawa kelewatan ini berlaku kerana terdapat masalah teknikal pada Modul Penyata Penyesuaian Bank dalam SPEKS.

### **iii) Urus Niaga Belum Dilaraskan**

Semakan terhadap penyata penyesuaian bank sehingga Disember 2006 menunjukkan urus niaga yang belum dilaraskan adalah seperti di **Jadual 35**. Perbendaharaan Negeri hendaklah mengambil tindakan untuk mengemaskinikan penyata dengan menyelaraskan perbezaan yang berlaku antara baki di penyata bank dengan baki di buku tunai.

**Jadual 35**  
**Urus Niaga Yang Belum Dilaraskan Pada Disember 2006**

| Bil.          | Perkara                                               | Tempoh               |                      |                      |                                           |
|---------------|-------------------------------------------------------|----------------------|----------------------|----------------------|-------------------------------------------|
|               |                                                       | 3 Tahun<br>(RM Juta) | 2 Tahun<br>(RM Juta) | 1 Tahun<br>(RM Juta) | 6 Bulan<br>Hingga<br>1 Tahun<br>(RM Juta) |
| 1.            | Urus Niaga Debit Di Buku Tunai Tiada Di Penyata Bank  | 76.50                | 88.17                | 0.00                 | 2.37                                      |
| 2.            | Urus Niaga Debit Di Penyata Bank Tiada Di Buku Tunai  | 0.04                 | 0.07                 | 10.26                | 27.53                                     |
| 3.            | Urus Niaga Kredit Di Penyata Bank Tiada Di Buku Tunai | 48.83                | 33.33                | 3.43                 | 1.27                                      |
| 4.            | Cek Luput Yang Belum Dilaraskan                       | 0.09                 | 91.55                | 9.85                 | 0.97                                      |
| <b>Jumlah</b> |                                                       | <b>125.46</b>        | <b>213.12</b>        | <b>23.54</b>         | <b>32.14</b>                              |

*Sumber: Penyata Penyesuaian Bank Bayaran Disember 2006*

**c) Pengesahan Perbelanjaan**

- i) Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 8 Tahun 1987, Pegawai Pengawal hendaklah menyemak setiap bulan rekod perbelanjaannya dengan Laporan Perbelanjaan Bulanan yang dicetak oleh PTJ. Sijil Pengesahan dan Penyata Penyesuaian perlu disedia dan dikemukakan ke Perbendaharaan Negeri dalam tempoh dua minggu dari tarikh laporan tersebut dicetak oleh PTJ pada setiap akhir bulan.
- ii) Semakan Audit terhadap Daftar Penyerahan Penyesuaian Perbelanjaan Mengurus yang diselenggara oleh Perbendaharaan Negeri mendapati sebanyak 57 PTJ telah mengemukakan Sijil Pengesahan dan Penyata Penyesuaian. Sebaliknya 12 PTJ tidak mengemukakan Sijil Pengesahan dan Penyata Penyesuaian. Perbendaharaan Negeri telah menghantar surat peringatan kepada PTJ yang tidak atau lewat mengemukakan Sijil Pengesahan dan Penyata Penyesuaian. Senarai PTJ yang tidak mengemukakan Sijil Pengesahan dan Penyata Penyesuaian adalah seperti di **Jadual 36**.

**Jadual 36**  
**Pusat Tanggungjawab Yang Tidak Mengemukakan Penyata Penyesuaian**

| <b>Bil.</b> | <b>Pusat Tanggungjawab</b>                   | <b>Bilangan Bulan Tidak Kemukakan Penyata Penyesuaian</b> |
|-------------|----------------------------------------------|-----------------------------------------------------------|
| 1.          | Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri Selangor     | 12                                                        |
| 2.          | Pejabat Tadbir Masjid Negeri (Shah Alam)     | 12                                                        |
| 3.          | Pejabat Agama Islam Kuala Langat             | 12                                                        |
| 4.          | Pejabat Agama Islam Sungai Besar             | 12                                                        |
| 5.          | Jabatan Belia Dan Sukan Selangor             | 12                                                        |
| 6.          | Lembaga Muzium Negeri Selangor               | 12                                                        |
| 7.          | Jabatan Perikanan Selangor                   | 12                                                        |
| 8.          | Pejabat Kemajuan Selangor                    | 12                                                        |
| 9.          | Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor | 12                                                        |
| 10.         | Agensi Dadah Kebangsaan Selangor             | 12                                                        |
| 11.         | Jabatan Perpaduan Selangor                   | 12                                                        |
| 12.         | Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Selangor        | 12                                                        |

*Sumber: Rekod Perbendaharaan Negeri*

**d) Kawalan Cek**

Semakan Audit mendapati kawalan terhadap stok cek adalah memuaskan. Semua cek yang diterima dari bank telah diperiksa, direkod dan dikawal oleh pegawai penyelia selaras dengan Arahan Perbendaharaan 115. Stok cek yang belum digunakan disimpan dalam peti besi. Pegawai yang mengambil cek akan menurunkan tandatangan di Daftar Stok Cek mengikut bilangan cek berdasarkan keperluan semasa.

**e) Kawalan Cek Batal**

Mengikut Arahan Perbendaharaan 118, cek yang tidak ditunaikan pada akhir tempoh 3 bulan dari tarikh ia dikeluarkan hendaklah disifatkan sebagai terbatal. Selain itu, cek juga dianggap sebagai terbatal jika terdapat arahan pembatalan bayaran dikeluarkan oleh pegawai yang berkuasa. Sesuatu cek terbatal hendaklah dilaraskan ke Akaun Penyelesaian Cek Terbatal apabila ia telah luput tarikh lakunya atau jika cek ganti perlu dikeluarkan atas kesilapan pada cek asal. Pada akhir tahun 2006, baki Akaun Penyelesaian Cek Terbatal berjumlah RM43.51 juta. Mengikut Ringkasan Amaun Amanah Pembatalan Cek sehingga tarikh 31 Disember 2006, jumlah baki cek terbatal ialah RM42.70 juta. Bagaimanapun, semakan Audit terhadap dokumen sokongan kepada ringkasan ini mendapati jumlah baki cek terbatal adalah RM40.25 juta. Tiada penyata penyesuaian disediakan antara Akaun

Penyelesaian Cek Terbatal dengan baki Senarai Pembatalan Cek. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

- i) Cek belum dituntut tahun 2003 yang berjumlah RM17.67 juta adalah termasuk sekeping cek pelarasan bernilai RM12.53 juta bagi melaraskan terimaan Kumpulanwang Amanah Penyelenggaraan Jalan yang telah diakaunkan 2 kali di Buku Tunai Terimaan pada tahun 2003. Cek pelarasan ini sepatutnya digugurkan semasa proses penyesuaian bank dibuat, tetapi kerana terimaan dan pelarasan diambil kira di buku tunai yang berasingan, urusan niaga tersebut gagal dikenal pasti.
- ii) Arahan Perbendaharaan 118 menetapkan selepas tamat tempoh 6 tahun jika cek terbatal masih tidak dituntut, cek berkenaan hendaklah diambil kira ke dalam Akaun Hasil Disatukan. Pada tahun 2006, Perbendaharaan Negeri telah mengakaunkan sejumlah RM0.94 juta cek luput tahun 1999 ke Akaun Hasil Disatukan.
- iii) Mengikut Penyata Penyesuaian Bank Bayaran sehingga Disember 2006, sebanyak 804 cek luput berjumlah RM102.46 juta belum dilaraskan. Cek luput tersebut adalah termasuk sekeping cek pelarasan berjumlah RM91.55 juta yang dikeluarkan pada tahun 2004.

**f) Pembayaran Di Bawah Arahan Perbendaharaan 58(a)**

Mengikut Arahan Perbendaharaan 58(a), Perbendaharaan Negeri boleh meluluskan bayaran bagi baucar yang dikemukakan selepas bulan Januari tahun kewangan semasa bagi tanggungan yang kena dibayar pada atau sebelum bulan Disember tahun sebelumnya. Pembayaran bagi baucar tersebut boleh dibuat sekiranya Jabatan mempunyai baki peruntukan pada tahun perbelanjaan tersebut kena dibayar. Bagi tujuan ini, Perbendaharaan Negeri menyediakan daftar khas untuk merekodkan setiap baucar yang dikemukakan di bawah Arahan Perbendaharaan 58(a). Semakan baki peruntukan akan dilakukan sebelum kelulusan diberi. Pada tahun 2006, sebanyak 831 baucar bernilai RM4.59 juta telah diluluskan pembayaran melalui AP 58(a).

**g) Pembayaran Secara Tunai**

Arahan Perbendaharaan 96 membenarkan Ketua Jabatan membuat bayaran secara tunai dengan menggunakan baucar yang disokong dengan senarai nama penerima. Sekiranya bayaran tidak dapat disempurnakan dalam tempoh 21 hari, baucar dan senarai nama penerima berserta wang yang tidak dapat diagihkan hendaklah dikembalikan dengan segera kepada Perbendaharaan Negeri. Pihak Audit

mendapati Perbendaharaan Negeri tidak menyediakan sebuah daftar bagi merekodkan bayaran sedemikian untuk memastikan Jabatan yang membuat bayaran secara tunai mematuhi peraturan ini.

**h) Akaun Kena Bayar**

- i) Bil untuk perkhidmatan atau bekalan yang telah disempurnakan pada atau sebelum akhir tahun 2006 adalah dibenarkan dibayar di bawah Akaun Kena Bayar. Perbendaharaan Negeri telah mengeluarkan arahan pada bulan November 2006 membenarkan bayaran bagi perbelanjaan tahun 2006 di bawah Akaun Kena Bayar dibuat sehingga awal bulan Januari 2007. Penerimaan baucar Akaun Kena Bayar selepas tarikh tersebut adalah dianggap sebagai pembayaran lewat dan dikembalikan kepada Jabatan berkenaan untuk dibatalkan dan dibayar di bawah Arahan Perbendaharaan 58(a). Pada tahun 2006, bayaran bernilai RM114.36 juta telah dikenakan kepada Akaun Kena Bayar.
- ii) Semakan Audit terhadap 134 baucar bayaran Akaun Kena Bayar bernilai RM40.82 juta mendapati sebanyak 12 baucar bayaran bernilai RM2.34 juta bagi bil bulan Julai hingga November tahun 2006 dijelaskan di bawah Akaun Kena Bayar kerana baucar lewat dikemukakan ke Perbendaharaan Negeri. Butirannya adalah seperti di **Jadual 37**.

**Jadual 37**  
**Bil Bulan Julai Hingga November Tahun 2006**  
**Yang Dibayar Di Bawah Akaun Kena Bayar**

| Bil.          | Jabatan                             | Tarikh Bil | No. Baucar<br>Akaun Kena<br>Bayar | Tarikh Baucar<br>Diterima Oleh<br>Perbendaharaan<br>Negeri | Tempoh<br>Kelewatan<br>(Hari) | Jumlah<br>(RM)   |
|---------------|-------------------------------------|------------|-----------------------------------|------------------------------------------------------------|-------------------------------|------------------|
| 1.            | Jabatan Kerja Raya (Kuala Selangor) | 23.08.2006 | V0532146                          | 29.12.2006                                                 | 128                           | 187,712          |
| 2.            | Jabatan Kerja Raya (Klang)          | 27.09.2006 | V0522416                          | 05.01.2007                                                 | 100                           | 110,818          |
| 3.            | Jabatan Kerja Raya (Klang)          | 04.10.2006 | V0522391                          | 05.01.2007                                                 | 93                            | 98,492           |
| 4.            | Jabatan Kerja Raya (Ibu Pejabat)    | 16.11.2006 | V0066608                          | 09.01.2007                                                 | 94                            | 219,725          |
| 5.            | Jabatan Kerja Raya (Ibu Pejabat)    | 13.11.2006 | V0066595                          | 09.01.2007                                                 | 57                            | 270,000          |
| 6.            | Jabatan Kerja Raya (Ibu Pejabat)    | 31.07.2006 | V0066355                          | 05.01.2006                                                 | 158                           | 424,720          |
| 7.            | Menteri Besar Dan SUK               | 04.10.2006 | V0954269                          | 09.01.2007                                                 | 97                            | 328,575          |
| 8.            | Menteri Besar Dan SUK               | 05.10.2006 | V0954273                          | 09.01.2007                                                 | 96                            | 108,225          |
| 9.            | Jabatan Pertanian                   | 19.08.2006 | V0258371                          | 08.01.2007                                                 | 142                           | 67,663           |
| 10.           | Jabatan Perhutanan                  | 29.09.2006 | V0105503                          | 21.12.2006                                                 | 83                            | 93,668           |
| 11.           | Jabatan Pengairan Dan Saliran       | 10.08.2006 | V0043844                          | 13.12.2006                                                 | 130                           | 117,400          |
| 12.           | Jabatan Pengairan Dan Saliran       | 18.09.2006 | V0043841                          | 13.12.2006                                                 | 91                            | 312,000          |
| <b>Jumlah</b> |                                     |            |                                   |                                                            |                               | <b>2,338,998</b> |

*Sumber: Rekod Perbendaharaan Negeri*

**Secara keseluruhannya kawalan perbelanjaan adalah memuaskan. Bagaimanapun, Perbendaharaan Negeri hendaklah mengambil langkah yang wajar dan berkesan bagi menangani kelemahan yang dibangkitkan.**

#### **10.4 PENGURUSAN PINJAMAN**

Kerajaan Negeri boleh meminjam daripada Kerajaan Persekutuan ataupun institusi kewangan lain bagi tujuan membiayai projek pembangunan negeri. Mengikut Perkara 111(2) Perlembagaan Persekutuan, Kerajaan Negeri boleh berbuat demikian setelah mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Negeri. Kerajaan Negeri juga boleh memberi pinjaman kepada Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan bagi menampung perbelanjaan masing-masing. Semakan Audit terhadap rekod pinjaman menunjukkan perkara berikut:

##### **10.4.1 Pinjaman Daripada Kerajaan Persekutuan**

- a) Pada 31 Disember 2006, baki pinjaman Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan berjumlah RM1.04 bilion. Pinjaman tersebut adalah bagi tujuan projek Bekalan Air, Rumah Awam Kos Rendah, Pembentungan Najis dan Pembangunan Hutan. Pinjaman sedia ada yang diperoleh telah digunakan untuk maksud

Kumpulanwang Pembangunan seperti yang diluluskan dalam Jadual Ketiga, Seksyen 10(1)(b), Akta Prosedur Kewangan 1957. Pada tahun 2006, Kerajaan Negeri tidak membuat sebarang pinjaman baru.

- b) Pada tahun 2006, Kerajaan Negeri sepatutnya menerima kutipan ansuran bayaran balik pinjaman Rumah Awam Kos Rendah daripada Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor (LPHS). Kutipan ini adalah bagi menjelaskan tunggakan pinjaman Rumah Awam Kos Rendah kepada Kerajaan Persekutuan. Bagaimanapun pada tahun 2006 tiada sebarang kutipan ansuran bayaran balik pinjaman Rumah Awam Kos Rendah diperoleh daripada LPHS untuk tujuan tersebut.
- c) Sehingga tahun 2006 bayaran balik pinjaman yang sepatutnya dijelaskan kepada Kerajaan Persekutuan adalah berjumlah RM394.83 juta. Bagaimanapun, Kerajaan Negeri hanya menjelaskan sejumlah RM0.79 juta bagi pinjaman Ladang Hutan dan Rumah Awam Kos Rendah. Manakala tiada sebarang bayaran balik bagi pinjaman yang lain dibuat walaupun Kerajaan Negeri memperuntukkan sejumlah RM15 juta bagi tujuan pembayaran Hutang Kerajaan Negeri pada tahun 2006. Ini menyebabkan jumlah tunggakan bayaran balik pinjaman meningkat menjadi RM394.83 juta pada tahun 2006.
- d) Pengurusan rekod pinjaman pada keseluruhannya adalah teratur. Rekod berkaitan pinjaman seperti jadual bayaran balik dan semua perjanjian pinjaman sentiasa kemas kini.

#### **10.4.2 Pinjaman Kerajaan Negeri Kepada Badan Berkanun Dan Badan Lain**

Kerajaan Negeri Selangor sentiasa berusaha membantu Agensi Negeri yang memerlukan bantuan kewangan untuk meningkatkan pembangunan dan kemajuan penduduk di negeri ini. Bantuan kewangan yang diberikan adalah berbentuk pinjaman dan perlu dibayar balik oleh Agensi berkenaan kepada Kerajaan Negeri mengikut syarat perjanjian yang telah dipersetujui. Sehingga akhir tahun 2006, baki pinjaman yang boleh dituntut oleh Kerajaan Negeri daripada 2 Badan Berkanun Negeri, 4 Pihak Berkuasa Tempatan dan 10 Badan Lain berjumlah RM447.03 juta. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 38**.

**Jadual 38**  
**Baki Pinjaman Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan**  
**Dan Badan Lain Pada 31 Disember 2006**

| Bil.                    | Peminjam                                                     | Jumlah Pinjaman (RM Juta) | Baki Hutang          |                      |
|-------------------------|--------------------------------------------------------------|---------------------------|----------------------|----------------------|
|                         |                                                              |                           | Tahun 2005 (RM Juta) | Tahun 2006 (RM Juta) |
| Badan-Badan Berkanun    |                                                              |                           |                      |                      |
| 1.                      | Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor                          | 136.49                    | 117.01               | 114.01               |
| 2.                      | Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor                       | 67.61                     | 57.78                | 63.06                |
| Pihak Berkuasa Tempatan |                                                              |                           |                      |                      |
| 1.                      | Majlis Perbandaran Ampang Jaya                               | 19.10                     | 2.00                 | 15.60                |
| 2.                      | Majlis Perbandaran Selayang                                  | 22.92                     | 0.00                 | 10.02                |
| 3.                      | Majlis Perbandaran Kajang                                    | 15.00                     | 5.00                 | 15.00                |
| 4.                      | Majlis Daerah Sabak Bernam                                   | 3.02                      | 0.00                 | 3.02                 |
| Badan-Badan Lain        |                                                              |                           |                      |                      |
| 1.                      | Kumpulan Darul Ehsan Berhad                                  | 120.00                    | 117.64               | 118.44               |
| 2.                      | Amanah Saham Selangor                                        | 20.00                     | 20.00                | 20.00                |
| 3.                      | Yayasan Selangor                                             | 30.80                     | 30.21                | 30.51                |
| 4.                      | Syarikat Stadium Shah Alam Sdn. Bhd.                         | 2.00                      | 2.00                 | 2.00                 |
| 5.                      | Kolej Islam Darul Ehsan                                      | 4.00                      | 4.00                 | 4.00                 |
| 6.                      | Institut Perindustrian Negeri Selangor                       | 17.00                     | 17.00                | 17.00                |
| 7.                      | Permodalan Negeri Selangor Berhad                            | 30.00                     | 30.00                | 31.20                |
| 8.                      | Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor Landscaping Sdn. Bhd. | 0.30                      | 0.00                 | 0.30                 |
| 9.                      | Selangor State Investment Centre Berhad                      | 1.00                      | 0.00                 | 1.00                 |
| 10.                     | Universiti Industri Selangor                                 | 1.87                      | 0.00                 | 1.87                 |
| Jumlah                  |                                                              | 491.11                    | 402.64               | 447.03               |

*Sumber: Rekod Perbendaharaan Negeri*

Semakan Audit terhadap pengurusan pinjaman ini mendapati perkara berikut:

**a) Kumpulanwang Pinjaman Kepada Badan Berkanun Dan Badan Lain**

Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah RM383.54 juta di bawah Kumpulanwang Pinjaman kepada Badan Berkanun dan Badan Lain untuk disalurkan kepada Agensi yang memohon pinjaman kepada Kerajaan Negeri. Pada awal tahun 2006, Kumpulanwang ini mempunyai lebih berjumlah RM4.08 juta. Bagaimanapun, pada akhir tahun 2006 Kumpulanwang ini menunjukkan baki defisit berjumlah RM32.73 juta. Keadaan ini berlaku disebabkan Kerajaan Negeri telah mengeluarkan sejumlah RM40.31 juta daripada peruntukan Kumpulanwang ini untuk digunakan bagi membiayai 8 pinjaman baru berjumlah RM30.31 juta dan 1 ansuran pinjaman berjumlah RM10 juta.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga ada mengeluarkan pinjaman berjumlah RM5 juta kepada Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor. Pinjaman tersebut ditunjukkan di Penyata Memorandum Pinjaman Boleh Dituntut Tahun 2006. Bagaimanapun, pinjaman ini dikenakan kepada Kumpulanwang Pembangunan kerana Kumpulanwang Pinjaman kepada Badan Berkanun dan Badan Lain telah mengalami defisit.

**b) Perjanjian Pinjaman**

Sehingga akhir tahun 2006, perjanjian pinjaman kepada Syarikat Stadium Shah Alam Sdn. Bhd., Tabung Amanah Saham Selangor Berhad, Kumpulan Darul Ehsan Berhad dan Institut Perindustrian Negeri Selangor masih belum disediakan. Perkara ini telah pun dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2005.

**i) Syarikat Stadium Shah Alam Sdn. Bhd.**

Pada tahun 1995, Kerajaan Negeri telah memberi pinjaman tanpa faedah kepada Syarikat Stadium Shah Alam Sdn. Bhd. berjumlah RM2 juta. Perjanjian berhubung pinjaman tersebut tidak dikemukakan untuk pengauditan. Perkara ini telah dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara sejak tahun 2001, tetapi masih tidak diambil tindakan.

**ii) Tabung Amanah Saham Selangor Berhad**

Pada tahun 1998, Kerajaan Negeri telah menerima pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM20 juta. Pinjaman tersebut telah dipinjamkan semula kepada Tabung Amanah Saham Selangor Berhad bagi membiayai Skim Amanah Saham Selangor. Pihak Audit mendapati tiada sebarang perjanjian ditandatangani mengenai pinjaman tersebut. Perkara ini telah dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara sejak tahun 2001. Perbendaharaan Negeri memaklumkan bahawa pada tahun 2003, Kerajaan Negeri telah memutuskan untuk menutup dan menyerahkan pengurusan Tabung Amanah Saham Selangor kepada Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB). Oleh itu, Perbendaharaan Negeri akan menyelesaikan perkara berhubung pinjaman tersebut dengan KDEB. Sehingga akhir tahun 2006, tiada sebarang tindakan diambil oleh pihak Perbendaharaan Negeri.

### **iii) Kumpulan Darul Ehsan Berhad**

Pada 12 September 2002, mesyuarat antara Kerajaan Negeri dengan KDEB telah bersetuju untuk membuat penjadualan semula baki pinjaman berjumlah RM100 juta. Penjadualan semula tersebut bertujuan untuk membantu KDEB yang menghadapi masalah membayar balik pinjaman seperti jadual asal berikutan penyusunan semula struktur organisasinya. Kerajaan Negeri telah meminta pihak KDEB untuk menyediakan perjanjian tambahan berhubung penjadualan semula tersebut. Bagaimanapun, sehingga akhir tahun 2006, tiada sebarang perjanjian tambahan ditandatangani bagi tujuan berkenaan.

### **iv) Institut Perindustrian Negeri Selangor**

Mengikut keputusan Mesyuarat Penjadualan Semula Hutang yang diadakan pada 12 September 2002, KDEB sepatutnya menjelaskan ansuran bayaran balik pinjaman berjumlah RM20 juta bagi tahun 2003 dan 2004. Bagaimanapun, pada bulan Jun 2004, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri telah meluluskan penangguhan sejumlah RM17 juta daripada jumlah tersebut. Penangguhan tersebut adalah bagi membantu KDEB yang terpaksa menanggung kos perpindahan kampus Institut Perindustrian Negeri Selangor ke Pulau Indah. Oleh itu, ansuran bayaran balik yang ditangguhkan berjumlah RM17 juta tersebut akan ditanggung sepenuhnya oleh Institut Perindustrian Negeri Selangor. Bagaimanapun, sehingga akhir tahun 2006, tiada sebarang perjanjian dibuat bagi pinjaman ini.

### **c) Pinjaman Baru**

Pada tahun 2006, Kerajaan Negeri telah menandatangani sebanyak 9 perjanjian dengan 7 Agensi bagi mempersetujui sejumlah RM35.31 juta pinjaman kepada badan berkenaan. Tiga daripada pinjaman baru tersebut yang berjumlah RM14.10 juta telah diberikan kepada Majlis Perbandaran Ampang Jaya. Satu pinjaman masing-masing telah diberikan kepada Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor berjumlah RM5 juta, Majlis Daerah Sabak Bernam berjumlah RM3.02 juta, Universiti Industri Selangor berjumlah RM1.87 juta, Selangor State Investment Centre berjumlah RM1 juta dan Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor Landscaping Sdn. Bhd. berjumlah RM301,331. Kerajaan Negeri juga telah mengeluarkan sejumlah RM10.02 juta ansuran pertama pinjaman kepada Majlis Perbandaran Selayang bagi pinjaman yang berjumlah RM22.92 juta. Selain itu, sejumlah RM10 juta ansuran pinjaman telah dikeluarkan kepada Majlis Perbandaran Kajang bagi pinjaman berjumlah RM15 juta yang telah diluluskan pada tahun 2005.

**d) Penyelenggaraan Rekod**

Semakan Audit mendapati rekod pinjaman ada disediakan, bagaimanapun ia perlu dikemas kini dari semasa ke semasa. Penyesuaian hendaklah dibuat dengan pihak Agensi bagi memastikan ketepatan baki pinjaman.

**e) Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman**

Pada tahun 2006, tunggakan bayaran balik pinjaman yang belum dijelaskan kepada Kerajaan Negeri oleh 6 Agensi berjumlah RM306.13 juta. Sebahagian besar tunggakan ini adalah daripada Kumpulan Darul Ehsan Berhad, Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor dan Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor masing-masing berjumlah RM118.44 juta, RM84.01 juta dan RM58.06 juta. Tunggakan tersebut juga termasuk sejumlah RM31.20 juta bagi Permodalan Negeri Selangor Berhad, sejumlah RM14.03 juta bagi Yayasan Selangor dan RM0.4 juta bagi Kolej Islam Darul Ehsan. Pada tahun 2006, Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor dan Majlis Perbandaran Ampang Jaya telah menjelaskan ansuran bayaran balik berjumlah RM3 juta dan RM0.5 juta. Selain itu, pihak Perbendaharaan Negeri juga mengeluarkan surat peringatan kepada peminjam bagi menuntut tunggakan berkenaan.

**Pada pendapat Audit, kedudukan defisit Kumpulanwang Pinjaman Badan Berkanun dan Badan Lain menunjukkan pengurusan pinjaman yang tidak cekap. Setiap perjanjian pinjaman perlu ditandatangani sebelum mengeluarkan dana pinjaman dan apabila penjadualan semula baki pinjaman dibuat. Usaha juga harus dibuat untuk mengemaskinikan daftar pinjaman dan mengutip tunggakan bayaran balik daripada Agensi terlibat. Kerajaan Negeri hendaklah membayar balik hutang kepada Kerajaan Persekutuan mengikut peruntukan tahunan yang telah diluluskan bagi memastikan pembayaran balik pinjaman adalah menepati jadual.**

## **10.5 PENGURUSAN PELABURAN**

Peruntukan Undang-undang di bawah Seksyen 8 Akta Prosedur Kewangan 1957 membolehkan Kerajaan Negeri membuat pelaburan di bank, institusi kewangan dan syarikat sekiranya mempunyai lebihan wang. Pelaburan yang dibuat melalui wang lebihan Akaun Hasil Disatukan ditunjukkan di Lembaran Imbangan. Manakala pelaburan melalui peruntukan belanja mengurus ditunjukkan di Penyata Akaun Memorandum. Perbendaharaan Negeri telah mewujudkan Bahagian Analisis Pemantauan Pelaburan Dan Pinjaman untuk mengawal dan memantau prestasi kewangan syarikat yang dilabur. Pada akhir tahun 2006 pelaburan Kerajaan Negeri berjumlah RM835.70 juta terdiri daripada

saham dan simpanan tetap seperti mana ditunjukkan di Penyata Wang Tunai, Penyata Pelaburan dan Penyata Akaun Memorandum Aset. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

#### **10.5.1 Simpanan Tetap**

Pelaburan simpanan tetap pada tahun 2006 berjumlah RM548.16 juta. Pemeriksaan Audit mendapati pelaburan ini dibuat dengan mematuhi undang-undang dan diluluskan oleh Jawatankuasa Pelaburan. Daftar Simpanan Tetap adalah teratur dan sijil simpanan tetap disimpan dengan selamat. Simpanan tetap yang diperbaharui adalah mengikut tempoh yang ditetapkan dan tiada pengeluaran dibuat sebelum tempoh matang. Faedah berjumlah RM11.33 juta telah diterima serta diakaunkan dengan betul.

#### **10.5.2 Saham**

- a) Pada tahun 2006 pelaburan saham oleh Kerajaan Negeri berjumlah RM287.54 juta. Pelaburan saham terdiri daripada pelaburan Tabung Warisan berjumlah RM176.02 juta manakala sejumlah RM111.52 juta adalah pelaburan dalam Syarikat Awam Berhad, Syarikat Sendirian Berhad dan Syarikat Pengurusan Aset. Dividen berjumlah RM3.19 juta diperoleh dari pelaburan saham Tabung Warisan manakala tiada dividen diterima bagi pelaburan saham yang lain.
- b) Semakan Audit mendapati pelaburan dalam beberapa syarikat awam berhad dan sendirian berhad yang bernilai RM15.15 juta tidak disokong dengan sijil pelaburan.
- c) Semakan Audit mendapati Perbendaharaan Negeri tidak mengemas kini daftar bagi pelaburan saham.

**Pada pendapat Audit, pengurusan rekod pelaburan perlu dikemas kini dan disokong dengan dokumen yang berkenaan.**

### **10.6 PENGURUSAN AKAUN AMANAH DAN KUMPULANWANG AMANAH**

Kumpulanwang Amanah Negeri bagi maksud tertentu adalah diwujudkan mengikut Seksyen 10 Akta Prosedur Kewangan 1957 melalui resolusi Dewan Undangan Negeri. Kumpulanwang ini mendapat peruntukan kewangan daripada Kerajaan dan perlu dikendalikan mengikut peraturan yang ditetapkan selaras dengan tujuan Kumpulanwang berkenaan. Akaun amanah pula diwujudkan di bawah Seksyen 9, Akta Prosedur Kewangan 1957 untuk mengakaunkan sumbangan wang daripada badan-badan dan orang perseorangan kepada Kerajaan bagi tujuan tertentu. Pengurusan akaun ini perlu dibuat mengikut Arahan Amanah yang diluluskan oleh Perbendaharaan Negeri. Manakala Deposit merupakan wang yang diterima oleh sesebuah Jabatan bagi maksud yang

dinyatakan mengikut undang-undang atau syarat tertentu dan perlu dikembalikan sebaik sahaja selesai maksudnya.

#### **10.6.1 Kumpulanwang Amanah Kerajaan**

Pada tahun 2006, Pejabat Perbendaharaan Negeri menguruskan 3 Kumpulanwang Amanah Kerajaan yang terdiri daripada Kumpulanwang Pembangunan, Kumpulanwang Pinjaman Perumahan dan Pelbagai Kumpulanwang Amanah Kerajaan. Pelbagai Kumpulanwang Amanah Kerajaan terdiri daripada Akaun Penyelesaian, Akaun Perniagaan, Akaun Pinjaman, Kumpulanwang Luar Jangka dan Pelbagai Kumpulanwang. Kumpulanwang Pinjaman Kenderaan, Pinjaman Komputer, Pendahuluan Diri dan Pelbagai diakaunkan di bawah Kumpulanwang Pinjaman manakala Tabung Bencana Khas dan Tabung Warisan Negeri diambil kira di bawah Pelbagai Kumpulanwang. Kedudukan pengurusan Kumpulanwang ini adalah seperti berikut:

##### **a) Kumpulanwang Pembangunan**

Baki Kumpulanwang Pembangunan pada akhir tahun 2006 yang ditunjukkan di Penyata Kumpulanwang Pembangunan berjumlah RM167.79 juta. Pada tahun 2006, terimaan Kumpulanwang ini berjumlah RM593.75 juta manakala pembayaran pula berjumlah RM459.73 juta. Jumlah pembayaran tersebut termasuk sejumlah RM5 juta pinjaman yang diberi kepada Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor. Pinjaman tersebut telah diambil kira sebagai Perbelanjaan Pembangunan Langsung kerana Kumpulanwang Pinjaman Kepada Badan Berkanun Dan Badan Lain berbaki defisit berjumlah RM32.73 juta.

##### **b) Kumpulanwang Pinjaman Perumahan**

Peruntukan Kumpulanwang Pinjaman Perumahan bagi tahun 2006 berjumlah RM93.82 juta. Perbendaharaan Negeri bertanggungjawab terhadap penyelenggaraan rekod, terimaan dan bayaran pinjaman. Keseluruhan terimaan dan bayaran bagi tahun 2006 masing-masing berjumlah RM18.13 juta dan RM14.71 juta berbanding RM13.78 juta dan RM17.27 juta pada tahun 2005. Bayaran balik pinjaman perumahan bagi peminjam yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan Negeri dibuat melalui potongan gaji bulanan. Semakan Audit mendapati bayaran balik tersebut telah direkod dengan kemas kini ke kad lejar individu. Selain itu, bayaran bagi pinjaman bekas kakitangan Jabatan Bekalan Air yang kini berkhidmat dengan Syarikat Bekalan Air Selangor (SYABAS) akan dibayar oleh SYABAS melalui cek. Bagaimanapun pada kebiasaannya, cek tersebut lewat diterima. Sungguhpun demikian, kad lejar individu dikemas kini terlebih dahulu. Baki

pinjaman yang boleh dituntut pada tahun 2006 berjumlah RM77.33 juta berbeza sejumlah RM40.27 juta dengan Senarai Baki Individu yang berjumlah RM117.60 juta. Akaun Pinjaman Perumahan yang berbaki kredit pada tahun 2005 berjumlah RM7.37 juta meningkat kepada RM10.65 juta pada tahun 2006. Sehingga kini tiada tindakan diambil terhadap akaun berbaki kredit. Daripada RM3.92 juta faedah pinjaman perumahan bagi tahun 2006 yang disenaraikan di Senarai Baki Individu, hanya sejumlah RM0.25 juta diakaunkan ke Akaun Hasil Disatukan. Faedah bagi tahun 2005 tidak dikemukakan dan tidak diakaunkan dengan alasan kekurangan kakitangan.

**c) Kumpulanwang Pinjaman Kenderaan**

Baki Kumpulanwang Pinjaman Kenderaan pada akhir tahun 2006 berjumlah RM4.07 juta manakala baki pinjaman yang boleh dituntut berjumlah RM2.73 juta. Semakan Audit mendapati baki ini berbeza sejumlah RM66,969 berbanding Senarai Baki Individu yang berjumlah RM2.80 juta. Perbezaan ini antara lain adalah kerana Senarai Baki Individu tidak mengandungi butiran hutang kakitangan Jabatan Bekalan Air. Penyata penyesuaian tidak disediakan untuk menyelaraskan perbezaan ini.

**d) Kumpulanwang Pinjaman Komputer**

Baki pinjaman komputer untuk kakitangan Kerajaan Negeri yang ditunjukkan di Penyata Kewangan tahun 2006 berjumlah RM0.52 juta. Ini adalah berbeza dengan baki di Senarai Baki Individu yang berjumlah RM0.43 juta. Penyata penyesuaian tiada disediakan bagi menyelaraskan perbezaan ini. Semakan Audit mendapati faedah bagi pinjaman komputer berjumlah RM23,998 yang diakaunkan ke Akaun Hasil Disatukan berbeza dengan rekod di Senarai Baki Individu yang berjumlah RM20,605.

**e) Kumpulanwang Pendahuluan Diri Dan Pelbagai**

Kumpulanwang Pendahuluan Diri dengan peruntukan berjumlah RM1.50 juta bertujuan memberi pendahuluan kepada anggota Kerajaan untuk menjalankan tugas rasmi. Kumpulanwang Pendahuluan Pelbagai dengan peruntukan berjumlah RM3.92 juta bertujuan memberi pendahuluan kepada pegawai awam bagi melaksanakan aktiviti rasmi. Pendahuluan Diri/Pelbagai ini perlu dijelaskan mengikut tempoh yang ditetapkan pada surat kelulusan. Semakan Audit terhadap Kumpulanwang ini mendapati pada tahun 2006, sebanyak 63 Pendahuluan Diri bagi tempoh 1975 hingga 2006 berjumlah RM0.56 juta dan sebanyak 22 Pendahuluan Pelbagai bagi tempoh 1996 hingga 2006 berjumlah RM1.69 juta belum diselesaikan. Bagi Pendahuluan Diri, Jabatan yang belum menjelaskan pendahuluan tersebut

ialah Jabatan Agama Islam, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan Jabatan Perhutanan. Bagi Pendahuluan Pelbagai pula, Jabatan yang terlibat ialah Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan Jabatan Agama Islam. Usaha telah dilaksanakan oleh Perbendaharaan Negeri dengan menghantar surat peringatan dari semasa ke semasa kepada Jabatan yang terlibat untuk mengambil tindakan terhadap pendahuluan yang belum selesai tetapi kurang berkesan.

**f) Kumpulanwang Tabung Warisan Negeri Selangor**

- i) Tabung Warisan diwujudkan di bawah Enakmen Tabung Warisan 1991 bertujuan membolehkan Kerajaan Negeri Selangor mengasingkan sebahagian jumlah wang daripada Akaun Hasil Disatukan bagi faedah dan kesejahteraan warisan akan datang. Sehingga akhir tahun 2006, baki Tabung ini berjumlah RM176.02 juta. Jumlah ini terdiri daripada pelaburan dalam saham syarikat berjumlah RM150.09 juta, simpanan tetap berjumlah RM18.50 juta, wang di bank berjumlah RM6.44 juta dan dividen terakru berjumlah RM1 juta. Penambahan baki Tabung sejumlah RM8.25 juta dalam tahun 2006 adalah terdiri daripada penerimaan faedah dan dividen dan sumbangan daripada anak syarikat Kerajaan Negeri yang masing-masing berjumlah RM3.84 juta dan RM4.41 juta. Manakala kos operasi Tabung adalah berjumlah RM17,601.
- ii) Pada tahun 2006, Ahli Lembaga telah meluluskan pelaburan RM4.10 juta dalam 3 jenis produk kewangan yang diuruskan oleh sebuah bank tempatan dan syarikat pengurusan aset. Tabung dijamin mendapat pulangan mengikut kadar tertentu yang dinyatakan dalam perjanjian dan 100% pulangan ke atas pelaburan pokok apabila tempoh pelaburan telah matang. Tabung telah menerima pulangan sejumlah RM70,069 dari produk kewangan ini. Selain itu, nilai pelaburan Tabung yang berjumlah RM150.09 juta hanya bernilai RM139.33 juta pada akhir tahun 2006. Ini ialah kerana pelaburan saham dalam 4 syarikat yang tersenarai dalam Bursa Malaysia dan 4 dana telah susut sejumlah RM26.11 juta. Manakala nilai pelaburan dalam 4 syarikat lain yang tersenarai di Bursa Malaysia dan 3 dana telah meningkat sejumlah RM15.35 juta. Semakan Audit menunjukkan Pengurusan Lembaga Tabung telah mengadakan 2 kali mesyuarat sepanjang tahun 2006 bagi meningkatkan dan memantapkan pulangan pelaburan Tabung ini. Di samping itu juga, semakan Audit mendapati rekod Tabung telah diselenggara dengan teratur dan kemas kini.

**g) Tabung Bencana Khas**

Mengikut lejar, baki Tabung ini berjumlah RM0.19 juta pada Januari tahun 2006 yang terdiri daripada baki di Perbendaharaan Negeri sejumlah RM0.89 juta dan baki

defisit sejumlah RM0.70 juta di 9 Pejabat Daerah Dan Tanah di Negeri Selangor. Tabung ini tidak menerima caruman dalam tahun 2006 manakala RM0.56 juta dibelanjakan menjadi baki defisit pada akhir Disember 2006 berjumlah RM0.37 juta. Semakan Audit mendapati, penyata penyesuaian tidak disediakan untuk menerangkan perbezaan antara baki lejar dengan baki mengikut rekod di Perbendaharaan Negeri.

#### **10.6.2 Kumpulanwang Amanah Awam**

Kumpulanwang Amanah Awam ini diwujudkan di bawah Seksyen 9, Akta Prosedur Kewangan 1957 untuk mengakaunkan sumbangan wang daripada badan-badan dan orang perseorangan kepada Kerajaan bagi tujuan tertentu. Pengurusan akaun ini perlu dibuat mengikut Arahan Amanah yang diluluskan. Pada tahun 2006, terdapat 41 Akaun Amanah berjumlah RM141.20 juta di bawah Kumpulanwang Amanah Awam yang terdiri daripada 10 Akaun Amanah Khas berjumlah RM73.14 juta dan 31 Wang Amanah berjumlah RM68.06 juta. Pemeriksaan Audit terhadap pengurusan Kumpulanwang ini mendapati perkara berikut:

##### **a) Penyerahan Penyata Terimaan Dan Bayaran Tahunan**

Mengikut Arahan Amanah, Pegawai Pengawal hendaklah menyimpan dan menyelenggara akaun dengan teratur dan mematuhi prosedur yang ditetapkan. Pegawai Pengawal yang mengendalikan Akaun Amanah adalah dikehendaki mengemukakan Penyata Terimaan dan Bayaran Tahunan (Penyata Tahunan) bagi setiap Akaun Amanah di bawah tanggungjawabnya selepas akaun tersebut ditutup pada akhir bulan Disember setiap tahun. Pihak Audit mendapati sehingga 26 Julai 2007 sebanyak 3 Pejabat tidak mengemukakan Penyata Tahunan bagi 4 Akaun Amanah berbaki RM11.48 juta walaupun beberapa peringatan telah dikeluarkan oleh Pejabat Perbendaharaan Negeri. Penyata tahunan yang belum dikemukakan adalah seperti di **Jadual 39**.

**Jadual 39**  
**Penyata Tahunan Akaun Amanah Yang Tidak Dikemukakan**

| Bil.                                               | Akaun Amanah                           | Jumlah (RM)       |
|----------------------------------------------------|----------------------------------------|-------------------|
| <b>Perbendaharaan Negeri Selangor</b>              |                                        |                   |
| 1.                                                 | Universiti Industri Selangor           | 7,542             |
| <b>Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor</b> |                                        |                   |
| 2.                                                 | Pembinaan Jalan Shah Alam – Batu Arang | 1,940,680         |
| 3.                                                 | Caruman Infrastruktur Sosial           | 108,029           |
| <b>Jabatan Tanah Dan Galian Selangor</b>           |                                        |                   |
| 4.                                                 | Perkuburan                             | 9,421,914         |
| <b>Jumlah</b>                                      |                                        | <b>11,478,165</b> |

Sumber: Rekod Perbendaharaan Negeri

**b) Pengesahan Laporan Bulanan Amanah**

Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab untuk menguruskan Akaun Amanah di bawah kawalannya. Arahan Perbendaharaan menghendaki supaya Pegawai Pengawal membuat pengesahan terhadap Laporan Bulanan Amanah yang dikemukakan oleh Perbendaharaan Negeri. Sebarang perbezaan antara rekod di Jabatan dengan Perbendaharaan Negeri hendaklah disiasat dan Penyata Penyesuaian mengenainya disediakan. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati sehingga 26 Julai 2007 Penyata Penyesuaian bagi 4 Akaun Amanah berbaki RM11.48 juta tidak dikemukakan. Butiran lanjut Penyata Penyesuaian yang tidak dikemukakan adalah seperti di **Jadual 40**.

**Jadual 40**  
**Penyata Penyesuaian Akaun Amanah Yang Tidak Dikemukakan**

| Bil.                                               | Akaun Amanah                           | Jumlah (RM)       |
|----------------------------------------------------|----------------------------------------|-------------------|
| <b>Perbendaharaan Negeri Selangor</b>              |                                        |                   |
| 1.                                                 | Universiti Industri Selangor           | 7,542             |
| <b>Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor</b> |                                        |                   |
| 2.                                                 | Pembinaan Jalan Shah Alam – Batu Arang | 1,940,680         |
| 3.                                                 | Caruman Infrastruktur Sosial           | 108,029           |
| <b>Jabatan Tanah Dan Galian Selangor</b>           |                                        |                   |
| 4.                                                 | Perkuburan                             | 9,421,914         |
| <b>Jumlah</b>                                      |                                        | <b>11,478,165</b> |

Sumber: Rekod Perbendaharaan Negeri

**c) Akaun Amanah Lebih Dikeluarkan**

Mengikut peraturan, Pegawai Pengawal yang menguruskan sesuatu Akaun Amanah adalah bertanggungjawab bagi menentukan pada bila-bila masa perbelanjaan tidak melebihi dana yang ada. Semakan Audit mendapati 3 Akaun Amanah telah lebih dikeluarkan berjumlah RM1.07 juta dan dana bagi lebih perbelanjaan ditampung

daripada Kumpulanwang Disatukan. Amalan seperti ini bukan sahaja tidak mematuhi peraturan tetapi juga menggambarkan kelemahan pengurusan kewangan Akaun Amanah. Butiran mengenai Akaun Amanah berkenaan adalah seperti di **Jadual 41**.

**Jadual 41**  
**Akaun Amanah Terlebih Dikeluarkan Pada 31 Disember 2006**

| <b>Bil.</b>   | <b>Akaun Amanah</b>                                          | <b>Baki Pada 31.12.2006 (RM)</b> |
|---------------|--------------------------------------------------------------|----------------------------------|
| 1.            | Kumpulanwang Amanah Al-Quran & Fardu Ain                     | (1,046,013)                      |
| 2.            | Akaun Amanah Bekas Pemegang LMS/Peneroka (Sepang)            | (16,500)                         |
| 3.            | Tabung Amanah Jawatankuasa Pendukung Askar Wataniah Selangor | (3,209)                          |
| <b>Jumlah</b> |                                                              | <b>(1,065,722)</b>               |

*Sumber: Rekod Perbendaharaan Negeri*

#### **d) Akaun Amanah Tidak Aktif**

Mengikut peraturan, Akaun Amanah yang tidak diperlukan atau telah mencapai maksudnya hendaklah ditutup. Pegawai yang bertanggungjawab terhadap pengurusan Akaun Amanah berkenaan hendaklah mengkaji kedudukan Akaun Amanah dan memaklumkan kepada Pegawai Kewangan Negeri supaya tindakan dapat diambil untuk menutup Akaun Amanah yang tidak diperlukan itu. Bagaimanapun, didapati 5 Akaun Amanah yang berbaki RM1.53 juta pada akhir tahun 2006 tidak aktif antara 3 hingga 13 tahun.

### **10.6.3 Deposit**

Deposit merupakan wang yang diterima bagi sesuatu maksud di bawah undang-undang atau mengikut perjanjian dan dipindahkan ke Akaun Hasil Disatukan apabila maksud tersebut telah selesai. Arahan Perbendaharaan 156 hingga 163 menghendaki Pegawai Pengawal bertanggungjawab terhadap penyelenggaraan akaun deposit di bawah jagaannya. Pada akhir tahun 2006, Perbendaharaan Negeri mengendalikan 107 akaun deposit daripada 62 Pusat Tanggungjawab (PTJ) di 21 Jabatan. Deposit ini terdiri daripada 15 jenis iaitu 13 akaun deposit am berjumlah RM84.25 juta dan 2 akaun deposit pelarasan berjumlah RM3.74 juta.

#### **a) Penyerahan Penyata Deposit**

Mengikut Arahan Perbendaharaan 159, PTJ hendaklah menghantar penyata baki deposit pada 31 Disember setiap tahun kepada pihak Audit untuk semakan. Bagaimanapun, pihak Audit hanya menerima 28 penyata baki deposit manakala 79

penyata baki deposit berjumlah RM82.3 juta belum diserahkan kepada Jabatan Audit Negara.

**b) Penyediaan Senarai Baki Individu**

Semakan Audit seterusnya mendapati daripada 28 penyata baki deposit yang dikemukakan, 15 daripadanya yang berjumlah RM1.49 juta tidak mengandungi senarai baki individu yang lengkap seperti tarikh deposit, tempoh pegangan, nama individu pendeposit dan sebagainya. Oleh itu, sukar bagi Jabatan membuat penyemakan apabila pendeposit membuat tuntutan semula. Butiran lanjut baki individu yang tidak lengkap adalah seperti di **Jadual 42**.

**Jadual 42**  
**Baki Individu Yang Tidak Lengkap**

| <b>Bil.</b>   | <b>Pusat Tanggungjawab</b>              | <b>Deposit</b>                   | <b>Baki Pada 31.12.2006 (RM)</b> |
|---------------|-----------------------------------------|----------------------------------|----------------------------------|
| 1.            | Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Selangor | Akaun Cagaran                    | 1,740                            |
| 2.            | Pejabat Haiwan Daerah Petaling          | Akaun Cagaran                    | 5,000                            |
| 3.            | Pejabat Haiwan Daerah Kuala Selangor    | Deposit Padang Ragut/ Reban Ayam | 4,200                            |
| 4.            | Pejabat Haiwan Daerah Kuala Selangor    | Akaun Cagaran                    | 10,000                           |
| 5.            | Jabatan Perkhidmatan Haiwan Selangor    | Deposit Padang Ragut/ Reban Ayam | 42,685                           |
| 6.            | Jabatan Perkhidmatan Haiwan Selangor    | Akaun Deposit Lelong             | 1,092                            |
| 7.            | Pejabat Haiwan Daerah Klang             | Akaun Cagaran                    | 4,900                            |
| 8.            | Jabatan Kawal Selia Air                 | Akaun Cagaran                    | 42,000                           |
| 9.            | Pejabat Haiwan Daerah Kuala Langat      | Akaun Cagaran                    | 27,000                           |
| 10.           | Pejabat Haiwan Daerah Hulu Selangor     | Akaun Cagaran                    | 20,000                           |
| 11.           | Pejabat Haiwan Daerah Sepang            | Akaun Cagaran                    | 14,000                           |
| 12.           | Pejabat Haiwan Daerah Sabak Bernam      | Akaun Cagaran                    | 9,000                            |
| 13.           | Pejabat Daerah Dan Tanah Sepang         | Akaun Cagaran                    | 3,220                            |
| 14.           | Pegawai Kewangan Negeri                 | Akaun Deposit Cukai Hiburan      | 1,306,201                        |
| 15.           | Pejabat Haiwan Daerah Hulu Langat       | Akaun Cagaran                    | 2,000                            |
| <b>Jumlah</b> |                                         |                                  | <b>1,493,038</b>                 |

Sumber: Rekod Perbendaharaan Negeri

**c) Penyediaan Penyata Penyesuaian**

Semakan Audit selanjutnya mendapati 5 PTJ tidak menyediakan Penyata Penyesuaian untuk menjelaskan perbezaan yang berjumlah RM4.47 juta antara PTJ dan rekod Perbendaharaan Negeri. Butir-butir lanjut adalah seperti di **Jadual 43**.

**Jadual 43**  
**Penyata Penyesuaian Yang Tidak Disediakan**

| Bil.          | Akaun                                         | Baki                       |            | Perbezaan (RM)   |
|---------------|-----------------------------------------------|----------------------------|------------|------------------|
|               |                                               | Perbendaharaan Negeri (RM) | PTJ (RM)   |                  |
| 1.            | Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Langat         | 80,680                     | 123,765    | 43,085           |
| 2.            | Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Langat (Hasil) | 155,540                    | 964,998    | 809,458          |
| 3.            | Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Selangor       | 8,147,099                  | 11,535,839 | 3,388,740        |
| 4.            | Pejabat Daerah Dan Tanah Hulu Selangor (PLB)  | 8,670                      | 24,600     | 15,930           |
| 5.            | Pejabat Daerah Dan Tanah Sabak Bernam         | 258,240                    | 473,802    | 215,562          |
| <b>Jumlah</b> |                                               |                            |            | <b>4,472,775</b> |

*Sumber: Rekod Perbendaharaan Negeri*

**d) Akaun Deposit Yang Terlebih Dikeluarkan**

Semakan Audit terhadap Penyata Kewangan terdapat 4 jabatan yang mempunyai Akaun Deposit yang terlebih dikeluarkan berjumlah RM0.26 juta. Butiran lanjutnya adalah seperti di **Jadual 44**.

**Jadual 44**  
**Akaun Deposit Yang Terlebih Dikeluarkan**

| Bil           | Pusat Tanggungjawab                             | Jenis Deposit                            | Baki (Debit) Setakat 31/12/2006 (RM) |
|---------------|-------------------------------------------------|------------------------------------------|--------------------------------------|
| 1.            | Pejabat Daerah Dan Tanah Klang (Hasil)          | Akaun Deposit Lelong                     | (210,018)                            |
| 2.            | Pejabat Daerah Dan Tanah Petaling               | Deposit Sistem Kultur Laut               | (3,000)                              |
| 3.            | Pejabat Daerah Dan Tanah Klang                  | Akaun Deposit Tanah                      | (38,105)                             |
| 4.            | Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Selangor (Hasil) | Deposit Penempatan Tanah Sementara (TOL) | (12,000)                             |
| <b>Jumlah</b> |                                                 |                                          | <b>(263,123)</b>                     |

*Sumber: Rekod Perbendaharaan Negeri*

Pada pendapat Audit, pengurusan Kumpulanwang Amanah, Akaun Amanah dan Deposit secara amnya adalah memuaskan. Perbendaharaan Negeri perlu mengambil tindakan tegas terhadap PTJ yang gagal mematuhi arahan dan peraturan kewangan yang ditetapkan terutamanya dalam penyediaan Penyata Tahunan dan Penyata Baki Deposit.

## **11. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT**

Secara keseluruhannya pengurusan kewangan Perbendaharaan Negeri adalah memuaskan. Usaha berterusan perlu diambil bagi meningkatkan lagi tahap pengurusan kewangan khususnya pematuhan terhadap peraturan kewangan oleh Jabatan dan PTJ di bawah kawalannya. Perbendaharaan Negeri juga hendaklah meningkatkan usaha untuk mengutip tunggakan hasil dan tunggakan bayaran balik pinjaman daripada Agensi serta menjelaskan tunggakan dan bayaran balik pinjaman Persekutuan mengikut jadual. Pengesahan penyata penyesuaian hasil, perbelanjaan dan amanah serta penyediaan penyata penyesuaian bank hendaklah dilakukan secara berterusan. Pemantauan dan penyeliaan yang rapi dari Pegawai Pengawal sangatlah diharapkan agar dapat meningkatkan akauntabiliti dalam pengurusan kewangan Kerajaan Negeri.

## PEJABAT DAERAH DAN TANAH

### 12. LATAR BELAKANG

**12.1** Seksyen 15(A) Akta Prosedur Kewangan, 1957 dan Arahan Perbendaharaan telah menetapkan tugas dan tanggungjawab Pegawai Pengawal sesebuah Kementerian/Jabatan bagi menjamin wujudnya akauntabiliti pengurusan kewangan Kerajaan. Antara lain, seseorang Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab untuk menentukan bahawa peruntukan kewangan dan sumber lain yang mencukupi diperolehi, diguna dan diperakaunkan mengikut peraturan kewangan.

**12.2** Pada tahun 2006, pengauditan pengurusan kewangan telah dijalankan di Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Selangor serta Pejabat Daerah Dan Tanah Sepang. Sehingga akhir tahun 2006, Pejabat tersebut telah memungut hasil berjumlah RM48.59 juta, melakukan perbelanjaan berjumlah RM8.46 juta dan mempunyai baki deposit berjumlah RM14.67 juta. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 45**.

**Jadual 45**  
**Jumlah Hasil, Perbelanjaan Dan Deposit Bagi Tahun 2006**

| Bil.   | Pejabat                                 | Hasil<br>(RM Juta) | Perbelanjaan<br>(RM Juta) | Deposit<br>(RM Juta) |
|--------|-----------------------------------------|--------------------|---------------------------|----------------------|
| 1.     | Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Selangor | 16.45              | 4.55                      | 11.54                |
| 2.     | Pejabat Daerah Dan Tanah Sepang         | 32.14              | 3.91                      | 3.13                 |
| Jumlah |                                         | 48.59              | 8.46                      | 14.67                |

*Sumber: Rekod Pejabat Daerah Dan Tanah*

### 13. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada pengurusan kewangan Pejabat dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan kewangan yang berkaitan. Selain itu, pengauditan juga bertujuan untuk memastikan sama ada rekod kewangan diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

### 14. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi kawalan pengurusan, hasil, perbelanjaan, pengurusan Kumpulanwang Amanah/Deposit dan aset. Pemeriksaan telah dijalankan dengan menyemak rekod kewangan bagi tahun 2006. Antara rekod yang disemak ialah Buku Tunai, Buku Vot, resit, baucar bayaran, Daftar Harta Modal dan Inventori. Perbincangan

dengan pegawai yang berkenaan juga telah diadakan bagi mendapatkan penjelasan terhadap perkara berbangkit. Selain itu, pengesahan fizikal terhadap aset juga dijalankan untuk menentukan kewujudannya.

## **15. PENEMUAN AUDIT**


### **15.1 KAWALAN PENGURUSAN**

Kawalan pengurusan yang cekap dan berkesan dapat menyumbang kepada pencapaian objektif organisasi dan memenuhi keperluan pelanggan. Ketua Jabatan bertanggungjawab menyediakan Carta Organisasi yang lengkap dan kemas kini bagi menunjukkan dengan jelasnya fungsi, aktiviti dan hierarki sesebuah Pejabat/Jabatan.

Ketua Jabatan juga bertanggungjawab memastikan Manual Prosedur Kerja, Fail Meja dan senarai tugas bagi setiap anggota disediakan dengan lengkap dan kemas kini. Dokumen ini adalah penting untuk dijadikan rujukan dan panduan kepada pegawai. Selain itu, setiap Jabatan/Pejabat juga perlu menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun selaras dengan kehendak Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 8 Tahun 2004. Jawatankuasa ini perlu mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya 3 bulan sekali bertujuan untuk memantau pengurusan kewangan Jabatan/Pejabat masing-masing.


Semakan Audit mendapati, Carta Organisasi bagi Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Selangor serta Pejabat Daerah Dan Tanah Sepang telah disediakan dengan lengkap dan kemas kini seperti di **Carta 6** dan **Carta 7**.

**Carta 6**  
**Carta Organisasi Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Selangor**



Sumber: Rekod Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Selangor

**Carta 7**  
**Carta Organisasi Pejabat Daerah Dan Tanah Sepang**



Sumber: Rekod Pejabat Daerah Dan Tanah Sepang

Semakan terhadap Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja di kedua-dua Pejabat Daerah Dan Tanah yang dilawati mendapati dokumen tersebut tidak disediakan dengan lengkap dan kemas kini. Bagaimanapun, tindakan sedang diambil untuk mengemas kini dokumen rujukan tersebut. Semakan Audit juga mendapati Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Selangor belum menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun seperti kehendak Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 8 Tahun 2004. Walau pun Pejabat Daerah Dan Tanah Sepang telah menubuhkan Jawatankuasa tersebut tetapi kekerapan mesyuarat tidak mengikut kehendak Pekeliling tersebut. Bagaimanapun, Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Selangor telah menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun selepas teguran Audit. Kedudukan pematuhan terhadap kawalan pengurusan Pejabat yang diaudit adalah seperti di **Jadual 46**.

**Jadual 46**  
**Pematuhan Terhadap Peraturan Kewangan Berhubung Dengan Kawalan Pengurusan**

| Bil. | Pejabat                                 | Kawalan Pengurusan |   |   |   |   |   |
|------|-----------------------------------------|--------------------|---|---|---|---|---|
|      |                                         | a                  | b | c | d | e | f |
| 1.   | Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Selangor | /                  | X | / | X | X | X |
| 2.   | Pejabat Daerah Dan Tanah Sepang         | /                  | X | / | X | / | X |

Nota: /: Mematuhi

X: Tidak Mematuhi

TB: Tidak Berkenaan

- a. Manual Prosedur Kerja disediakan di setiap pejabat
- b. Manual Prosedur Kerja adalah lengkap dan kemas kini
- c. Fail Meja disediakan bagi setiap anggota
- d. Fail Meja adalah lengkap dan kemas kini
- e. Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun telah ditubuhkan
- f. Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun bermesyuarat sekurang-kurangnya 3 bulan sekali

Pada pendapat Audit, kawalan pengurusan Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Selangor adalah tidak memuaskan manakala bagi Pejabat Daerah Dan Tanah Sepang adalah memuaskan. Kawalan pengurusan bagi kedua-dua Pejabat ini perlu dipertingkatkan lagi terutamanya dari aspek penyediaan Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja. Dokumen tersebut adalah penting sebagai dokumen rujukan utama yang dapat menyumbang kepada peningkatan kecekapan dan keberkesanan sesebuah Pejabat/Jabatan. Selain itu, Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun perlu mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya 3 bulan sekali bagi memantau pengurusan kewangan Jabatan/Pejabat.

## 15.2 KAWALAN HASIL

Arahan Perbendaharaan menetapkan beberapa peraturan mengenai pengurusan hasil yang perlu dipatuhi bagi memastikan kawalan dalaman yang secukupnya diwujudkan oleh Pejabat/Jabatan. Pemungut Hasil bertanggungjawab untuk memastikan semua pungutan dibuat dengan teratur, diperakunkan dengan tepat serta dimasukkan ke bank dalam tempoh masa yang ditetapkan. Semakan Audit mendapati pada keseluruhannya, kawalan hasil di kedua-dua Pejabat Daerah Dan Tanah adalah baik. Adalah didapati resit telah ditulis dan ditandatangani oleh 2 orang pegawai yang berasingan dan pegawai terlibat telah diberi kebenaran secara bertulis. Semakan harian terhadap Buku Tunai telah dilaksanakan oleh pegawai bertanggungjawab mengikut kehendak Arahan Perbendaharaan 80. Pemeriksaan mengejut terhadap wang dan barang berharga juga telah dijalankan mengikut Arahan Perbendaharaan 309. Penyata penyesuaian hasil juga telah disediakan dengan betul dan kemas kini. Kedudukan pematuhan terhadap peraturan kewangan berhubung dengan kawalan hasil adalah seperti di **Jadual 47**.

**Jadual 47**  
**Pematuhan Terhadap Peraturan Kewangan Berhubung Dengan Kawalan Hasil**

| Bil. | Pejabat                           | Peraturan Kawalan Hasil |   |   |   |   |   |   |    |
|------|-----------------------------------|-------------------------|---|---|---|---|---|---|----|
|      |                                   | a                       | b | c | d | e | f | g | h  |
| 1.   | Pejabat Daerah Dan Kuala Selangor | /                       | / | / | / | / | / | / | TB |
| 2.   | Pejabat Daerah Dan Tanah Sepang   | /                       | / | / | / | / | / | / | TB |

Nota: /: Mematuhi

X: Tidak Mematuhi

TB: Tidak Berkenaan

- a. Resit ditulis dan ditandatangani oleh 2 orang pegawai yang berasingan
- b. Semakan harian dibuat antara Buku Tunai dan resit
- c. Kebenaran bertulis untuk pegawai yang menerima wang
- d. Notis mengenai keperluan meminta resit dipamerkan untuk pengetahuan awam
- e. Kemasukan wang ke bank dibuat dengan segera
- f. Pemeriksaan mengejut dibuat terhadap wang dan barang berharga
- g. Penyata penyesuaian hasil dibuat dengan betul dan kemas kini
- h. Kebenaran khusus diberi kepada seseorang pegawai yang perlu menguruskan sendiri semua aktiviti pungutan hasil

**Pada pendapat Audit, kawalan hasil di kedua-dua Pejabat Daerah Dan Tanah yang dilawati adalah sangat baik. Rekod dan dokumen berkaitan telah diselenggarakan dengan sempurna dan peraturan kewangan berhubung dengan kawalan hasil dipatuhi.**

### **15.3 KAWALAN PERBELANJAAN**

Kawalan terhadap perbelanjaan adalah perlu untuk memastikan perbelanjaan dibuat berdasarkan peruntukan, mempunyai dokumen sokongan, diluluskan oleh pegawai yang diberi kuasa dan diperakakan dengan betul. Bagi menentukan tahap kawalan terhadap perbelanjaan Pejabat berkenaan, semakan Audit telah dijalankan ke atas Buku Vot, Pesanan Tempatan, Daftar Bil, Penyata Penyesuaian dan lain-lain rekod perbelanjaan. Hasil semakan Audit mendapati secara amnya peraturan berkaitan dengan penyelenggaraan rekod perbelanjaan telah dipatuhi oleh kedua-dua Pejabat Daerah Dan Tanah yang diaudit kecuali penyelenggaraan Daftar Bil secara manual yang tidak kemas kini di Pejabat Daerah Dan Tanah Sepang.

#### **15.3.1 Penyelenggaraan Buku Vot**

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 8 Tahun 1987, Buku Vot hendaklah diselenggara dengan lengkap dan kemas kini serta pemeriksaan perlu dijalankan untuk memastikan peruntukan digunakan selaras dengan tujuannya.

Pihak Audit mendapati penyelenggaraan Buku Vot secara manual telah digantikan dengan sistem Buku Vot berkomputer. Sistem Perakaunan Berkomputer Standard Kerajaan Negeri (SPEKS) telah mula dilaksanakan pada bulan September 2005.

Bagaimanapun, sistem perakaunan secara manual masih digunakan sebagai sokongan sekiranya SPEKS yang baru diperkenalkan mengalami masalah.

Semakan Audit terhadap Buku Vot yang diselenggara secara manual dan berkomputer di kedua-dua Pejabat Daerah Dan Tanah yang dilawati mendapati prosedur kewangan yang ditetapkan telah dipatuhi. Setiap pembelian/perolehan yang melibatkan pesanan tempatan telah direkod sebagai tanggungan dalam Buku Vot. Bayaran bagi setiap perbelanjaan telah direkodkan ke dalam Buku Vot. Pegawai yang bertanggungjawab juga telah memperakui ketepatan catatan dalam Buku Vot dengan menurunkan tandatangan ringkas.

### **15.3.2 Penyata Penyesuaian Perbelanjaan**

Arahan Perbendaharaan 143(b) telah menetapkan bahawa Perbendaharaan Negeri hendaklah menghantar Laporan Perbelanjaan Bulanan kepada Pegawai Pengawal pada setiap bulan. Pegawai Pengawal hendaklah menyesuaikan laporan tersebut dengan rekod perakaunannya dan menyediakan penyata penyesuaian untuk dikemukakan ke pejabat perakaunan. Manakala mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 8 Tahun 1987, semua Laporan Terperinci Perbelanjaan Bulanan yang diterima daripada Perbendaharaan Negeri hendaklah dibuat penyesuaian dengan Buku Vot dalam tempoh 14 hari dari tarikh penerimaan laporan. Penyata Penyesuaian Perbelanjaan dan dokumen sokongan hendaklah ditandatangani oleh pegawai yang bertanggungjawab dan dikemukakan kepada Perbendaharaan Negeri dalam tempoh yang ditetapkan.

Semakan Audit mendapati kedua-dua Pejabat yang dilawati telah menyediakan Penyata Penyesuaian Perbelanjaan dengan kemas kini. Penyata Penyesuaian Perbelanjaan dan dokumen sokongan telah ditandatangani oleh pegawai yang bertanggungjawab dan diserahkan kepada Perbendaharaan Negeri dalam tempoh 14 hari selepas Laporan Terperinci Perbelanjaan diterima.

### **15.3.3 Pesanan Pembelian Tempatan**

Setiap pembelian barangan dan perkhidmatan hendaklah dikeluarkan pesanan terlebih dahulu sebelum ia dilakukan. SPEKS yang dilaksanakan oleh kedua-dua pejabat yang diaudit merangkumi sistem borang pesanan secara berkomputer. Bagaimanapun, penggunaan borang secara manual masih digunakan sebagai sokongan sekiranya SPEKS tidak dapat berfungsi. Semakan Audit mendapati semua pembelian di Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Selangor serta Pejabat Daerah Dan Tanah Sepang telah diluluskan oleh pegawai yang diberi kuasa dan Pesanan Pembelian Tempatan telah

dikeluarkan terlebih dahulu bagi setiap pembelian. Bagaimanapun, di Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Selangor, ruangan pemeriksaan dan perakuan Pejabat di salinan peniga Pesanan Pembelian Tempatan tidak diisi seperti kehendak peraturan kewangan untuk mengesahkan barangan telah diterima dengan sempurna.

#### **15.3.4 Daftar Bil**

Arahan Perbendaharaan 103 menyatakan bil hendaklah dibayar dengan segera iaitu dalam tempoh 30 hari dari tarikh ia diterima. Bagi mematuhi arahan tersebut, Daftar Bil hendaklah diselenggarakan untuk merekod semua bil yang diterima. Selain itu, Daftar Bil hendaklah diperiksa oleh pegawai yang bertanggungjawab sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 3 bulan. Bagaimanapun, mulai 31 Oktober 2006, dengan berkuatkuasanya Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7 Tahun 2006 (Pindaan Ke atas Arahan Perbendaharaan 103), bil hendaklah dibayar dalam tempoh 14 hari dari tarikh ia diterima dan Daftar Bil pula hendaklah diperiksa oleh pegawai yang bertanggungjawab sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh sebulan.

Semakan Audit mendapati kedua-dua Daftar Bil secara manual dan berkomputer diselenggarakan di kedua-dua Pejabat Daerah Dan Tanah yang diaudit. Daftar Bil secara manual telah diselenggara dengan kemas kini di Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Selangor tetapi tidak kemas kini di Pejabat Daerah Dan Tanah Sepang. Pegawai yang bertanggungjawab telah memeriksa Daftar Bil dan menurunkan tandatangan ringkas mengikut peraturan.

Kedudukan pematuhan terhadap peraturan kewangan berhubung dengan kawalan perbelanjaan adalah seperti di **Jadual 48**.

**Jadual 48**  
**Pematuhan Terhadap Peraturan Kewangan**  
**Berhubung Dengan Kawalan Perbelanjaan**

| Bil. | Pejabat                                 | Peraturan Kawalan Perbelanjaan |   |   |   |   |   |   |
|------|-----------------------------------------|--------------------------------|---|---|---|---|---|---|
|      |                                         | a                              | b | c | d | e | f | g |
| 1.   | Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Selangor | /                              | / | / | X | / | / | / |
| 2.   | Pejabat Daerah Dan Tanah Sepang         | /                              | / | / | / | / | X | / |

Nota: /: Mematuhi

X: Tidak Mematuhi

TB: Tidak Berkenaan

- a. Transaksi di Buku Vot ditandatangani oleh pegawai bertanggungjawab
- b. Buku Vot disemak oleh pegawai penyelia
- c. Penyata Penyesuaian Perbelanjaan disediakan dengan lengkap dan kemas kini
- d. Maklumat di pesanan kerajaan adalah lengkap
- e. Surat kuasa diberi untuk tandatangan Pesanan Pembelian Tempatan
- f. Daftar Bil diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini
- g. Daftar Bil diperiksa oleh pegawai kanan

**Pada pendapat Audit, tahap kawalan perbelanjaan di kedua-dua Pejabat Tanah Dan Daerah adalah baik. Bagaimanapun, Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Selangor perlu melengkapkan bahagian pemeriksaan dan perakuan terimaan barangan di salinan peniga Pesanan Pembelian Tempatan. Bagi Pejabat Daerah Dan Tanah Sepang pula, Daftar Bil secara manual perlu dikemaskinikan.**

#### **15.4 PENGURUSAN AKAUN AMANAH/DEPOSIT**

Akaun amanah diwujudkan untuk membiayai sesuatu tujuan mengikut Arahan Amanah yang diluluskan oleh Perbendaharaan Negeri. Deposit pula merupakan wang yang diterima bagi maksud yang dinyatakan mengikut undang-undang atau syarat tertentu dan perlu dipulangkan sebaik sahaja selesai maksudnya. Akaun amanah dan deposit perlu diurus mengikut Arahan Perbendaharaan, Arahan Amanah dan peraturan lain yang dikeluarkan oleh Pejabat Perbendaharaan Negeri. Penyata terimaan dan bayaran bagi sesuatu akaun amanah dan senarai baki deposit perlu disediakan dengan lengkap dan dikemukakan ke Pejabat Perbendaharaan Negeri mengikut tempoh yang ditetapkan.

Kedua-dua Pejabat Daerah Dan Tanah tersebut ada menyelenggara dua akaun amanah iaitu Tabung Bencana Alam dan Akaun Amanah Perkuburan serta satu akaun Deposit Pelbagai. Semakan Audit terhadap pengurusan akaun ini menunjukkan perkara berikut:

##### **a) Tabung Bencana Khas**

Kerajaan Negeri Selangor telah meluluskan penubuhan Tabung Bencana Alam pada tahun 1999 bagi membiayai perbelanjaan menyelamatkan dan bantuan kewangan kepada mangsa bencana. Jumlah wang pusingan yang diperuntukkan untuk

Tabung ini adalah RM20,000. Pada awal tahun 2005, jumlah wang pusingan telah meningkat kepada RM40,000. Beberapa arahan mengenai peraturan penyelenggaraan Tabung ini telah dikeluarkan oleh Perbendaharaan Negeri. Semakan Audit mendapati Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Selangor tidak mematuhi beberapa perkara berkaitan penyelenggaraan Tabung ini. Buku Tunai bagi tujuan merekod segala urus niaga keluar/masuk wang tunai melalui Tabung ini tidak dikemas kini. Penyata penyesuaian bank bagi menyesuaikan baki Buku Tunai dan baki di bank juga tidak disediakan.

**b) Akaun Amanah Perkuburan**

Menurut Arahan Amanah, tujuan akaun ini adalah untuk membolehkan Kerajaan Negeri menguruskan caruman perkuburan yang dikutip daripada pemaju atau pemilik tanah yang membangunkan tanah kurang daripada 202,345 hektar (500 ekar) untuk kawasan perumahan/kediaman atau pembangunan bercampur setelah diluluskan pemberimilikan tanah atau tukar syarat tanah. Unit Pembangunan Tanah, Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor merupakan urus setia bagi Akaun ini. Pentadbir Tanah dikehendaki menyelenggarakan rekod semua terimaan dan pembayaran yang melibatkan Akaun ini. Selain itu, Pentadbir Tanah juga perlu menghantar Penyata Penyesuaian Akaun Amanah Perkuburan kepada urus setia untuk tujuan menyediakan Penyata Terimaan dan Bayaran.

Semakan Audit mendapati kedua-dua Pejabat Daerah Dan Tanah yang diaudit tidak menghantar Penyata Penyesuaian Akaun Amanah Perkuburan kepada pihak urus setia seperti dikehendaki tetapi telah menghantar kepada Perbendaharaan Negeri. Selain itu, penerimaan caruman akaun amanah ini telah dicatatkan dalam Buku Tunai Bahagian Hasil.

**c) Deposit Pelbagai**

Mengikut Arahan Perbendaharaan 156, Pegawai Pengawal bertanggungjawab terhadap penyelenggaraan akaun deposit di bawah jagaannya. Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Selangor serta Pejabat Daerah Dan Tanah Sepang ada menerima deposit bagi sewaan kedai/ gerai luar bandar, wang jaminan pelaksanaan dan lain-lain. Bahagian yang terlibat dengan terimaan deposit adalah Bahagian Pentadbiran Dan Kewangan, Bahagian Pembangunan Masyarakat dan Bahagian Hasil. Daftar Deposit telah diselenggarakan oleh semua bahagian yang terlibat. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati deposit yang diterima dari tahun 1964 hingga 1997 oleh Bahagian Pentadbiran Dan Kewangan di Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Selangor

dan dari tahun 1986 hingga 1988 di Pejabat Daerah Dan Tanah Sepang yang lama tidak dituntut masih belum dipindahkan ke Akaun Hasil kerana belum diwartakan.

**Pada pendapat Audit, kawalan terhadap akaun amanah dan deposit di Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Selangor serta Pejabat Daerah Dan Tanah Sepang perlu diperkemas dan dipertingkatkan terutamanya dari aspek pewartaan wang deposit yang lama tidak dituntut. Buku Tunai berasingan perlu diselenggarakan bagi Akaun Amanah Perkuburan. Semua rekod kewangan perlu disediakan dengan teratur mengikut peraturan yang ditetapkan.**

## **15.5 PENGURUSAN ASET**

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1991, setiap perolehan aset iaitu harta modal, inventori dan bekalan pejabat hendaklah direkodkan dalam daftar masing-masing. Selain itu, Tatacara Pengurusan Stor Perenggan 238 menghendaki Ketua Jabatan menjalankan pemeriksaan fizikal terhadap harta modal sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 2 tahun sebagai satu cara kawalan untuk mengenal pasti kewujudan dan tahap boleh guna sesuatu harta modal. Satu Lembaga Pemeriksa perlu dilantik untuk menjalankan pemeriksaan dari semasa ke semasa terhadap aset yang perlu dilupuskan. Kawalan terhadap pengurusan aset ini penting untuk menentukan harta modal dan inventori yang diperolehi telah direkod, disimpan dan dikawal dengan sempurna bagi mengelakkan pembaziran. Harta modal dan inventori yang dimiliki oleh Jabatan/Pejabat yang diaudit ialah kenderaan, komputer, perabot dan kelengkapan lain.

Semakan Audit menunjukkan pematuhan oleh kedua-dua Pejabat Daerah Dan Tanah yang dilawati mengenai aspek kawalan pengurusan aset dan inventori adalah kurang memuaskan. Walaupun kedua-dua Pejabat telah mewujudkan rekod berdasarkan Pekeliling berkaitan seperti Daftar Harta Modal dan Inventori, penyelenggaraannya adalah tidak lengkap dan sempurna. Selain itu, pemeriksaan fizikal terhadap harta modal dan inventori juga tidak dijalankan seperti kehendak peraturan. Kelewatan mengambil tindakan pelupusan di Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Selangor telah menimbulkan masalah pengurusan stor dan nilai aset merosot seperti di **Foto 1** dan **2**.

**Foto 1**

**Keadaan Ruang Stor Di Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Selangor**



**Foto 2**



Sumber: Jabatan Audit Negara

Tarikh: 23 Mei 2006

Lokasi : Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Selangor

Semakan seterusnya mendapati Buku Log Kenderaan juga tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini. Ruangan tertentu seperti nama dan tandatangan pegawai yang memberi kuasa di Buku Log tidak diisi dengan lengkap. Kedudukan pematuhan terhadap peraturan kewangan berhubung dengan pengurusan aset adalah seperti di **Jadual 49**.

**Jadual 49**

**Pematuhan Terhadap Peraturan Kewangan Berhubung Dengan Pengurusan Aset**

| Bil. | Pejabat                                 | Peraturan Pengurusan Aset |   |   |   |    |   |   |   |   |
|------|-----------------------------------------|---------------------------|---|---|---|----|---|---|---|---|
|      |                                         | a                         | b | c | d | e  | f | g | h | i |
| 1.   | Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Selangor | X                         | X | / | / | TB | / | X | X | X |
| 2.   | Pejabat Daerah Dan Tanah Sepang         | X                         | X | / | X | TB | / | X | / | / |

Nota: /: Mematuhi

X: Tidak Mematuhi

TB: Tidak Berkenaan

- Daftar Harta Modal dan Inventori diselenggara dengan lengkap dan kemas kini
- Pemeriksaan fizikal dijalankan terhadap harta modal dan inventori
- Aset mempunyai tanda pengenalan 'Hak Milik Kerajaan'
- Verifikasi stok dijalankan
- Pelantikan Pegawai pengangkutan dibuat secara bertulis
- Kenderaan diguna dengan kelulusan Pegawai Pengangkutan
- Buku Log kenderaan diselenggara dengan lengkap dan kemas kini
- Aset usang diambil tindakan pelupusan
- Pelupusan aset disegerakan

Pihak Audit berpendapat bahawa pengurusan aset adalah tidak memuaskan. Pihak pengurusan hendaklah menjalankan pemeriksaan fizikal terhadap aset mengikut peraturan serta mengaktifkan Jawatankuasa Pelupusan.

## **16. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT**

Pada keseluruhannya tahap kawalan terhadap hasil di Pejabat Daerah Dan Tanah yang dilawati adalah baik dan kawalan pengurusan perbelanjaan memuaskan. Bagaimanapun, kawalan terhadap pengurusan, amanah dan aset adalah kurang memuaskan. Adalah disyorkan semua dokumen dan rekod kewangan diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini. Usaha yang berterusan hendaklah diambil oleh pihak pengurusan dengan meningkatkan pemantauan dan memberi latihan kepada pegawai yang terlibat dalam pengurusan kewangan.

## PERINGKAT JABATAN

### 17. LATAR BELAKANG

Seksyen 15(A) Akta Prosedur Kewangan, 1957 dan Arahan Perbendaharaan telah menetapkan tugas dan tanggungjawab Pegawai Pengawal sesebuah Kementerian/Jabatan bagi menjamin wujudnya akauntabiliti pengurusan kewangan Kerajaan. Antara lain, seseorang Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab untuk menentukan bahawa peruntukan kewangan dan sumber lain yang mencukupi diperolehi, diguna dan diperakaunkan mengikut peraturan kewangan.

Pada tahun 2006, pengauditan pengurusan kewangan telah dijalankan di 2 Jabatan Negeri iaitu Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor dan Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor. Sehingga akhir tahun 2006, Jabatan tersebut telah memungut hasil berjumlah RM2.76 juta, melakukan perbelanjaan berjumlah RM17.93 juta dan mempunyai baki deposit berjumlah RM0.02 juta. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 50**.

**Jadual 50**  
**Jumlah Hasil, Perbelanjaan Dan Deposit Bagi Tahun 2006**

| Bil.          | Jabatan                                      | Hasil<br>(RM Juta) | Perbelanjaan<br>(RM Juta) | Deposit<br>(RM Juta) |
|---------------|----------------------------------------------|--------------------|---------------------------|----------------------|
| 1.            | Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor | 0.00               | 9.58                      | 0.00                 |
| 2.            | Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor    | 2.76               | 8.35                      | 0.02                 |
| <b>Jumlah</b> |                                              | <b>2.76</b>        | <b>17.93</b>              | <b>0.02</b>          |

*Sumber: Rekod Jabatan*

### 18. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada pengurusan kewangan Jabatan dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan kewangan yang berkaitan. Selain itu, pengauditan juga bertujuan untuk memastikan sama ada rekod kewangan diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

### 19. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Skop pengauditan ini meliputi kawalan pengurusan, hasil, perbelanjaan, pengurusan Kumpulanwang Amanah/Deposit dan aset. Pemeriksaan telah dijalankan dengan

menyemak rekod kewangan bagi tahun 2006. Antara rekod yang disemak ialah Buku Tunai, Buku Vot, resit, baucar bayaran, Daftar Harta Modal dan Inventori. Perbincangan dengan pegawai yang berkenaan juga telah diadakan bagi mendapatkan penjelasan terhadap perkara berbangkit. Selain itu, pengesahan fizikal terhadap aset juga dijalankan untuk menentukan kewujudannya.


## **20. PENEMUAN AUDIT**

### **20.1 KAWALAN PENGURUSAN**

Kawalan pengurusan yang cekap dan berkesan dapat menyumbang kepada pencapaian objektif organisasi dan memenuhi keperluan pelanggan. Ketua Jabatan bertanggungjawab menyediakan Carta Organisasi yang lengkap dan kemas kini bagi menunjukkan dengan jelasnya fungsi, aktiviti dan hierarki sesebuah Pejabat/Jabatan. Ketua Jabatan juga bertanggungjawab memastikan Manual Prosedur Kerja, Fail Meja dan senarai tugas bagi setiap anggota disediakan dengan lengkap dan kemas kini. Dokumen ini adalah penting untuk dijadikan rujukan dan panduan kepada pegawai. Selain itu, setiap Jabatan/Pejabat juga perlu menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun selaras dengan kehendak Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 8 Tahun 2004. Jawatankuasa ini perlu mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya 3 bulan sekali bertujuan untuk memantau pengurusan kewangan Jabatan/Pejabat masing-masing.


Semakan Audit mendapati Carta Organisasi bagi Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor dan Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor telah disediakan dengan lengkap dan kemas kini seperti di **Carta 8** dan **Carta 9**.

**Carta 8**  
**Carta Organisasi Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor**



*Sumber: Rekod Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor*

**Carta 9**  
**Carta Organisasi Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor**



Sumber: Rekod Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor

Pemeriksaan Audit mendapati Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor telah menyediakan Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja dengan lengkap dan kemas kini. Manakala Manual Prosedur Kerja yang disediakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor tidak mengandungi proses kerja dan carta aliran kerja untuk Sistem Perakaunan Standard Kerajaan Negeri (SPEKS) yang telah dilaksanakan oleh Jabatan tersebut. Kandungan Fail Meja seperti carta organisasi dan senarai tugas tidak dikemas kini. Adalah didapati Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor telah menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun dan kekerapan mesyuarat juga telah

mematuhi kehendak Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8 Tahun 2004. Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor pula masih belum menubuhkan Jawatankuasa tersebut. Kedudukan pemuatan terhadap kawalan pengurusan Jabatan yang diaudit adalah seperti di **Jadual 51**.

**Jadual 51**  
**Pemuatan Terhadap Peraturan Kewangan Berhubung Dengan Kawalan Pengurusan**

| Bil. | Jabatan                                      | Kawalan Pengurusan |   |   |   |   |   |
|------|----------------------------------------------|--------------------|---|---|---|---|---|
|      |                                              | a                  | b | c | d | e | f |
| 1.   | Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor | /                  | X | / | X | X | X |
| 2.   | Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor    | /                  | / | / | / | / | / |

*Nota: / : Mematuhi*

*X : Tidak Mematuhi*

*TB : Tidak Berkenaan*

- a. *Manual Prosedur Kerja disediakan di setiap pejabat*
- b. *Manual Prosedur Kerja adalah lengkap dan kemas kini*
- c. *Fail Meja disediakan bagi setiap anggota*
- d. *Fail Meja adalah lengkap dan kemas kini*
- e. *Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun telah ditubuhkan*
- f. *Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun bermesyuarat setiap bulan atau sekurang-kurangnya 3 bulan sekali*

**Pada pendapat Audit, kawalan pengurusan Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor adalah baik. Bagi Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor, kawalan pengurusan adalah kurang memuaskan. Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja perlu diselenggara dengan lengkap dan kemas kini. Dokumen tersebut adalah penting sebagai dokumen rujukan utama yang dapat menyumbang kepada peningkatan kecekapan dan keberkesanan Jabatan. Selain itu, Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun perlu ditubuhkan segera bagi memantau pengurusan kewangan Jabatan.**

## 20.2 KAWALAN HASIL

Arahan Perbendaharaan menetapkan beberapa peraturan mengenai pengurusan hasil yang perlu dipatuhi bagi memastikan kawalan dalaman yang secukupnya diwujudkan oleh Pejabat/Jabatan. Pemungut Hasil bertanggungjawab untuk memastikan semua pungutan dibuat dengan teratur serta dimasukkan ke bank dalam tempoh yang ditetapkan dan diperakaunkan dengan tepat. Semakan Audit mendapati Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor tidak terlibat dengan kutipan hasil Negeri. Bagi Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor, semakan Audit mendapati kawalan hasil telah dilaksanakan dengan baik. Resit telah ditulis dan ditandatangani oleh 2 orang pegawai yang berasingan

dan pegawai terlibat telah diberi kebenaran secara bertulis. Semakan harian terhadap Buku Tunai juga telah dilaksanakan oleh pegawai bertanggungjawab mengikut kehendak Arahan Perbendaharaan 80. Pemeriksaan mengejut terhadap wang dan barang berharga juga telah dijalankan mengikut Arahan Perbendaharaan 309. Penyata penyesuaian hasil juga telah disediakan dengan betul dan kemas kini. Kedudukan pematuhan terhadap peraturan kewangan berhubung dengan kawalan hasil adalah seperti di **Jadual 52**.

**Jadual 52**  
**Pematuhan Terhadap Peraturan Kewangan Berhubung Dengan Kawalan Hasil**

| Bil. | Jabatan                                      | Peraturan Kawalan Hasil |    |    |    |    |    |    |    |
|------|----------------------------------------------|-------------------------|----|----|----|----|----|----|----|
|      |                                              | a                       | b  | c  | d  | e  | f  | g  | h  |
| 1.   | Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor | TB                      | TB | TB | TB | TB | TB | TB | TB |
| 2.   | Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor    | /                       | /  | /  | /  | /  | /  | /  | /  |

Nota: / : Mematuhi

X : Tidak Mematuhi

TB : Tidak Berkenaan

- a. Resit ditulis dan ditandatangani oleh 2 orang pegawai yang berasingan
- b. Semakan harian dibuat antara Buku Tunai dan resit
- c. Kebenaran bertulis untuk pegawai yang menerima wang
- d. Notis mengenai keperluan meminta resit dipamerkan untuk pengetahuan awam
- e. Kemasukan wang ke bank dibuat dengan segera
- f. Pemeriksaan mengejut dibuat terhadap wang dan barang berharga
- g. Penyata penyesuaian hasil dibuat dengan betul dan kemas kini
- h. Kebenaran khusus diberi kepada seseorang pegawai yang perlu menguruskan sendiri semua aktiviti pungutan hasil

**Pada pendapat Audit, kawalan hasil di Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor adalah baik. Rekod dan dokumen berkaitan telah diselenggarakan dengan sempurna dan peraturan kewangan berhubung dengan kawalan hasil telah dipatuhi.**

## 20.3 KAWALAN PERBELANJAAN

Kawalan terhadap perbelanjaan adalah perlu untuk memastikan perbelanjaan dibuat berdasarkan peruntukan, mempunyai dokumen sokongan, diluluskan oleh pegawai yang diberi kuasa dan diperakaukan dengan betul. Bagi menentukan tahap kawalan terhadap perbelanjaan Jabatan berkenaan, semakan Audit telah dijalankan terhadap Buku Vot, Pesanan Tempatan, Daftar Bil, Penyata Penyesuaian dan lain-lain rekod perbelanjaan. Hasil semakan Audit mendapati secara amnya peraturan berkaitan dengan penyelenggaraan rekod perbelanjaan telah dipatuhi oleh kedua-dua Jabatan yang diaudit kecuali Buku Vot dan Daftar Bil yang tidak diperiksa oleh pegawai yang bertanggungjawab di Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor.

### **20.3.1 Penyelenggaraan Buku Vot**

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 8 Tahun 1987, Buku Vot hendaklah diselenggara dengan lengkap dan kemas kini serta pemeriksaan perlu dijalankan untuk memastikan peruntukan digunakan selaras dengan tujuannya. Semakan Audit mendapati penyelenggaraan Buku Vot secara manual telah digantikan dengan sistem Buku Vot berkomputer. Sistem Perakaunan Standard Kerajaan Negeri Selangor (SPEKS) telah mula dilaksanakan pada bulan September 2005. Bagaimanapun, sistem perakaunan secara manual masih digunakan sebagai sokongan sekiranya SPEKS yang baru diperkenalkan mengalami masalah.

Semakan Audit terhadap Buku Vot manual dan Buku Vot SPEKS di kedua-dua Jabatan yang dilawati mendapati setiap pesanan tempatan telah direkod sebagai tanggungan dalam Buku Vot. Bayaran bagi setiap perbelanjaan juga telah direkodkan ke dalam Buku Vot. Selain itu, Buku Vot berkenaan juga telah diselenggarakan dengan kemas kini. Bagaimanapun, semakan harian terhadap Buku Vot manual dan laporan harian serta bulanan Buku Vot SPEKS tidak dilakukan dan ditandatangani ringkas oleh seorang pegawai yang bertanggungjawab sebagai perakuan ketepatan di Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor. Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor telah mematuhi arahan menjalankan semakan tersebut.

### **20.3.2 Penyata Penyesuaian Perbelanjaan**

Arahan Perbendaharaan 143(b) telah menetapkan bahawa Perbendaharaan Negeri hendaklah menghantar Laporan Perbelanjaan Bulanan kepada Pegawai Pengawal pada setiap bulan. Pegawai Pengawal hendaklah menyesuaikan laporan tersebut dengan rekod perakaunannya dan menyediakan penyata penyesuaian untuk dikemukakan ke pejabat perakaunan. Manakala mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 8 Tahun 1987, semua Laporan Terperinci Perbelanjaan Bulanan yang diterima daripada Perbendaharaan Negeri hendaklah dibuat penyesuaian dengan Buku Vot dalam tempoh 2 minggu dari tarikh penerimaan laporan. Penyata Penyesuaian Perbelanjaan dan dokumen sokongan hendaklah ditandatangani oleh pegawai yang bertanggungjawab dan dikemukakan kepada Perbendaharaan Negeri dalam tempoh yang ditetapkan.

Semakan Audit mendapati kedua-dua Jabatan telah menyediakan Penyata Penyesuaian Perbelanjaan dengan kemas kini. Penyata Penyesuaian Perbelanjaan dan dokumen sokongan telah ditandatangani oleh pegawai yang bertanggungjawab dan diserahkan kepada Pejabat Perbendaharaan Negeri dalam tempoh 14 hari selepas Laporan Terperinci Perbelanjaan diterima.

### **20.3.3 Pesanan Pembelian Tempatan**

Setiap pembelian barangan dan perkhidmatan hendaklah dikeluarkan pesanan terlebih dahulu sebelum ia dilakukan. SPEKS telah dilaksanakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor dan Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor merangkumi sistem borang pesanan secara berkomputer. Bagaimanapun, penggunaan borang secara manual masih digunakan sebagai sokongan sekiranya SPEKS tidak dapat berfungsi. Semakan Audit mendapati semua pembelian telah diluluskan oleh pegawai yang diberi kuasa dan Pesanan Pembelian Tempatan dikeluarkan terlebih dahulu bagi setiap pembelian. Perakuan untuk mengesahkan barangan telah diterima dengan sempurna juga telah dibuat di salinan peniga Pesanan Pembelian Tempatan mengikut peraturan yang ditetapkan.

### **20.3.4 Perolehan Melalui Sebutharga**

Arahan Perbendaharaan 197 menetapkan sebutharga hendaklah dibuka oleh Jawatankuasa Pembuka Sebutharga manakala Arahan Perbendaharaan 170.3(a) pula menetapkan keputusan pemilihan sebut harga hendaklah dibuat oleh Jawatankuasa Sebutharga. Jawatankuasa Pembuka Sebutharga bertanggungjawab menyediakan borang jadual sebutharga dengan mencatatkan butir-butir penyebut harga dengan lengkap dan menyerahkan jadual tersebut dengan kertas-kertas berkaitan kepada Jawatankuasa Sebutharga untuk pemilihan. Pemeriksaan Audit mendapati kedua-dua Jawatankuasa ini telah ditubuhkan di kedua-dua Jabatan yang dilawati. Adalah didapati pengurusan sebutharga di Jabatan Mahkamah Syariah Negeri Selangor telah mematuhi peraturan kewangan tetapi kurang teratur di Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor. Pihak Audit menemui satu kes Jawatankuasa Pembuka Sebutharga tidak terlibat dalam proses sebutharga kerana tiada bukti kertas kerja yang sepatutnya disediakan oleh Jawatankuasa ini dikemukakan kepada Jawatankuasa Sebutharga. Seterusnya pemilihan sebutharga dalam kes yang sama telah dibuat oleh 3 orang pegawai di mana 2 daripadanya bukan merupakan ahli Jawatankuasa Sebutharga Jabatan.

### **20.3.5 Daftar Bil**

Arahan Perbendaharaan 103 menyatakan bil hendaklah dibayar dengan segera iaitu dalam tempoh 30 hari dari tarikh ia diterima. Bagi mematuhi arahan tersebut, Daftar Bil hendaklah diselenggarakan untuk merekod semua bil yang diterima. Selain itu, Daftar Bil hendaklah diperiksa oleh pegawai yang bertanggungjawab sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 3 bulan. Bagaimanapun, mulai 31 Oktober 2006, dengan berkuatkuasanya Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7 Tahun 2006 (Pindaan Ke atas AP 103), bil hendaklah dibayar dalam tempoh 14 hari dari tarikh ia diterima dan Daftar

Bil pula hendaklah diperiksa oleh pegawai yang bertanggungjawab sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh sebulan.

Semakan Audit mendapati Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor dan Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor telah menyelenggara Daftar Bil menggunakan sistem SPEKS sepenuhnya. Daftar tersebut telah diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini di kedua-dua Jabatan tersebut. Bagaimanapun, pegawai yang bertanggungjawab tidak memeriksa Daftar Bil di Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor. Manakala Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor telah mematuhi arahan pemeriksaan daftar tersebut. Kedudukan pematuan terhadap peraturan kewangan berhubung dengan kawalan perbelanjaan adalah seperti di **Jadual 53**.

**Jadual 53**  
**Pematuan Terhadap Peraturan Kewangan**  
**Berhubung Dengan Kawalan Perbelanjaan**

| Bil. | Pejabat                                      | Peraturan Kawalan Perbelanjaan |   |   |   |   |   |   |
|------|----------------------------------------------|--------------------------------|---|---|---|---|---|---|
|      |                                              | a                              | b | c | d | e | f | g |
| 1.   | Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor | X                              | X | / | / | / | / | X |
| 2.   | Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor    | /                              | / | / | / | / | / | / |

Nota: / : Mematuhi

X : Tidak Mematuhi

TB : Tidak Berkenaan

- a. Transaksi di Buku Vot ditandatangani oleh pegawai bertanggungjawab
- b. Buku Vot disemak oleh pegawai penyelia
- c. Penyata Penyesuaian Perbelanjaan disediakan dengan lengkap dan kemas kini
- d. Maklumat di pesanan kerajaan adalah lengkap
- e. Surat kuasa diberi untuk tandatangani Pesanan Pembelian Tempatan
- f. Daftar Bil diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini
- g. Daftar Bil diperiksa oleh pegawai kanan

Pada pendapat Audit, tahap kawalan perbelanjaan di Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor adalah baik. Manakala Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor adalah memuaskan. Perhatian hendaklah diberi terhadap pengurusan sebut harga supaya mematuhi peraturan yang ditetapkan bagi menjamin akauntabiliti. Selain itu, kawalan perbelanjaan perlu dipertingkatkan lagi dengan melakukan pemeriksaan terhadap Buku Vot dan Daftar Bil seperti mana yang ditetapkan dalam peraturan.

## 20.4 PENGURUSAN AKAUN AMANAH/DEPOSIT

Akaun amanah diwujudkan untuk membiayai sesuatu tujuan mengikut Arahan Amanah yang diluluskan oleh Perbendaharaan Negeri. Deposit pula merupakan wang yang diterima

bagi maksud yang dinyatakan mengikut undang-undang atau syarat tertentu dan perlu dipulangkan sebaik sahaja selesai maksudnya. Akaun amanah dan deposit perlu diurus mengikut Arahan Perbendaharaan, Arahan Amanah dan peraturan lain yang dikeluarkan oleh Pejabat Perbendaharaan Negeri. Penyata terimaan dan bayaran bagi sesuatu akaun amanah dan senarai baki deposit perlu disediakan dengan lengkap dan dikemukakan ke Pejabat Perbendaharaan Negeri mengikut tempoh yang ditetapkan. Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor ada menyelenggara akaun amanah manakala Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor menyelenggara akaun deposit. Pemeriksaan Audit terhadap pengurusan akaun amanah dan deposit di Jabatan berkenaan adalah seperti berikut:

#### **20.4.1 Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor**

##### **a) Tabung Bencana Khas**

Pada bulan September 2005, Perbendaharaan Negeri telah mengarahkan Jabatan supaya menubuhkan Tabung Bencana Khas bertujuan untuk memberi bantuan kewangan kepada mangsa bencana khas dengan peruntukan sejumlah RM40,000. Jabatan hendaklah membuka satu Akaun Wang Panjar Bencana Khas serta akaun bank bagi tujuan tersebut. Selain itu, Jabatan juga diarahkan menyelenggara buku tunai dan menyediakan penyata penyesuaian bank bagi akaun ini.

Semakan Audit mendapati Jabatan telah menubuhkan Tabung dan membuka akaun bank bagi Tabung ini. Sijil pengesahan baki hujung tahun telah dikemukakan kepada pihak Perbendaharaan Negeri dan Jabatan Audit Negara. Bagaimanapun, Jabatan tidak menyelenggarakan buku tunai serta menyediakan penyata penyesuaian bank seperti yang diarahkan oleh pihak Perbendaharaan.

#### **20.4.2 Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor**

##### **a) Akaun Deposit**

Akaun ini dibuka untuk mengakaunkan wang tunai yang diterima oleh Jabatan sebelum tahun 1991 sebagai deposit bagi kes bayaran nafkah isteri, anak dan lain-lain berkaitan dengan Mahkamah Syariah. Ia telah disediakan berasingan daripada Akaun Amanah Disatukan Negeri. Semakan Audit mendapati akaun ini tidak diselenggarakan dengan teratur. Selain daripada penyata bank yang menunjukkan baki deposit pada 31 Mac 2006 berjumlah RM18,993, tiada rekod lain seperti daftar deposit dan rekod subsidiari diselenggarakan. Perkara ini telah dibangkitkan pada tahun 2002 malah Jabatan tidak mengambil apa-apa tindakan. Bagaimanapun, satu jawatankuasa siasatan telah ditubuhkan untuk mengenal pasti penerima-penerima bagi kes-kes berkaitan selepas teguran Audit.

#### **b) Bon Jaminan**

Bagi kes jenayah syariah, Orang Kena Tuduh boleh dibebaskan daripada tahanan/ditahan selepas dibacakan pertuduhan dengan memberi bon jaminan sementara menunggu tarikh perbicaraan atau keputusan dibuat oleh Mahkamah. Sehingga akhir tahun 1998, Mahkamah menggunakan akaun amanah sebagai cara simpanan wang jaminan ini. Bagaimanapun, mulai 1 Januari 1991, semua bentuk cagaran untuk jaminan kes jenayah hendaklah dibuat melalui buku akaun bank atau sijil simpanan tetap. Semakan Audit terhadap pengurusan Bon Jaminan oleh Jabatan mendapati pengurusannya adalah teratur mengikut Pekeliling Pendaftar Bil. 2 Tahun 1998.

**Pada pendapat Audit, kawalan pengurusan Akaun Amanah/Deposit di kedua-dua Jabatan yang dilawati perlu dipertingkatkan. Buku tunai dan penyata penyesuaian bank perlu diadakan bagi Akaun Amanah manakala daftar deposit dan rekod subsidiari perlu diselenggarakan bagi akaun deposit.**

### **20.5 PENGURUSAN ASET**

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1991, setiap perolehan aset iaitu harta modal, inventori dan bekalan pejabat hendaklah direkodkan dalam daftar masing-masing. Selain itu, Tatacara Pengurusan Stor Perenggan 238 menghendaki Ketua Jabatan menjalankan pemeriksaan fizikal terhadap harta modal sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 2 tahun sebagai satu cara kawalan untuk mengenal pasti kewujudan dan tahap boleh guna sesuatu harta modal. Satu Lembaga Pemeriksa perlu dilantik untuk menjalankan pemeriksaan dari semasa ke semasa terhadap aset yang perlu dilupuskan. Kawalan terhadap pengurusan aset ini penting untuk menentukan harta modal dan inventori yang diperolehi telah direkod, disimpan dan dikawal dengan sempurna bagi mengelakkan pembaziran. Antara jenis harta modal dan inventori yang dimiliki oleh Jabatan yang diaudit ialah kenderaan, komputer, perabot dan kelengkapan lain.

Semakan Audit mendapati kawalan pengurusan aset dan inventori oleh kedua-dua Jabatan yang diaudit adalah kurang memuaskan. Walaupun Jabatan telah mewujudkan rekod berdasarkan Pekeliling berkaitan seperti Daftar Harta Modal dan Daftar Inventori, penyelenggaraannya adalah tidak lengkap dan kemas kini. Selain itu, Jabatan tidak menjalankan pemeriksaan fizikal terhadap harta modal dan inventori seperti kehendak peraturan. Semakan seterusnya mendapati Buku Log Kenderaan juga tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini. Bagaimanapun, tindakan telah diambil untuk mengemas kini Daftar Harta Modal, Daftar Inventori dan Buku Log Kenderaan oleh

Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor selepas teguran Audit. Kedudukan pematuhan terhadap peraturan kewangan berhubung dengan pengurusan aset adalah seperti di **Jadual 54**.

**Jadual 54**  
**Pematuhan Terhadap Peraturan Kewangan Berhubung Dengan Pengurusan Aset**

| Bil. | Jabatan/Pejabat                              | Peraturan Pengurusan Aset |   |   |   |    |   |   |   |   |
|------|----------------------------------------------|---------------------------|---|---|---|----|---|---|---|---|
|      |                                              | a                         | b | c | d | e  | f | g | h | i |
| 1.   | Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor | X                         | X | / | / | TB | / | X | / | / |
| 2.   | Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor    | X                         | X | / | X | TB | / | X | / | / |

Nota: / : Mematuhi

X : Tidak Mematuhi

TB : Tidak Berkenaan

- a. Daftar Harta Modal dan Inventori diselenggara dengan lengkap dan kemas kini
- b. Pemeriksaan fizikal dijalankan terhadap harta modal dan inventori
- c. Aset mempunyai tanda pengenalan 'Hak Milik Kerajaan'
- d. Verifikasi stok dijalankan
- e. Pelantikan Pegawai pengangkutan dibuat secara bertulis
- f. Kenderaan diguna dengan kelulusan Pegawai Pengangkutan
- g. Buku Log kenderaan diselenggara dengan lengkap dan kemas kini
- h. Aset usang diambil tindakan pelupusan
- i. Pelupusan aset disegerakan

Pihak Audit berpendapat bahawa pengurusan aset kedua-dua Jabatan adalah tidak memuaskan. Pihak pengurusan hendaklah menyelenggarakan rekod dengan lebih teratur dan kemas kini serta menjalankan pemeriksaan fizikal terhadap aset mengikut peraturan bagi memastikan aset masih wujud dan berekonomi untuk digunakan.

## 21. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pada keseluruhannya tahap pengurusan kewangan Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor adalah baik kecuali aspek kawalan terhadap pengurusan aset. Bagi Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor, kawalan pengurusan dan pengurusan aset adalah kurang memuaskan. Semua dokumen dan rekod kewangan hendaklah diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini serta peraturan kewangan dipatuhi. Usaha yang berterusan hendaklah diambil oleh pihak pengurusan dengan meningkatkan pemantauan dan memberi latihan kepada pegawai yang terlibat dalam pengurusan kewangan.

## **22. PROGRAM PENAMPILAN AUDIT**

### **22.1 LATAR BELAKANG**

Program Penampilan Audit telah mula dilaksanakan pada tahun 2003. Selaras dengan Arahan Ketua Audit Negara Bil. 3/2005 berkaitan dengan panduan melaksanakan penampilan Audit, program ini diteruskan sehingga tahun 2006. Pelaksanaan program ini adalah sebagai satu langkah bagi membantu Jabatan mengatasi dan memperbaiki kelemahan pengurusan kewangan dan meningkatkan akauntabiliti pengurusan wang awam. Program ini dilaksanakan dengan memberi tumpuan kepada aspek semakan kawalan dalaman bagi pengurusan kewangan serta kedudukan wang dalam tangan dan barang berharga. Ia melibatkan pemeriksaan Audit terhadap rekod dan dokumen utama kewangan berkaitan kawalan hasil, kawalan perbelanjaan, kawalan pengurusan aset dan inventori serta pengesahan wang kutipan/panjar. Pelaksanaan program ini telah dapat membantu pihak pengurusan Jabatan/Pejabat meningkatkan tahap akauntabiliti pengurusan.

### **22.2 OBJEKTIF PROGRAM**

Tujuan Program Penampilan Audit ini dilaksanakan adalah untuk mewujudkan kesedaran di kalangan pihak Auditi bahawa Jabatan Audit Negara sentiasa memantau tahap pematuhan terhadap peraturan kewangan. Ia juga bertujuan sebagai langkah pencegahan daripada berlakunya kelemahan pengurusan kewangan yang berterusan di Jabatan yang dilawati. Selain itu, ia dapat mewujudkan kesedaran di kalangan pegawai Auditi terhadap pentingnya mengurus kewangan dan harta benda Kerajaan dengan cermat dan berhemat. Melalui program ini, pihak Audit dapat memantau dan menasihati pihak Auditi berkaitan pengurusan kewangan.

### **22.3 PELAKSANAAN DAN PENDEKATAN AUDIT**

Pada tahun 2006, Jabatan Audit telah memilih sebanyak 43 Jabatan/Pejabat bagi melaksanakan Program Penampilan Audit. Pemilihan ini dibuat berdasarkan kepada Jabatan/Pejabat yang tidak pernah diaudit atau sudah melebihi 3 tahun tidak dilawati (mengikut pusingan) atau Jabatan/Pejabat yang berada di lokasi/daerah yang sama semasa pengauditan pengurusan kewangan/pengauditan prestasi/Program Anak Angkat dilaksanakan. Tatacara pelaksanaan program ini dimulakan dengan penghantaran surat makluman mengenai program ini kepada Jabatan/Pejabat yang terpilih. Pengauditan yang dijalankan merangkumi penilaian terhadap kawalan dalaman, semakan rekod kewangan dan pematuhan kepada kehendak undang-undang dan peraturan kewangan. Pengauditan

ini hanya dijalankan bagi tempoh 1 hingga 2 hari dan disusuli dengan surat pemerhatian Audit serta perbincangan bersama Auditi terhadap hasil pemeriksaan. Semasa perbincangan, masalah serta kelemahan dikenal pasti dan cara penyelesaian dikemukakan bagi mengatasi masalah tersebut.

## **22.4 PENEMUAN AUDIT**

Hasil pemeriksaan yang dijalankan terhadap Jabatan/Pejabat yang dipilih mendapati secara keseluruhannya, Jabatan/Pejabat tersebut telah mematuhi undang-undang serta peraturan kewangan yang ditetapkan terutama dari aspek kawalan hasil dan perbelanjaan. Bagaimanapun, masih ada Jabatan/Pejabat yang gagal mematuhi sepenuhnya atau sebahagian daripada undang-undang serta peraturan kewangan yang ditetapkan terutamanya dari aspek pengurusan aset dan inventori. Ringkasan penemuan Audit terhadap pematuhan peraturan kewangan yang merangkumi kawalan terimaan, kawalan perbelanjaan, kawalan pengurusan aset dan inventori Jabatan/Pejabat yang dilawati adalah seperti di bawah:

### **22.4.1 Kawalan Terimaan**

Kawalan terimaan adalah merupakan aspek penting yang perlu diberi perhatian di dalam pengurusan kewangan. Ini disebabkan ia melibatkan penguatkuasaan undang-undang, peraturan dan kaedah perakaunan hasil yang telah dipungut. Kutipan yang dibuat oleh Jabatan/Pejabat merangkumi kutipan hasil dan juga terimaan bukan hasil. Ringkasan penemuan Audit terhadap pematuhan peraturan kewangan oleh Jabatan/Pejabat yang dilawati adalah seperti di **Jadual 55**.

**Jadual 55**  
**Pematuhan Terhadap Kawalan Terimaan**

| Bil. | Jabatan/Pejabat                                                                                                                                                                                                                          | Bil. Dilawati | Status Pematuhan Kawalan Terimaan |      |      |      |      |      |      |      |    |      |
|------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------|-----------------------------------|------|------|------|------|------|------|------|----|------|
|      |                                                                                                                                                                                                                                          |               | A                                 | b    | c    | d    | e    | f    | g    | h    | i  | j    |
| 1.   | <b>Pejabat Daerah Dan Tanah</b><br>Petaling, Hulu Selangor Dan Gombak                                                                                                                                                                    | 3             | /                                 | /    | /    | /    | /    | /    | /    | /    | /  | 1    |
| 2.   | <b>Pejabat Daerah Dan Tanah</b><br>Klang Dan Hulu Langat                                                                                                                                                                                 | 2             | /                                 | /    | /    | /    | /    | /    | /    | /    | /  | /    |
| 3.   | <b>Jabatan Agama Islam</b><br>Ibu Pejabat, Klang, Kuala Langat, Sepang, Hulu Langat, Petaling, Gombak Timur dan Barat, Hulu Selangor, Kuala Selangor, Sabak Bernam, Sekolah Rendah Agama Intergrasi dan Institut Latihan Dakwah Selangor | 13            | /                                 | /    | /    | 13   | /    | /    | /    | /    | /  | /    |
| 4.   | <b>Jabatan Perkhidmatan Haiwan</b><br>Kuala Selangor, Hulu Langat, Sabak Bernam, Gombak, Klang, Hulu Selangor dan Kuala Langat                                                                                                           | 7             | /                                 | /    | /    | /    | /    | /    | /    | /    | /  | /    |
| 5.   | Jabatan Perhutanan Hulu Selangor                                                                                                                                                                                                         | 1             | /                                 | /    | /    | /    | /    | /    | /    | /    | /  | /    |
| 6.   | Pejabat Dewan Undangan Negeri                                                                                                                                                                                                            | 1             | TB                                | TB   | TB   | TB   | TB   | TB   | TB   | TB   | TB | TB   |
| 7.   | <b>Jabatan Pengairan Dan Saliran</b><br>Ibu Pejabat, Hulu Selangor, Klang dan Kuala Selangor                                                                                                                                             | 4             | / IP                              | / IP | 1 IP | / IP | / IP | 1 IP | / IP | 1 IP | /  | 1 IP |
| 8.   | <b>Jabatan Pertanian</b><br>Ibu Pejabat, Sabak Bernam, Klang dan Kuala Langat                                                                                                                                                            | 4             | 2                                 | 2    | 1    | 2    | 1    | 2    | /    | /    | TB | 1    |
| 9.   | <b>Jabatan Kerja Raya</b><br>Ibu Pejabat, Hulu Selangor, Sabak Bernam dan Kuala Langat                                                                                                                                                   | 4             | /                                 | /    | /    | /    | /    | /    | /    | /    | TB | /    |
| 10.  | Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Selangor                                                                                                                                                                                                 | 1             | /                                 | /    | /    | /    | /    | /    | /    | /    | /  | /    |
| 11.  | Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor                                                                                                                                                                                            | 1             | TB                                | TB   | TB   | TB   | TB   | TB   | TB   | TB   | TB | TB / |
| 12.  | Jabatan Mufti Negeri Selangor                                                                                                                                                                                                            | 1             | /                                 | /    | /    | /    | /    | /    | /    | /    | TB | /    |
| 13.  | Jabatan Kawal Selia Air                                                                                                                                                                                                                  | 1             | 1                                 | /    | /    | 1    | /    | /    | /    | /    | /  | /    |

*Nota: /-Semua Mematuhi; Angka-Bilangan Yang Tidak Mematuhi; TB-Tidak Berkenaan; IP-Ibu Pejabat*

- a. Daftar borang hasil diselenggara dengan lengkap dan kemas kini
- b. Baki catatan borang hasil yang dikawal sama dengan stok sebenar
- c. Semua stok borang disimpan selamat
- d. Borang hasil yang diterima disemak dan diperakui
- e. Borang hasil dikeluarkan mengikut turutan nombor
- f. Borang hasil disemak sekurang-kurangnya seminggu sekali
- g. Buku Tunai diselenggara dengan lengkap dan kemas kini
- h. Buku Tunai disemak oleh pegawai bertanggungjawab setiap hari
- i. Daftar Mel diselenggara dengan lengkap dan kemas kini
- j. Penyata Penyesuaian hasil disediakan dengan lengkap dan kemas kini

#### **22.4.2 Kawalan Perbelanjaan**

Kawalan terhadap perbelanjaan adalah perlu untuk memastikan perbelanjaan yang dibuat berdasarkan peruntukan yang diterima. Semua bayaran mempunyai dokumen yang lengkap, diluluskan oleh pegawai yang diberi kuasa dan diperakaunkan dengan betul. Ringkasan penemuan Audit terhadap pematuhan peraturan kewangan ke atas Jabatan/Pejabat yang dilawati adalah seperti di **Jadual 56**.

**Jadual 56**  
**Pematuhan Terhadap Kawalan Perbelanjaan**

| Bil. | Jabatan/Pejabat                                                                                                                                                                                                                          | Bil. Dilawati | Status Pematuhan Kawalan Perbelanjaan |      |      |    |    |      |      |
|------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------|---------------------------------------|------|------|----|----|------|------|
|      |                                                                                                                                                                                                                                          |               | a                                     | b    | c    | d  | e  | f    | g    |
| 1.   | <b>Pejabat Daerah Dan Tanah</b><br>Petaling, Hulu Selangor Dan Gombak                                                                                                                                                                    | 3             | /                                     | /    | /    | /  | /  | /    | /    |
| 2.   | <b>Pejabat Daerah Dan Tanah</b><br>Klang Dan Hulu Langat                                                                                                                                                                                 | 2             | /                                     | /    | /    | TB | TB | /    | /    |
| 3.   | <b>Jabatan Agama Islam</b><br>Ibu Pejabat, Klang, Kuala Langat, Sepang, Hulu Langat, Petaling, Gombak Timur dan Barat, Hulu Selangor, Kuala Selangor, Sabak Bernam, Sekolah Rendah Agama Intergrasi dan Institut Latihan Dakwah Selangor | 13            | /                                     | /    | /    | 13 | 13 | /    | /    |
| 4.   | <b>Jabatan Perkhidmatan Haiwan</b><br>Kuala Selangor, Hulu Langat, Sabak Bernam, Gombak, Klang, Hulu Selangor dan Kuala Langat                                                                                                           | 7             | /                                     | /    | /    | /  | /  | /    | /    |
| 5.   | Jabatan Perhutanan Hulu Selangor                                                                                                                                                                                                         | 1             | /                                     | /    | /    | /  | /  | /    | /    |
| 6.   | Pejabat Dewan Undangan Negeri                                                                                                                                                                                                            | 1             | 1                                     | /    | /    | /  | /  | /    | 1    |
| 7.   | <b>Jabatan Pengairan Dan Saliran</b><br>Ibu Pejabat, Hulu Selangor, Klang dan Kuala Selangor                                                                                                                                             | 4             | /                                     | /    | /    | TB | TB | /    | 2    |
| 8.   | <b>Jabatan Pertanian</b><br>Ibu Pejabat, Sabak Bernam, Klang dan Kuala Langat                                                                                                                                                            | 4             | / IP                                  | / IP | / IP | TB | TB | / IP | / IP |
| 9.   | <b>Jabatan Kerja Raya</b><br>Ibu Pejabat, Hulu Selangor, Sabak Bernam dan Kuala Langat                                                                                                                                                   | 4             | /                                     | /    | /    | TB | TB | /    | /    |
| 10.  | Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Selangor                                                                                                                                                                                                 | 1             | /                                     | 1    | /    | TB | TB | /    | /    |
| 11.  | Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor                                                                                                                                                                                            | 1             | /                                     | /    | /    | TB | TB | /    | 1    |
| 12.  | Jabatan Mufti Negeri Selangor                                                                                                                                                                                                            | 1             | /                                     | /    | /    | TB | TB | /    | /    |
| 13.  | Jabatan Kawal Selia Air                                                                                                                                                                                                                  | 1             | /                                     | /    | /    | TB | TB | /    | /    |

*Nota: /-Semua Mematuhi; Angka-Bilangan Yang Tidak Mematuhi; TB-Tidak Berkenaan; IP-Ibu Pejabat*

- a. *Buku Vot diselenggara dengan lengkap dan kemas kini*
- b. *Pegawai telah menandatangani ringkas baucar bayaran*
- c. *Pembatalan catatan di Buku Vot dibuat secara teratur*
- d. *Daftar Pembayaran diselenggara dengan lengkap dan kemas kini*
- e. *Daftar Bayaran diperiksa sebulan sekali oleh pegawai bertanggungjawab*
- f. *Pesanan Tempatan dikeluarkan*
- g. *Penyata Penyesuaian Perbelanjaan lengkap dan kemas kini*

### **22.4.3 Kawalan Pengurusan Aset dan Inventori**

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 tahun 1991, setiap perolehan aset iaitu harta modal, inventori dan bekalan pejabat hendaklah direkodkan pada daftar masing-masing. Selain itu, perenggan 238 Tatacara Pengurusan Stor menghendaki Ketua Jabatan menjalankan pemeriksaan terhadap harta modal sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 2 tahun sebagai suatu langkah mengenal pasti kewujudan harta berkenaan. Satu Lembaga Pemeriksa perlu dilantik untuk menjalankan pemeriksaan dari semasa ke semasa terhadap aset yang perlu dilupuskan. Kawalan terhadap pengurusan aset adalah penting bagi menentukan harta modal dan inventori yang

direkodkan, disimpan, dan dikawal dengan sempurna bagi mengelakkan pembaziran. Kedudukan pematuhan terhadap peraturan kewangan berhubung dengan pengurusan aset adalah seperti di **Jadual 57**.

**Jadual 57**  
**Pematuhan Terhadap Kawalan Pengurusan Aset Dan Inventori**

| Bil. | Jabatan/Pejabat                                                                                                                                                                                                                          | Bil. Dilawati | Status Pematuhan Kawalan Pengurusan Aset Dan Inventori |   |   |   |   |   |    |   |   |
|------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------|--------------------------------------------------------|---|---|---|---|---|----|---|---|
|      |                                                                                                                                                                                                                                          |               | a                                                      | b | c | d | e | f | g  | h | i |
| 1.   | <b>Pejabat Daerah Dan Tanah</b><br>Petaling, Hulu Selangor Dan Gombak                                                                                                                                                                    | 3             | 3                                                      | 2 | / | / | / | / | /  | / | 1 |
| 2.   | <b>Pejabat Daerah Dan Tanah</b><br>Klang Dan Hulu Langat                                                                                                                                                                                 | 2             | /                                                      | / | / | / | / | / | /  | / | / |
| 3.   | <b>Jabatan Agama Islam</b><br>Ibu Pejabat, Klang, Kuala Langat, Sepang, Hulu Langat, Petaling, Gombak Timur dan Barat, Hulu Selangor, Kuala Selangor, Sabak Bernam, Sekolah Rendah Agama Intergrasi dan Institut Latihan Dakwah Selangor | 13            | 13                                                     | / | / | / | / | / | 13 | / | / |
| 4.   | <b>Jabatan Perkhidmatan Haiwan</b><br>Kuala Selangor, Hulu Langat, Sabak Bernam, Gombak, Klang, Hulu Selangor dan Kuala Langat                                                                                                           | 7             | 6                                                      | 6 | / | / | / | / | /  | / | / |
| 5.   | Jabatan Perhutanan Hulu Selangor                                                                                                                                                                                                         | 1             | 1                                                      | / | / | / | / | / | /  | / | / |
| 6.   | Pejabat Dewan Undangan Negeri                                                                                                                                                                                                            | 1             | 1                                                      | / | / | / | / | / | 1  | / | / |
| 7.   | <b>Jabatan Pengairan Dan Saliran</b><br>Ibu Pejabat, Hulu Selangor, Klang dan Kuala Selangor                                                                                                                                             | 4             | 2                                                      | 4 | / | / | / | / | 3  | / | / |
| 8.   | <b>Jabatan Pertanian</b><br>Ibu Pejabat, Sabak Bernam, Klang dan Kuala Langat                                                                                                                                                            | 4             | 2                                                      | 4 | / | / | / | / | 3  | / | / |
| 9.   | <b>Jabatan Kerja Raya</b><br>Ibu Pejabat, Hulu Selangor, Sabak Bernam dan Kuala Langat                                                                                                                                                   | 4             | 2                                                      | 3 | / | / | / | / | 3  | / | / |
| 10.  | Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Selangor                                                                                                                                                                                                 | 1             | 2                                                      | 3 | / | / | / | / | 3  | / | / |
| 11.  | Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor                                                                                                                                                                                            | 1             | /                                                      | 1 | / | / | / | / | TB | / | / |
| 12.  | Jabatan Mufti Negeri Selangor                                                                                                                                                                                                            | 1             | /                                                      | / | / | / | / | / | /  | / | / |
| 13.  | Jabatan Kawal Selia Air                                                                                                                                                                                                                  | 1             | /                                                      | / | / | / | / | / | 1  | / | / |

*Nota: /-Semua Mematuhi; Angka-Bilangan Yang Tidak Mematuhi; TB-Tidak Berkenaan*

- a. Daftar Harta Modal dan Inventori diselenggara dengan lengkap dan kemas kini*
- b. Pemeriksaan fizikal dijalankan terhadap harta modal dan inventori*
- c. Aset mempunyai tanda pengenalan 'Hak Milik Kerajaan'*
- d. Verifikasi stok dijalankan*
- e. Pelantikan Pegawai Pengangkutan dibuat secara bertulis*
- f. Kenderaan diguna dengan kelulusan Pegawai Pengangkutan*
- g. Buku Log kenderaan diselenggara dengan lengkap dan kemas kini*
- h. Aset usang diambil tindakan pelupusan*
- i. Pelupusan aset disegerakan*

## **22.5 KELEMAHAN YANG DIKENAL PASTI**

- a)** Hampir keseluruhan Jabatan/Pejabat yang dilawati mematuhi peraturan kewangan bagi pengurusan kawalan hasil dengan memuaskan. Bagaimanapun, masih ada beberapa perkara yang belum diberi penekanan terutamanya dari segi semakan dan kawalan terhadap borang hasil yang diterima, semakan terhadap buku tunai dan penyediaan Penyata Penyesuaian Hasil tidak lengkap dan kemas kini. Analisis Audit mendapati sebanyak 15 Jabatan/Pejabat atau 34% tidak menyemak dan memperakui borang hasil yang diterima, 2 Jabatan/Pejabat atau 5% tidak menyelenggarakan borang hasil dengan lengkap dan kemas kini manakala 2 Jabatan/Pejabat atau 5% tidak menyemak borang hasil sekurang-kurangnya sekali dalam seminggu.
- b)** Aspek pengurusan kawalan perbelanjaan menunjukkan peraturan kewangan yang telah ditetapkan telah dipatuhi oleh semua Jabatan/Pejabat dengan memuaskan. Bagaimanapun, masih ada perkara yang perlu diberi penekanan terutamanya dari aspek Penyata Penyesuaian Perbelanjaan dan penyelenggaraan Daftar Pembayaran. Analisis Audit menunjukkan sebanyak 13 Jabatan/Pejabat atau 30% tidak menyelenggarakan Daftar Pembayaran dengan lengkap dan kemas kini. Manakala 4 Jabatan/Pejabat atau 9% tidak menyediakan Penyata Penyesuaian Perbelanjaan dengan lengkap dan kemas kini.
- c)** Kedudukan Jabatan/Pejabat bagi pematuhan terhadap peraturan kewangan yang ditetapkan dari aspek pengurusan aset dan inventori hampir keseluruhannya adalah tidak memuaskan. Masih terdapat beberapa perkara yang kurang diberi penekanan. Hasil semakan Audit mendapati, sebanyak 38 Jabatan/Pejabat atau 86% tidak menyelenggara Daftar Harta Modal dan Inventori dengan lengkap dan kemas kini, 28 Jabatan/Pejabat atau 64% tidak menyelenggara buku log kenderaan dengan lengkap dan kemas kini. Selain itu, sebanyak 24 Jabatan/Pejabat atau 55% tidak menjalankan pemeriksaan fizikal terhadap Harta Modal dan Inventori, manakala satu Jabatan/Pejabat atau 2% tidak menjalankan verifikasi stok. Tindakan pelupusan terhadap aset yang telah rosak dan usang serta tidak boleh digunakan lagi telah dilaksanakan di Jabatan/Pejabat yang dilawati.

## **22.6 RUMUSAN DAN SYOR**

Secara umumnya, tahap pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan kewangan yang ditetapkan di Jabatan/Pejabat yang dilawati adalah memuaskan terutama dari aspek kawalan hasil dan perbelanjaan. Bagaimanapun, tahap pematuhan dari aspek pengurusan aset masih perlu diperbaiki bagi memantapkan lagi pengurusan kewangan

Jabatan/Pejabat. Kegagalan untuk mematuhi sepenuhnya atau sebahagian daripada undang-undang serta peraturan kewangan yang ditetapkan adalah disebabkan oleh faktor kekurangan pegawai yang mahir dan pembahagian tugas yang tidak seimbang berbanding dengan beban kerja yang ada. Maklum balas yang diterima daripada pihak Audit menunjukkan tindakan pembetulan telah dan sedang diambil bagi setiap aspek kawalan yang telah dibangkitkan. Jabatan Audit berpendapat pihak pengurusan hendaklah mempertingkatkan lagi aspek pemantauan dan memberikan kefahaman kepada pegawai mengenai pengurusan kewangan bagi memastikan pematuhan terhadap peraturan kewangan yang ditetapkan secara berterusan di Jabatan/Pejabat berkenaan. Kursus dan latihan berkaitan pengurusan kewangan perlulah diberi secara berterusan kepada setiap pegawai yang terlibat dengan tugas kewangan agar mereka mahir dan berpengetahuan dalam melaksanakan tugas tersebut.

## **23. PROGRAM ANAK ANGKAT**

### **23.1 LATAR BELAKANG**

Adalah menjadi tanggungjawab Ketua Audit Negara melaksanakan pengauditan dan melaporkan pengurusan kewangan Jabatan/Pejabat/Agensi Negeri dalam Laporan Ketua Audit Negara. Berdasarkan kepada pengauditan yang telah dijalankan, didapati masih wujud lagi kelemahan yang berlaku di sebahagian kecil Jabatan/Pejabat/Agensi Negeri. Sehubungan itu, Jabatan Audit Negara telah mengambil pendekatan memperkenalkan Program Anak Angkat melalui Arahan Ketua Audit Negara Bilangan 5/2002 bertujuan untuk membantu sesebuah Jabatan menyelesaikan masalah pengurusan kewangan. Jabatan Audit Negara memainkan peranan sebagai penasihat serta memberi bimbingan kepada Jabatan/Pejabat/Agensi Negeri dalam memperbaiki kelemahan terutamanya berhubung dengan penyelenggaraan rekod kewangan dan perakaunan.

### **23.2 OBJEKTIF PROGRAM**

Tujuan program ini adalah untuk membantu sesebuah Jabatan/Pejabat/Agensi Negeri meningkatkan tahap pengurusan kewangan dan penyelenggaraan rekod perakaunan serta memberi cadangan bagi menyelesaikan masalah pengurusan kewangan.

### **23.3 TATACARA PELAKSANAAN/ PENDEKATAN**

- a) Pada tahun 2006, sebanyak 2 Pejabat dan satu Agensi Negeri telah dipilih untuk dijadikan anak angkat. Pemilihan ini berasaskan kepada maklumat yang telah dikenal

pasti semasa menjalankan pengauditan melalui pemerhatian Audit yang terdahulu di mana wujudnya masalah dalam pengurusan kewangan. Kedua-dua pejabat yang telah dipilih ialah Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Langat dan Pejabat Daerah Dan Tanah Sabak Bernam serta Lembaga Muzium Selangor.

- b) Pemilihan Pejabat/Agensi Negeri dalam Program Anak Angkat ini dimaklumkan melalui surat pelantikan rasmi dan diikuti oleh satu *Entrance Conference* yang diadakan bagi memberi penjelasan lanjut mengenai program tersebut.
- c) Pihak Audit akan membuat penilaian menyeluruh mengenai Agensi yang dipilih dan mengenal pasti masalah yang dihadapi dalam pengurusan kewangan serta puncanya.
- d) Perbincangan bersama pihak pengurusan Pejabat/Agensi Negeri diadakan dengan mencadangkan langkah pembetulan atau pembaikan bagi memperbaiki kelemahan.
- e) Pegawai dan kakitangan juga diberikan latihan secara teori dan praktikal dalam urusan pengurusan kewangan dan penyelenggaraan rekod perakaunan di pejabat agensi.
- f) Pihak Audit juga memberi *input* kepada Pejabat/Agensi Negeri dalam menyediakan Panduan Kerja yang berkaitan pengurusan kewangan dan penyelenggaraan rekod perakaunan.
- g) Selain itu, bagi memastikan pelaksanaan kerja pembetulan dan memastikan kerja tersebut dilaksanakan dengan teratur dan berterusan, lawatan ke Pejabat/Agensi Negeri dilakukan sekurang-kurangnya 3 bulan sekali dalam tempoh 1 tahun.

## **23.4 KELEMAHAN YANG DIKENAL PASTI**

Hasil lawatan Audit ke Pejabat/Agensi Negeri di bawah Program Anak Angkat, beberapa kelemahan telah dikenal pasti seperti berikut:

### **23.4.1 Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Langat**

- a) Manual Prosedur Kerja (MPK) disediakan berasingan (sepatutnya hanya satu MPK sahaja bagi satu organisasi). MPK yang disediakan tidak kemas kini.
- b) Fail Meja tidak kemas kini, senarai tugas tidak ditandatangani oleh pegawai yang berkuasa, carta organisasi tidak kemas kini.
- c) Jabatan tidak menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun.
- d) Tunggakan sewa gerai Pembangunan Luar Bandar, melibatkan 206 buah gerai dan tunggakan berjumlah RM1.11 juta (Tempoh tunggakan dari 2 bulan hingga 100 bulan).
- e) Tunggakan sewa kantin oleh Kelab Kebajikan Dan Sukan Pejabat Daerah mulai bulan Oktober 1999 melibatkan RM11,250 (RM150 kadar sewa sebulan).
- f) Buku log kenderaan, Daftar Harta Modal dan Daftar Inventori tidak dikemas kini.
- g) Peraturan penggunaan Kad *Touch N Go* tidak dipatuhi sepenuhnya.

#### **23.4.2 Pejabat Daerah Dan Tanah Sabak Bernam**

- a) Penyata Penyesuaian Hasil Bulanan tidak dikemukakan kepada Pejabat Pembayar dalam tempoh 14 hari kerana penyata pemungut bagi kutipan yang dilaksanakan di kaunter Majlis Daerah Sabak Bernam lewat diproses oleh Pusat ICT Setiausaha Kerajaan Negeri.
- b) Daftar Stok Bekalan Pejabat tidak direkodkan dengan sempurna dan kemas kini.
- c) Kesilapan merekod harta modal ke dalam Daftar Inventori.
- d) Inventori tidak didaftarkan mengikut butiran.

#### **23.4.3 Lembaga Muzium Selangor**

- a) Lembaga tidak menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun.
- b) Tindakan tidak diambil untuk mengutip tunggakan sewa.
- c) Perbelanjaan bagi projek pembangunan tidak mematuhi peraturan kewangan yang ditetapkan.
- d) Rekod mengenai pengurusan koleksi Lembaga tidak kemas kini.

### **23.5 TINDAKAN PEMBETULAN OLEH PEJABAT/AGENSI**

Secara keseluruhannya, Pejabat/Agensi menyambut baik Program Anak Angkat dan telah memberikan kerjasama untuk memperbaiki pengurusan kewangan di Pejabat/Agensi masing-masing. Tindakan pembetulan dan penambahbaikan telah dilaksanakan seperti berikut:

#### **a) Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Langat**

Jabatan telah mengambil tindakan pembaikan terhadap teguran Audit yang telah dikemukakan. Segala kelemahan yang telah dibangkitkan telah diambil tindakan dengan membuat pembetulan dan rekod telah dikemaskinikan.

#### **b) Pejabat Daerah Dan Tanah Sabak Bernam**

- i) Tindakan mengemas kini Fail Meja dan Manual Prosedur Kerja mengikut PKPA Bil. 8 Tahun 1991 sedang dilaksanakan oleh Bahagian/Unit. Bahagian Pentadbiran telah mengadakan satu kursus Fail Meja dan Manual Prosedur Kerja bersama INTAN.
- ii) Mengambil tindakan mengemas kini Daftar Inventori dan Stok Bekalan Pejabat.

### **23.6 PENCAPAIAN**

Pada akhir tahun 2006, ketiga-tiga Pejabat/Agensi telah menunjukkan peningkatan yang baik dalam pengurusan kewangan berbanding tahun sebelumnya. Oleh yang demikian, Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Langat, Pejabat Daerah Dan Tanah Sabak Bernam serta Lembaga Muzium Selangor telah dianugerahkan Sijil Penyertaan Program Anak Angkat oleh Ketua Audit Negara pada 5 Disember 2006.

### **23.7 RUMUSAN**

Secara keseluruhannya, Program Anak Angkat di Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Langat, Pejabat Daerah Dan Tanah Sabak Bernam serta Lembaga Muzium Selangor telah berjaya menangani masalah pengurusan kewangan Pejabat/Agensi tersebut. Kemajuan yang dicapai dalam Pengurusan Kewangan Pejabat/Agensi berkenaan dalam tempoh program ini dilaksanakan amat menggalakkan dan perlu dikekalkan. Pemantauan yang rapi dari semasa ke semasa perlu diteruskan bagi mempertingkatkan akauntabiliti dalam pengurusan kewangan.

## **BAHAGIAN V**

**PENYERAHAN, PENGESAHAN DAN  
PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN  
BADAN BERKANUN NEGERI, PIHAK  
BERKUASA TEMPATAN DAN  
MAJLIS AGAMA ISLAM**

**BAHAGIAN V**  
**PENYERAHAN, PENGESAHAN DAN PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN**  
**BADAN BERKANUN NEGERI, PIHAK BERKUASA TEMPATAN DAN**  
**MAJLIS AGAMA ISLAM**

#### **24. PENDAHULUAN**

Mengikut Akta Audit 1957, Ketua Audit Negara juga mengaudit Penyata Kewangan Agensi Negeri iaitu Badan Berkanun Negeri, Majlis Agama Islam, Pihak Berkuasa Tempatan dan Kumpulanwang. Pengauditan ini adalah untuk mengesah dan memastikan ketepatannya serta memberi pendapat sama ada Penyata itu menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama dengan berpandukan Akta dan Piawaian yang diluluskan.

#### **25. PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN**

Kerajaan Negeri mempunyai 25 Agensi iaitu tujuh Badan Berkanun Negeri, lima Kumpulanwang, satu Majlis Agama Islam dan 12 Pihak Berkuasa Tempatan. Mengikut Seksyen 7(3) Akta Audit 1957, Ketua Audit Negara boleh melantik mana-mana orang yang difikirkan kompeten untuk menjalankan pengauditan bagi pihaknya. Selaras dengan itu, Firma Audit Swasta telah dilantik menjalankan pengauditan Penyata Kewangan bagi 6 Badan Berkanun Negeri, dua Kumpulanwang dan sebanyak 12 Pihak Berkuasa Tempatan. Manakala pengauditan terhadap satu Badan Berkanun Negeri, tiga Kumpulanwang dan Majlis Agama Islam Selangor masih dijalankan oleh Jabatan Audit Negara sendiri. Pemantauan terhadap Firma Audit Swasta diadakan dari semasa kesemasa bagi memastikan isu dan permasalahan pengauditan yang dihadapi dapat diselesaikan dengan lebih awal dan berkesan.

#### **26. KEDUDUKAN PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN**

Mengikut Enakmen Penubuhan Badan Berkanun Negeri, Badan Berkanun berkenaan dikehendaki Penyata Kewangan dikemukakan untuk diaudit dalam masa 6 bulan selepas akhir setiap tahun kewangan. Bagi Pihak Berkuasa Tempatan, Seksyen 60(2) Akta Kerajaan Tempatan 1976, menghendaki menyediakan Penyata Kewangan dengan seberapa segera apabila tamat tempoh kewangan bagi tahun tersebut untuk membolehkan Ketua Audit Negara mengesahkan Penyata Kewangan pada atau sebelum akhir Oktober tahun berikutnya. Penyerahan Penyata Kewangan oleh Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan untuk diaudit adalah memuaskan. Semua Badan Berkanun Negeri,

Kumpulanwang, Pihak Berkuasa Tempatan dan Majlis Agama Islam telah memberikan komitmen yang baik dengan menyerahkan Penyata Kewangan tahun 2005 dalam tempoh masa yang ditetapkan. Kedudukan penyerahan Penyata Kewangan adalah seperti di **Jadual 58**.

**Jadual 58**  
**Kedudukan Penyerahan Penyata Kewangan**  
**Agensi Negeri Sehingga 20 Julai 2007**

| <b>Bil.</b> | <b>Agensi</b>                                       | <b>Penyata Kewangan Terakhir Diakui</b> | <b>Penyata Kewangan Sedang Diaudit</b> | <b>Penyata Kewangan Belum Terima</b> |
|-------------|-----------------------------------------------------|-----------------------------------------|----------------------------------------|--------------------------------------|
| <b>A.</b>   | <b>BADAN BERKANUN NEGERI</b>                        |                                         |                                        |                                      |
| 1.          | Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor                 | 2005                                    | 2006                                   | -                                    |
| 2.          | Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor              | 2005                                    | 2006                                   | -                                    |
| 3.          | Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Selangor        | 2005                                    | 2006                                   | -                                    |
| 4.          | Majlis Sukan Negeri Selangor                        | 2005                                    |                                        | 2006                                 |
| 5.          | Lembaga Muzium Negeri Selangor                      | 2005                                    | 2006                                   | -                                    |
| 6.          | Lembaga Urus Air Selangor                           | 2005                                    |                                        | 2006                                 |
| 7.          | Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor             | 2005                                    | 2006                                   | -                                    |
| <b>B.</b>   | <b>KUMPULAN WANG</b>                                |                                         |                                        |                                      |
| 1.          | Kumpulan Wang Biasiswa Silver Jubilee King George V | 2005                                    |                                        | 2006                                 |
| 2.          | Kumpulan Wang Biasiswa Instituti Victoria           | 2005                                    | 2006                                   | -                                    |
| 3.          | Kumpulan Wang Amanah Sir Henry Gurney               | 2005                                    | 2006                                   | -                                    |
| 4.          | Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor              | 2005                                    |                                        | 2006                                 |
| 5.          | Kumpulan Wang Hospital Tai Wa                       | 2005                                    |                                        | 2006                                 |
| <b>C.</b>   | <b>MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI SELANGOR</b>           | 2005                                    | 2006                                   | -                                    |
| <b>D.</b>   | <b>PIHAK BERKUASA TEMPATAN</b>                      |                                         |                                        |                                      |
| 1.          | Majlis Bandaraya Shah Alam                          | 2005                                    |                                        | 2006                                 |
| 2.          | Majlis Bandaraya Petaling Jaya                      | 2005                                    | 2006                                   | -                                    |
| 3.          | Majlis Perbandaran Kajang                           | 2005                                    |                                        | 2006                                 |
| 4.          | Majlis Perbandaran Ampang Jaya                      | 2005                                    | 2006                                   | -                                    |
| 5.          | Majlis Perbandaran Selayang                         | 2005                                    | 2006                                   | -                                    |
| 6.          | Majlis Perbandaran Klang                            | 2005                                    | 2006                                   | -                                    |
| 7.          | Majlis Perbandaran Subang Jaya                      | 2005                                    | 2006                                   | -                                    |
| 8.          | Majlis Perbandaran Sepang                           | 2005                                    | 2006                                   | -                                    |
| 9.          | Majlis Daerah Kuala Selangor                        | 2005                                    | 2006                                   | -                                    |
| 10.         | Majlis Daerah Kuala Langat                          | 2005                                    | 2006                                   | -                                    |
| 11.         | Majlis Daerah Sabak Bernam                          | 2005                                    | 2006                                   | -                                    |
| 12.         | Majlis Daerah Hulu Selangor                         | 2005                                    | 2006                                   | -                                    |

Sumber: Rekod Jabatan Audit Negara

## 27. PENSIJILAN PENYATA KEWANGAN

Pada tahun 2006 sebanyak 15 Penyata Kewangan tahun 2005 dan 13 Penyata Kewangan tahun 2004 telah diaudit dan dikeluarkan sijil. Sebanyak 19 Penyata Kewangan telah diberi Sijil Audit Tanpa Teguran manakala 9 lagi telah memperolehi Sijil Audit

Berteguran. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 59**. Sijil Audit dikeluarkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan, Badan Berkanun Negeri dan Kumpulanwang kerana tidak mematuhi piawaian perakaunan dan peraturan kewangan serta penyelenggaraan rekod perakaunan yang tidak memuaskan. Antaranya baki siberhutang cukai taksiran di lejar am berbeza dengan senarai individu, aset tetap tidak disokong dengan senarai harta tetap dan perbelanjaan tidak diakaunkan mengikut asas akruan.

**Jadual 59**  
**Pensijilan Penyata Kewangan Agensi Negeri Pada Tahun 2006**

| Bil.      | Agensi                                              | Tahun Akaun  | Jenis Sijil                    |                          |
|-----------|-----------------------------------------------------|--------------|--------------------------------|--------------------------|
|           |                                                     |              | Tanpa Teguran                  | Berteguran               |
| <b>A.</b> | <b>BADAN BERKANUN NEGERI</b>                        |              |                                |                          |
| 1.        | Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor                 | 2004         | Tanpa Teguran                  |                          |
| 2.        | Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor              | 2005         | Tanpa Teguran                  |                          |
| 3.        | Majlis Sukan Negeri Selangor                        | 2004         |                                | Berteguran               |
| 4.        | Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Selangor        | 2005         |                                | Berteguran               |
| 5.        | Lembaga Muzium Negeri Selangor                      | 2004<br>2005 |                                | Berteguran<br>Berteguran |
| 6.        | Lembaga Perumahan & Hartanah Selangor               | 2004<br>2005 | Tanpa Teguran<br>Tanpa Teguran |                          |
| 7.        | Lembaga Urus Air Selangor                           | 2004         | Tanpa Teguran                  |                          |
| <b>B.</b> | <b>KUMPULAN WANG</b>                                |              |                                |                          |
| 1.        | Kumpulan Wang Biasiswa Silver Jubilee King George V | 2005         | Tanpa Teguran                  |                          |
| 2.        | Kumpulan Wang Biasiswa Instituti Victoria           | 2005         | Tanpa Teguran                  |                          |
| 3.        | Kumpulan Wang Amanah Sir Henry Gurney               | 2005         | Tanpa Teguran                  |                          |
| 4.        | Kumpulan Wang Hospital Tai Wa                       | 2004         | Tanpa Teguran                  |                          |
| 5.        | Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor              | 2004         |                                | Berteguran               |
| <b>C.</b> | <b>MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR</b>                  | 2004         | Tanpa Teguran                  |                          |
| <b>D.</b> | <b>PIHAK BERKUASA TEMPATAN</b>                      |              |                                |                          |
| 1.        | Majlis Bandaraya Shah Alam                          | 2004         |                                | Berteguran               |
| 2.        | Majlis Bandaraya Petaling Jaya                      | 2005         | Tanpa Teguran                  |                          |
| 3.        | Majlis Perbandaran Selayang                         | 2004<br>2005 | Tanpa Teguran<br>Tanpa Teguran |                          |
| 4.        | Majlis Perbandaran Klang                            | 2005         | Tanpa Teguran                  |                          |
| 5.        | Majlis Perbandaran Subang Jaya                      | 2005         | Tanpa Teguran                  |                          |
| 6.        | Majlis Perbandaran Ampang Jaya                      | 2004         | Tanpa Teguran                  |                          |
| 7.        | Majlis Perbandaran Sepang                           | 2004         | Tanpa Teguran                  |                          |
| 8.        | Majlis Daerah Kuala Selangor                        | 2004<br>2005 |                                | Berteguran<br>Berteguran |
| 9.        | Majlis Daerah Sabak Bernam                          | 2005         | Tanpa Teguran                  |                          |
| 10.       | Majlis Daerah Hulu Selangor                         | 2005         | Tanpa Teguran                  |                          |
| 11.       | Majlis Daerah Kuala Langat                          | 2005         |                                | Berteguran               |

Sumber: Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri Dan Pihak Berkuasa Tempatan

## 28. PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN

Perkara 107(2) Perlembagaan Persekutuan menghendaki Laporan Ketua Audit Negara mengenai Akaun Agensi Negeri dibentang dalam Dewan Undangan Negeri. Enakmen Penubuhan bagi 6 Badan Berkanun Negeri dan Seksyen 60(5) Akta Kerajaan Tempatan 1976 juga memperuntukkan supaya Penyata Kewangan yang telah diperakui oleh Ketua Audit Negara dibentangkan di Dewan yang sama. Kedudukan pembentangan Penyata Kewangan adalah seperti di **Jadual 60**.

**Jadual 60**  
**Kedudukan Pembentangan Penyata Kewangan Agensi Negeri**  
**Sehingga 20 Julai 2007**

| Bil.      | Agensi                                              | Akaun Terakhir Dibentangkan |                     | Akaun Belum Dibentangkan |
|-----------|-----------------------------------------------------|-----------------------------|---------------------|--------------------------|
|           |                                                     | Tahun Akaun                 | Tarikh Dibentangkan |                          |
| <b>A.</b> | <b>BADAN BERKANUN NEGERI</b>                        |                             |                     |                          |
| 1.        | Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor                 | 2005                        | 19.03.2007          | -                        |
| 2.        | Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor              | 2005                        | 19.03.2007          | -                        |
| 3.        | Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Selangor        | 2004&2005                   | 16.07.2007          | -                        |
| 4.        | Majlis Sukan Negeri Selangor                        | TB                          | -                   | -                        |
| 5.        | Lembaga Muzium Negeri Selangor                      | 2004&2005                   | 27.11.2006          | -                        |
| 6.        | Lembaga Urus Air Selangor                           | 2004                        | 03.07.2006          | 2005                     |
| 7.        | Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor             | 2005                        | 19.03.2007          | -                        |
| <b>B.</b> | <b>KUMPULAN WANG</b>                                |                             |                     |                          |
| 1.        | Kumpulan Wang Biasiswa Silver Jubilee King George V | TB                          | -                   | -                        |
| 2.        | Kumpulan Wang Biasiswa Instituti Victoria           | TB                          | -                   | -                        |
| 3.        | Kumpulan Wang Amanah Sir Henry Gurney               | TB                          | -                   | -                        |
| 4.        | Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor              | TB                          | -                   | -                        |
| 5.        | Kumpulan Wang Hospital Tai Wa                       | TB                          | -                   | -                        |
| <b>C.</b> | <b>MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR</b>                  | 2003                        | 05.12.2005          | 2004 & 2005              |
| <b>D.</b> | <b>PIHAK BERKUASA TEMPATAN</b>                      |                             |                     |                          |
| 1.        | Majlis Bandaraya Shah Alam                          | 2003                        | 03.07.2006          | 2004 & 2005              |
| 2.        | Majlis Bandaraya Petaling Jaya                      | 2003                        | 03.07.2006          | 2004 & 2005              |
| 3.        | Majlis Perbandaran Kajang                           | 2003                        | 03.07.2006          | 2004 & 2005              |
| 4.        | Majlis Perbandaran Ampang Jaya                      | 2003                        | 03.07.2006          | 2004 & 2005              |
| 5.        | Majlis Perbandaran Selayang                         | 2003                        | 03.07.2006          | 2004 & 2005              |
| 6.        | Majlis Perbandaran Klang                            | 2003                        | 03.07.2006          | 2004 & 2005              |
| 7.        | Majlis Perbandaran Subang Jaya                      | 2003                        | 03.07.2006          | 2004 & 2005              |
| 8.        | Majlis Perbandaran Sepang                           | 2003                        | 03.07.2006          | 2004 & 2005              |
| 9.        | Majlis Daerah Kuala Selangor                        | 2003                        | 03.07.2006          | 2004 & 2005              |
| 10.       | Majlis Daerah Kuala Langat                          | 2003                        | 03.07.2006          | 2004 & 2005              |
| 11.       | Majlis Daerah Sabak Bernam                          | 2003                        | 03.07.2006          | 2004 & 2005              |
| 12.       | Majlis Daerah Hulu Selangor                         | 2003                        | 03.07.2006          | 2004 & 2005              |

\* TB - Tidak Berkenaan  
Sumber: Mesyuarat ADUN

## 29. PRESTASI KEWANGAN

### 29.1 ANALISIS KEDUDUKAN KEWANGAN

Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2005 menunjukkan 3 Badan Berkanun Negeri, empat Kumpulanwang, Majlis Agama Islam Selangor dan 8 Pihak Berkuasa Tempatan telah mengakhiri tahun kewangan dengan memperolehi lebih pendapatan berbanding perbelanjaan. Manakala 4 Badan Berkanun Negeri, satu Kumpulanwang, empat Pihak Berkuasa Tempatan telah mengalami defisit pada tahun 2005 berikutan peningkatan perbelanjaan tidak seimbang dengan peningkatan pendapatan. Seterusnya prestasi kewangan tahun 2005 menunjukkan keseluruhan 5 Badan Berkanun Negeri, lima Kumpulanwang, Majlis Agama Islam Selangor dan 9 Pihak Berkuasa Tempatan memperolehi lebih Aset Semasa yang mengukur keupayaan Agensi dalam memenuhi tuntutan dan tanggungan jangka pendek. Prestasi kewangan Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan berasaskan Penyata Kewangan bagi tahun adalah seperti di **Jadual 61** dan **Jadual 62**.

**Jadual 61**  
**Prestasi Kewangan Badan Berkanun Negeri Dan**  
**Majlis Agama Islam Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2005**

| Bil.      | Agensi                                  | Penyata Pendapatan Berakhir<br>31.12.2005 |                           |                                    | Lembaran Imbangan Pada<br>31.12.2005 |                                  |                                       |
|-----------|-----------------------------------------|-------------------------------------------|---------------------------|------------------------------------|--------------------------------------|----------------------------------|---------------------------------------|
|           |                                         | Hasil<br>(RM Juta)                        | Perbelanjaan<br>(RM Juta) | Surplus/<br>(Defisit)<br>(RM Juta) | Aset<br>Semasa<br>(RM Juta)          | Liabiliti<br>Semasa<br>(RM Juta) | Aset<br>Semasa<br>Bersih<br>(RM Juta) |
| <b>A.</b> | <b>BADAN BERKANUN NEGERI</b>            |                                           |                           |                                    |                                      |                                  |                                       |
| 1.        | Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor     | 807.23                                    | 605.89                    | 201.34                             | 1,417.71                             | 688.00                           | 729.71                                |
| 2.        | Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor  | 38.30                                     | 15.09                     | 23.21                              | 193.02                               | 66.10                            | 126.92                                |
| 3.        | Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor   | 10.70                                     | 12.18                     | (1.48)                             | 1.43                                 | 1.25                             | 0.18                                  |
| 4.        | Majlis Sukan Negeri Selangor            | 1.24                                      | 12.64                     | (11.40)                            | 43.85                                | 8.57                             | 35.28                                 |
| 5.        | Lembaga Muzium Negeri Selangor          | 4.98                                      | 5.88                      | (0.90)                             | 0.19                                 | 0.44                             | (0.25)                                |
| 6.        | Lembaga Urus Air Selangor               | 1.91                                      | 2.56                      | (0.65)                             | 1.04                                 | 2.58                             | (1.54)                                |
| 7.        | Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor | 20.83                                     | 12.76                     | 8.07                               | 17.21                                | 11.88                            | 5.33                                  |
| <b>B.</b> | <b>MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR</b>      | 144.16                                    | 120.00                    | 24.16                              | 135.11                               | 4.66                             | 130.45                                |

Sumber: Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri

**Jadual 62**  
**Prestasi Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan**  
**Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2005**

| Bil. | Pihak Berkuasa Tempatan        | Penyata Pendapatan Berakhir<br>31.12.2005 |                           |                                    | Lembaran Imbangan<br>Pada 31.12.2005 |                                  |                                        |
|------|--------------------------------|-------------------------------------------|---------------------------|------------------------------------|--------------------------------------|----------------------------------|----------------------------------------|
|      |                                | Hasil<br>(RM Juta)                        | Perbelanjaan<br>(RM Juta) | Surplus/<br>(Defisit)<br>(RM Juta) | Aset<br>Semasa<br>(RM Juta)          | Liabiliti<br>Semasa<br>(RM Juta) | Harta<br>Semasa<br>Bersih<br>(RM Juta) |
| 1.   | Majlis Bandaraya Shah Alam     | 178.53                                    | 174.63                    | 3.90                               | 122.09                               | 130.64                           | (8.55)                                 |
| 2.   | Majlis Bandaraya Petaling Jaya | 184.13                                    | 185.91                    | (1.78)                             | 127.97                               | 80.40                            | 47.57                                  |
| 3.   | Majlis Perbandaran Subang Jaya | 152.29                                    | 157.61                    | (5.32)                             | 139.23                               | 57.83                            | 81.40                                  |
| 4.   | Majlis Perbandaran Ampang Jaya | 88.00                                     | 105.45                    | (17.45)                            | 45.28                                | 28.74                            | 16.54                                  |
| 5.   | Majlis Perbandaran Selayang    | 93.79                                     | 97.12                     | (3.33)                             | 40.18                                | 49.16                            | (8.98)                                 |
| 6.   | Majlis Perbandaran Klang       | 143.99                                    | 142.90                    | 1.09                               | 80.97                                | 77.01                            | 3.96                                   |
| 7.   | Majlis Perbandaran Kajang      | 79.69                                     | 66.05                     | 13.64                              | 120.69                               | 86.66                            | 34.03                                  |
| 8.   | Majlis Daerah Sepang           | 41.57                                     | 32.05                     | 9.52                               | 74.92                                | 21.94                            | 52.98                                  |
| 9.   | Majlis Daerah Kuala Langat     | 21.49                                     | 19.75                     | 1.74                               | 20.72                                | 13.28                            | 7.44                                   |
| 10.  | Majlis Daerah Sabak Bernam     | 16.35                                     | 16.18                     | 0.17                               | 4.51                                 | 11.84                            | (7.33)                                 |
| 11.  | Majlis Daerah Hulu Selangor    | 34.41                                     | 34.17                     | 0.24                               | 35.66                                | 11.69                            | 23.97                                  |
| 12.  | Majlis Daerah Kuala Selangor   | 18.51                                     | 21.40                     | 2.89                               | 22.98                                | 13.11                            | 9.87                                   |

*Sumber: Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan*

## 29.2 ANALISIS TUNGGAKAN CUKAI TAKSIRAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN

Pada keseluruhannya, sebanyak 11 daripada 12 Pihak Berkuasa Tempatan Negeri yang mengemukakan Penyata Kewangan Tahun 2005 telah mengalami peningkatan tunggakan cukai taksiran antara 1% hingga 50% berbanding tahun 2004. Bagaimanapun, Majlis Perbandaran Selayang mampu mengurangkan tunggakan cukai taksiran pada tahun 2005 sebanyak 15%. Kedudukan tunggakan cukai taksiran adalah seperti di **Jadual 63**.

**Jadual 63**  
**Analisis Tunggakan Cukai Taksiran Pihak Berkuasa Tempatan**

| <b>Bil.</b>   | <b>Pihak Berkuasa Tempatan</b> | <b>Tahun<br/>2004<br/>(RM Juta)</b> | <b>Tahun<br/>2005<br/>(RM Juta)</b> | <b>Peningkatan/<br/>(Penurunan)<br/>(RM Juta)</b> | <b>Peningkatan/<br/>(Penurunan)<br/>( % )</b> |
|---------------|--------------------------------|-------------------------------------|-------------------------------------|---------------------------------------------------|-----------------------------------------------|
| 1.            | Majlis Bandaraya Shah Alam     | 54.09                               | 54.86                               | 0.77                                              | 1.42                                          |
| 2.            | Majlis Bandaraya Petaling Jaya | 37.23                               | 37.72                               | 0.49                                              | 1.32                                          |
| 3.            | Majlis Perbandaran Subang Jaya | 59.52                               | 61.17                               | 1.65                                              | 2.77                                          |
| 4.            | Majlis Perbandaran Ampang Jaya | 22.62                               | 24.16                               | 1.54                                              | 6.81                                          |
| 5.            | Majlis Perbandaran Selayang    | 22.22                               | 18.87                               | (3.35)                                            | (15.08)                                       |
| 6.            | Majlis Perbandaran Klang       | 37.05                               | 41.98                               | 4.93                                              | 13.31                                         |
| 7.            | Majlis Perbandaran Kajang      | 25.91                               | 26.39                               | 0.48                                              | 1.85                                          |
| 8.            | Majlis Daerah Sepang           | 16.06                               | 23.91                               | 7.85                                              | 48.88                                         |
| 9.            | Majlis Daerah Kuala Langat     | 2.80                                | 3.92                                | 1.12                                              | 40                                            |
| 10.           | Majlis Daerah Sabak Bernam     | 1.26                                | 1.29                                | 0.03                                              | 2.38                                          |
| 11.           | Majlis Daerah Hulu Selangor    | 29.50                               | 34.18                               | 4.68                                              | 15.86                                         |
| 12.           | Majlis Daerah Kuala Selangor   | 12.68                               | 15.20                               | 2.52                                              | 19.87                                         |
| <b>Jumlah</b> |                                | <b>320.94</b>                       | <b>343.65</b>                       | <b>22.71</b>                                      | <b>139.39</b>                                 |

Sumber: Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan

**BAHAGIAN VI**

**PENGURUSAN KEWANGAN  
BADAN BERKANUN NEGERI DAN  
PIHAK BERKUASA TEMPATAN**

**BAHAGIAN VI**  
**PENGURUSAN KEWANGAN BADAN BERKANUN NEGERI DAN**  
**PIHAK BERKUASA TEMPATAN**

**30. PENDAHULUAN**

Mengikut Akta Audit 1957, selain mengesahkan Penyata Kewangan Agensi Negeri iaitu Badan Berkanun Negeri, Majlis Agama Islam, Pihak Berkuasa Tempatan dan Kumpulanwang, Ketua Audit Negara juga menjalankan pengauditan pengurusan kewangan bagi menilai dan membantu meningkatkan tahap akauntabiliti pengurusan kewangan agensi. Pada tahun 2006, pengauditan pengurusan kewangan telah dijalankan bagi 2 Agensi Negeri iaitu Lembaga Muzium Selangor dan Majlis Daerah Kuala Langat. Hasil daripada pengauditan tersebut dilaporkan di **Bahagian** ini.

**LEMBAGA MUZIUM SELANGOR**

**31. LATAR BELAKANG**

Lembaga Muzium Negeri Selangor (Lembaga) telah ditubuhkan di bawah Enakmen No.6 Tahun 1975. Sehingga tahun 2006 Lembaga mempunyai 4 buah muzium bagi mempamerkan koleksi dan artifak miliknya iaitu Muzium Sultan Alam Shah di Shah Alam yang mempunyai 7 buah Balai Pameran, Muzium Timah di Bandar DiRaja Klang, Muzium Daerah Sabak Bernam dan Muzium Sejarah Daerah Kuala Selangor. Selain itu, Muzium Sultan Alam Shah juga dilengkapi dengan kemudahan seperti perpustakaan, bilik seminar, studio dan auditorium. Objektif utama Lembaga antaranya ialah mengenal pasti dan mengumpul koleksi dan artifak berkaitan dengan alam sejarah, kebudayaan, alam kemanusiaan dan alam semula jadi. Lembaga juga bertanggungjawab bagi memulih, memelihara dan mendokumentasi serta mempublisitikan hasil koleksi dan artifak yang diperolehi itu secara sistematik dan saintifik. Pada tahun 2002, Lembaga telah berjaya mencatat nama di dalam *Malaysian Guinness Book Of Record* melalui pameran Senjata Tradisional kerana berjaya mengumpul dan mempamerkan bilangan senjata terbanyak iaitu sebanyak 1,011 bilah senjata.

## **32. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada pengurusan kewangan Lembaga dilaksanakan dengan mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan serta rekod kewangan diselenggara dengan lengkap dan kemas kini. Selain itu, pengauditan juga bertujuan untuk menilai sistem kawalan dalaman yang telah diwujudkan terhadap pungutan hasil, perbelanjaan, amanah, aset serta inventori.

## **33. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN**

Pengauditan telah dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen kewangan seperti Fail Meja, Bukut Tunai, Daftar Mel, Buku Vot, Daftar Pembayaran, minit mesyuarat bagi tempoh tahun 2005 hingga 2006. Selain itu, temu bual dan perbincangan juga diadakan dengan pegawai Lembaga berkenaan untuk mendapatkan penjelasan.

## **34. PENEMUAN AUDIT**


### **34.1 KAWALAN PENGURUSAN**

Kawalan pengurusan yang meliputi aspek struktur organisasi, penurunan kuasa, manual prosedur kerja, fail meja serta kursus dan latihan kepada kakitangan adalah aspek penting dalam pengurusan kewangan. Kawalan pengurusan yang cekap dapat menyumbang kepada pencapaian objektif Lembaga. Hasil pemeriksaan Audit terhadap kawalan pengurusan Lembaga mendapati perkara berikut:

#### **34.1.1 Struktur Organisasi**

Pengurusan Lembaga diketuai oleh seorang Pengarah dan dibantu oleh 80 pegawai dan kakitangan. Struktur organisasi Lembaga mengandungi 6 bahagian utama iaitu Bahagian Warisan Alam Semula Jadi, Pameran/Pendidikan Muzium, Kajian Dan Antikuiti, Khidmat Pengurusan Dan Akaun, Teknologi Maklumat Dan Komunikasi dan Pembangunan Dan Pengurusan Muzium. Semakan Audit mendapati Lembaga mempunyai struktur organisasi yang bersesuaian dengan fungsi dan aktiviti semasanya. Carta organisasi Lembaga bagi tahun 2006 seperti di **Carta 10**.

**Carta 10**  
**Carta Organisasi Lembaga Muzium Negeri Selangor**



*Sumber: Rekod Lembaga Muzium Negeri Selangor*

### 34.1.2 Kedudukan Perjawatan

Pada tahun 2006, Lembaga mempunyai 81 jawatan tetap yang telah diluluskan. Semua jawatan telah diisi kecuali jawatan Pembantu Muzium Gred S17 dan Pegawai Khidmat Pelanggan Gred N17. Pada tahun 2006, 4 perjawatan di Bahagian Kewangan telah diluluskan iaitu Penolong Akauntan Gred W27, Pembantu Kewangan Gred W17 dan 2 Pembantu Tadbir Gred N17. Walaupun 4 perjawatan di bahagian tersebut telah lulus dan diisi ianya perlu dikaji semula dan diperkemas dari semasa ke semasa agar bersesuaian dengan beban tugas dan fungsinya. Antaranya mengawal peruntukan dan perbelanjaan, menjana sumber kewangan serta menyelenggara rekod kewangan. Kedudukan perjawatan Lembaga mengikut kumpulan adalah seperti di **Jadual 64**.

**Jadual 64**  
**Perjawatan Lembaga Mengikut Kumpulan**

| Kumpulan                            | Bilangan Jawatan |           |          | Peratus jawatan Kosong (%) |
|-------------------------------------|------------------|-----------|----------|----------------------------|
|                                     | Diluluskan       | Diisi     | Kosong   |                            |
| Kumpulan Pengurusan Dan Profesional | 7                | 7         | -        | -                          |
| Kumpulan Sokongan                   | 74               | 72        | 2        | 3                          |
| <b>Jumlah</b>                       | <b>81</b>        | <b>79</b> | <b>2</b> | <b>2</b>                   |

*Sumber: Rekod Lembaga*

#### **34.1.3 Manual Prosedur Kerja**

Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991 antara lain menetapkan setiap Jabatan/Agensi perlu menyediakan Manual Prosedur Kerja. Manual ini menjadi rujukan rasmi yang mengandungi objektif dan fungsi Lembaga, prosedur dan proses kerja yang jelas serta pegawai yang bertanggungjawab bagi melaksanakan setiap aktiviti yang dipertanggungjawabkan. Ia juga sebagai rujukan dan panduan kepada kakitangan melaksanakan tugas dengan cekap dan berkesan. Semakan Audit mendapati Lembaga masih dalam proses mengemas kini Manual berkenaan.

#### **34.1.4 Fail Meja**

Fail meja merupakan salah satu dokumen rujukan peringkat individu dalam pengurusan organisasi yang berkesan. Fail Meja perlu disemak dan dikemas kini dari semasa ke semasa selaras dengan Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991. Semakan Audit mendapati Fail Meja telah diselenggarakan bagi semua pegawai dan kakitangan Lembaga mengikut peraturan tersebut.

#### **34.1.5 Senarai Tugas**

Arahan Perkhidmatan Bab I menghendaki Ketua Agensi menyediakan senarai tugas bagi setiap kakitangan secara bertulis. Senarai tugas yang disediakan adalah berteraskan kepada objektif program dan aktiviti yang dicapai. Semakan Audit di Bahagian Pentadbiran Dan Kewangan mendapati senarai tugas individu ada disediakan dan ditandatangani oleh pegawai yang bertanggungjawab.

#### **34.1.6 Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun**

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8 Tahun 2004 menghendaki Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun ditubuhkan. Bidang tugas jawatankuasa ini adalah untuk membincang dan memantau perkara berkaitan pengurusan perbelanjaan, perakaunan, pungutan dan tunggakan hasil, penyediaan dan pembentangan penyata

kewangan dan laporan tahunan, teguran Ketua Audit Negara, Unit Audit Dalam dan perancangan latihan untuk pegawai dan kakitangan yang melaksanakan tugas kewangan. Pihak Audit mendapati Lembaga tidak mewujudkan jawatankuasa ini hingga akhir Mei 2006. Bagaimanapun, semua hal ehwal pengurusan kewangan dibincangkan terus semasa mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Lembaga. Semakan Audit mendapati jawatankuasa ini bermesyuarat 3 kali pada tahun 2005 dan 1 kali sehingga Jun 2006. Selain itu, antara perkara yang dibincangkan semasa mesyuarat tersebut adalah terimaan dan bayaran bulanan, laporan pengauditan penyata kewangan, kelulusan pindahan peruntukan, laporan pendahuluan diri dan lain-lain perkara berkaitan koleksi. Memandangkan Lembaga tidak mewujudkan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun, sewajarnya Lembaga memastikan kekerapan mesyuarat adalah seperti yang dinyatakan dalam pekeliling supaya semua perkara yang berkaitan kewangan seperti yang telah ditetapkan dapat dibincangkan semasa mesyuarat tersebut.

#### **34.1.7 Peraturan Kewangan Dan Perakaunan**

Semakan Audit mendapati Lembaga tidak menyediakan garis panduan pengurusan kewangannya sendiri. Bagaimanapun, Lembaga mengguna pakai Arahan Perbendaharaan, Pekeliling dan Surat Pekeliling yang dikeluarkan dari semasa ke semasa oleh Kerajaan Persekutuan dan Negeri.

#### **34.1.8 Kursus dan Latihan**

Bagi memastikan setiap pegawai dan kakitangannya mempunyai tahap pengetahuan dan prestasi kerja yang tinggi dan berterusan, maka setiap pegawai dan kakitangan Lembaga hendaklah mendapat latihan dan kursus yang mencukupi. Ketua Bahagian Pentadbiran akan menyediakan program latihan tahunan yang akan diluluskan oleh Pengarah Lembaga. Semakan Audit mendapati Lembaga ada menyediakan perancangan kursus/latihan kepada kakitangan pada setiap tahun. Pada tahun 2005 sejumlah RM100,000 telah diperuntukkan bagi menjayakan program latihan. Sehingga akhir bulan Disember 2005, sebanyak 31 kursus jangka pendek telah dihadiri oleh semua kakitangan Lembaga yang melibatkan perbelanjaan berjumlah RM70,649. Kursus yang ditawarkan meliputi pelbagai bidang seperti teknologi maklumat, pentadbiran, kewangan dan pemuziuman. Pada tahun 2006 Lembaga memperuntukkan sejumlah RM25,695 dengan menyediakan 24 program latihan. Keseluruhan latihan kepada guna tenaga dianjurkan oleh Kerajaan Negeri, INTAN dan syarikat swasta. Latihan dan kursus yang dihadiri oleh pegawai dan kakitangan telah dicatatkan dalam rekod perkhidmatan kakitangan Lembaga.

**Pada pendapat Audit, Lembaga perlu mempertingkatkan kawalan pengurusannya. Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun hendaklah diwujudkan untuk memastikan pengurusan kewangan Lembaga dilaksanakan dan dipantau selaras dengan peraturan kewangan yang ditetapkan.**

## **34.2 KAWALAN HASIL**

Pada tahun 2005, Lembaga telah memperolehi pendapatan berjumlah RM4.98 juta. Sebahagian besar daripada pendapatan Lembaga adalah sumbangan daripada Kerajaan Negeri yang berjumlah RM4.93 juta, faedah bank berjumlah RM12,682 dan lain-lain pendapatan yang berjumlah RM41,178. Semakan Audit terhadap kawalan hasil Lembaga mendapati perkara berikut:

### **34.2.1 Buku Resit**

- a)** Arahan Perbendaharaan 66 menetapkan bahawa buku resit hendaklah diperiksa dan diturunkan tandatangan di belakang helai pertama salinan pejabat sebagai perakuan bahawa borang resit berpendua/berpeniga adalah betul. Semakan Audit terhadap buku resit bagi bulan Januari 2005 hingga Mei 2006, mendapati arahan ini tidak dipatuhi oleh Lembaga. Semakan hanya dibuat semasa buku resit dikeluarkan untuk kegunaan. Bagaimanapun, tindakan segera untuk mematuhi arahan tersebut telah diambil selepas teguran Audit.
- b)** Arahan Perbendaharaan 67 menghendaki suatu daftar bagi mengawal penerimaan dan pengeluaran stok buku resit hendaklah diselenggarakan dan catatan pengeluaran buku resit mestilah disahkan oleh pegawai atasan. Semakan Audit terhadap kawalan dan pengeluaran buku resit bagi tempoh Januari 2005 hingga Jun 2006 mendapati Lembaga ada menyelenggara daftar bagi mengawal penerimaan dan pengeluaran buku resit mengikut peraturan yang ditetapkan. Selain itu, daftar tersebut dikawal oleh seorang Pegawai Kanan yang bertanggungjawab.

### **34.2.2 Buku Tunai**

- a)** Mengikut Arahan Perbendaharaan 78(a), kutipan hasil hendaklah dibankkan pada hari yang sama atau jika lewat diterima dibankkan pada hari kerja berikutnya. Semakan Audit menunjukkan tiada kes kelewatan memasukkan wang ke bank bagi tempoh Januari 2005 hingga 5 Mei 2006.
- b)** Arahan Perbendaharaan 80(b) menetapkan catatan di Buku Tunai hendaklah disemak oleh pegawai yang bertanggungjawab bagi memastikan setiap kutipan telah direkodkan dengan betul dan kemas kini. Semakan Audit mendapati tiada

bukti arahan ini dipatuhi oleh Lembaga bagi tempoh Januari hingga Disember 2005. Bagaimanapun, mulai Januari hingga Jun 2006 semakan telah dibuat oleh pegawai yang bertanggungjawab.

- c) Arahan Perbendaharaan 80(e) pula menghendaki slip bayar masuk wang ke bank disemak oleh seorang pegawai selepas kemasukan wang dilakukan. Pemeriksaan Audit mendapati semakan telah dibuat oleh pegawai Lembaga yang bertanggungjawab sepertimana yang ditetapkan oleh peraturan tersebut.

#### **34.2.3 Tunggakan Sewa**

Semakan Audit ke atas fail dan rekod penyewaan auditorium mendapati daftar penyewaan bagi tempoh Januari 2005 sehingga Jun 2006 adalah lengkap dan kemas kini. Tunggakan bayaran sewa auditorium oleh Jabatan Kebudayaan, Kesenian Dan Warisan bagi tahun 2005 berjumlah RM17,350. Bagaimanapun, pada tahun 2006, bayaran sewa tidak dikenakan kepada jabatan berkenaan walaupun ada sewaan dibuat. Tiada surat kelulusan pengecualian dikemukakan untuk pengesahan Audit.

#### **34.2.4 Pemeriksaan Mengejut**

Mengikut Arahan Perbendaharaan 309, Ketua Jabatan hendaklah menjalankan pemeriksaan mengejut secara berkala terhadap semua wang di bawah kawalan sekurang-kurangnya 2 kali setahun. Satu daftar hendaklah diselenggarakan bagi tujuan tersebut. Pihak Audit mendapati Daftar Pemeriksaan Mengejut ada diselenggarakan. Tarikh akhir pemeriksaan dibuat ialah pada 17 Mac 2006. Bagaimanapun pemeriksaan tersebut tidak meliputi pemeriksaan terhadap panjar wang runcit di bahagian kewangan.

**Pada pendapat Audit, kawalan dalaman mengenai hasil Lembaga adalah memuaskan kecuali usaha untuk mengutip tunggakan sewa hendaklah dipertingkatkan dan pemeriksaan mengejut hendaklah mengambil kira panjar wang runcit.**

### **34.3 KAWALAN PERBELANJAAN**

Kawalan terhadap perbelanjaan adalah perlu untuk memastikan perbelanjaan yang dibuat berdasarkan peruntukan, mempunyai dokumen sokongan yang lengkap, diluluskan oleh pegawai yang diberi kuasa dan diakaunkan dengan betul, mematuhi undang-undang dan peraturan. Sehingga akhir bulan Disember 2005 Lembaga telah membelanjakan sejumlah RM5.89 juta bagi perbelanjaan mengurus dan sejumlah RM273,398 bagi perbelanjaan

pembangunan. Hasil daripada semakan Audit terhadap kawalan perbelanjaan adalah seperti berikut:

#### **34.3.1 Kuasa Meluluskan Pembayaran**

Arahan Perbendaharaan 101 menetapkan bahawa Pegawai Pengawal boleh mewakili kuasa bagi memperakui baucar bayaran beserta contoh tandatangan kepada Bahagian Kewangan. Semakan Audit mendapati kuasa meluluskan pembayaran daripada Pengarah ada dikeluarkan kepada pegawai kewangan yang bertanggungjawab bagi tempoh 2005 dan 2006.

#### **34.3.2 Buku Vot**

Buku Vot hendaklah diselenggara dengan lengkap dan kemas kini serta disemak oleh pegawai yang bertanggungjawab. Ini akan dapat mengawal perbelanjaan yang dilakukan supaya tidak melebihi daripada anggaran yang diluluskan. Semakan Audit mendapati Buku Vot telah diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini bagi tempoh Januari 2005 hingga Jun 2006. Pemeriksaan juga menunjukkan semakan ada dibuat oleh pegawai atasan bagi mengesahkan pembayaran yang dibuat seperti mana Arahan Perbendaharaan 95(b).

#### **34.3.3 Penyata Penyesuaian Bank**

Penyata Penyesuaian Bank disediakan untuk melaraskan perbezaan antara Penyata Bank dengan Buku Tunai. Semakan Audit mendapati Penyata Penyesuaian Bank telah disediakan pada setiap bulan bagi tahun 2005 hingga Jun 2006. Bagaimanapun, tiada bukti Penyata Penyesuaian Bank yang disediakan telah disemak dan disahkan oleh pegawai atasan. Selain itu, terdapat perbezaan baki tunai di Penyata Penyesuaian dengan baki tunai di Buku Tunai bagi tempoh Januari 2005 hingga Jun 2006.

#### **34.3.4 Proses Perolehan**

##### **a) Lembaga Perolehan Dan Jawatankuasa Sebut Harga**

Mengikut Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2/1999. Lembaga Perolehan hendaklah ditubuhkan. Setiausaha Kerajaan Negeri atau Pegawai Kewangan Negeri sebagai pengerusi, Pegawai Kewangan Negeri jika tidak menjadi pengerusi, Pengarah Kerja Raya atau wakil dan 2 orang pegawai dari jabatan lain. Jawatankuasa Sebutharga hendaklah ditubuhkan dan mengandungi 3 orang pegawai yang dipengerusikan oleh Pegawai Pengawal Agensi berkenaan. Kedua-dua Jawatankuasa ini adalah bertanggungjawab untuk menerima tawaran yang paling baik dan menguntungkan dari segi spesifikasi, harga dan kualiti mengikut keperluan Jabatan. Semakan Audit mendapati pada tahun 2005, satu jawatankuasa

perolehan/sebutharga telah diwujudkan. Bagaimanapun, tiada senarai keahlian disediakan bagi tujuan semakan dan pengesahan Audit.

**b) Proses Sebutharga**

Mengikut Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 2001, perolehan bekalan dan perkhidmatan yang bernilai melebihi RM50,000 hingga RM100,000 setahun hendaklah dibuat secara sebut harga di kalangan 5 pembekal bertaraf Bumiputera yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan. Manakala perolehan bekalan dan perkhidmatan yang bernilai melebihi RM100,000 hingga RM0.2 juta hendaklah dibuat secara sebutharga di kalangan 5 pembekal syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan. Bagi perolehan kerja yang bernilai melebihi RM20,000 hingga RM100,000 pemilihan kontraktor hendaklah dibuat secara pusingan/undian/sebut harga di kalangan kontraktor kelas F dan berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor. Manakala perolehan kerja yang bernilai melebihi RM20,000 hingga RM0.2 juta agensi hendaklah mempelawa sebut harga di kalangan kontraktor di daerah dan berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB). Semakan Audit mendapati tiada perolehan bekalan dan perkhidmatan atau kerja secara sebutharga dikeluarkan oleh Lembaga bagi tempoh tahun 2005 hingga Jun 2006.

**c) Proses Tender**

Mengikut Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 2001, tender terbuka hendaklah dipelawa untuk perolehan bekalan dan perkhidmatan yang perolehan nilainya melebihi RM200,000. Peraturan proses tender telah ditetapkan dalam Arahan Perbendaharaan 172. Semakan Audit mendapati tiada pembelian atau kerja secara tender dikeluarkan bagi tempoh 2005 hingga Jun 2006.

**d) Pesanan Pembelian Tempatan**

Arahan Perbendaharaan 176.1 (b), menetapkan semua pembelian kecil yang mana kontrak formal tidak sesuai dibuat hendaklah menggunakan pesanan tempatan. Semakan Audit mendapati sebanyak 227 pesanan tempatan berjumlah RM0.41 juta telah dikeluarkan pada tahun 2005 oleh Bahagian Pentadbiran yang melibatkan pembelian di bawah RM50,000. Pesanan tempatan telah dikeluarkan dan dikawal secara teratur serta disimpan di tempat yang selamat oleh Bahagian Pentadbiran. Semua pesanan tempatan Lembaga diluluskan oleh Pengarah Lembaga.

**e) Baucar Bayaran**

Lembaga telah mengeluarkan sebanyak 725 baucar bayaran pada tahun 2005 dan sebanyak 1,375 sehingga Disember 2006. Semakan ke atas baucar bayaran bagi kerja-kerja dan perolehan melalui Inden Kerja dan Pesanan mendapati baucar bayaran tidak disertakan dengan dokumen sokongan dan terdapat dua inden kerja dengan nombor siri yang sama.

**f) Penyimpanan Dokumen**

Mengikut Arahan Perbendaharaan 198.3, satu rekod yang lengkap mengenai pertimbangan dan keputusan tender dan sebutharga hendaklah disimpan. Semakan Audit mendapati, sistem penyimpanan dokumen sebutharga bagi satu-satu sebut harga tidak disimpan mengikut jenis atau bilangan kerja yang telah dikeluarkan oleh Lembaga. Keputusan sebut harga perlu disimpan mengikut nombor bilangan sebutharga supaya lebih mudah untuk mengesah jumlah atau bilangan sebutharga yang telah dikeluarkan dalam setahun. Pihak Audit juga sukar untuk memeriksa satu-satu bayaran dengan sebut harga yang telah dikeluarkan.

**34.3.5 Daftar Bil**

Arahan Perbendaharaan 103(b) dan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 1 Tahun 2002 menetapkan Daftar Bil hendaklah diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini. Ini bagi memastikan bil yang diterima daripada pembekal dijelaskan dalam tempoh sebulan daripada tarikh ianya diterima. Kelewatan menjelaskan bil tanpa alasan yang kukuh boleh dikenakan tindakan tatatertib. Semakan Audit mendapati daftar bil diselenggarakan oleh Bahagian Kewangan. Bil yang diterima daripada pembekal terus dimasukkan ke dalam daftar. Sebanyak 30 sampel invois bagi tahun 2005 dan 2006 yang disemak ada dicopkan tarikh penerimaan oleh Bahagian Kewangan. Pihak Audit juga mendapati tiada kes kelewatan menjelaskan bil melebihi sebulan.

**34.3.6 Kawalan Buku Cek**

Buku cek hendaklah diperiksa serta merta apabila ianya diterima daripada pihak bank. Pegawai yang menerimanya hendaklah memperakui di belakang kaunterfoil yang akhir bahawa pemeriksaan telah dibuat dan buku cek diterima dengan sempurna seperti Arahan Perbendaharaan 115. Daftar Cek hendaklah diselenggarakan bagi merekod semua cek yang diterima oleh pegawai yang bertanggungjawab. Semakan Audit mendapati Lembaga telah menyelenggara daftar yang dimaksudkan dengan lengkap dan kemas kini.

#### 34.3.7 Projek Pembangunan

Semakan Audit terhadap projek pembangunan di Lembaga mendapati Lembaga telah melaksana projek konservasi dan menaik taraf bagi Muzium Timah dan Tapak Penjara Lama di Jugra yang masing-masing bernilai RM711,385 dan RM794,680.

Hasil lawatan Audit ke tapak muzium mendapati perkara berikut:

- i) Projek konservasi dan kerja-kerja menaik taraf Muzium Timah tidak disiapkan sepenuhnya. Tarikh sepatutnya siap ialah pada 1 Februari 2005. Lawatan Audit pada 22 Ogos 2006, mendapati halaman luar bangunan terbiar dan air bertakung. Seorang pengawal telah ditugaskan untuk menjaga bangunan tersebut. Kerja menaiktaraf Muzium Timah adalah seperti di **Foto 3** dan **Foto 4**.

#### Kerja Menaik Taraf Muzium Timah Tidak Disiapkan Dengan Sempurna

Foto 3



Foto 4



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara

Tarikh: 22 Ogos 2006

Lokasi: Muzium Timah

- ii) Projek konservasi dan kerja-kerja menaik taraf Tapak Penjara Lama di Jugra telah disiapkan sepenuhnya. Bagaimanapun, bangunan berkenaan terbiar tanpa sebarang tindakan oleh Lembaga. Akibatnya, bangunan di tapak berkenaan telah rosak, cermin dinding retak, pintu pagar rosak, dalam bangunan di penuh dengan sampah kerana dicero bohi oleh pihak luar. Selain itu, sekelilingnya pula dipenuhi semak samun tanpa dijaga oleh pihak Lembaga seperti di **Foto 5** hingga **Foto 8**.

## Muzium Jugra Terbiar Dan Tidak Dijaga Dengan Sempurna

Foto 5



Foto 6



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 22 Ogos 2006  
Lokasi: Muzium Jugra

## Muzium Jugra Terbiar Dan Tidak Dijaga Dengan Sempurna

Foto 7



Foto 8



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 22 Ogos 2006  
Lokasi: Muzium Jugra

Pada pendapat Audit, tindakan segera dan sewajarnya hendaklah diambil terhadap kelemahan yang dibangkitkan terutamanya dalam pelaksanaan projek pembangunan. Ini bertujuan bagi memastikan peruntukan pembangunan dibelanjakan dengan sewajarnya dan peraturan yang ditetapkan dipatuhi.

#### **34.4 PENGURUSAN AKAUN AMANAH DAN DEPOSIT**

Lembaga menyelenggarakan Kumpulanwang Amanah Pinjaman Kenderaan dan Pendahuluan Diri serta Akaun Amanah. Selain itu, Lembaga juga ada mengutip beberapa deposit seperti sewa auditorium dan bon penyelenggaraan. Pada akhir tahun 2005, baki pendahuluan diri berjumlah RM5,000, baki Akaun Amanah berjumlah RM9,000 dan baki akaun deposit berjumlah RM28,000.

##### **34.4.1 Akaun Kumpulanwang Amanah**

###### **a) Pinjaman Kenderaan**

Mengikut perenggan 12.4 Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7 tahun 1993, buku Daftar Pinjaman Kenderaan mengenai semua pinjaman yang telah lulus hendaklah disediakan dan disimpan oleh Ketua Jabatan. Selain itu, sesalinan Kad Pendaftaran Kenderaan dan Sijil Insurans Komprehensif hendaklah disimpan di dalam fail sebagai bukti kad tersebut telah dicop “Hak Milik Dituntut Oleh Kerajaan” sehingga pinjaman selesai sepenuhnya. Bagi tempoh Januari 2005 sehingga Jun 2006, hanya seorang pegawai Lembaga telah diluluskan pinjaman kenderaan berjumlah RM45,000. Semakan Audit terhadap pengurusan pinjaman mendapati fail yang dimaksudkan tidak diselenggarakan oleh Lembaga tetapi fail tersebut telah disimpan di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.

###### **b) Pendahuluan Diri**

Mengikut Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1993, satu daftar mengenainya hendaklah diselenggarakan. Selain itu, antara syarat dan peraturan kelulusan pendahuluan diri ialah bayaran 10% setahun akan dikenakan kepada peminjam sekiranya gagal membayar balik wang pendahuluan diri yang diluluskan dalam tempoh 1 bulan selepas tarikh tuntutan perlu dibuat. Selain itu, penyata tuntutan hendaklah dikemukakan tidak lewat daripada 10 hari bulan pada bulan berikutnya. Semakan Audit mendapati Lembaga telah menyelenggara daftar pendahuluan diri dengan lengkap dan kemas kini. Lembaga telah meluluskan pendahuluan diri berjumlah RM5,000.00 pada 4.4.2005 bagi tujuan lawatan rasmi ke Pulau Siantan. Bagaimanapun, tindakan untuk mendapatkan semula pendahuluan tersebut telah dibuat selepas teguran Audit.

##### **34.4.2 Akaun Amanah Lembaga Muzium Selangor**

Akaun ini ditubuhkan di bawah Akta Acara Kewangan Seksyen 9 (1) dan diluluskan pada 26 Oktober 2004 melalui mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Lembaga. Akaun ini diselenggarakan oleh Lembaga untuk mengakaunkan sumbangan wang dari penajaan,

derma atau sumbangan dan hasil penjualan barang antik bagi menampung kos penerbitan buku berkaitan pemuziuman, pembelian artifak, aktiviti pemuziuman serta faedah dan kebaikan pemuziuman. Semakan Audit mendapati pada tahun 2005, Lembaga telah menerima sumbangan sejumlah RM9,000 untuk diakaunkan sebagai akaun amanah. Bagaimanapun, baki di penyata bank pada 31 Disember 2005 menunjukkan sejumlah RM3,000. Semakan Audit juga menunjukkan pengurusan akaun amanah ini hanya difailkan dalam fail, buku tunai akaun amanah tidak diselenggarakan serta penyata terimaan dan bayaran bagi tahun berakhir 31 Disember 2005 juga tidak disediakan. Selain itu tiada penyata penyesuaian disediakan untuk menyesuaikan baki perbezaan tersebut. Lembaga sewajarnya mematuhi arahan amanah supaya satu penyata akaun amanah disediakan untuk tujuan pengauditan secara berasingan. Bagaimanapun tiada terimaan amanah diterima pada tahun 2006.

#### **34.4.3 Pengurusan Deposit**

- a) Mengikut Arahan Perbendaharaan 156, Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab terhadap penyelenggaraan akaun deposit di bawah jagaannya. Semakan Audit mendapati Lembaga telah menyelenggara akaun deposit dengan lengkap dan kemas kini secara berkomputer.
- b) Mengikut Arahan Perbendaharaan 162, deposit yang tidak dituntut selepas tempoh 12 bulan hendaklah diwartakan. Sekiranya selepas tempoh 3 bulan deposit tersebut masih juga tidak dituntut, maka hendaklah dikreditkan ke hasil kerajaan. Semakan Audit terhadap senarai deposit mendapati deposit yang melebihi setahun tersimpan di Lembaga berjumlah RM23,000. Selepas teguran Audit, Lembaga telah mengambil tindakan untuk memulangkan deposit tersebut.

**Pada pendapat Audit, pengurusan deposit dan akaun kumpulan wang amanah adalah memuaskan. Bagaimanapun, pengurusan akaun amanah perlu dipertingkatkan lagi supaya mematuhi arahan amanah yang telah ditetapkan.**

#### **34.5 PENGURUSAN ASET**

Pada tahun 2005 Lembaga memiliki aset dan koleksi bernilai RM18.78 juta yang terdiri daripada peralatan pejabat, harta khas, kenderaan, koleksi dan arkib, komputer, perabot dan kelengkapan. Sejumlah RM1.33 juta telah dibelanjakan pada tahun 2005 untuk pembelian peralatan pejabat, koleksi dan arkib, pengubahsuaian bangunan, kelengkapan pejabat dan peralatan.

#### **34.5.1 Daftar Harta Modal Dan Daftar Inventori**

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1991, setiap perolehan aset dan inventori serta bekalan pejabat hendaklah direkodkan ke dalam Daftar Harta Modal, Daftar Inventori dan Daftar Bekalan Pejabat. Semakan Audit mendapati Lembaga hanya menyelenggara rekod peralatan pejabat dan alat tulis. Bagaimanapun, aset yang diperolehi telah direkodkan dalam senarai harta modal.

#### **34.5.2 Lembaga Pemeriksa**

Semakan Audit mendapati Lembaga ada melantik Lembaga Pemeriksa untuk menjalankan pemeriksaan ke atas harta Lembaga. Pemeriksaan ini perlu dibuat pada setiap tahun untuk membuat laporan terhadap barang, kelengkapan dan peralatan lain. Kali terakhir pemeriksaan dibuat ialah pada tahun 2005.

#### **34.5.3 Pemeriksaan Fizikal**

Pihak Audit telah menjalankan pemeriksaan fizikal terhadap bekalan pejabat dan koleksi. Perkara yang ditemui adalah seperti berikut:

##### **a) Bekalan Pejabat**

Semakan Audit terhadap stor bekalan pejabat mendapati ianya telah diuruskan dengan baik. Semua barangan disusun dengan kemas dan teratur. Semakan Audit mendapati bekalan pejabat telah didaftar dengan kemas kini.

##### **b) Koleksi**

Semakan Audit terhadap Laporan Koleksi Lembaga mendapati perkara berikut:

- i) Sebanyak 63 koleksi bernilai RM76,685 yang sepatutnya ditempatkan di Balai Kebudayaan tidak dapat dikesan oleh pihak Lembaga. Bagaimanapun, pihak Lembaga sedang menyemak semula dan mengenal pasti penempatan koleksi di balai lain.
- ii) Semakan fizikal terhadap koleksi di stor kebal mendapati daripada 69 sampel koleksi yang dipilih, 10 koleksi antaranya pending emas, kalung emas, cincin emas bernilai RM81,100 tidak dapat dikesan.
- iii) Selain itu, pemeriksaan fizikal terhadap 44 perolehan koleksi bagi tahun 2005 dan 12 perolehan koleksi bagi tahun 2006 mendapati ianya telah disimpan di stor dengan teratur dan ditagkan seperti peraturan yang telah ditetapkan.

#### **34.5.4 Pengurusan Kenderaan**

Lembaga mempunyai sebuah kereta dan 2 kenderaan pacuan empat roda. Semua kenderaan ini dipertanggungjawabkan di bawah pegawai pentadbiran Lembaga. Semakan Audit terhadap pengurusan kenderaan menunjukkan perkara berikut:

##### **a) Buku Log Kenderaan**

Buku log kenderaan bagi mengawal pergerakan dan perjalanan rasmi kenderaan adalah tidak lengkap dan kemas kini seperti berikut:

- i) Butiran kenderaan
- ii) Jadual penyelenggaraan, pembaikan dan penggantian
- iii) Rekod tayar
- iv) Nama dan tandatangan pegawai yang memberi kuasa;
- v) Pembelian minyak dan bahan api

Selain itu, tiada bukti semakan ada dibuat oleh pegawai yang bertanggungjawab.

##### **b) Pembelian Minyak Kenderaan**

Selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 6 Tahun 1999, pemegang kad atau pemandu hendaklah menyemak dan mengesahkan penyata pembelian minyak dengan resit pembelian setiap bulan dan disahkan oleh pegawai bertanggungjawab sebelum pembayaran dibuat. Hasil semakan Audit terhadap dokumen berkenaan mendapati semakan telah dibuat ke atas penyata tuntutan oleh pemandu dan disahkan oleh pegawai yang bertanggungjawab. Selain itu, daftar pergerakan kad inden telah diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

##### **c) Penjagaan Kenderaan**

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1980 menetapkan seorang pemandu ditugaskan untuk bertanggungjawab bagi sebuah kenderaan sahaja. Ini bertujuan supaya kenderaan Jabatan diselenggara dan diurus dengan lebih teratur dan dapat mengurangkan berlakunya kerosakan. Semakan Audit mendapati setiap kenderaan diperuntukkan seorang pemandu.

#### **34.5.5 Pelupusan**

Pemeriksaan Audit mendapati pada tahun 2005, Lembaga ada membuat pelupusan harta iaitu sebuah kereta, perabot, mesin pejabat, telefon, barang-barang elektrik dan komputer. Pelupusan ini telah dibuat mengikut peraturan yang telah ditetapkan seperti

Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1997. Tiada pelupusan dibuat pada tahun 2006.

**Pada pendapat Audit, pengurusan aset dan inventori adalah memuaskan. Bagaimanapun, pengurusan terhadap koleksi perlu dipertingkatkan lagi.**

### **35. RUMUSAN DAN SYOR**

Secara keseluruhannya, pengurusan kewangan Lembaga masih belum memuaskan dan perlu diperbaiki lagi bagi mengatasi kelemahan yang dilaporkan. Adalah disyorkan supaya Lembaga mewujudkan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun supaya dapat memantau pengurusan kewangan Lembaga dengan lebih berkesan.

## **MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT**

### **36. LATAR BELAKANG**

Majlis Daerah Kuala Langat (Majlis) telah ditubuhkan pada 1 Januari 1977 di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Penubuhan ini adalah hasil daripada penyusunan semula dan penggabungan tiga Majlis Tempatan yang dikenali sebagai Majlis Tempatan Sungai Jarom, Majlis Tempatan Tanjung Sepat dan Lembaga Bandaran. Majlis ini bertanggungjawab menyediakan perkhidmatan perbandaran kepada penduduk di bawah seliaannya. Majlis mempunyai kawasan seluas 84.54 km persegi dengan kepadatan penduduk seramai 219,400 orang. Pada tahun 2006, terdapat sebanyak 45,496 pegangan harta Majlis yang terdiri daripada bangunan kediaman, premis perniagaan, perusahaan dan pertanian.

Pada tahun 2006, Majlis telah membelanjakan sejumlah RM21.79 juta untuk perbelanjaan mengurus dan RM0.89 juta untuk perbelanjaan pembangunan. Hasil yang diperoleh oleh Majlis pada tahun 2006 adalah berjumlah RM24.51 juta.

### **37. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada pengurusan kewangan Majlis mematuhi peraturan dan undang-undang serta rekod perakaunan telah diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini. Selain itu pengauditan juga bertujuan menilai sistem kawalan dalaman terhadap pengurusan hasil, perbelanjaan, amanah, aset dan inventori.

### **38. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN**

Pengauditan telah dijalankan di Jabatan Perbendaharaan serta Jabatan Khidmat Pengurusan dan antara rekod yang disemak ialah Buku Tunai, Buku Vot, Daftar Mel, Daftar Bil dan Daftar Aset bagi tahun 2006. Selain itu, perbincangan dan temu bual dengan pegawai yang terlibat dengan pengurusan kewangan juga telah diadakan.

## 39. PENEMUAN AUDIT

### 39.1 KAWALAN PENGURUSAN

Yang Di Pertua Majlis adalah bertanggungjawab mewujudkan kawalan pengurusan yang mantap bagi meningkatkan kecekapan dan memenuhi objektif organisasi. Antaranya mewujudkan struktur organisasi yang jelas melalui Carta Organisasi, Manual Prosedur Kerja, Fail Meja, menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun (JPKA) dan juga Unit Audit Dalam serta memberikan bimbingan dan latihan yang sesuai kepada kakitangan. Semakan Audit terhadap elemen kawalan pengurusan tersebut mendapati perkara berikut:

#### 39.1.1 Struktur Organisasi

Majlis diketuai oleh Yang Di Pertua dan dibantu oleh seorang Setiausaha. Majlis mempunyai 7 Jabatan dan 2 Bahagian iaitu Jabatan Khidmat Pengurusan; Jabatan Perbendaharaan; Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta; Jabatan Perkhidmatan Perbandaran Dan Kesihatan; Jabatan Perancangan Pembangunan; Jabatan Kejuruteraan; Jabatan Kawalan Bangunan; Bahagian Undang-undang dan Bahagian Audit Dalam. Kesemua Jabatan dan Bahagian berfungsi sebagaimana ditunjukkan dengan jelas melalui Carta Organisasi yang disediakan oleh Jabatan Pentadbiran.

#### 39.1.2 Perjawatan

Pada tahun 2006, Majlis Daerah Kuala Langat telah meluluskan 254 perjawatan bertaraf tetap dan 87 jawatan bertaraf kontrak. Kedudukan perjawatan Majlis sehingga tarikh pengauditan adalah seperti di **Jadual 65**. Jabatan Perbendaharaan yang bertanggungjawab terhadap pengurusan kewangan diketuai oleh seorang Akauntan/Pengarah Jabatan dan dibantu oleh 2 orang Penolong Akauntan serta 18 orang kakitangan lain bagi membantu melicinkan urusan kerja kewangan.

**Jadual 65**  
**Kedudukan Perjawatan Majlis**

| Taraf Jawatan       | Peruntukan | Diisi      | Kosong    |
|---------------------|------------|------------|-----------|
| Tetap               | 254        | 180        | 74        |
| Kontrak             | 87         | 81         | 6         |
| <b>Jumlah Besar</b> | <b>341</b> | <b>261</b> | <b>80</b> |

*Sumber: Jabatan Pentadbiran, Majlis Daerah Kuala Langat*

Kedudukan perjawatan di Majlis menunjukkan 29% kekosongan bagi jawatan tetap. Kekosongan yang paling ketara adalah bagi kategori Kumpulan Sokongan. Pihak Audit

mendapati iklan pengambilan kakitangan baru telah dibuat pada pertengahan tahun 2006. **Jadual 66** di bawah adalah kedudukan Perjawatan Majlis mengikut kumpulan jawatan.

**Jadual 66**  
**Perjawatan Majlis Mengikut Kumpulan**

| Kumpulan                   | Peruntukan |           | Diisi      |           | Kosong    |          |
|----------------------------|------------|-----------|------------|-----------|-----------|----------|
|                            | Tetap      | Kontrak   | Tetap      | Kontrak   | Tetap     | Kontrak  |
| Pengurusan Dan Profesional | 9          | -         | 7          | -         | 2         | -        |
| Sokongan                   | 245        | 87        | 173        | 81        | 72        | 6        |
| <b>Jumlah</b>              | <b>254</b> | <b>87</b> | <b>180</b> | <b>81</b> | <b>74</b> | <b>6</b> |

*Sumber: Jabatan Pentadbiran, Majlis Daerah Kuala Langat*

### 39.1.3 Manual Prosedur Kerja

Pekeliling Kemajuan Perkhidmatan Awam Bil. 8 Tahun 1991 menetapkan setiap Jabatan hendaklah menyediakan Manual Prosedur Kerja bagi mempertingkatkan lagi keupayaan penjawat awam melaksanakan tugas harian. Manual tersebut merupakan dokumen rujukan peringkat jabatan mengandungi maklumat mengenai latar belakang jabatan, objektif, fungsi organisasi, prosedur dan proses kerja bagi semua aktiviti Jabatan/Bahagian. Semakan Audit mendapati, Majlis ada menyediakan Manual Prosedur Kerja sebagaimana kehendak pekeling tersebut.

### 39.1.4 Fail Meja

Mengikut Pekeliling Kemajuan Perkhidmatan Awam Bil. 8 Tahun 1991, setiap kakitangan perlu mempunyai Fail Meja masing-masing. Fail Meja perlu mengandungi senarai tugas, peruntukan kuasa dan undang-undang, prosedur, senarai semakan serta garis panduan bagi membimbing seseorang pegawai menjalankan tugas dengan cekap dan berkesan. Semakan Audit mendapati, Majlis ada menyediakan Fail Meja bagi setiap pegawai. Bagaimanapun, maklumat mengenai carta organisasi dan borang tidak dilengkapkan di dalam Fail Meja pegawai di Bahagian Undang-undang dan Audit Dalam. Selain itu, senarai tugas bagi 11 kakitangan Jabatan Perbendaharaan tidak ditandatangani oleh Ketua Jabatan.

### 39.1.5 Buku Rekod Perkhidmatan

Arahan Perkhidmatan Bab 2, Bahagian II (19), menghendaki supaya "Kenyataan Perkhidmatan Perlu Direkod Dengan Penuh" dalam Buku Perkhidmatan. Ketua Jabatan bertanggungjawab menentukan bahawa kenyataan perkhidmatan dan cuti pegawai di

bawah penyeliaan mereka direkodkan dengan lengkap dan sentiasa kemas kini untuk memudahkan rujukan. Selain itu, setiap catatan dalam buku perkhidmatan hendaklah ditandatangani dan disahkan oleh Ketua Jabatan atau pegawai yang dipertanggungjawabkan. Pihak Audit mendapati rekod kenyataan perkhidmatan telah dicatatkan dalam Buku Perkhidmatan dengan kemas kini. Bagaimanapun, semakan Audit selanjutnya terhadap 30 Buku Rekod Perkhidmatan mendapati rekod cuti bagi 3 kakitangan bagi tahun 2006 belum dikemaskinikan.

#### **39.1.6 Kursus Dan Latihan**

Kursus dan latihan yang berterusan hendaklah diberikan kepada semua peringkat kakitangan supaya kemahiran dan pengetahuan mereka dapat dipertingkatkan. Kursus mengenai pengurusan kewangan, akaun dan pentadbiran perlu diutamakan memandangkan ia sentiasa berubah mengikut keadaan semasa. Semakan Audit terhadap kesemua 18 orang kakitangan Jabatan Perbendaharaan mendapati semua pegawai telah menghadiri kursus berkaitan pengurusan kewangan sebanyak 2 hingga 6 kali bagi tempoh 3 tahun iaitu dari 2004 hingga 2006. Bagaimanapun, bagi memantapkan lagi pengurusan dan penyelenggaraan rekod kewangan, disyorkan latihan dan kursus kewangan diberikan kepada pegawai yang terlibat dari semasa ke semasa.

#### **39.1.7 Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun**

Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 8 Tahun 2004 menetapkan supaya setiap Jabatan hendaklah menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun bagi membincang dan menyelesaikan masalah berkaitan dengan pengurusan kewangan. Jawatankuasa ini hendaklah bermesyuarat 4 kali dalam satu tahun. Semakan Audit mendapati Majlis masih belum menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun seperti yang ditetapkan.

#### **39.1.8 Bahagian Audit Dalam**

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 2004 menetapkan penubuhan Unit Audit Dalam di Jabatan/Agensi untuk menentukan keberkesanan semua proses kawalan tadbir urus. Majlis Daerah Kuala Langat telah menubuhkan Bahagian Audit Dalam pada pertengahan tahun 2006 dan diketuai oleh seorang Penolong Juruaudit Gred W27 serta dibantu dengan 2 pembantu Juruaudit Gred W17. Bahagian Audit Dalam telah menjalankan pelbagai program pengauditan meliputi pengauditan terhadap kontrak kerja, pengauditan pengurusan kewangan termasuk pengurusan aset dan harta, buku log kenderaan, dan pemeriksaan mengejut terhadap fail meja. Semakan terhadap fail

pemerhatian audit yang telah dibangkitkan mendapati tiada jawapan bertulis dikemukakan oleh jabatan yang diaudit terhadap pemerhatian dan teguran tersebut.

**Pada pendapat Audit, kawalan pengurusan Majlis adalah memuaskan. Bagaimanapun, tindakan perlu diambil bagi melengkap dan mengemaskinikan Manual Prosedur Kerja, Fail Meja, Senarai Tugas dan Buku Perkhidmatan. Majlis perlu memberi perhatian terhadap kursus dan latihan yang berkaitan dengan pengurusan kewangan kepada kakitangan untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan. Selain itu, Majlis perlu menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun selaras dengan Surat Pekeliling Perbendaharaan berkenaan.**

## **39.2 KAWALAN TERIMAAN**

Hasil utama Majlis terdiri daripada cukai taksiran, lesen perniagaan, bayaran perkhidmatan dan pelan, sewaan, faedah pelaburan, denda dan kompaun, caruman membantu kadar serta terimaan dari agensi kerajaan seperti geran keseimbangan, geran penyelenggaraan jalan dan pelbagai pemberian dari Kerajaan Persekutuan. Sehingga akhir tahun 2006 sejumlah RM24.51 juta telah dikutip daripada sumber tersebut. Cukai taksiran merupakan penyumbang utama kepada hasil Majlis iaitu sebanyak 65% dengan kutipan berjumlah RM15.92 juta. Majlis menggunakan sistem kutipan hasil berkomputer bagi memungut hasil. Semakan Audit terhadap kawalan terimaan Majlis mendapati perkara berikut:

### **39.2.1 Pengasingan Tugas Dan Penurunan Kuasa**

Arahan Perbendaharaan 70(a) menetapkan pegawai yang menulis dan menandatangani resit hendaklah pegawai yang berlainan. Pengasingan tugas merupakan ciri penting kawalan dalaman bagi mengelakkan berlakunya penyelewengan. Tugas seperti kutipan wang, penyerahan wang ke bank, merekodkan hasil kutipan ke dalam Buku Tunai dan penyediaan penyata penyesuaian bank bulanan hendaklah dibuat oleh pegawai yang berasingan. Pihak Audit mendapati Jabatan Perbendaharaan ada membuat pengasingan tugas terhadap pegawai yang menjalankan tugas penerimaan wang awam. Arahan Perbendaharaan 11 menyatakan bahawa kewajipan kewangan dan perakaunan bagi pegawai yang bekerja di bawah Pegawai Pengawal hendaklah dinyatakan dengan jelas mengenai tugas dan tanggungjawabnya dinyatakan secara bertulis. Semakan Audit mendapati, Yang Di Pertua Majlis telah menurunkan kuasa untuk menerima wang awam kepada 17 pegawai yang bertanggungjawab untuk menerima dan menguruskan wang bagi segala hasil Majlis.

### **39.2.2 Buku Tunai**

Menurut Arahan Perbendaharaan 144 menghendaki pemungut yang menerima wang awam memastikan catatan dalam Buku Tunai diselenggarakan dengan betul. Setiap butir yang direkodkan dalam buku tunai perlu disemak dengan resit berkenaan oleh pegawai yang bertanggungjawab pada setiap hari. Semakan Audit mendapati Buku Tunai yang disediakan adalah kemas kini dan mematuhi kehendak Arahan Perbendaharaan.

### **39.2.3 Penyata Penyesuaian Bank**

Arahan Perbendaharaan 146 menyatakan bahawa pada tiap-tiap hujung bulan, Penyata Bank hendaklah disemak dengan Buku Tunai dan jika terdapat perbezaan, Penyata Penyesuaian Bank hendaklah disediakan. Semakan Audit mendapati Majlis telah menyediakan Penyata Penyesuaian Bank sehingga bulan Disember 2006. Bagaimanapun, Penyata Penyesuaian tersebut telah lewat disediakan antara 2 hingga 3 bulan.

### **39.2.4 Serahan Wang Ke Bank Dan Keselamatan Wang Pungutan**

Menurut Arahan Perbendaharaan 78(a) menghendaki semua kutipan wang tunai yang melebihi RM500 atau RM2,000 termasuk cek, wang pos dan kiriman wang hendaklah dimasukkan ke bank dengan segera. Semakan Audit mendapati semua wang kutipan telah diserahkan ke bank pada setiap hari di waktu tengah hari. Manakala hasil kutipan yang tidak sempat diserahkan ke bank pada hari tersebut disimpan dalam peti besi pejabat dengan selamat selaras dengan kehendak Arahan Perbendaharaan 126.

### **39.2.5 Daftar Mel**

Arahan Perbendaharaan 71(a) menghendaki Daftar Mel diselenggara bagi merekod terimaan melalui pos. Pihak Audit mendapati Jabatan Kewangan Majlis ada menyediakan daftar tersebut dan diselenggarakan dengan kemas kini. Bagaimanapun, tiada bukti semakan telah dibuat oleh pegawai bertanggungjawab terhadap daftar tersebut.

### **39.2.6 Pemeriksaan Mengejut**

Arahan Perbendaharaan 309 menghendaki Ketua Jabatan menjalankan pemeriksaan mengejut terhadap semua wang tunai termasuk wang panjar runcit, setem dan barang berharga di dalam simpanan. Pemeriksaan tersebut hendaklah dilakukan secara mengejut tidak kurang sekali dalam tempoh 6 bulan dan pegawai yang menjalankan pemeriksaan hendaklah menurunkan tandatangannya dalam daftar pemeriksaan

mengejut. Semakan Audit mendapati tiada pemeriksaan mengejut dibuat oleh Pengarah Jabatan Perbendaharaan atau Ketua Jabatan terhadap wang tunai Majlis.

### **39.2.7 Pengurusan Cukai Taksiran**

#### **a) Kutipan Cukai taksiran**

Pada tahun 2006, terdapat sebanyak 45,496 pegangan harta di Majlis. Cukai Taksiran ke atas pegangan harta tersebut yang dinilai pada tahun 2006 berjumlah RM15.92 juta. Namun pada tahun tersebut Majlis hanya mampu mengutip sejumlah RM12.79 juta iaitu 80% daripada jumlah sepatutnya.

#### **b) Tunggakan Cukai Taksiran**

Semakan Audit terhadap laporan tunggakan cukai taksiran menunjukkan tunggakan cukai taksiran semasa bagi tahun 2006 ialah RM3.13 juta manakala tunggakan keseluruhan ialah RM5.78 juta. Punca yang menyumbang kepada berlakunya tunggakan cukai taksiran adalah disebabkan oleh pemegang harta tidak menerima bil kerana alamat tidak lengkap, berpindah dan data tidak kemas kini. Majlis telah mengambil beberapa langkah untuk mengurangkan tunggakan antaranya menghantar notis, waran tahanan dan sita. Usaha Majlis untuk mengurangkan baki tunggakan belum berhasil apabila jumlah tunggakan meningkat iaitu RM3.92 juta pada tahun 2005 ke RM5.78 juta pada tahun 2006.

### **39.2.8 Pengurusan Sewaan**

Pengurusan sewa dewan, rumah pekerja, kedai, gerai dan pasar adalah seperti di bawah tanggungjawab Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta. Pada tahun 2006 Majlis mempunyai 1,034 unit premis perniagaan yang terdiri daripada 57 kedai, 636 pasar, 341 gerai, arked dan kios. Semakan Audit telah dijalankan terhadap senarai kedai, pasar dan gerai yang telah dikemukakan. Dari jumlah tersebut, sebanyak 211 premis perniagaan yang belum ada penyewa iaitu 11 unit kedai, 134 unit pasar dan 66 unit gerai. Selain itu semakan Audit mendapati perkara berikut:

#### **a) Tunggakan Sewa Gerai/ Kedai Dan Bangunan**

Mengikut perjanjian dan syarat menduduki gerai/kedai dan bangunan, penyewa dikehendaki membayar sewa bulanan terlebih dahulu dalam minggu pertama bagi setiap bulan. Sekiranya sewa bulanan tidak dibayar dalam tempoh 3 bulan berturut-turut, pihak Majlis berhak menamatkan perjanjian dengan serta merta dan seterusnya mengambil balik ruang niaga tersebut. Pihak Audit mendapati jumlah tunggakan semasa bagi sewa gerai dan kedai sehingga akhir tahun 2006 berjumlah

RM156,062. Majlis telah menghantar surat peringatan kepada penyewa atau membatalkan perjanjian sewaan mereka bagi menangani masalah tersebut.

**b) Penyelenggaraan Rekod Sewaan**

Semakan Audit telah dibuat terhadap rekod sewaan yang dikemukakan oleh Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta. Pihak Audit mendapati daftar penyewa dan fail individu telah diselenggarakan dengan kemas kini setiap bulan. Bagaimanapun, tiada daftar diselenggarakan bagi setiap permohonan sewaan yang diterima.

**39.2.9 Geran Dari Kerajaan Negeri dan Persekutuan**

Pada tahun 2006 Majlis telah menerima secara keseluruhan RM2.68 juta geran dari Kerajaan Negeri dan Persekutuan meliputi Geran Penyelenggaraan Jalan dan Geran Tahunan. Bagaimanapun, pada tahun 2004 hingga 2006 Majlis tidak menerima geran keseimbangan dari Kerajaan Persekutuan kerana Majlis lewat mengemukakan maklumat yang diperlukan untuk kelulusan geran tersebut oleh Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan.

**Pada pendapat Audit, kawalan terimaan Majlis pada keseluruhannya adalah tidak memuaskan. Majlis perlu mengambil tindakan yang lebih berkesan untuk mengutip hasil dan tunggakan cukai taksiran dan hasil sewaan.**

**39.3 KAWALAN PERBELANJAAN**

Setiap Pegawai Pengawal bertanggungjawab mengawal dan menentukan segala perbelanjaan dibuat mengikut peruntukan yang diluluskan selaras dengan undang-undang dan peraturan. Sehingga akhir tahun 2006, perbelanjaan Majlis berjumlah RM22.68 juta di mana sejumlah RM21.79 juta adalah perbelanjaan mengurus dan sejumlah RM0.89 juta lagi adalah perbelanjaan pembangunan. Berikut adalah penemuan Audit mengenai kawalan terhadap perbelanjaan Majlis:

**39.3.1 Penyelenggaraan Buku Vot**

Penyelenggaraan Buku Vot yang lengkap dan kemas kini dapat memastikan kesempurnaan kawalan terhadap peruntukan serta urusan perbelanjaan. Majlis menggunakan sistem buku vot berkomputer yang merupakan komponen daripada Sistem Perakaunan Berkomputer yang digunakan oleh pihak Majlis. Semakan Audit mendapati semua peruntukan telah diambil kira ke dalam buku vot. Setiap perbelanjaan dan tanggungan dicatatkan ke dalam buku vot oleh pegawai bertanggungjawab.

Bagaimanapun, wujud beberapa kelemahan pada sistem berkomputer yang sedang digunakan antaranya:

- a) Semakan Audit terhadap laporan senarai buku vot mendapati jumlah tanggungan belum selesai tidak kemas kini walaupun pembayaran telah dibuat. Ini menyebabkan, nilai pemiutang Majlis tidak menunjukkan angka yang sebenar.
- b) Sistem yang sama juga digunakan sebagai daftar pembekal. Semakan Audit mendapati, senarai pembekal yang dimasukkan ke dalam sistem tidak dilengkapi dengan butiran seperti nombor telefon, nombor faksimile, nilai kredit dan jenis bekalan yang disediakan.
- c) Selain itu, pengguna sistem tidak boleh mencipta kategori jenis bekalan terhadap daftar pembekal.

### **39.3.2 Pesanan Tempatan**

Perolehan Majlis yang kurang dari RM20,000 setahun dibuat secara pembelian terus dengan menggunakan Pesanan Tempatan. Majlis menetapkan semua pembelian yang dibuat perlu melalui Jabatan Kewangan Majlis untuk tujuan kawalan. Sebelum borang Pesanan Tempatan dikeluarkan, maklumat perolehan akan dimasukkan terlebih dahulu ke dalam Sistem Pesanan Tempatan. Melalui sistem ini cetakkan nombor siri akan dibuat pada borang Pesanan Tempatan dan nilai perolehan akan terus dipertanggungkan ke dalam Sistem Buku Vot. Pemeriksaan Audit terhadap salinan borang Pesanan Tempatan yang telah digunakan mendapati dokumen tersebut difailkan dengan kemas mengikut kod dikeluarkan dan memudahkan semakan semula dibuat. Selain dari itu Pesanan Tempatan yang telah dibatalkan dikepilkan sekali dengan salinan asal dalam fail yang sama.

### **39.3.3 Inden Kerja**

Perolehan melalui Inden Kerja dikeluarkan bagi kerja kecil dan kerja penyelenggaraan. Urusan ini dilakukan oleh Jabatan Kejuruteraan, Jabatan Kesihatan dan Pelesenan dan Jabatan Perancang. Pemilihan kontraktor dari senarai kontraktor yang berdaftar dengan Majlis tersebut dibuat oleh Pengarah Jabatan berkaitan dan akan diluluskan oleh Yang Di Pertua Majlis. Pemeriksaan Audit mendapati Inden Kerja yang dikeluarkan dilampirkan dengan baucar jabatan dan diluluskan oleh Ketua Jabatan.

### **39.3.4 Tender dan Sebutharga**

Pada tahun 2006, sebanyak 4 tender bernilai RM4.23 juta dan 28 sebutharga dengan nilai kerja RM2.07 juta telah diluluskan. Semakan Audit terhadap kaedah dan tatacara pelaksanaan sebutharga menemui perkara berikut:

**a) Kelayakan Kontraktor**

Majlis telah menetapkan bahawa seseorang kontraktor boleh mengambil bahagian di dalam sebarang sebutharga bekalan, perkhidmatan atau kerja dengan syarat syarikat tersebut perlu berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK), Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia dan Kementerian Kewangan dalam kod bidang berkaitan. Setelah syarat tersebut dipatuhi, syarikat pembekal akan didaftarkan dalam daftar kontraktor dan pembekal Majlis. Semakan Audit terhadap daftar pembekal yang diselenggarakan oleh Jabatan Perbendaharaan Majlis mendapati beberapa kelemahan antaranya maklumat pembekal yang berdaftar tidak dilengkapkan dengan butiran seperti nombor telefon, nombor faksimile, nilai kredit dan jenis bekalan yang disediakan.

**b) Publisiti Sebutharga**

Notis pelawaan kepada kontraktor atau pembekal untuk menyertai sebutharga dipamerkan di papan kenyataan Majlis, papan kenyataan Jabatan yang memohon sebutharga dibuat dan diedarkan kepada 5 agensi luar iaitu:

- i) Persatuan pemborong,
- ii) Jabatan Kerja Raya Daerah Kuala Langat,
- iii) Jabatan Parit Dan Saliran Daerah Kuala Langat,
- iv) Pejabat Daerah Kuala Langat dan,
- v) Laman web Majlis Daerah Kuala Langat.

Jabatan Khidmat Pengurusan bertanggungjawab menjual borang sebutharga, mencatatkan nombor siri, menerima sebutharga dan menyelenggarakan daftar berkaitan.

**c) Peti Tawaran**

Mengikut Arahan Perbendaharaan 196, dua kunci yang berbeza bagi peti tawaran hendaklah diadakan dan anak kuncinya dipegang secara berasingan oleh dua orang pegawai kanan jabatan. Pemeriksaan Audit mendapati kehendak peraturan ini dipatuhi. Dua anak kunci berbeza dipegang oleh Setiausaha Majlis dan Pembantu Tadbir Kanan Jabatan khidmat Pengurusan.

**d) Jawatankuasa Sebutharga Dan Jawatankuasa Pembuka Sebutharga**

Arahan Perbendaharaan 170(3) dan 197 menghendaki Jawatankuasa Sebut Harga dan Jawatankuasa Pembuka Sebutharga diwujudkan. Pihak Audit mendapati jawatankuasa tersebut telah diwujudkan sebagaimana kehendak peraturan yang berkuatkuasa. Pemeriksaan Audit mendapati peraturan mengenai membuka dan

mengeluarkan sebutharga/tender telah dipatuhi. Ahli Jawatankuasa Pembuka Tender/ Sebutharga yang bertanggungjawab telah melaksanakan tugas-tugas berikut:

- i) Mengkodkan dengan nombor bersiri semua dokumen sebutharga/tender yang dikemukakan oleh penyebutharga/tender.
- ii) Menandatangani secara ringkas muka surat pertama, dan semua muka surat yang mengandungi jadual kadar harga dan semua pembetulan dan pindaan yang terdapat di jadual kadar harga.
- iii) Menyediakan jadual harga dengan segera dan dipamerkan.

#### **39.3.5 Penyelenggaraan Daftar Bil**

Mengikut Arahan Perbendaharaan 103, Ketua Jabatan hendaklah menyelenggara Daftar Bil bagi merekod semua bil yang diterima bertujuan untuk memudahkan pihak Jabatan memantau pembayaran terhadap sesuatu bil supaya tidak melebihi tempoh 14 hari dari tarikh penerimaannya. Pegawai yang diberi kuasa perlu memeriksa Daftar Bil ini sekurang-kurangnya 1 bulan sekali sebagaimana yang dikehendaki oleh Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil.1 Tahun 2002. Semakan Audit mendapati Daftar Bil ada diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

**Pada pendapat Audit, kawalan perbelanjaan Majlis adalah memuaskan. Bagaimanapun, Majlis perlu memberi penekanan terhadap penyelenggaraan Buku Vot bagi memastikan ia diselenggarakan dengan sempurna.**

#### **39.4 PENGURUSAN AKAUN AMANAH DAN DEPOSIT**

Majlis menyelenggarakan 3 Kumpulanwang Amanah iaitu Kumpulanwang Pinjaman Kenderaan, Pinjaman Komputer dan Pinjaman Pendidikan. Selain itu, Majlis juga mengutip deposit antaranya adalah Deposit Sewaan, Deposit Gerai, Deposit Tender, Deposit Pelan, Deposit Dewan/Stadium, Deposit Air dan Elektrik, Deposit Sepanduk dan Cagaran. Pada akhir tahun 2006, baki akaun Kumpulanwang Pinjaman Kenderaan berjumlah RM216,577, Pinjaman Komputer berjumlah RM31,784, Pinjaman Pendidikan berjumlah RM34,043 manakala akaun deposit berjumlah RM7.96 juta. Pengauditan terhadap akaun amanah dan deposit adalah untuk menentukan sama ada ianya diuruskan mengikut maksud yang ditetapkan serta diperakaunkan dengan betul dan kemas kini. Hasil pemeriksaan Audit terhadap pengurusan akaun tersebut adalah seperti berikut:

#### **39.4.1 Akaun Kumpulan Wang Amanah**

##### **a) Pinjaman Kenderaan**

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7 Tahun 1993, menyatakan Daftar Pinjaman Kenderaan hendaklah disediakan dan disimpan oleh Ketua Jabatan. Selain itu, salinan Kad Pendaftaran Kenderaan yang telah dicop “Hak Milik Dituntut Oleh Majlis” dan Sijil Insurans Komprehensif hendaklah disimpan dalam fail individu dengan lengkap dan kemas kini. Pihak Audit mendapati daftar yang dimaksudkan telah diselenggara dengan kemas kini kecuali fail individu pinjaman tidak diuruskan dengan memuaskan. Daripada 10 fail yang disemak didapati hanya 7 fail mengandungi salinan Kad Pendaftaran Kenderaan yang dicop “Hak Milik Dituntut Oleh Majlis” manakala 6 fail mengandungi salinan Sijil Insurans Komprehensif. Selain itu didapati satu surat perjanjian pinjaman tidak dimatikan setem.

##### **b) Pinjaman Komputer**

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8 Tahun 1992 menyarankan sebuah buku daftar diselenggarakan oleh Ketua Jabatan bagi mencatatkan maklumat pembiayaan komputer kepada pegawai Majlis. Semakan Audit mendapati daftar dan fail individu disedia dan diuruskan dengan memuaskan.

#### **39.4.2 Pengurusan Deposit**

Majlis menyelenggara 9 jenis akaun deposit berjumlah RM7.96 juta pada akhir tahun 2006. Pihak Audit mendapati jumlah deposit telah meningkat sejumlah RM7.7 juta berbanding tahun 2005 berjumlah RM7.19 juta. Peningkatan jumlah deposit menunjukkan terdapat deposit yang tidak dituntut untuk satu jangka masa yang lama. Selain itu, pihak Audit juga mendapati senarai individu deposit disediakan secara manual. Pihak Majlis perlu mewujudkan satu sistem berkomputer untuk mengawal setiap akaun deposit individu terutamanya apabila melibatkan pembayaran balik wang deposit yang dituntut.

**Pada pendapat Audit, Majlis telah menyelenggara akaun amanah dengan memuaskan kecuali bagi akaun deposit ia perlu dipertingkatkan lagi dengan menggunakan sistem berkomputer.**

#### **39.5 PENGURUSAN ASET DAN INVENTORI**

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil.2 Tahun 1991, setiap perolehan harta modal, inventori dan bekalan pejabat hendaklah direkod di dalam Daftar Harta Modal, Daftar Inventori atau Daftar Bekalan Stok Pejabat. Kawalan ke atas pengurusan harta ini adalah

penting untuk menentukan harta dan inventori yang diperolehi direkod, diguna dan diselenggara dengan sempurna mengikut peraturan yang ditetapkan. Antara jenis harta yang dimiliki oleh Majlis ialah kenderaan, peralatan pejabat, perabot dan lain-lain. Pemerhatian Audit terhadap pengurusan Harta Modal di Majlis Daerah Kuala Langat adalah seperti berikut:

#### **39.5.1 Daftar Harta Modal, Daftar Inventori Dan Daftar Bekalan Pejabat**

Pembelian setiap barang yang bernilai lebih dari RM500 hendaklah direkodkan ke dalam Daftar Harta Modal, manakala barang yang bernilai kurang dari RM500 direkodkan di dalam Daftar Inventori. Pengurusan Harta Modal Majlis dibuat oleh Bahagian Pentadbiran Majlis. Semakan Audit mendapati Kad Harta Modal dan Kad Inventori ada disediakan. Bagaimanapun, tiada bukti pemeriksaan harta modal dibuat oleh pegawai bertanggungjawab. Majlis adalah disarankan supaya mematuhi Tatacara Pengurusan Stor perenggan 238 yang menghendaki pemeriksaan dibuat 2 tahun sekali. Bahagian Pentadbiran Majlis juga bertanggungjawab terhadap bekalan pejabat seperti kertas, sampul surat dan alat tulis. Majlis ada menyediakan stor berkunci untuk menempatkan bekalan pejabat. Selain dari itu, seorang Pembantu Tadbir dilantik khusus untuk menyelenggara stor tersebut. Hasil pemeriksaan fizikal dan semakan Audit terhadap Daftar Bekalan Pejabat mendapati daftar tersebut diselenggarakan dengan kemas kini.

#### **39.5.2 Pengurusan Kenderaan**

Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 1980 menggariskan tatacara berhubung dengan penggunaan kenderaan Kerajaan, penjagaan dan penyelenggaraan kenderaan, pelantikan pegawai pengangkutan, penyelenggaraan buku log, pembaikan kenderaan, tugas pemandu kenderaan serta prosedur pelupusan. Semakan Audit terhadap pengurusan kenderaan adalah seperti berikut:

##### **a) Pelantikan Pegawai Pengangkutan**

Majlis memiliki sebanyak 21 kenderaan yang terdiri daripada 5 jentera berat, sebanyak 2 Pajero, sebanyak 1 Isuzu, sebanyak 2 van, sebanyak 6 kereta dan 5 motosikal. Sebagaimana Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 tahun 1980 menyatakan, jabatan yang memiliki kenderaan melebihi 20 buah kenderaan dikehendaki melantik seorang Pegawai Pengangkutan yang mempunyai kelulusan mekanikal untuk menguruskan hal ehwal kenderaan berkenaan. Semakan Audit mendapati Majlis tidak melantik Pegawai Pengangkutan dari Jabatan Kejuruteraan sebaliknya pengurusan kenderaan diletakkan pada Jabatan Pentadbiran. Semakan Audit juga mendapati setiap kenderaan majlis telah direkodkan dalam Kad Daftar Harta Modal sebagaimana yang dikehendaki oleh pekeling tersebut. Pemeriksaan ke atas fail

kenderaan pula mendapati fail-fail dan daftar diselenggarakan dengan kemas kini dan rekod penyelenggaraan menunjukkan kenderaan telah diselenggarakan secara berkala dan mengikut keperluan. Dari aspek penyimpanan, Majlis tidak mempunyai tempat khusus untuk meletakkan kenderaan Majlis. Kenderaan Majlis diletakkan di kawasan pejabat Majlis sekiranya tidak digunakan.

**b) Buku Log Kenderaan**

Buku Log kenderaan pula perlu diselenggara dengan lengkap dan kemas kini. Ini bagi memastikan pergerakan kenderaan dapat dikawal dengan lebih berkesan dan penyelenggaraan dapat dibuat secara ekonomik. Semakan Audit terhadap Buku Log kenderaan di Bahagian Pentadbiran mendapati 4 Buku Log tidak diselenggarakan dengan kemas kini sehingga tarikh pengauditan pada bulan Mac 2007.

**c) Pelupusan Kenderaan**

Mengikut Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 12 tahun 1995, tindakan pelupusan hendaklah diambil terhadap aset yang tidak boleh digunakan lagi. Pegawai bertanggungjawab perlu memastikan pelupusan dan hapus kira dilakukan sekurang-kurangnya 2 kali setahun. Pada tahun 2006 Majlis telah membuat dua kali pelupusan yang melibatkan sebuah kenderaan pacuan 4 roda dan sebuah van. Semakan Audit terhadap fail pelupusan mendapati Majlis telah melupuskan kenderaan pacuan 4 roda jenis Isuzu yang dibeli pada tahun 1984 dan sebuah van jenis Isuzu yang dibeli pada tahun 1993. Kedua-dua kenderaan ini telah berusia melebihi 10 tahun. Pelupusan telah dibuat mengikut peraturan yang telah ditetapkan.

**Pada pendapat Audit, pengurusan harta modal, inventori dan kenderaan Majlis adalah memuaskan. Bagaimanapun, pegawai yang bertanggungjawab hendaklah membuat semakan dari semasa ke semasa dan memastikan rekod berkenaan lengkap dan kemas kini.**

### **39.6 PENGURUSAN PELABURAN**

Semakan Audit mendapati semua pelaburan Majlis dalam bentuk simpanan tetap. Pada akhir tahun 2006, Simpanan Tetap berjumlah RM16 juta berbanding RM13.5 juta pada tahun 2005. Simpanan Tetap telah menunjukkan peningkatan sebanyak RM2.5 juta. Simpanan Tetap ini dilaburkan dalam pelbagai bank yang melibatkan 6 buah bank tempatan. Sehingga akhir tahun 2006 faedah yang diterima berjumlah RM0.58 juta seperti di **Jadual 67**. Semakan Audit mendapati Majlis telah menyelenggarakan Daftar Simpanan Tetap dengan lengkap dan kemas kini.

**Jadual 67**  
**Baki Simpanan Tetap Majlis Dan Faedah Yang Diterima Pada Tahun 2006**

| Bil.          | Jenis Bank      | Jumlah Pelaburan  |                    |                     |                   | Faedah Diterima<br>2006<br>(RM Juta) |
|---------------|-----------------|-------------------|--------------------|---------------------|-------------------|--------------------------------------|
|               |                 | 2005<br>(RM Juta) | Masuk<br>(RM Juta) | Keluar<br>(RM Juta) | 2006<br>(RM Juta) |                                      |
| 1.            | Hong Leong Bank | 0.5               | 0.01               | 0.01                | 0.5               | 0.01                                 |
| 2.            | MayBank         | 3.0               | -                  | 1.0                 | 2.0               | 0.07                                 |
| 3.            | BIMB            | 4.0               | 1.0                | 1.0                 | 4.0               | 0.10                                 |
| 4.            | AmBank          | 2.0               | 4.0                | 2.0                 | 4.0               | 0.17                                 |
| 5.            | Bank Pertanian  | 2.0               | 1.0                | 1.0                 | 2.0               | 0.07                                 |
| 6.            | Bank Rakyat     | 2.0               | 3.04               | 1.54                | 3.5               | 0.16                                 |
| <b>Jumlah</b> |                 | <b>13.5</b>       | <b>9.04</b>        | <b>6.54</b>         | <b>16.0</b>       | <b>0.58</b>                          |

*Sumber: Jabatan Perbendaharaan, Majlis Daerah Kuala Langat*

**Pada pendapat Audit, Majlis telah menguruskan pelaburan dalam simpanan tetap dengan memuaskan. Daftar Simpanan Tetap telah diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.**

#### **40. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT**

Secara keseluruhannya, pengurusan kewangan Majlis Daerah Kuala Langat adalah memuaskan. Majlis perlu berusaha untuk meningkatkan pengurusan kewangan terutamanya kutipan hasil cukai. Selain itu kawalan serta pemantauan terhadap pengurusan sewaan premis perniagaan termasuk kutipan sewaan perlu diberi keutamaan supaya tunggakan hasil sewa dapat dikurangkan. Majlis juga disyorkan mengambil tindakan seperti berikut:

- a)** Menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun bagi membincangkan hal-hal pengurusan kewangan dan akaun Jabatan.
- b)** Menyelenggara dan mengemaskinikan Buku Vot mengikut peraturan yang ditetapkan.
- c)** Mewujudkan satu sistem berkomputer untuk menyelenggara akaun deposit.
- d)** Menyediakan senarai tugas yang terkini dengan mencatat nama pegawai/kakitangan, jawatan, tarikh berkuatkuasa dan ditandatangani oleh Ketua Jabatan.
- e)** Mengemaskinikan catatan cuti dalam Buku Perkhidmatan pegawai.

## **BAHAGIAN VII**

**KEDUDUKAN MASA KINI LAPORAN  
KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2005  
DAN PERKARA YANG BELUM SELESAI**

**BAHAGIAN VII**  
**KEDUDUKAN MASA KINI LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA**  
**TAHUN 2005 DAN PERKARA YANG BELUM SELESAI**

**41. KEDUDUKAN MASA KINI PERKARA YANG DIBANGKITKAN DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2005**

Bahagian ini melaporkan kedudukan masa kini perkara berbangkit dalam Laporan Ketua Audit Negara tahun 2005 dan tahun sebelumnya berkaitan pengurusan kewangan. Pemeriksaan susulan telah dijalankan di Jabatan/Agensi berkenaan bagi memastikan tindakan pembetulan diambil oleh Jabatan dan Agensi terhadap perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara tahun 2005.

**41.1 PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN NEGERI**

Pada tahun 2005, pengauditan pengurusan kewangan telah dijalankan di Pejabat Tanah Dan Galian Selangor, Pejabat Daerah Dan Tanah Klang, Pejabat Daerah Dan Tanah Sabak Bernam dan Jabatan Perkhidmatan Haiwan Negeri Selangor. Antara perkara yang dilaporkan adalah seperti berikut:

- a) Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja tidak dikemas kini.
- b) Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun tidak mengadakan mesyuarat mengikut kekerapan yang ditetapkan.
- c) Daftar Bil tidak diperiksa oleh pegawai yang bertanggungjawab.
- d) Buku Tunai dan Penyata Penyesuaian Bank tidak disediakan dengan teratur bagi Akaun Amanah.
- e) Pengurusan aset dan inventori tidak memuaskan. Daftar Harta Modal dan Inventori tidak diselenggarakan dengan kemas kini. Pemeriksaan fizikal terhadap harta modal dan inventori tidak dijalankan. Buku Log kenderaan juga tidak diselenggarakan dengan kemas kini. Selain itu, tindakan tidak diambil untuk melupuskan barang usang dan tidak ekonomi untuk dibaiki.

### **Kedudukan Masa Kini**

Jabatan/Pejabat berkenaan telah dan sedang mengambil tindakan menangani kelemahan pengurusan kewangan yang dibangkitkan. Tindakan telah dan sedang diambil untuk menyelenggara dan mengemas kini semua rekod kewangan dengan lengkap dan teratur. Kelemahan pengurusan kewangan serta langkah pembetulan telah dibincangkan semasa mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun.

## **41.2 BADAN BERKANUN NEGERI, MAJLIS AGAMA ISLAM DAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN**

### **41.2.1 Pengurusan Kewangan Majlis Sukan Negeri**

Hasil daripada pengauditan yang dijalankan, beberapa kelemahan yang dikenalpasti adalah seperti berikut:

- a) Tiada program latihan berkaitan kewangan diperuntukkan oleh Majlis kepada pegawai di Bahagian Kewangan.
- b) Majlis tidak merekodkan resit dengan segera ke buku tunai.
- c) Tiada bukti semakan dibuat bagi memastikan kutipan telah direkodkan dengan betul.
- d) Tiada pemeriksaan mengejut.
- e) Tunggakan sewa belum dikutip.
- f) Tiada bukti semakan ke buku vot.
- g) Jawatankuasa sebutharga tidak ditubuhkan.
- h) Majlis tidak menubuhkan Lembaga Pemeriksa
- i) Buku log tidak diselenggarakan.

### **Kedudukan Masa Kini**

Pihak Majlis telah menerima teguran Audit dan telah mengambil tindakan penambahbaikan dengan sewajarnya mengikut peraturan. Selain itu, Majlis juga telah menambah bilangan pegawai di Bahagian Kewangan serta menyusun semula struktur organisasi bersesuaian dengan beban tugas. Majlis juga mengemas kini program latihan dengan memberi latihan berkaitan kewangan kepada pegawai di Bahagian Kewangan.

### **41.2.2 Pengurusan Kewangan Majlis Perbandaran Sepang**

Pada tahun 2005, pengauditan pengurusan kewangan telah dijalankan di Majlis Perbandaran Sepang dan beberapa kelemahan telah diperhatikan seperti berikut:

- a) Senarai tugas bagi 15 pegawai Jabatan Perbendaharaan tidak ditandatangani oleh Ketua Jabatan.

- b) 21 buku perkhidmatan tidak dikemas kini dengan maklumat kursus yang dihadiri oleh pegawai.
- c) Tiada jawapan bertulis dikemukakan oleh jabatan yang diaudit terhadap pemerhatian dan teguran yang dibuat oleh Unit Audit Dalam Majlis.
- d) Tiada semakan dibuat oleh pegawai bertanggungjawab terhadap daftar mel.
- e) Tiada daftar pemeriksaan mengejut dan tiada pemeriksaan mengejut dibuat oleh Pengarah Jabatan Perbendaharaan atau Ketua Jabatan.
- f) Cek Tak Laku pada tahun 2005 tidak dapat disahkan dari segi bilangan dan jumlah kerana Daftar Cek Tak Laku tidak disediakan.
- g) Majlis tidak menggunakan Buku Vot standard untuk merekod peruntukan dan perbelanjaan, sebaliknya menggunakan lembaran kerja *microsoft excel*. Meskipun laporan perbelanjaan ada dicetak, tetapi tiada bukti semakan oleh pegawai bertanggungjawab.
- h) Sebanyak 10 pesanan tempatan bernilai RM113,552 dikeluarkan selepas perkhidmatan/ bekalan diterima.
- i) 10 Kad Pendaftaran Kenderaan peminjam Pinjaman Kenderaan tidak dicop "Hakmilik Dituntut Oleh Majlis".
- j) Majlis tidak mengemas kini senarai individu deposit.
- k) Pemeriksaan harta modal tidak dilakukan oleh pegawai bertanggungjawab.
- l) Majlis tidak melantik seorang Pegawai Pengangkutan secara khusus untuk menyelia rekod kenderaan dan memastikan kenderaan diselenggara mengikut jadual.

#### **Kedudukan Masa Kini**

Berdasarkan penerangan dan maklum balas dari Majlis Perbandaran Sepang, pihak pengurusan Majlis telah dan sedang mengambil tindakan terhadap perkara yang dibangkitkan.

#### **42. PERKARA YANG DIBANGKITKAN DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA YANG MASIH BELUM SELESAI**

Seperti yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara bagi tahun 2005 tindakan sewajarnya telah diambil oleh Ketua Jabatan yang berkenaan terhadap perkara yang dibangkitkan. Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri juga menyusuli perkara yang masih tertunggak dengan Ketua Jabatan dari semasa ke semasa.

## **BAHAGIAN VIII**

### **PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DI DEWAN UNDANGAN NEGERI**

**BAHAGIAN VIII**  
**PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA**  
**DI DEWAN UNDANGAN NEGERI**

**43. PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN**

Mengikut Seksyen 16(2) Akta Prosedur Kewangan 1957, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri hendaklah dibentangkan dalam Dewan Undangan Negeri dengan seberapa segera yang boleh, selepas diaudit oleh Ketua Audit Negara. Perkara 107(2) Perlembagaan Persekutuan juga menghendaki Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dibentangkan dalam Dewan Undangan Negeri. Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun 2005 telah dibentangkan dalam Dewan Undangan Negeri pada 27 November 2006.

## **BAHAGIAN IX**

**KEDUDUKAN KEMAJUAN  
MESYUARAT JAWATANKUASA  
KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI**

**BAHAGIAN IX**  
**KEDUDUKAN KEMAJUAN MESYUARAT JAWATANKUASA**  
**KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI**

**44. MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI**

Pada tahun 2006, Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri telah selesai memeriksa Laporan Ketua Audit Negara bagi Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor tahun 2004 dan sedang membincangkan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2005. Jawatankuasa juga telah bermesyuarat 4 kali pada tahun 2006 untuk membincangkan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun 2004. Selaras dengan peranan Jawatankuasa untuk memastikan wujudnya akauntabiliti awam, Jawatankuasa hendaklah membuat lawatan ke tapak projek dan anak syarikat kerajaan dan memastikan syor-syor Jawatankuasa diambil tindakan oleh Ketua-ketua Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri. Butiran ringkas perkara yang dibincangkan adalah seperti di **Jadual 68**.

**Jadual 68**  
**Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri Selangor**  
**Sepanjang Tahun 2006**

| <b>Tarikh</b> | <b>Jabatan/Agensi</b>                 | <b>Perkara</b>                                                                                                                                                                      |
|---------------|---------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 07.09.2006    | Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Langat | <b>Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2004</b><br>Pengurusan Kewangan<br>i) Kawalan Pengurusan<br>ii) Kawalan Perbelanjaan<br>iii) Kawalan Hasil<br>iv) Pengurusan Aset dan Inventori |
| 07.09.2006    | Pejabat Daerah Dan Tanah Hulu Langat  | <b>Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2004</b><br>Pengurusan Kewangan<br>i) Kawalan Pengurusan<br>ii) Kawalan Perbelanjaan<br>iii) Kawalan Hasil<br>iv) Pengurusan Aset dan Inventori |

**PENUTUP**

## **PENUTUP**

Perkara berkaitan kelemahan pengurusan kewangan yang dilaporkan perlu diberi perhatian yang sewajarnya oleh semua pihak terlibat. Langkah pembetulan perlu diambil bagi memastikan wujudnya akauntabiliti dan integriti dalam pengurusan kewangan.

Antara faktor utama yang menyebabkan wujudnya kelemahan pengurusan kewangan adalah kekurangan pegawai, ketiadaan penyeliaan yang rapi dan latihan yang bersesuaian tidak diberi kepada pegawai. Oleh itu, adalah disyorkan Pegawai Pengawal yang terlibat mengkaji semula keperluan pegawai serta peruntukan kewangannya, memantau kerja yang dilaksanakan oleh pegawai bawahan dan menyediakan prosedur kerja yang lengkap.

Memandangkan pengauditan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara adalah berdasarkan persampelan dan skop tertentu, Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengaturkan supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku di bahagian lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan.

**JABATAN AUDIT NEGARA**

**Putrajaya**

**27 Julai 2007**

**LAMPIRAN**



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
KERAJAAN NEGERI SELANGOR  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2006**

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor bagi tahun berakhir 31 Disember 2006 telah diaudit atas arahan saya mengikut peruntukan di bawah Seksyen 9(1) Akta Audit 1957.

Pada pendapat saya, Penyata Kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Selangor bagi tahun berakhir 31 Disember 2006 dan rekod perakaunannya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Sijil ini hendaklah dibaca bersama Laporan saya mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2006.

**(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)**

**Ketua Audit Negara**  
**Malaysia.**

**Putrajaya**  
**27 Julai 2007**

**Lembaran Imbangan**  
seperti pada 31 Disember 2006

| Penyata                           | Nota | 2006<br>RM            | 2005<br>RM            |
|-----------------------------------|------|-----------------------|-----------------------|
| <b>WANG AWAM</b>                  |      |                       |                       |
| <b>A WANGTUNAI</b>                | 6    | 570,542,340.96        | 415,631,733.16        |
| <b>B PELABURAN</b>                | 7    | 421,207,630.94        | 397,977,900.47        |
|                                   |      | <u>991,749,971.90</u> | <u>813,609,633.63</u> |
| <b>DIPEGANG BAGI :</b>            |      |                       |                       |
| <b>KUMPULANWANG DISATUKAN</b>     |      |                       |                       |
| <b>C AKAUN HASIL DISATUKAN</b>    | 8    | 492,986,333.95        | 420,464,744.26        |
| <b>D AKAUN PINJAMAN DISATUKAN</b> | 9    | 0.00                  | 0.00                  |
| <b>E AKAUN AMANAH DISATUKAN</b>   | 10   | 498,763,637.95        | 393,144,889.37        |
|                                   |      | <u>991,749,971.90</u> | <u>813,609,633.63</u> |

Lembaran Imbangan ini hendaklah dibaca bersama dengan penyata dan nota yang dilampirkan

  
(DATO' MOHD ARIF BIN AB. RAHMAN)  
D.S.I.S, A.M.N.  
PEGAWAI KEWANGAN NEGERI  
SELANGOR DARUL EHSAN

  
(SITI FATIMAH BT JALAL)  
BENDAHARI NEGERI  
SELANGOR DARUL EHSAN

15 MEI 2007

**Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wangtunai**  
seperti pada 31 Disember 2006

| TERIMAAN                                      |               | RM                     | RM                               |
|-----------------------------------------------|---------------|------------------------|----------------------------------|
| <b>Hasil</b>                                  |               |                        |                                  |
| Hasil Cukai                                   | Penyata C     | 452,162,208.17         |                                  |
| Hasil Bukan Cukai                             | Penyata C     | 494,723,290.58         |                                  |
| Terimaan Bukan Hasil                          | Penyata C     | <u>213,324,434.78</u>  | 1,160,209,933.53                 |
| <b>Pinjaman</b>                               |               |                        |                                  |
| Pinjaman Dalam Negeri                         |               | 0.00                   |                                  |
| Pinjaman Luar Negeri                          |               | <u>0.00</u>            | 0.00                             |
| <b>Terimaan Modal</b>                         |               |                        |                                  |
| Terimaan Balik Pinjaman                       |               | 0.00                   |                                  |
| Jualan Aset Modal                             | Penyata E1a/d | 4,885.09               |                                  |
| Pelbagai Terimaan Modal                       | Penyata E1a/d | <u>7,180,972.00</u>    | 7,185,857.09                     |
| <b>Lain-Lain Terimaan</b>                     |               |                        |                                  |
| Terimaan Amanah                               | Penyata E/E1  | 79,392,604.31          | 79,392,604.31                    |
| <b>Jumlah Terimaan</b>                        |               |                        | <u><b>1,246,788,394.93</b></u>   |
| <b>BAYARAN</b>                                |               |                        |                                  |
| <b>Perbelanjaan Mengurus</b>                  |               |                        |                                  |
| Emolumen                                      | Penyata C     | (171,864,804.38)       |                                  |
| Perkhidmatan Dan Bekalan                      | Penyata C     | (253,697,446.46)       |                                  |
| Aset                                          | Penyata C     | (13,737,371.82)        |                                  |
| Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap            | Penyata C     | (98,289,979.93)        |                                  |
| Perbelanjaan Lain                             | Penyata C     | <u>(10,098,741.25)</u> | (547,688,343.84)                 |
| <b>Perbelanjaan Pembangunan</b>               |               |                        |                                  |
| Langsung                                      | Penyata E1    | (465,189,443.29)       |                                  |
| Pinjaman                                      |               |                        | (465,189,443.29)                 |
| <b>Perbelanjaan Modal</b>                     |               |                        |                                  |
| Pembelian Instrumen Kewangan                  | Penyata B     | <u>(79,000,000.00)</u> | (79,000,000.00)                  |
| <b>Bayaran Balik Pinjaman</b>                 |               |                        |                                  |
| Pinjaman Dalam Negeri                         |               | 0.00                   |                                  |
| Pinjaman Luar Negeri                          |               | <u>0.00</u>            | 0.00                             |
| <b>Lain-Lain Bayaran</b>                      |               |                        |                                  |
| Bayaran Amanah                                | Penyata E/E1  | <u>0.00</u>            | 0.00                             |
| <b>Jumlah Bayaran</b>                         |               |                        | <u><b>(1,091,877,787.13)</b></u> |
| Tambahan / (Kurangan) Wangtunai               |               |                        | 154,910,607.80                   |
| Wangtunai Pada 01 Januari 2006                |               |                        | <u>415,631,733.16</u>            |
| <b>JUMLAH WANGTUNAI PADA 31 DISEMBER 2006</b> |               |                        | <u><b>570,542,340.96</b></u>     |


(DATO' MOHD ARIF BIN AB. RAHMAN)  
D.S.J.S., A.M.N.  
PEGAWAI KEWANGAN NEGERI  
SELANGOR DARUL EHSAN  
15 MEI 2007

(SITI FATIMAH BT JALAL)  
BENDAHARI NEGERI  
SELANGOR DARUL EHSAN

**Penyata Akaun Memorandum**  
seperti pada 31 Disember 2006

| <i>Penyata</i>                    | <i>Nota</i> | <i>2006<br/>RM</i>      | <i>2005<br/>RM</i>      |
|-----------------------------------|-------------|-------------------------|-------------------------|
| <b>F ASET</b>                     |             |                         |                         |
| <b>F1 Pinjaman Boleh Dituntut</b> | 12a         | 450,676,692.01          | 402,638,540.15          |
| <b>F2 Pelaburan</b>               | 12b         | 211,555,001.82          | 211,549,214.86          |
| <b>F3 Tunggakan Hasil Negeri</b>  | 12c         | 802,776,489.81          | 578,588,448.13          |
| <b>JUMLAH ASET</b>                |             | <b>1,465,008,183.64</b> | <b>1,192,776,203.14</b> |
| <b>LIABILITI</b>                  |             |                         |                         |
| <b>G Hutang Awam</b>              | 13a         | 1,040,511,918.96        | 1,041,298,228.86        |
| <b>JUMLAH LIABILITI</b>           |             | <b>1,040,511,918.96</b> | <b>1,041,298,228.86</b> |

*Penyata Akaun Memorandum ini hendaklah dibaca bersama dengan Penyata dan nota yang dilampirkan*

  
(DATO' MOHD ARIF BIN AB. RAHMAN)  
D.S.I.S, A.M.N.  
PEGAWAI KEWANGAN NEGERI  
SELANGOR DARUL EHSAN

15 MEI 2007

  
(SITI FATIMAH BT JALAL)  
BENDAHARI NEGERI  
SELANGOR DARUL EHSAN

**NOTA KEPADA AKAUN AWAM NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN**

**Bagi tahun berakhir 31 Disember 2006**

(Nota ini merupakan sebahagian daripada Akaun Awam dan perlu dibaca bersampingan dengannya)

---

**DASAR DAN KAEDAH PERAKAUNAN YANG PENTING**

**1. Dasar dan Asas Perakaunan**

- a) Dasar Perakaunan adalah tertakluk kepada undang-undang, aturan dan peraturan yang berkaitan dengan pengurusan perakaunan dan kewangan Kerajaan Negeri.
- b) Akaun Awam disediakan berasaskan **tunai ubahsuai**. Asas ini membenarkan bayaran dibuat dalam bulan Januari (Akaun Kena Bayar) bagi bekalan dan perkhidmatan yang diterima sehingga 31 Disember tahun sebelumnya untuk dikenakan kepada akaun tahun itu.

**2. Kaedah Perakaunan**

Dasar perakaunan Kerajaan Negeri adalah berasaskan dua konsep seperti terkandung di dalam Perlembagaan Persekutuan, iaitu:-

- a) Konsep Kumpulanwang Disatukan yang berpunca dari segala hasil atau wang yang didapatkan atau diterima kecuali Zakat, Fitrah, Baitulmal atau hasil agama Islam yang seumpamanya dibayarmasuk ke dalam Kumpulanwang yang dinamakan Kumpulanwang Disatukan (Fasal 97 Perlembagaan Persekutuan); dan
- b) Konsep bahawa tiada wang kecuali perbelanjaan tanggungan tertentu, boleh dikeluarkan dari Kumpulanwang Disatukan melainkan diperuntukkan atau dibenarkan dengan cara lain oleh Dewan Undangan Negeri (Fasal 104 Perlembagaan Persekutuan).

Dewan Undangan Negeri memberi kuasa melakukan pembayaran dari Kumpulanwang Disatukan Negeri melalui Enakmen Perbekalan tahunan dan tambahan serta Undang-Undang lain. Kuasa berbelanja yang dibenarkan melalui Enakmen Perbekalan adalah untuk maksud dan amaun yang ditetapkan dan kuasa berbelanja yang tidak digunakan akan luput pada akhir tahun. Kuasa berbelanja yang dibenarkan melalui undang-undang lain untuk maksud dan amaun yang tertentu bagi tempoh masa seperti yang ditetapkan tidak akan luput pada akhir tahun ia diberi.

**3. Kumpulanwang Yang Disatukan**

Mengikut kehendak Seksyen 7 Akta Prosedur Kewangan 1957 (Disemak 1972) , terdapat tiga akaun berasingan yang diselenggarakan di bawah Kumpulanwang Yang Disatukan iaitu:-

- a) Akaun Hasil Disatukan (Penyata C), yang mana segala hasil negeri yang diterima dan perbelanjaan mengurus yang terlibat dikenakan kepada akaun ini;
- b) Akaun Pinjaman Disatukan (Penyata D), yang mana mengakaunkan semua terimaan pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan dan pembayaran yang dibuat kepada Badan-Badan Berkanun Negeri termasuk pindahan kepada Kumpulanwang Pembangunan Negeri atau Kumpulanwang yang lain ke akaun ini; dan
- c) Akaun Amanah Disatukan (Penyata E), yang mana segala terimaan dan bayaran Kumpulanwang Amanah Kerajaan Negeri, deposit dan pelbagai Kumpulanwang Amanah untuk maksud tertentu diakaunkan.

**4. Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan Sebagai Entiti Perakaunan**

Sebagai Entiti Perakaunan, Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan adalah termasuk semua jabatan Kerajaan Negeri **tetapi tidak termasuk** Badan-Badan Berkanun, Pihak Berkuasa Kerajaan Tempatan dan Syarikat Milik Kerajaan Negeri.

**5. Tahun Kewangan**

Tahun kewangan ditetapkan oleh Akta Prosedur Kewangan 1957 (Disemak 1972) sebagai suatu tempoh dua belas bulan yang berakhir pada 31 Disember setiap tahun.

**LEMBARAN IMBANGAN**

**6. Wangtunai - Penyata A**

- a) Wangtunai adalah terdiri daripada Wangtunai Dalam Tangan, Wang Tunai Dalam Perjalanan dan Wang Tunai Dalam Bank.
- b) Wang Tunai Dalam Bank menunjukkan kedudukan baki buku tunai setelah mengambilkira urusaniaga yang belum disesuaikan seperti yang dilaporkan dalam Penyata Penyesuaian Bank. Baki wangtunai dalam bank seperti pada 31 Disember 2006 berjumlah RM565,465,658.68

**7. Pelaburan – Penyata B**

Pelaburan yang dilaporkan dalam Lembaran Imbangan terdiri dari lebih terkumpul bagi ketiga-tiga akaun Kumpulanwang Yang Disatukan. Pelaburan diambilkira pada nilai buku. Pelaburan yang dikenakan kepada perbelanjaan mengurus pula ditunjukkan dalam Penyata Akaun Memorandum.

**8. Akaun Hasil Disatukan**

**a) Hasil – Penyata C1**

Kutipan hasil diakaunkan mengikut asas tunai dengan mengambil kira jumlah kasar ke dalam Akaun Hasil kecuali diuntukkan sebaliknya oleh mana-mana undang-undang. Hasil yang patut diterima tetapi sebenarnya belum diterima dalam tahun kewangan berkenaan tidak diakaunkan. Bayaran balik hasil yang dilakukan mengikut mana-mana undang-undang dikenakan sebagai perbelanjaan.

**b) Perbelanjaan Mengurus – Penyata C2**

Semua kenaan kepada peruntukan belanjawan bagi barang-barang dan perkhidmatan serta bayaran pindahan seperti caruman kepada Kumpulanwang Pembangunan serta wang yang diuntukkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan, Badan-badan Berkanun dan Syarikat Milik Kerajaan melalui pemberian dianggap sebagai perbelanjaan (Penyata C2).

Terimaan balik bayaran lebih yang dilakukan dalam tahun kewangan yang sama dikreditkan kepada butir perbelanjaan dari mana bayaran asalnya dibuat, manakala yang berkaitan dengan perbelanjaan tahun-tahun lepas dikreditkan kepada akaun hasil.

Perbelanjaan tanggungan terdiri dari perbelanjaan yang wajib dikenakan ke atas Kumpulanwang Yang Disatukan mengikut mana-mana undang-undang Negeri yang telah ditentukan. Perbelanjaan ini termasuklah bayaran pencen, pampasan, ganjaran, perbelanjaan hutang dan gantirugi atau bayaran atas perintah mahkamah. Walaupun peruntukan bagi menampung perbelanjaan tanggungan disertakan dalam anggaran yang dikemukakan di Dewan Undangan Negeri ianya tidak termasuk dalam Enakmen-Enakmen Perbekalan kerana perbelanjaan tanggungan telah terdahulunya dibenarkan oleh Undang-Undang Persekutuan.

**9. Akaun Pinjaman Disatukan - Penyata D**

Pinjaman yang diterima oleh Kerajaan Negeri daripada Kerajaan Persekutuan di bawah kuasa Undang-Undang Negeri dan pembayaran yang berkaitan diakaunkan dalam Akaun Pinjaman (Penyata D). Perbelanjaan daripada akaun ini adalah terdiri daripada bayaran balik atau pinjaman balik kepada Penguasa-Penguasa Tempatan dan Badan-Badan Berkanun serta pindahan kepada Kumpulanwang Pembangunan untuk tujuan perbelanjaan pembangunan.

**10. Akaun Amanah Yang Disatukan – Penyata E**

**a) Kumpulanwang Pembangunan - Penyata E1a**

Kumpulanwang Pembangunan Negeri yang ditubuhkan mengikut Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, diakaunkan dalam Akaun Amanah Disatukan (Penyata E). Terimaan Kumpulanwang ini terdiri dari pinjaman yang diberi oleh Kerajaan Persekutuan bagi maksud pembangunan, caruman dari Akaun Hasil Disatukan, pemberian Persekutuan (Geran), terimaan bayaran balik pokok pinjaman oleh agensi-agensi Kerajaan Negeri, pemberian imbuhanbalik projek-projek tertentu oleh Kerajaan Persekutuan dan pelbagai terimaan. Wang dalam kumpulanwang ini hanya boleh dibelanjakan untuk maksud-maksud seperti yang ditentukan dalam Akta Kumpulanwang Pembangunan dan diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri.

**b) Kumpulanwang Pinjaman Perumahan – Penyata E1b**

Kumpulawang Pinjaman Perumahan ditubuhkan di bawah Akta Kumpulanwang Pinjaman Perumahan 1971 bagi memberi kemudahan pinjaman perumahan kepada anggota perkhidmatan awam negeri dan Ahli Pentadbiran Kerajaan Negeri. Sumber kewangan Kumpulanwang ini terdiri daripada peruntukan Akaun Hasil Disatukan dan Kumpulan Wang Pembangunan, pinjaman yang diterima melalui pindahan Akaun Pinjaman, bayaran balik pinjaman perumahan dan faedah yang diterima.

**c) Pelbagai Kumpulanwang Amanah Kerajaan – Penyata E1c**

Kumpulanwang Amanah Kerajaan (Penyata E1c) ditubuhkan di bawah Seksyen 10 Akta Prosedur Kewangan 1957 (Disemak 1972) bagi maksud tertentu selaras dengan Perlembagaan Persekutuan. Kumpulanwang ini bercorak kumpulanwang pusingan.

**d) Kumpulanwang Pembangunan Hutan – Penyata E1d**

Kumpulanwang ini ditubuhkan di bawah Akta Perhutanan Negara. Terimaan Kumpulanwang ini terdiri daripada pinjaman yang diterima dari Kerajaan Persekutuan, Caruman Dari Akaun Hasil Yang Disatukan Negeri dan Ses Pembangunan Hutan.

**e) Kumpulanwang Amanah Awam – Penyata E2**

Kumpulanwang Amanah Awam (Penyata E2) yang ditubuhkan di bawah Seksyen 9 Akta Prosedur Kewangan 1957 (Disemak 1972) terdiri dari kumpulanwang khas yang diamanahkan kepada Kerajaan Negeri dan wang amanah yang diterima bagi maksud tertentu.

**f) Deposit – Penyata E3**

Akaun Amanah bagi Deposit (Penyata E3) mengakaunkan wang yang diterima khusus bagi sesuatu maksud di bawah mana-mana undang-undang atau mengikut perjanjian.

**g) Akaun Kena Bayar**

Baki Akaun Kena Bayar merupakan jumlah terhutang kepada pembekal barang-barang dan perkhidmatan yang diperolehi oleh Kerajaan Negeri bagi suatu tahun kewangan berkenaan tetapi bayarannya dibuat dalam bulan Januari tahun berikutnya.

**PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANGTUNAI**

**11. Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai**

Semua penerimaan dan pembayaran wangtunai ditunjukkan dalam penyata ini. Terimaan wangtunai terdiri daripada terimaan hasil, pinjaman, modal dan lain-lain terimaan. Bayaran wangtunai terdiri daripada bayaran semua perbelanjaan mengurus pembangunan, bayaran balik pinjaman dan lain-lain bayaran,

**AKAUN MEMORANDUM**

Akaun Memorandum mengakaunkan aset dan tanggungan Kerajaan Negeri yang bukan merupakan sebahagian dari baki Kumpulanwang Yang Disatukan. Ia tidak termasuk di dalam Lembaran Imbangan tetapi disertakan berasingan sebagai Penyata Akaun Memorandum. Penyata Akaun Memorandum yang dilaporkan dalam Akaun Awam terdiri dari penyata yang berkaitan dengan ASET iaitu Pelaburan (yang dikenakan kepada perbelanjaan mengurus), Pinjaman Boleh Dituntut (Penyata F1), Penyata Tunggakan Hasil (Penyata F3) dan Perbelanjaan Boleh Dituntut Balik. Manakala TANGGUNGAN pula meliputi Hutang Kerajaan Negeri (Penyata G).

**12. Aset – Penyata F**

Aset tetap dikenakan kepada perbelanjaan pada masa ianya dibeli atau dibina. Tuntutan kewangan oleh Kerajaan Negeri seperti hasil terakru dan pinjaman boleh tuntutan tidak dilaporkan dalam Lembaran Imbangan. Walau bagaimanapun, penyata pinjaman boleh tuntutan (Penyata F1), pelaburan yang dikenakan kepada perbelanjaan mengurus (Penyata F2) dan penyata tunggakan hasil (Penyata F3) di tunjukkan dalam Akaun Memorandum.

**a) Pinjaman Boleh Tuntut – Penyata F1**

Akaun ini menunjukkan baki hutang Badan-badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri dengan Kerajaan Negeri yang mana pinjaman tersebut dibiayai oleh sumber Negeri dan sumber Persekutuan .

**b) Pelaburan – Penyata F2**

Maklumat terkumpul pelaburan Kerajaan Negeri dalam Badan-badan Berkanun, syarikat dan agensi-agensi lain yang dikenakan kepada perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan dilaporkan dalam penyata ini.

**c) Penyata Tunggakan Hasil – Penyata F3**

Maklumat terkumpul tunggakan hasil Kerajaan Negeri yang belum dapat dikutip oleh Jabatan-jabatan Kerajaan Negeri termasuk lain-lain terimaan yang sepatutnya diterima oleh Kerajaan negeri.

Tunggakan hasil Kerajaan Negeri bagi tahun 2006 meliputi **semua** tunggakan hasil yang belum diterima oleh Kerajaan Negeri.

**13. Tanggungan – Penyata G**

Tanggungan Kerajaan Negeri yang belum diselesaikan pada penutup tahun kewangan tidak dilaporkan dalam Lembaran Imbangan. Walau bagaimanapun, penyata mengenai hutang Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan (Penyata G) ditunjukkan dalam Akaun Memorandum.

**a) Hutang Awam - Penyata G1**

Akaun ini menunjukkan baki hutang yang terdiri dari semua pinjaman yang diambil oleh Kerajaan Negeri daripada Kerajaan Persekutuan dan punca kewangan lain yang masih belum diselesaikan untuk membiayai projek-projek pembangunan negeri, Badan-badan Berkanun dan projek Perumahan Awam Kos Rendah.

Baki pinjaman bagi Projek Bekalan Air Selangor telah diambil oleh Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (SYABAS) melalui Perjanjian Konsesi Penswastan Bekalan Air bertarikh 15 Disember 2004 di mana bayaran balik akan dibuat mulai tahun 2010 hingga 2033 oleh pihak SYABAS kepada Kerajaan Persekutuan dan Negeri.

**14. Persembahan Penyata Kewangan dan Angka Perbandingan**

Persembahan Penyata Kewangan Kerajaan tahun 2006 adalah mengikut format Piawaian Perakaunan Kerajaan (PPK 2) yang berkuatkuasa mulai tahun 2005.